

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Al-Quran & Al-Sunnah

Islam adalah agama yang mampu mendepani segala cabaran di sepanjang zaman. Sumber utamanya, iaitu al-Quran dan al-Sunnah senantiasa relevan dan mampu menjawab segala permasalahan dan isu-isu yang melanda umat manusia di setiap zaman dan tempat. Kemukjizatan al-Quran dan kesahihan al-Sunnah terus mampan memberikan jawapan kepada persoalan-persoalan yang timbul di dalam masyarakat. Bahkan tidak ada sesiapa yang mampu menyanggah dan mempertikaikannya.

Buku ini merupakan gabungan beberapa artikel dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah. Ia memfokuskan kepada beberapa isu kontemporari yang dirangkumkan daripada usul agama iaitu akidah, syariah dan akhlak. Penulisan ini disediakan sebagai rujukan bagi pelajar-pelajar universiti, penyelidik, pensyarah serta sebagai bacaan ilmiah untuk masyarakat awam. Ia memberikan pendedahan tentang pelbagai isu kontemporari yang dilihat dari sudut al-Quran dan al-Sunnah serta solusinya menerusi kedua-duanya. Lontaran idea dan kajian ilmiah dalam buku ini merupakan satu inovasi baru dalam dunia keilmuan seterusnya memberikan sumbangan kepada korpus ilmu terutama dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah.

Semoga penerbitan buku ini dapat berfungsi sebagai wadah dalam mencetuskan idea kesedaran, inspirasi serta dapat memberikan sumbangan yang positif dalam dunia akademik khususnya dalam membicarakan isu-isu kontemporari dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah.



KOLEJ UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR
الجامعة الإسلامية العالمية الشاملة سلاغور
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

FACULTY OF ISLAMIC AND CIVILIZATION STUDIES
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE SELANGOR

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM
PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

2020

ISU-ISU
Kontemporari
DALAM PENGAJIAN
Al-Quran & Al-Sunnah

PENYUNTING:

ABDUL MUKTI BAHRUDIN
MOHD HASBIE AL SHIDDIEQUE AHMAD
ZAIIDUL AMIN SUFFIAN AHMAD
WAN FAKHRUL RAZI WAN MOHAMAD

**ISU-ISU KONTEMPORARI
DALAM PENGAJIAN
AL-QURAN DAN AL-SUNNAH**

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

PENYUNTING

ABDUL MUKTI BAHARUDIN
MOHD HASBIE AL SHIDDIEQUE BIN AHMAD
ZAIDUL AMIN SUFFIAN AHMAD
WAN FAKHRUL RAZI BIN WAN MOHAMAD

PENERBIT FPPI

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
2020

Cetakan Pertama / First Printing, 2020

Hak Cipta/Copyright Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS, 2020

Hak cipta terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh digunakan semula, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk, atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Penerbit FPPI terlebih dahulu.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical including photocopy, recording or any information storage and retrieval system, without permission in writing from Penerbit FPPI.

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*
PENERBIT FAKULTI PENGAJIAN PERADABAN ISLAM (FPPI)
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan
<http://inhad.kuis.edu.my/>
03-8911700 ext: 7167

Dicetak di Malaysia/*Printed in Malaysia by*

Corner Resources
No. 20, Jalan Hentian 3, Pusat Hentian Kajang,
Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor.

Perpustakaan Negara Malaysia
Cataloguing-in-Publication Data

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan /

ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH
/ Abdul Mukti Baharudin, Mohd Hasbie Al Shiddieque Ahmad, Zaidul Amin Suffian Ahmad, Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad.

1. *Islam.* 2. *Kontemporari.* 3. *Islamic law.* I. Judul.

eISBN 978-967-2122-99-9

SEKAPUR SIRIH

Segala pujian dan setinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT, Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Ahli Keluarga Baginda dan Para sahabat.

Gelombang globalisasi berkembang dengan begitu pesat sekali. Arus dan ledakan Revolusi Industri IR 4.0 telah menghasilkan daya penggerak yang membentuk hala tuju baru dunia yang tidak mampu diramal. Melahirkan beberapa *trend* baru seperti globalisasi mobiliti, kolaborasi, evolusi dalam pembelajaran dan pengajaran serta penggunaan teknologi yang maksima.

Dalam era IR 4.0 menjadikan dinamika dakwah semakin hebat dengan pelbagai hujahan dan tujuan yang boleh menggugat keharmonian Islam. Maka komitmen dan konsistensi amat diperlukan dalam menangani isu ini. Lantaran itu semangat peduli ummah mestilah sentiasa segar dalam jiwa setiap individu muslim.

Bertepatan dengan objektif penganjuran International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2020) iaitu membicarakan isu-isu berkaitan pengajian Islam secara teoritis dan praktikal. Penyelesaian kepada isu-isu kontemporari bidang pengajian Islam dalam suasana semasa masyarakat bertambah kompleks menjadikan kita mesti sentiasa bersedia mendepani isu-isu Islam kotemporari sebagai *nucleus* di dalam usaha pencerahan dan pencerdasan masyarakat secara total.

Sehubungan dengan itu, saya merakamkan ucapan tahniah kepada Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dengan kerjasama KUISCELL yang telah mengambil inisiatif menganjurkan IConICS 2020 dengan tema *Islamic Studies and Industrial Revolution 4.0: Challenges and Prospects*.

Saya juga merakam ucapan tahniah kepada Rektor KUIS YBhg Prof. Dato' Dr. Ab. Halim Bin Tamuri di atas sambutan 25 tahun Jubli Perak KUIS untuk meneruskan langkah yang dinamik bagi merekayasa keilmuan dan tradisi keintelektualan di dalam pembinaan generasi berilmu dan membentuk ketamadunan Ummah.

Diharapkan dengan penerbitan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Al-Quran dan Al-Sunnah* dapat menjadi satu wadah diskusi yang sangat signifikan bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat terhadap isu-isu kontemporari dalam bidang pengajian Islam. Semoga usaha yang nirmala ini akan menjadi peneraju tradisi ilmu dalam usaha memberikan pencerahan dan informasi demi memperkasa usaha dakwah di jalan Allah SWT.

Tahniah KUIS.

YB USTAZ AHMAD MARZUK BIN SHAARY
Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri
(Hal Ehwal Agama)

SEULAS BICARA

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberi sebaik-baik nikmat berupa iman dan Islam. Selawat dan doa keselamatan terlimpahkan selalu kepada Nabi agung Muhammad SAW beserta keluarga dan para sahabat baginda semuanya.

Alhamdulillah, pada tahun ini Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) menyambut 25 Tahun Jubli Perak (1995-2020). Menyelusuri perjalanan selama 25 tahun di persada dunia pendidikan negara dengan matlamat memartabatkan Institusi Pengajian Tinggi Islam di dalam melaksanakan tanggungjawab pendidikan ummah.

Prakarsa penyediaan lanskap pengajian akademik yang kontemporari berteraskan tauhid memenuhi keperluan semasa seiring dengan “*niche*” Islam adalah menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara serta pembangunan kurikulum dan kokurikulum berteraskan Ilmu Naqli (*revealed knowledge*) dan Aqli (*acquired knowledge*).

Berpaksikan motto Peneraju Tradisi Ilmu dengan tagline Di Sini Lahirnya Dai’ Ulama dan Umara, maka KUIS terus bergerak memacu kecemerlangan secara agresif dan proaktif dalam menuju sebuah universiti berkualiti dan melahirkan mahasiswa berakhlek dan berintegriti, berdaya saing dan kompetitif dalam dunia globalisasi.

Ucapan syabas dan tahniah kepada YBhg Dr. Md Noor Bin Hussin, Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), KUIS serta Jawatankuasa Penganjur International Conference on Islamic Civilizational Studies (IConICS 2020) yang terus berusaha dengan sepenuh jiwa mendokong KUIS meneruskan jihad pendidikan bagi menggalas tanggungjawab ummah.

Semoga Allah SWT sentiasa merahmati dan memberkati KUIS dan seluruh warga serta individu yang bersama dalam menjayakan jihad pendidikan. Amin.

YBHG PROF. DATO' DR. AB HALIM BIN TAMURI

Rektor

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

KATA ALU-ALUAN

Alhamdulillah, syukur pada Allah SWT atas penerbitan buku *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Al-Quran dan al-Sunnah* oleh Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun 2020.

Syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dengan penerbitan buku ini, samada sebagai penerbit, penyunting, editor dan penyumbang artikel. Ucapan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan untuk saya menukarkan sepatuh dua kata dalam buku ini bagi mewakili pihak Pengurusan Fakulti.

Sebagaimana anda sedia maklum, Islam merupakan agama yang bertujuan untuk mengatur kehidupan manusia (*way of life*) dalam setiap dimensi kehidupan dan peredaran zaman. Islam menjadi instrumen yang sangat penting dalam pembangunan ummah dan pendidikan khususnya era revolusi industri pada hari ini. Islam yang bersifat dengan kesempurnaan dan kesejagatannya sangat relevan dalam menghadapi arus pemodenan dan kepesatann teknologi dalam pelbagai dimensi kegiatan manusia termasuk dalam aspek pendidikan.

Terdapat pelbagai isu-isu kontemporari dalam dunia pendidikan Islam pada hari ini khususnya yang berkaitan dengan keberkesanannya dalam aspek penguasaan dan penghayatan ilmu, di samping kaedah dan pendekatan semasa dalam penyampaian dan penerapan ilmu di kalangan pelajar dalam keadaan pengaruh teknologi sangat memberi kesan kepada mereka. Selain itu, isu-isu seperti pemisahan antara ilmu aqli dan naqli, proses pengajaran yang berkonsep *knowledge transfer* tanpa elemen pendidikan (*tarbiyah*) dan lain-lain juga perlu diberikan perhatian serius.

Sehubungan itu, pemahaman dan penghayatan sebenar nilai-nilai Islam dalam aspek pendidikan diyakini mampu untuk menangani isu-isu kontemporari yang timbul dalam menterjemahkan maksud sebenar pendidikan dalam Islam. Antara solusi yang terpenting ialah pengintegrasian pelbagai disiplin ilmu semasa dengan ilmu-ilmu turath yang berteraskan kepada kefahaman yang jelas terhadap al-Quran dan al-Sunnah. Kepelbagaiannya teknologi baharu yang mencorakkan lanskap kehidupan moden perlu dikuasi di samping asas-asas penting aqidah, fiqh, akhlak dan sebagainya. Saidina Ali RA berpesan:

“Didiklah (persiapkanlah) anak-anakmu atas hal yang berbeda dengan keadaanmu (sekarang) karena mereka adalah manusia yang hidup untuk satu zaman yang bukan zamanmu (sekarang)”

Sekian, Salam hormat.

DR. MD NOOR BIN HUSSIN

Dekan,

Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI)

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PRAKATA

Bismillahirrahmanirrahim.

Dengan nama Allah SWT Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas insan paling sempurna, Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabat RA yang telah dipayungi lembayung keredaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.

Budaya menimba ilmu, berfikir, menyelidik, dan menyebarkannya merupakan tanggungjawab seorang akademia yang harus dipraktikkan dalam memperkasakan dunia pengajian Islam seiring revolusi industri 4.0 yang kini rancak berlangsung dalam dunia global *Internet of Things* (IOT) atau internet kebendaan dalam hampir semua aspek kehidupan seharian melibatkan penggunaan teknologi digital dengan manusia dan sistem fizikal yang lain.

Bidang pengajian Islam diyakini akan terus relevan dalam mendepani isu-isu kontemporari. Penyelidikan yang berterusan merupakan platform terbaik oleh para akademia dalam mencari solusi tentang permasalahan isu-isu semasa menurut pendekata al-Quran dan al-Sunnah dan menyebar luas serta berkongsi dapatan kajian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Pendek kata, umat Islam harus berpatisipasi dan kehadapan dalam mendepani cabaran RI 4.0 agar dapat melestarikan pengajian Islam dalam dunia global.

Alhamdulillah, syabas dan tahniah kami rakamkan kepada para penyumbang artikel atas usaha murni dalam menerbitkan buku *ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH* terbitan Fakulti Pengajian Peradaban Islam (FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada tahun ini. Naskah ilmiah ini merupakan koleksi percambahan idea autentik para akademia dalam usaha menambah publikasi korpus pengajian Islam.

Semoga penerbitan buku ini akan memberi impak yang sangat besar dalam memberi nilai tambah kepada khazanah penyelidikan negara berteraskan pengajian Islam, khususnya dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah. Buku ini juga diharap mampu memberi pendedahan kepada para pembaca untuk memaknai penyelidikan yang telah dilaksanakan sesuai dengan teori dan kemahiran yang dipelajari serta inovasi yang dihasilkan.

Sekian, selamat membaca.

**ABDUL MUKTI BAHARUDIN
MOHD HASBIE AL SHIDDIEQUE BIN AHMAD
ZAIIDUL AMIN SUFFIAN AHMAD
WAN FAKHRUL RAZI BIN WAN MOHAMAD**
Penyunting

KANDUNGAN

	Halaman
SEKAPUR SIRIH	iv
SEULAS BICARA	v
KATA ALU-ALUAN	vi
PRAKATA	vii
KANDUNGAN	viii
PENDAHULUAN	x
BAB 1 <i>TEORI UMUM MUSLIMAH MITHALI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN</i>	12-22
Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Abdul Hadi Awang, Siti Namira Samsol	
BAB 2 <i>AL-NUSRAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP SURAH AT-TAUBAH</i>	23-33
Abdul Mukti Baharudin	
BAB 3 <i>DADAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN</i>	34-41
Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Norsaleha Saleh, Abdul Hadi Awang, Suriani Sudi & Syamim Zakwan Rosman	
BAB 4 <i>PEDOFILIA: PERINGATAN AL-QURAN KEPADA IBUBAPA</i>	42-50
Abur Hamdi Usman, Rosni Wazir, Syarul Azman Shaharuddin, Norsaleha Mohd Salleh, Mohd Norzi Nasir & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin	
BAB 5 <i>MEMAHAMI ASBAB AL-NUZUL: SOROTAN DARI ASPEK FAEDAH DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN</i>	51-58
Khairunnisa Ismail	
BAB 6 <i>TOKOH QURRA NUSANTARA SHEIKH MUHAMMAD MAHFUZ AL-TURMUSIY</i>	59-69
Mohd Hasbie Al-Shiddieque Bin Ahmad, Khairul Anuar bin Muhammad & Nik Mohd Nabil Bin Ibrahim @ Nik Hanafi	
BAB 7 <i>METODOLOGI PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI PONDOK KIYAI HAJI SOHALI SOLIHIN (KHSS), MERLONG, RENGIT, BATU PAHAT JOHOR</i>	70-77
Mohammad Haziq Bin Mohd Isnin & Abdul Hafiz Bin Abdullah	
BAB 8 <i>PENCEGAHAN PEMBENTUKAN DADAH SPIRITAL MENERUSI INDIVIDU</i>	78-87

MENURUT HADIS

Suriani Sudi, Rosni Wazir, Norsaleha Mohd Salleh, Abur Hamdi Usman, Abdul Hadi

BAB 9	<i>KONSEP DOA MENURUT IMAM AL-NAWAWI DALAM KITAB RIYAD AL-SALIHIN</i>	88-96
	Abdul Hadi Bin Awang, Wan Fakhrul Razi Bin Wan Mohamad, Nor Aklima Shahida Binti Mohamad	
BAB 10	<i>KEFAHAMAN KAKITANGAN INSTITUSI PERBANKAN BERKENaan AMANAH DALAM HADIS: SATU ANALISIS</i>	97-109
	Hamzah Bin Omar, Nik Farhan Binti Mustapha, Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib, Farah 'Adilah Binti Mohd Nor	
BAB 11	<i>HADIS-HADIS MOTIVASI KEKELUARGAAN DALAM RIYADUSSOLIHIN</i>	110-119
	Mohd Asri Bin Ishak, Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani & Wan Ramzah Binti Hasan	
BAB 12	<i>ANALISIS HADIS-HADIS NABI SAW DALAM PROGRAM SEMANIS KURMA</i>	120-133
	Wan Ramizah Binti Hasan, Mohd Asri Bin Ishak, Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani, Muhammad Fadhli Bin Musa	
BAB 13	<i>KESALAHAN PENGGUNAAN KAEDAH RIWĀYAT BI AL-MA'NA DALAM PERIWAYATAN HADIS: ANALISIS TERHADAP CERAMAH MOTIVASI DI MALAYSIA</i>	134-143
	Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani, Mohd Asri Bin Ishak, Wan Ramizah Binti Hasan, Muhammad Fadhli Bin Musa	
BAB 14	<i>METODE PEMBELAJARAN HADIS DI INSTITUSI PONDOK</i>	144-149
	Siti Mursyidah Mohd Zin, Nurzatil Ismah Binti Azizan & Nazneen Ismail	
BAB 15	<i>الناسخ والمنسوخ في القرآن الفراهي والموازنة بينه وبين "الإيضاح لناسخ القرآن ومنسوخه" ملكي بن أبي طالب</i>	150-158
	Farid Ravi Abdullah	

PENDAHULUAN

Standard Program Pengajian Islam (SPPI) di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia telah menggariskan bahawa objektif pembelajaran program (OPP) pengajian Islam adalah memastikan pelajar memahami dan menguasai disiplin ilmu agama (*tafaqquh fi al-din*) yang dipelajari. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah ayat 122:

﴿ وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لَيَنْفِرُوا كَافَةً فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِّنْهُمْ طَابِقُهُو فِي الْدِينِ وَلَيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴾

Maksudnya:

Dan tidaklah orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

Berdasarkan firman Allah SWT di atas, para akademia Islam telah menetapkan bahawa Hasil Pembelajaran Program (HPP) bagi program pengajian Islam adalah untuk memberi peringatan dan bimbingan agama kepada orang lain berdasarkan ilmu yang diperolehi. Dalam pada itu, ledakan revolusi kontemporari telah memberi cabaran baharu dalam Pengajian Islam.

Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang melibatkan teknologi digital telah memberikan impak yang besar dalam semua sektor di seluruh dunia, termasuklah bidang pengajian Islam. Jika umat Islam terus terkongkong dalam persekitaran yang sama, mereka akan ketinggalan dalam pelbagai bidang. Umat Islam perlu melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing. Revolusi ini telah menemukan pelbagai teknologi baharu, seperti *Internet of Things* (IoT), analisis, *big data*, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan *cloud* yang bakal merancakkan kemajuan landskap dunia moden. Masih tidak terlambat untuk umat Islam berpartisipasi dalam pembangunan Revolusi Industri.

Para akademia perlu memainkan peranan mereka melalui penulisan dan penyelidikan, demi memastikan bahawa pengajian Islam terus relevan dalam mencepati isu-isu kontemporari dalam arus RI 4.0. Ilmuwan Islam masa kini perlu bangkit untuk mengembalikan kegembilangan Islam seperti yang telah dicapai oleh ilmuwan Islam terdahulu seperti, Muḥammad ibn Mūsā al-Khwārizmī (780-850 M.), Abū ‘Alī al-Husayn ibn ‘Abd Allāh ibn al-Ḥasan ibn ‘Alī ibn Sīnā (980-1037 M.), dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad ibn ‘Abd Allāh al-Lawātī al-Ṭanjī ibn Baṭṭūṭah, (1304-1369 M.) yang telah mencetus revolusi dalam bidang ilmu matematik, perubatan, dan pelayaran ketika dunia Eropah masih berada dalam era kegelapan. Pencapaian Sains dan Teknologi sehingga lahirnya RI 4.0 hari ini sebenarnya banyak yang diasaskan oleh para cendekiawan Islam silam dan diambil oleh negara-negara barat untuk dimajukan.

Buku *ISU-ISU KONTEMPORARI DALAM PENGAJIAN AL-QURAN DAN AL-SUNNAH* merupakan himpunan kertas kerja ilmiah dalam 7th Islamic Conference on Islamic Civilisation Studies (ICONICS) 2020 anjuran Fakulti Pengajian Peradaban Islam

(FPPI), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang diadakan buat julung kalinya secara dalam talian pada tarikh 12 November 2020. Pengajuran ICONICS 2020 merupakan kesinambungan daripada siri seminar IRSYAD anjuran FPPI sejak 2015 hingga 2019 yang dijenamakan semula. Seminar ini berobjektif memperkuuhkan bidang pengajian Islam agar mampu mendepani cabaran RI 4.0. Seminar ini juga menjadi platform kepada para akademia dari dalam dan luar negara untuk berkongsi maklumat dan pandangan sebagai usaha memperkasakan pengetahuan umat Islam sehingga mampu untuk menerajui kemajuan pada masa hadapan selain memperkuuh perpaduan umat dari pelbagai negara.

Pengajian al-Quran dan al-Sunnah dalam buku ini memfokuskan kepada bidang yang berkaitan dengan al-Quran dan al-Sunnah. Ia melibatkan kajian wahyu yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah. Dalam mendepani cabaran RI 4.0, pengajian al-Quran dan al-Sunnah perlu dilihat mampu menangani serta merungkai isu-isu kontemporari yang melanda. Kajian-kajian berteraskan kedua-dua sumber utama ini seharusnya mampu menjadi solusi kepada umat seluruhnya.

Umat Islam kontemporari sedang berhadapan dengan cabaran dalam pelbagai aspek kehidupan seperti serangan ideologi, permasalahan sosial yang kian parah, perpecahan disebabkan oleh faktor dalaman seperti politik dan kepimpinan, kemunduran ekonomi dan sebagainya. Ironinya, sejarah menjelaskan bahawa umat Islam adalah umat terbilang dan telah mengusai ilmu, teknologi dan dunia pada abad pertengahan. Dalam usaha umat Islam untuk keluar daripada pelbagai kemelut masalah tersebut, muncul cabaran baru dalam kehidupan mereka iaitu cabaran dalam menghadapi revolusi industri 4.0 (IR 4.0). Ini kerana IR 4.0 membawa perubahan yang dipacu oleh tiga aspek teknologi utama iaitu fizikal, digital dan biologikal yang bakal merubah cara kehidupan masyarakat.

Justeru buku ini akan menghidangkan kajian-kajian dalam bidang al-Quran dan al-Sunnah yang dilakukan oleh penyelidik-penyalidik yang berautoriti dalam mendepani RI 4.0 ini. Di antara artikel-artikelnya ialah “Teori Umum Muslimah Mithali Menurut Perspektif Al-Quran”, “Al-Nusrah Menurut Perspektif Al-Quran: Kajian Terhadap Surah At-Taubah”, “Dadah Menurut Perspektif Al-Quran”, “Pedofilia: Peringatan Al-Quran Kepada Ibubapa”, “Pencegahan Dadah Menerusi Pembentukan Spiritual Individu Menurut Hadis”, “Kefahaman Kakitangan Institusi Perbankan Berkennaan Amanah Dalam Hadis: Satu Analisis”, dan “Hadis-Hadis Motivasi Kekeluargaan Dalam Riyadussolihin”.

Rumusannya, penulisan buku ini khususnya disediakan sebagai rujukan bagi penuntut-penuntut di institusi pengajian tinggi, dan amnya pembacaan ilmiah untuk masyarakat. Ia memberi pendedahan berkaitan pelbagai wacana dalam disiplin ilmu pengajian Islam yang diolah berdasar sumber ambilan yang sahih. Semoga perkongsian ilmiah yang berteraskan pengajian al-Quran dan Al-Sunnah dalam buku ini akan membantu menyelitkan kefahaman dalam jiwa pembaca, memberikan pencerahan maklumat dalam usaha memahami ajaran Islam bagi mendepani cabaran dunia baru era mendatang.

BAB 1

TEORI UMUM MUSLIMAH MITHALI MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad,¹ Abdul Hadi Awang,¹ Siti Namira Samsol¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PENGENALAN

Muslimah bermaksud perempuan yang beragama Islam dan juga kata lawan bagi lelaki yang beragama Islam. Manakala mithali pula berkaitan dengan seseorang yang boleh dijadikan contoh atau diteladani (Aziah Tajudin, 2016). Wanita muslimah itu adalah wanita yang terdidik dengan sifat yang baik dan luhur budi pekertinya, mereka sentiasa mengikuti ajaran Allah s.w.t tanpa ada bantahan dan penyelewengan yang boleh membawa mereka ke jalan yang sesat (Amina Noor, 1999). Akidah seorang wanita Islam yang solehah dan mithali itu mantap dan tidak mudah terpengaruh dengan godaan yang boleh menyesatkan, mereka sentiasa berpegang dengan kebenaran Allah s.w.t dan agama Islam. Mereka sentiasa menjaga peribadi dan maruah sebagai wanita Islam, mereka juga menghayati Islam serta mendalami lagi ilmu agama mereka.

Penghormatan Islam terhadap muslimah jelas terbentang di dalam al-Quran sehingga ada surah yang membincangkan soal-soal wanita. Surah itu dinamakan an-Nisa' bererti "surah wanita". Ini menunjukkan soal wanita tidak diabaikan oleh Allah s.w.t. sepertimana difirmankan dalam surah al-Ahzab ayat 35:

إِنَّ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ وَالْقَنِينَ وَالْقَنِينَاتِ وَالصَّدِيقَاتِ وَالصَّدِيقِينَ وَالصَّابِرَاتِ وَالصَّابِرِينَ وَالْخَشِعَاتِ وَالْخَشِعِينَ وَالْمُتَصَدِّقَاتِ وَالْمُتَصَدِّقِينَ وَالصَّابِرِيَّنَ وَالْحَافِظِينَ فُرُوجُهُمْ وَالْحَفِظَاتِ وَالذُّكَرِينَ اللَّهُ كَثِيرًا وَالذُّكَرَاتِ أَعَدَ اللَّهُ لَهُمْ مَغْفِرَةً وَأَجْرًا عَظِيمًا ﴿٣٥﴾

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang lelaki Islam serta orang-orang perempuan Islam, dan orang-orang lelaki yang beriman serta orang-orang perempuan yang beriman, dan orang-orang lelaki yang taat serta orang-orang perempuan yang taat, dan orang-orang lelaki yang benar serta orang-orang perempuan yang benar, dan orang-orang lelaki yang sabar serta orang-orang perempuan yang sabar, dan orang-orang lelaki yang merendah diri (kepada Allah) serta orang-orang perempuan yang merendah diri (kepada Allah), dan orang-orang lelaki yang bersedekah serta orang-orang perempuan yang bersedekah, dan orang-orang lelaki yang berpuasa serta orang-orang perempuan yang berpuasa, dan orang-orang lelaki yang memelihara kehormatan dirinya serta orang-orang perempuan yang memelihara kehormatan dirinya, dan orang-orang lelaki yang menyebut nama Allah banyak-banyak serta orang-orang perempuan yang menyebut nama Allah banyak-banyak, Allah telah menyediakan bagi mereka semuanya keampunan dan pahala yang besar."

Setiap wanita yang beriman tentu mengharapkan dirinya menjadi wanita yang bermaruah dan terbaik, dari itu untuk menuju ke arah itu setiap wanita harus sedar akan kepentingan dirinya sebagai wanita Islam yang tahu menjaga maruah dan dapat pula berbakti kepada

kaum keluarga serta negara. Mereka tahan diuji dan tabah menghadapi dugaan Allah. Tidak mudah putus asa, sentiasa berusaha dan berserah kepada Allah s.w.t. Perempuan yang baik-baik itu bukanlah perempuan yang sempurna, namun mampu menguatkan kesabaran demi zuriat yang disayanginya. Inilah persis Maryam AS. Tidak sempurna keyakinannya, namun mampu meneguhkan hatinya kerana percaya akan janji Allah SWT. Inilah persis ibu Nabi Musa AS. Tidak sempurna masa silamnya, namun demi mengejar peluang syurga, dia sanggup korbankan segalanya. Inilah persis Zulaikha (Muhammad Syaari, 2019).

Wanita yang baik itu sanggup menjadi isteri yang baik, ibu dan pekerja yang baik serta bertindak sebagai srikandi negara yang gigih. Banyak kisah wanita yang telah dicatatkan dalam sejarah tentang kejayaan, dan ketabahan mereka menghadapi dugaan yang berbagaimana dalam hidup sebagai wanita Islam yang tulen. Ramai wanita yang berperanan besar disebalik tabir peristiwa-peristiwa besar dunia (Amina Noor, 1999).

CIRI-CIRI MUSLIMAH MITHALI

Setiap orang Islam mesti menjaga keperibadian mereka, dan sebagai seorang wanita muslimah harus dipelihara dari masa ke semasa. Firman Allah dalam surah *An-Nisa'* ayat 34:

الرِّجَالُ قَوْمُونَ عَلَى الْتِسَاءِ بِمَا فَضَلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ فَالصَّلِحَاتُ قَنِيتُ
حَفِظَاتُ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ وَالَّتِي تَخَافُونَ نُشُورَهُنَّ فَعِظُوهُنَّ وَاهْجُرُوهُنَّ فِي الْمَضَاجِعِ وَاضْرِبُوهُنَّ
فَإِنْ أَطْعَنَكُمْ فَلَا تَبْعُدُوهُنَّ سَبِيلًا إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْا كَبِيرًا ﴿٤٦﴾

Maksudnya:

“.....Maka perempuan yang solehah itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya), dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya. Dan perempuan yang kamu bimbang melakukan perbuatan derbaka (*nusyuz*) hendaklah kamu menasihati mereka, dan (jika mereka berdegil) pulaulah mereka di tempat tidur, dan (jika masih degil) pukulah mereka (dengan pukulan ringan yang bertujuan mengajarnya) kemudian jika mereka taat kepada kamu, maka janganlah kamu mencari jalan untuk menyusahkan mereka. Sesungguhnya Allah Maha tinggi, lagi Maha besar.”

Wanita solehah menurut ayat di atas adalah wanita yang taat kepada Allah dan taat kepada suaminya. Namun di sini perlu diperluaskan dan diperincikan lagi. Untuk lebih teratur, ciri-ciri tersebut adalah seperti berikut:

1. Tunduk Dan Patuh Kepada Allah S.W.T

Dalam mewujudkan ketaatan kepada Allah ini, ada beberapa segi ketaatan yang mesti dilakukan oleh seorang muslimah mithali:

- i. Mesti Mempunyai Aqidah Yang Salimah (Bersih): Seorang wanita mithali mestilah mempunyai aqidah yang salimah iaitu bersih dari segala macam bentuk kesyirikan, bersih dari pemahaman-pemahaman yang menyelisihi aqidah ahli sunnah wal jamaah iaitu aqidah yang diyakini oleh Rasulullah s.a.w, para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in serta para ulamak yang thiqah (Abu Ahmad Fatanah, 2009). Rasulullah s.a.w bersabda:

كنت رديف النبي صلی الله علیہ وسلم علی حمار فقال لي: يا معاذ أتدری ما حق الله علی العباد وما حق العباد علی الله قلت: الله ورسوله أعلم قال: حق الله علی العباد أن يعبدوه ولا يشركوا به شيئا

[Al-Bukhari dan Muslim]

Maksudnya:

Daripada Muaz bin Jabal katanya: “Aku pernah satu kali membongeng seekor keldai bersama Rasulullah s.a.w. Baginda bertanya kepada aku: “Wahai Muaz, tahukah engkau apakah hak Allah ke atas hamba dan hak hamba ke atas Allah?” aku menjawab “Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui.” Baginda bersabda: ‘Hak Allah ke atas hamba ialah hendak dia beribadat kepada-Nya dan jangan mensyirikkan-Nya.’”

Dari hadis ini jelas menunjukkan bahawa seseorang yang bergelar muslim itu mestilah bersih aqidahnya dari sebarang kesyirikan.

- ii. Mesti Melakukan Ibadah Yang Sohiah (Betul): Ibadah tidak akan menjadi betul jika ianya tidak didasari dengan niat yang ikhlas, semata-mata kerana Allah untuk mencari redha-Nya dan mengikuti Rasul yang membawa dan menyampaikan tata cara pelaksanaan ibadah. Maka kewajipan umat Islam semuanya adalah meneladannya dan masih banyak lagi bentuk-bentuk ibadah yang mesti dilakukan khususnya para wanita mithali seperti hadis Rasulullah s.a.w:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْنُظُرُ إِلَى صُورَكُمْ وَأَفْوَالَكُمْ وَلَكِنْ يَنْنُظُرُ إِلَى قُلُوبِكُمْ وَأَعْمَالِكُمْ

[Sahih Muslim, no.hadis: 4651]

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak melihat (menilai) kepada bentuk kamu, juga tidak kepada harta benda kamu tetapi Allah melihat (menilai) kepada hati kamu dan amalan kamu.”

Sebagai contoh seperti firman Allah s.w.t dalam surah al-Ahzab ayat 35 yang telah dinyatakan dalam pengenalan bahawa dalam ayat ini terdapat ciri-ciri wanita muslimah solehah dan mithali yang taat kepada Allah dalam menjalankan ibadah kepada-Nya iaitu:

1. Mereka yang taat dan tunduk kepada Allah.
2. Memberikan Rasulullah s.a.w dalam apa yang dibawa kepada mereka dari sisi Allah.
3. Mentaati Allah dalam apa yang diperintahkan dan dilarang.
4. Bersabar dalam keadaan lapang dan sempit dengan tetap teguh.
5. Hatinya berasa takut akan seksaan Allah.
6. Menunaikan hak-hak Allah dari hartanya (bersedekah).
7. Berpuasa di bulan Ramadhan.

8. Menjaga kehormatan diri.
9. Sentiasa ingat kepada Allah.

Salah satu contoh untuk sentiasa ingat dan taat kepada Allah adalah dengan memperbanyakkan berdoa kepada-Nya. Ini kerana, doa ialah permohonan seorang hamba kepada Zat yang Maha Tinggi, yang telah menciptakan dirinya, iaitu Allah s.w.t. Dalam doa, ada pengakuan terhadap sifat Maha Kuasa-Nya. Di dalam doa juga ada ketundukan dan kepatuhan seorang hamba terhadap Tuhan-Nya, sekaligus pengakuan atas kelemahan si pendoa kepada-Nya (Al-Sutha, 2014).

Doa ialah salah satu ibadah. Oleh itu, ternyata dengan banyak berdoa merupakan salah satu amalan mulia yang dapat membawa pelakunya meraih syurga Allah s.w.t. Ini kerana berdoa merupakan salah satu perintah-Nya sehingga sesiapa pun yang melaksanakannya, maka itu merupakan bentuk ketaatannya kepada-Nya. Balasan ketaatan kepada-Nya ialah syurga.

Memperbanyakkan zikir kepada Allah juga merupakan salah satu cara untuk taat kepada-Nya. Ini kerana, berzikir kepada-Nya mempunyai manfaat dan keutamaan yang sangat besar. Antaranya adalah dapat menghembuskan ketenangan batin dan kedamaian di hati. Banyak berzikir juga jadi penyebab datangnya keberuntungan dan kelapangan rezeki. (Al-Sutha, 2014). Sesuai dengan firman Allah s.w.t dalam surah al-Ra'd ayat 28:

الَّذِينَ ءامَنُوا وَتَطَمِّنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ ﴿٨﴾

Maksudnya:

“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah ketahuilah dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati manusia.”

2. Mempunyai Tabiat Yang Sopan

Di antara perkara yang termasuk bahagian akhlak yang mesti dimiliki seorang wanita muslimah mithali adalah seperti berikut:

- i. Menutup aurat dan tidak berhias untuk memamerkan kecantikan melainkan dalam rangka ketaatan. Salah satu ciri wanita mithali adalah berpakaian taqwa, penampilannya sederhana, sopan, tidak suka berlebihan dan jauh dari sifat menunjuk-nunjuk (Abu Ahmad Fatanah, 2009).

Menutup aurat bagi wanita Islam adalah wajib berdasarkan suruhan Allah s.w.t dalam al-Quran. Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Ahzab ayat 59:

يَأَيُّهَا النَّبِيُّ قُل لَا إِلَهَ إِلَّا رَبُّكَ وَبَنَاتِكَ وَذِنَاءُ الْمُؤْمِنِينَ يُدِينُونَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلِيلِهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤْدَيْنَ وَكَانَ اللَّهُ عَفُورًا رَّحِيمًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”

Kecantikan seorang muslimah mithali bukan dinilai pada paras wajah atau bentuk tubuh badannya tetapi ianya lebih dari itu. Tingkah laku dan budi pekertinya yang mulia, serta ketakwaan memberi erti kecantikan yang sebenar dan lebih mendalam. Kejahanan tentang nilai dan pengertian kecantikan yang hakiki menyebabkan ramai wanita Islam terjerumus ke dalam kancan kehidupan yang lebih berpandukan kepada hawa nafsu, keangkuhan dan takbur.

Hukum dan peraturan menutup aurat membuktikan bahawa Islam memelihara dan meletakkan wanita pada tahap kemuliaan yang tinggi. Jika wanita masih tidak menyedari perkara ini dan menilai kehebatan, kebijaksanaan serta kebolehan mereka berdasarkan kecantikan, nyata mereka sendiri merendah-rendahkan diri mereka. Wanita begini mudah dipersendakan oleh orang lain terutamanya oleh golongan lelaki. Sikap terlalu berbangga dengan kecantikan diri boleh mendorong wanita memperdagangkan tubuh mereka. Sikap begini akhirnya pasti merugikan mereka sendiri (Siti Nor Bahyah Mahamood & Ida Ezyani Othman, 2008).

Wanita perlu bijak dan menunjukkan ketegasan supaya masyarakat menghormati dan memandang tinggi kepada mereka. Kecantikan mengikut pandangan Islam bukan dinilai pada kecantikan tubuh badan semata-mata. Keperibadian yang mulia dan sifat-sifat kerohanian yang murni adalah lebih utama (Saodah Abd Rahman, 2010).

Islam tidak menetapkan bentuk atau warna pakaian untuk dipakai, baik ketika beribadah atau di luar ibadat. Islam hanya menetapkan bahawa pakaian itu mestilah bersih, menutup aurat, sopan dan sesuai dengan akhlak seorang Muslim. Islam tidak menetapkan fesyen pakaian tetapi perlu mematuhi garis panduan dan menutup aurat. Pakaian juga mempunyai hubung kait dengan keimanan dan ketaatan seorang wanita dengan Allah. Wanita yang mengambil berat soal pakaianya dan menjaga aurat serta kehormatannya akan mendapat keuntungan daripada Allah. Sebaliknya, wanita yang tidak menutup aurat dan berpakaian dengan gaya yang menonjol apabila berada di luar rumah, bukan sahaja dimurka Allah tetapi juga merosakkan hubungannya dengan Allah (Naurah Muhsin Sa'id, 2011).

- ii. Tidak berhias dan bertingkah laku seperti wanita jahiliyah (Abu Ahmad Fatanah, 2009).

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Ahzab ayat 32-33:

يَنِسَاءَ الَّتِي لَسْتُنَ كَاحِدٍ مِنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيُّنَ فَلَا تَخْضَعْ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ الَّذِي فِي قَلْبِهِ
مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا ۚ وَقَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَ وَلَا تَبَرَّجْ الْجَاهِلِيَّةَ الْأُولَى وَأَقْمَنَ

الصَّلَاةَ وَعَاتِينَ الْزَّكُوَةَ وَأَطْعَنَ الَّهَ وَرَسُولَهُ وَإِنَّمَا يُرِيدُ الَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الْجُسْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ
وَيُظْهِرَكُمْ تَطْهِيرًا ﴿٢٣﴾

Maksudnya:

"Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan). Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang jahiliyah zaman dahulu....."

Tetap tinggallah di rumah kamu (wahai para wanita), kerana itu lebih selamat dan lebih terjaga bagi kalian. "Dan janganlah berhias seperti orang-orang Jahiliyyah terdahulu". Iaitu janganlah banyak keluar dengan berhias atau memakai wangian seperti kebiasaan orang-orang Jahiliyyah terdahulu yang tidak berilmu dan tidak memiliki agama. Semua ini untuk mencegah keburukan dan penyebabnya. Setelah Allah memerintahkan mereka untuk bertakwa secara umum, dan Allah mengkhususkan dengan menyebut takwa kerana wanita amat memerlukannya. (As-Sa'di, 2003).

Para ulama Syafi'i menyatakan bahawa perkataan "qarna" dapat diertikan sebagai tinggal tetap di dalam rumah atau tinggal di dalam rumah dengan kemuliaan dan keselamatan. Manakala perkataan 'tabarruj' bermaksud menampakkan perhiasan dan keindahan tubuh atau dengan maksud berjalan dengan gaya, bermegah-megahan dan sebagainya (Abu Ahmad Fatanah, 2009).

- iii. Tidak keluar bersendirian dan tidak pula bersama lelaki lain. Seorang wanita dibenarkan untuk keluar rumah apabila ia mempunyai keperluan yang dibolehkan oleh syara'. Sebagai contoh untuk kebaikan seperti menuntut ilmu, berdakwah, silaturrahim, bekerja dan sebagainya. Tetapi hendaklah ia menjaga segala tatatertib yang ditetapkan oleh Allah selama ia keluar. (Ibn Taimiyah, 2001).
- iv. Berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Ini bukanlah sekadar kewajipan dan perbuatan membala jasa. Bahkan tercurah betapa indahnya kasih sayang yang dibalas antara anak dan ibu bapa. Oleh itu terdapat seribu satu keberkatan hidup. Kejayaan dan kemuliaan hidup seorang anak juga sangat bergantung kepada perbuatan dan kelakuan mereka terhadap ibu bapa mereka. Allah berfirman dalam surah al-Isra ayat 23:

وَقَضَى رَبُّكَ أَلَا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا إِمَّا يَبْلُغُنَّ عِنْدَكُمُ الْكِبَرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَّاهُمَا فَلَا تَقْلِيلَ لَهُمَا أُفِّ وَلَا تَنْهَرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا ﴿٢٤﴾

Maksudnya:

"Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engku tidak menyembah melainkan kepada-Nya semata-mata, dan hendaklah engku berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan

peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ah", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun)."

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: "Redha Allah itu bergantung pada redha ibu bapa. Dan murka-Nya juga bergantung pada murka ibu bapa." (Riwayat Tirmizi).

Oleh kerana itu, berbuat baik kepada kedua ibu bapa dianggap oleh Allah dan Rasul-Nya sebagai salah satu amalan mulia yang dapat membawa pelakunya meraih 'tiket' ke syurga. Bagi wanita yang belum berkahwin, keutamaanya ialah kedua-dua ibu bapanya. Namun, ini tidak bermakna seorang anak perempuan itu boleh melupakan ibu bapanya setelah dia berkahwin. Terdapat pelbagai kewajipan anak terhadap kedua-dua ibu bapanya (Siti Nor Bahyah Mahamood & Ida Ezyani Othman, 2008).

- v. Sentiasa berbuat baik dalam keadaan sempit mahupun dalam keadaan lapang. Salah satu cara untuk berbuat baik dengan manusia adalah dengan bersedekah secara ikhlas. Sikap suka bersedekah merupakan salah satu ciri dari kesempurnaan iman seorang muslim. Islam dengan tegas menyatakan bahawa seseorang itu tidak akan pernah mencapai keimanan yang sempurna dan meraih kebaikan, sebelum dia mampu memberikan (menginfakkan) sebahagian dari sesuatu harta yang dicintainya kepada orang lain. Ini kerana, dalam pandangan Islam, kesolehan itu bukan hanya bersifat individu, tetapi juga harus muhu berinfak, beramal dan bersedekah kepada orang lain (Firanda Andirja (2013).

Allah berfirman dalam surah al-Munafiqun ayat 10:

وَأَنْفَقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاهُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا أَخْرَجْنِي إِلَى أَجَلٍ
قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الْمُصْلِحِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

"Dan belanjakanlah (dermakanlah) sebahagian dari rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang dari kamu sampai ajal maut kepada-Nya, (kalan tidak) maka ia (pada saat itu) akan merayu dengan katanya: "Wahai Tuhanku! Alangkah baiknya kalan Engku lambatkan kedatangan ajal matiku - ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dari orang-orang Yang soleh."

- vi. Berbuat baik dengan jiran. Setiap wanita solehah hendaklah berbuat baik kepada jiran mereka yang terdekat. Dengan cara seperti ini dapat merapatkan hubungan antara satu dengan yang lain, yang mana dengan berbuat baik kepada jiran ini banyak faedah dan manfaatnya (Amina Noor, 1999).

Jiran tetangga ialah orang yang sentiasa berinteraksi dengan kita dalam kehidupan sehari-hari. Mere adalah orang pertama yang membantu dan menolong kita di masa kita ditimpa kesulitan. Oleh kerana itulah, Allah s.w.t memerintahkan kepada setiap yang bergelar muslimah agar sentiasa menghormati dan berbuat baik pada jiran tetangga (Al-Sutha, 2014).

3. Taat Dan Setia Kepada Suami

Taat kepada suami merupakan satu kewajipan seorang wanita muslimah setelah taat kepada Allah s.w.t. Ini kerana, dia wajib mengutamakan suaminya dalam segenap perkara. Wanita juga perlu memikirkan cara untuk menjadikan dirinya sentiasa disayangi dan dicintai oleh suaminya. Seperti yang diketahui, tanggungjawab seorang isteri bermula sebaik sahaja akad nikah dilafazkan. Perkahwinan ini bermakna bermulalah tugas wanita sebagai isteri untuk sehidup semati bersama suaminya (Siti Nor Bahyah Mahamood & Ida Ezyani Othman, 2008).

Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud: “*Apabila seorang lelaki megajak isterinya ke tempat tidur dan dia tidak mahu memenuhi sehingga suaminya marah kepadanya, maka malaikat akan terus melaknatnya sampai subuh.*” (Riwayat Bukhari dan Muslim).

Di antara ketaatan yang harus dilakukan seorang isteri adalah untuk tetap duduk di rumah sahaja sebagai suri rumah, ia tidak boleh keluar kecuali apabila diizinkan. Apabila ia keluar dengan sengaja tanpa meminta izin daripada suaminya terlebih dahulu ia dianggap telah melakukan nusyuz (Atiyyah Saqr, 2002).

KARAKTER WANITA MITHALI BERDASARKAN KISAH DALAM AL-QURAN

Pegangan akidah yang bertunjangkan tauhid kepada Allah merupakan suatu yang sangat bernilai bagi setiap orang Islam. Ia adalah cahaya yang menyinari hidup insan dan penyelamat dalam mengharungi sengsara kacau-bilau pada hari pembalasan. Perkembangan dakwah pada peringkat awal banyak dibantu oleh kesabaran kaum muslimin dan muslimat dalam mempertahankan pegangan aqidah mereka. Sikap inilah yang membawa hasil yang amat berharga dalam sejarah perkembangan Islam hingga ke hari ini. Islam masih kekal dan terus mekar dalam jiwa setiap umat Islam. Terdapat banyak kisah dalam al-Quran yang menceritakan tentang sifat-sifat wanita mithali seperti Siti Hajar, Maryam dan ramai lagi.

1. Siti Hajar Wanita Penyabar Dan Berjaya Tawakkal

Allah s.w.t berfirman dalam surah Ibrahim ayat 37:

رَبَّنَا إِنِّي أَسْكَنْتُ مِنْ ذُرِّيَّتِي بِوَادٍ غَيْرِ ذِي زَرْعٍ عِنْدَ بَيْتِكَ الْمُحَرَّمَ رَبَّنَا لِيُقِيمُوا الصَّلَاةَ فَأَجْعَلْتُهُمْ أَفْئِدَةً
مِنَ النَّاسِ تَهْوِي إِلَيْهِمْ وَأَرْزُقْهُمْ مِنَ الشَّمَرَاتِ لَعَلَّهُمْ يَشْكُرُونَ ﴿٣٧﴾

Maksudnya:

“Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian dari zuriat keturunanku di sebuah lembah (tanah suci Makkah) yang tidak tanaman padanya, di sisi rumahmu yang diharamkan mencerobohnya. Wahai Tuhan kami, (mereka ditempatkan di situ) supaya mereka mendirikan sembahyang (dan memakmurkannya dengan ibadat). Oleh itu, jadikanlah hati sebahagian dari manusia tertarik gemar kepada mereka, (supaya datang beramai-ramai ke situ), dan kurniakanlah rezeki kepada mereka dari berbagai jenis buah-buahan dan hasil tanaman, semoga mereka bersyukur.”

Dalam ayat ini jelas menunjukkan betapa sabarnya Siti Hajar terhadap dugaan yang diberikan dimana Nabi Ibrahim a.s membawanya berpindah ke suatu tempat untuk mengelakkan dari berlakunya kecemburuan Sarah dan Hajar. Berlaku kejadian dimana bekalan air telah habis yang mengakibatkan susunya kering, sementara anaknya Ismail menangis mahu menyusu, maka Hajar berlari-lari dari bukit Safa ke Marwa untuk mencari air dan melihat jika ada kelbat manusia untuk dia memohon pertolongan. Setelah berusaha, turunlah bantuan dari Allah s.w.t berupa malaikat yang menguis-nguiskan tumit Ismail pada padang pasir dan memancarkan air zam-zam. Yang mana air zam-zam tersebut memberi keberkatan kepada pelusuk alam sehingga hari kiamat. Dalam bermacam perkara yang dialami, hatinya tetap tenang dengan kepercayaannya terhadap Tuhan yang tidak sekali-kali akan memberi kesusahan dan kesempitan hambanya. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa Hajar merupakan seorang wanita yang sangat penyabar, tabah dan kental jiwanya apabila ditimpa musibah (Khairul Naim Mansor 2019).

Oleh itu, sebagai wanita muslimah yang ingin menjadi wanita mithali wajib mencontohi Siti Hajar yang penyabar dan berjiwa tawakkal walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran.

2. Maryam Wanita Yang Memelihara Kehormatan

Allah s.w.t berfirman dalam surah *al-Anbiya'* ayat 91:

وَالَّتِي أَخْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنَفَخْنَا فِيهَا مِنْ رُوحِنَا وَجَعَلْنَاهَا إِبْرَهِيمَ لِلْعَلَمِينَ ﴿٩١﴾

Maksudnya:

“Dan (sebutkanlah peristiwa) perempuan yang telah menjaga kehormatan dan kesuciannya; lalu kami tiupkan padanya dari roh (ciptaan) kami, dan kamijadikan dia dan anaknya sebagai satu tanda (yang menunjukkan kekuasaan kami) bagi umat manusia.”

Dalam ayat ini mengisahkan tentang Maryam seorang wanita yang memelihara kehormatan dirinya. Suatu ketika Allah s.w.t mengutus malaikat Jibril untuk memberitahu Maryam bahawa Allah meniupkan roh ke dalam tubuhnya sehingga dia mengandung. Kemudian, Maryam melahirkan anaknya, Isa a.s tanpa bapa. Oleh itu, Isa a.s lahir tanpa bapa sehingga Maryam dan Isa a.s menjadi salah satu bukti bagi seluruh isi alam ini tentang kekusasaan Allah sebagaimana perihal Nabi Adam a.s yang lahir ke dunia tanpa ibu dan bapa, sedangkan Isa a.s lahir tanpa bapa sahaja (Khairul Naim Mansor 2019).

Maryam merupakan seorang wanita yang cukup menjaga kesucian dan kehormatan dirinya. Beliau tidak bergaul dengan lelaki yang bukan mahramnya. Malah, beliau juga menjauhi sebarang godaan daripada mana-mana lelaki. Pernah suatu ketika Allah s.w.t mengutuskan malaikat Jibril untuk datang mendekati Maryam dengan menyerupai sebagai seorang lelaki yang tampan untuk menggoda Maryam. Akan tetapi Maryam tidak sedikit pun tergoda dengan lelaki tersebut. Malah beliau berlindung kepada Allah s.w.t dan meminta lelaki itu untuk menjauh (Nurfitri Hadi, 2015).

Dengan kisah ringkas ini dapat memberi pengajaran kepada wanita untuk mencontohi cara Maryam menjaga kesucian dan kehormatan dirinya.

3. Zainab Binti Jabsy Wanita Muslimah Yang Taat Kepada Allah Dan Rasul-Nya

Allah s.w.t berfirman dalam surah al-Saff ayat 11:

تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنفُسِكُمْ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِن كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

Maksudnya:

“Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan ugama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

Dalam ayat ini menjelaskan tentang taatnya Zainab kepada Allah s.w.t dan Rasul-Nya apabila beliau diminta persetujuan oleh Rasulullah s.a.w untuk dikahwinkan dengan Zaid bin Haritsah yang hanya seorang hamba sahaya sebelum beliau berkahwin dengannya. Zainab menerima permintaan dan menyetujui hasrat Rasulullah s.a.w. Beliau menyedari bahawa ketaatannya terhadap hasrat Rasulullah s.a.w pasti berkaitan dengan hukum syariah. Ini jelas menunjukkan bahawa Zainab binti Jahsy ini merupakan seorang wanita yang sangat taat kepada Allah dan Rasul-Nya kerana sanggup bersetuju untuk berkahwin dengan Zaid setelah diminta oleh Rasulullah s.a.w walaupun bukan atas kehendaknya (Khairul Naim Mansor 2019).

Ini menunjukkan bahawa beliau tahu akan kebaikannya. Sifat seperti inilah yang harus dicontohi oleh para wanita muslimah masa kini.

KESIMPULAN

Kisah dalam al-Qur'an bukan sahaja kisah hanya untuk santapan biasa, tetapi mengandungi pengajaran, pelajaran, tuntutan dan arahan untuk manusia khususnya muslimah. Al-Qur'an secara khusus membincangkan jenis-jenis wanita mengikut amal-amal mereka. Al-Qur'an merujuk kepada wanita mithali yang perlu dicontohi kepada semua wanita muslimah dimasa kini. Penulisan ini menganalisis konsep dan karakter wanita mithali dalam al-Quran iaitu Siti Hajar yang sangat penyabar dan berjiwa tawakkal, Maryam yang memelihara kehormatan diri dan Zainab binti Jahsy seorang wanita muslimah yang taat kepada Allah dan rasul-Nya. Al-Qur'an menegaskan karakter wanita muslimah mithali sebagai seorang yang mengambil tanggungjawab sepenuhnya terhadap pilihannya sama ada perbuatan atau aktiviti yang terpuji dan sebaliknya. Wanita mithali yang disebut dalam al-Quran telah diiktiraf sebagai individu bebas yang tidak bergantung kepada makhluk lain bagi mendapat ganjaran untuk apa yang dilakukan, baik atau buruk. Semoga generasi sekarang ini dapat mengambil manfaat dan menjadikan pemberat timbangan kebaikan di akhirat nanti. Kalau tanah liat dibentuk dengan tangan dan ditempa dengan api. Kalau manusia ditempa dengan masalah, masalah dan masalah untuk menjadi manusia sejati.

RUJUKAN

- Abdullah bin Muhammad Basmieh. (2000). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an 30 Juzuk*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Abdurrahman Nashir as-Sa'di. (2003). *Tafsîr al-Karîm al-Rahmân Fî Tafsîr Kalâm al-Mannâن*. Beirut: Dar Ibnu Hazm.
- Abu Ahmad Fatanah. (2009). *10 Golongan Tidak Mendapat Syafaat Nabi S.A.W.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.
- Abu Azka Al-Madani & Harun Arrasyid Hj Tuskan. (2004). *70 Wanita Terbilang Di Zaman Nabi Muhammad S.A.W.* Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
- Ahmad Yani Abd Manaf, Muhd Syamel Yusoff & Khairul Naim Mansor. *319 Tafsir Mengikut Tema Istimewa Untuk Muslimah: Al-Quran Untuk Hidup Anda*. Shah Alam, Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Al-Bukhari. (1999). *Kitab Al-Libas*, Bab: "Irdaf ar-Rajul Khalfa ar-Rajul". 4/84; dan Muslim (2008), *Kitab Al-Iman*, Bab: "Ad-Dalil 'Ala Anna Man Maata Ala At-Taubid Dakhala Al-Jannah.
- Al-Ghazali. (2012). *Mari Kita Terbang Ke Syurga*. Terj. Azarita Ahmad. Selangor: Al-Hidayah House of Publishers Sdn Bhd.
- Amina Noor. (1999). *Andalah Wanita Syurga*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man.
- Asyraf Ab Rahman (2010). *Peranan Wanita Dalam Pembangunan Keluarga Dari Perspektif Fi Zilal Al-Quran*. Journal of Governance and Development, Tahun 2010. Vol 6.
- Atiyyah Saqr. (2002). *Soal Jawab Wanita Islam*. Terj. Rosli Alias & Mohd Yusuf Haji Abdullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Aziah Tajudin & Mohd Fazli Tajuid. (2016). *Kamus Pelajar Bahasa Melayu Dewan, Edisi Kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Ahmad. (2017). *Pensabitan Isteri Nusyuz Menurut Undang-Undang Keluarga Islam*. Disertasi Ijazah Sarjana Syariah Dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam, Unibersiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Syaari Abdul Rahman. (2019). *Perempuan Yang Baik-baik Dalam al-Quran*. Seri Kembangan Iman Publication.
- Naurah Muhammad Sa'id. (2011). *Wanita Berpakaian Tapi Telanjang*. Penerbit: Kiswah Media. Bantul, Yogyakarta.
- Noorsuriati Talib & Mohd Radzali Masrum. (2007). *Ummahatul Mukminin: Wanita Anggun Penyeri Alam*. Kuala Lumpur: Pustaka Yamien Sdn Bhd.
- Saiful Hadi Al-Sutha. (2014). *50 Amalan Menempah Tiket Ke Syurga*. Terj. Nur Thairah Syamsuddin, Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd.
- Saodah Abd Rahman. (2010). *Wanita & Cabaran Zaman*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Shikin Ali (2013), *Isteri Mithali: Satu Kajian Persepsi Isteri Dalam Novel Dan Masyarakat Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, National University of Singapore.
- Siti Muslihah binti Mustakim. (2007). *Isu Wanita Dalam Al-Quran: Tumpuan Terhadap Surah Al-Nur*. Universiti Malaya.
- Siti Nor Bahyah Mahamood & Ida Ezyani Othman. (2008). *Hadiyah Buat Muslimah: Panduan Asas Fiqah Wanita*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn Bhd.

BAB 2

AL-NUSRAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: KAJIAN TERHADAP SURAH AT-TAUBAH

Abdul Mukti Baharudin¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PENGENALAN

Di sepanjang zaman, Islam dan penganut-penganutnya akan senantiasa berhadapan dengan tantangan musuh-musuhnya. Mereka khususnya golongan Yahudi dan golongan Nasrani sekali-sekali tidak akan redha sehingga alasan umat Islam tunduk kepada mereka. Dan sudah menjadi *sunnatullah* rasul-rasul yang diutuskan, khususnya rasul Ulul Azmi sering kali berhadapan dengan ancaman dan penentangan daripada kaum mereka. Namun cabaran-cabaran tersebut ditempuhi dengan tabah kerana mereka menyakini bahawa Allah s.w.t. adalah penolong terbaik dan dalam masa yang sama *al-nusrah* yang hakiki akan berpihak kepada mereka kerana itulah janji Allah s.w.t kepada orang-orang berjuang menegakkan agamaNya. Namun *al-nusrah* tidak akan datang bergolek dan dapat dicapai dengan mudah. Ia mempunyai prasyarat-prasyarat dan peraturan-peraturan yang telah digariskan oleh Allah s.w.t. menerusi kitabNya al-Quran dan disampaikan oleh Rasulullah s.a.w. agar ia menjadi panduan buat umat akhir zaman.

Menjadi kewajipan kepada setiap muslim menyakini bahawa segala bentuk *al-nusrah* adalah daripada Allah s.w.t. Walaupun pada zahirnya ia adalah daripada ikhtiar, usaha dan segala persiapan manusia, tetapi hakikatnya yang menentukan *al-nusrah* tersebut ialah Allah s.w.t. Perkara ini telah dinyatakan oleh Allah s.w.t. dalam firmanNya dalam surah Ali Imran ayat 160 yang bermaksud:

“Jika Allah menolong kamu, maka tidak adalah orang yang dapat mengalahkan kamu; jika Allah membiarkan kamu (tidak memberikan pertolongan), maka siapakah gerangan yang dapat menolong kamu (selain) dari Allah sesudah itu? Kerana itu hendaklah kepada Allah sahaj orang-orang mukmin bertawakkal.”

Justeru kajian ini akan memfokuskan kepada surah at-Taubah dalam mengenal pasti sebahagian daripada prasyarat-prasyarat *al-nusrah*. Pemilihan surah tersebut dibuat kerana di dalamnya telah dinyatakan peristiwa perang Tabuk yang menyaksikan umat Islam meraih kemenangan yang besar apabila akhirnya golongan kafir tunduk kepada kehebatan tentera Islam yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w.

DEFINISI AL-NUSRAH

Al-nusrah berasal daripada kalimah *nasara* – *yansuru* – *nasran wa nusrah* (نصر - ينصر - نصراً) yang bermaksud membantu, menolong (orang lain) atau mempertahankan (Muhyiddin, 1999 & Rauf, 2015). Dan *al-nusrah* merupakan kata terbitan (*masdar*) daripada kata kerja (*fi'il*) *nasara* tersebut.

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (edisi keempat) (Noresah, 2007), menolong bermaksud membantu (dengan tenaga, wang, fikiran dan lain-lain) atau melepaskan diri daripada bahaya serta menyelamatkan atau dapat meringankan penderitaan, dapat menyembuhkan daripada penyakit dan dapat menyelamatkan daripada bahaya.

Manakala Lisan al-Arab mendefinisikan *al-nasr* bermaksud menolong orang yang dizalimi, iaitu menolongnya atas (menghadapi) musuhnya (Ibn Manzur, 1997).

Dan *al-nusrah* yang dikehendaki dalam kajian ini ialah merujuk kepada pertolongan Allah s.w.t. kepada hamba-hamba yang berjihad di jalan Allah s.w.t. untuk mempertahankan agamaNya daripada musuh-musuh yang senantiasa menentang dan ingin membinasakan Islam. Pertolongan dan kemenangan adalah dua perkara yang berkait rapat. Kemenangan tidak akan dapat dicapai melainkan dengan pertolongan Allah s.w.t. Dan semestinya pertolongan daripada Allah s.w.t. akan menatijahkan kemenangan yang sebenar dan diringi dengan keredhaan Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 214:

أَمْ حَسِبُّتُمْ أَنْ تَدْخُلُوا الْجَنَّةَ وَلَمَّا يَأْتِكُم مَّثُلُ الَّذِينَ خَلَوْا مِنْ قَبْلِكُمْ مَسْتَهُمُ الْبَأْسَاءُ وَالضَّرَاءُ
وَزُلِّذُوا حَقَّ يَقُولُ الرَّسُولُ وَالَّذِينَ ءامَنُوا مَعَهُ وَمَنْ نَصَرَ اللَّهَ إِلَّا إِنَّ نَصْرَ اللَّهِ قَرِيبٌ

Maksudnya:

“Adakah patut kamu menyangka bahawa kamu akan masuk syurga, padahal belum sampai kepada kamu (ujian dan cubaan) seperti yang telah berlaku kepada orang-orang yang terdahulu daripada kamu? Mereka telah ditimpa kepahaan (kemusnahan hartabenda) dan serangan penyakit, serta digoncangkan (oleh ancaman bahaya musuh), sehingga berkatalah Rasul dan orang-orang yang beriman yang ada bersamanya: Bilakah (datangnya) pertolongan Allah?” Ketahuilah sesungguhnya pertolongan Allah itu dekat (asalkan kamu bersabar dan berpegang teguh kepada agama Allah)”.

Dan firman Allah s.w.t. dalam surah Al-Anfaal ayat 9-10:

إِذْ تَسْتَغْيِثُونَ رَبَّكُمْ فَسُتْجَابَ لَكُمْ أَنِّي مُمْدُّكُم بِالْفَ مِنَ الْمَلَكِيَّةِ مُرْدِفِينَ
وَمَا جَعَلَهُ اللَّهُ إِلَّا بُشْرَى وَاتْطَمِينَ بِهِ قُلُوبُكُمْ وَمَا النَّصْرُ إِلَّا مِنْ عِنْدِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksudnya:

“(Ingalah) ketika kamu memohon pertolongan kepada Tuhan kamu, lalu Ia perkenankan permohonan kamu (dengan firmanNya): “Sesungguhnya Aku akan membantu kamu dengan seribu (bala tentera) dari malaikat yang datang berturut-turut. Dan Allah tidak menjadikan (bantuan malaikat) itu melainkan sebagai berita gembira dan supaya hati kamu tenang tenteram dengannya. Dan kemenangan itu pula hanyalah dari sisi Allah. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana”

AL-NUSRAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Al-Nusrah yang akan difokuskan dalam kajian ini ialah *al-nusrah* daripada Allah s.w.t. dan dianugerah kepada orang-orang yang beriman di medan perang. Kemenangan tidak mampu dan tidak akan dicapai melainkan dengan pertolongan dan kehendak Allah s.w.t. Tiada sesiapa yang mampu menghalang apabila pertolongan dan kemenangan telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Al-Quran telah menjelaskan konsep *al-nusrah* yang sebenar sebagaimana dikehendaki oleh Allah s.w.t. Ia telah menggariskan panduan dan syarat yang

perlu dipenuhi bagi memperolehi *al-nusrah* daripada Allah s.w.t. Dalam masa yang sama dipertegaskan bahawa pertolongan dan kemenangan itu hanya datang daripada Allah s.w.t., sebagaimana firmanNya dalam surah al-Baqarah ayat 249:

فَلَمَّا فَصَلَ طَالُوتُ بِالْجُنُودِ قَالَ إِنَّ اللَّهَ مُبْتَلِيكُمْ بِنَهَرٍ فَمَنْ شَرَبَ مِنْهُ فَلَيَسْ مِنِّي وَمَنْ لَمْ يَطْعَمْهُ فَإِنَّهُ وَمَنِّي إِلَّا مَنْ أَعْتَرَفَ عُرْفَةً بِيَدِهِ فَشَرِبُوا مِنْهُ إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ فَلَمَّا جَاءَرَهُ هُوَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ وَقَالُوا لَا طَاقَةَ لَنَا الْيَوْمَ بِجَالُوتَ وَجَنُودِهِ قَالَ الَّذِينَ يَطْعُنُونَ أَنَّهُمْ مُلْقُوا اللَّهَ كَمْ مِنْ فِئَةٍ قَلِيلَةٍ غَلَبَتْ فِئَةً كَثِيرَةً بِإِذْنِ اللَّهِ وَاللَّهُ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya:

"Maka tatkala Thalut keluar membawa tenteranya, ia berkata: "Sesungguhnya Allah akan menguji kami dengan sebuah sungai. Maka siapa di antara kamu meminum airnya; bukanlah ia pengikutku. Dan barangsiapa tiada meminumnya, kecuali menceduk seceduk tangan, maka dia adalah pengikutku." Kemudian mereka meminumnya kecuali beberapa orang di antara mereka. Maka tatkala Thalut dan orang-orang yang beriman bersama dia telah menyeberangi sungai itu, orang-orang yang telah minum berkata: "Tak ada kesanggupan kami pada hari ini untuk melawan Jalut dan tenteranya." Orang-orang yang menyakini bahawa mereka akan menemui Allah, berkata: "Berapa banyak terjadi golongan yang sedikit dapat mengalahkan golongan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah berserta orang-orang yang sabar."

Dalam ayat ini menceritakan peristiwa ketika raja Thalut keluar membawa tenteranya untuk menentang Jalut dan bala tenteranya. Di akhirnya Allah s.w.t telah menjelaskan bahawa kemenangan itu bukan dilihat kepada kekuatan bilangan dan sebagainya, namun ia adalah dengan kehendak dan keizinan Allah s.w.t yakni pertolongan daripadaNya. Terdapat golongan yang sedikit bilangannya telah mengalahkan golongan yang ramai bilangannya dengan ketentuan dan pertolonganNya. Maka keberhasilan semua perkara adalah dengan kehendak Allah s.w.t. Oleh itu orang yang memperolehi pertolonganNya tidak akan menjadi hina, walaupun sedikit bilangannya dan orang yang tidak mendapat pertolonganNya tidak akan menjadi mulia walaupun banyak persiapan dan bilangannya (Ismail, 2002).

Terdapat banyak ayat-ayat al-Quran yang menjelaskan janji kemenangan kepada orang-orang yang beriman seperti dalam surah al-Hajj: 39-40, surah Ar-Rum: 47, surah Muhammad: 7 dan surah As-Shofaat: 171-173. Dalam ayat-ayat ini Allah s.w.t memberitakan bahawa antara sunnahNya pada makhlukNya ialah Dia akan menolong para hambaNya yang mukmin apabila mereka menolong agamaNya (Abdullah, 1997). Ini menunjukkan bahawa pertolongan dan kemenangan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. tidak melihat kepada kelebihan dan persiapan material serta kebendaan semata-mata tetapi sebaliknya ialah kekuatan iman dan takwa kepada Allah s.w.t.

Menurut al-Qardawi, kadangkala Allah s.w.t. memenangkan bilangan yang sedikit mengalahkan bilangan yang ramai. Sebagaimana Allah s.w.t. memenangkan Ashabul Thalut di dalam peperangan mengalahkan tentera-tentera Jalut yang lebih besar dan lebih ramai bilangannya. Dan kadangkala Allah s.w.t. memenangkan orang yang tidak mempunyai sebarang tentera dan sebarang senjata. Sebagaimana Allah s.w.t. memenangkan rasulNya Muhammad s.a.w. di hari *Ghar* (baginda bersembunyi di dalam gua ketika peristiwa Hijrah) (Al-Qardawi, 1989).

Manakala menurut Abdullah dua perkara yang wajib diberikan perhatian oleh pendakwah dalam bab *al-nusrab* ini ialah:

- Tidaklah menjadi syarat bahawa seseorang pendakwah itu nampak nyata pertolongan Allah s.w.t. dengan dua biji matanya. Pertolongan ini telah berada dipuncaknya seperti peristiwa Ashabul al-Ukhdud, di mana ia berdasarkan suatu hikmah (rahsia) yang hanya diketahui oleh Allah s.w.t. (di mana bayi yang belum boleh bercakap dapat memberi nasihat untuk turut syahid bersama ibunya kerana mempertahankan akidah), akan tetapi ganjarannya tidaklah sekali-kali akan terhilang sia-sia, sedangkan dia adalah terpelihara di sisi Allah s.w.t.
- Sungguhnya tidaklah sayugia bagi pendakwah membayang-bayangkan kemenangan Islam dan kebesaran agama ini. Ini kerana jika ia tidak tertegak dengan bayangan tersebut pun, ia akan tertegak dengan yang lain. Firman Allah s.w.t dalam surah Muhammad ayat 4, (Abdullah, 1997).:

فَإِذَا لَقِيْتُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا فَضْرِبُوهُمْ حَتَّىٰ إِذَا أَخْتَنْتُمُوهُمْ فَشُدُّوا الْوَثَاقَ فَإِمَّا مَنًا بَعْدُ وَإِمَّا فِدَاءً
حَتَّىٰ تَضَعَ الْحُرْبُ أَوْ زَارَهَا دَلِيلُكَ وَلَوْ يَشَاءُ اللَّهُ لَا تَنْصَرَ مِنْهُمْ وَلَكِنْ لَيْلًا بَعْضُكُمْ يَبْعَثُ
وَالَّذِينَ قُتِلُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَلَنْ يُضْلَلَ أَعْمَالُهُمْ

Maksudnya:

“Demikianlah apabila Allah menghendaki, nescaya Dia akan memenangkan kamu terhadap mereka (orang kafir) akan tetapi Dia hendak menguji sebahagian kamu dengan sebahagian yang lain”.

Justeru dapat disimpulkan bahawa *al-nusrab* menurut perspektif Islam dan al-Quran adalah berbeza dengan apa yang difahami kebanyakan orang, iaitu kemenangan dalam mengalahkan musuh semata-mata. Sebaliknya ia berlaku dalam pelbagai bentuk dan situasi yang berbeza menurut kehendak Allah s.w.t. dan sebagai mana yang dijanjikan olehNya.

LATAR BELAKANG SURAH AT-TAUBAH

1. Pengenalan Surah at-Taubah

Surah at-Taubah merupakan surah yang kesembilan di dalam susunan surah-surah di dalam mushaf dan yang keseratus tiga belas dari segi tertib turunnya. Ia mengandungi 129 ayat di sisi ahli Kufah dan 130 ayat di sisi ahli Madinah, Makkah, Syam dan Basrah. Bersepakat ulama bahawa ia merupakan surah *Madaniyyah*, dan mengecualikan sebahagian daripada mereka ayat 113, iaitu firman Allah s.w.t dalam surat al-Taubah ayat 113:

مَا كَانَ لِلنَّبِيِّ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْ يَسْتَغْفِرُوا لِلْمُشْرِكِينَ وَلَوْ كَانُوا أُولَى قُرْبَىٰ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُمْ
أَصْحَابُ الْجَحِيمِ

Maksudnya:

“Tidaklah dibenarkan bagi Nabi dan orang-orang yang beriman, meminta ampun bagi orang-orang musyrik, sekalipun orang itu kaum kerabat sendiri, sesudah nyata bagi mereka bahawa orang-orang musyrik itu adalah abli neraka”.

Ayat ini diturunkan apabila Nabi s.a.w. berjanji kepada Abu Talib untuk memohon ampun untuknya ketika beliau sakit yang membawa kepada kematiamnya. Dan peristiwa ini berlaku sebelum daripada penghijrahan Baginda s.a.w. ke Madinah.

Surah ini juga dikenali dengan surah *Bara'ah*. Kedua-dua nama ini disebut di dalam hadis. Diberi nama dengan surah at-Taubah kerana Allah s.w.t. telah menjelaskan padanya taubat (pengampunan) terhadap orang-orang yang tidak menyertai perang Tabuk, taubat orang-orang mukmin yang *sadiqin* (yang benar) serta seruan kepada orang kafir agar bertaubat. Dan diberi nama juga dengan surah *Bara'ah* kerana padanya menjelaskan pembebasan (berlepas diri) daripada orang kafir musyrikin sehingga hari Kiamat (Ahmad, 2013). Manakala al-Zamakhsyari mengatakan: "Surah ini mempunyai beberapa nama, antaranya ialah: *Bara'ah*, *at-Taubah*, *al-Muqasyqiyah*, *al -Muba'tsirah*, *al- Musyorridah*, *al-Mukhziyah*, *al-Faadhbihah*, *al-Mutsiirah*, *al-Haafrirah*, *al-Munakkilah*, *al-Mudamdimah* dan surah *Azab* (al-Zamakhsyari ,1995).

Surah ini secara keseluruhannya adalah diturunkan pada tahun yang kesembilan hijrah, tetapi ia bukanlah diturunkan secara sekaligus. Walaupun tidak dapat kemukakan secara pasti waktu-waktu yang tepat diturunkan dan di mana turunnya bahagian-bahagian surah ini di dalam tahun yang kesembilan itu, namun dapatlah dibuat kesimpulan bahawa surah ini adalah diturunkan dalam tiga peringkat:

- i. Peringkat pertama sebelum berlakunya peperangan Tabuk, iaitu pada bulan Rejab.
- ii. Peringkat kedua masa persiapan untuk menghadapi peperangan dan keadaan di tengah-tengah peperangan ini.
- iii. Peringkat yang ketiga ialah selepas kembali dari peperangan tersebut (Syed Qutb, 1987).

Terdapat pandangan yang menyatakan bahawa surah ini diturunkan pada peperangan Tabuk, tahun ketujuh hijrah (Wahbah, 1998).

Dan surah ini merupakan satu-satunya surah di dalam al-Quran yang tidak dimulakan dengan *basmalah* di awalnya. Menurut pendapat yang sahih tentang perkara tersebut ialah malaikat Jibril tidak menurunkan *basmalah* pada awal surah Bara'ah. Maka tidak didapati padanya *basmalah* di dalam mushaf, tidak seperti surah-surah yang lain. Menepati (*muwafaqah*) tulisan mushaf merupakan syarat bagi kesahihan qiraat, dan asal pada yang demikian itu adalah ketetapan (*tauqif*) yang telah ditetapkan. Maka ini merupakan dalil yang putus atas kewajiban bacaan *basmalah* pada awal setiap surah melainkan surah Bara'ah (Ahmad, 2013).

2. Isi Kandungan Surah at-Taubah

Surah ini dibuka dengan *Bara'ah* (berlepas tangan) dari orang-orang musyrikin dan memberi masa aman selama empat bulan, kemudian mengumumkan perang terhadap mereka disebabkan dosa-dosa mereka, dan mlarang mereka masuk ke Masjidil Haram untuk selama-lamanya. Kemudian memerangi Ahli Kitab sampai mereka membayar jizyah atau masuk Islam.

Di bahagian pertama bermula ayat 1 sampai ayat 41, surah ini mengandungi dorongan dan seruan untuk berjihad di jalan Allah s.w.t. dengan harta dan jiwa. Kemudian ia berbicara tentang sifat-sifat orang-orang munafik dan bahaya mereka pada bahagian kedua sampai akhir surah. Di sela-sela kedua bahagian itu, ada penjelasan tentang kalangan Arab Badwi yang tidak menyertai jihad, dan tidak diterima alasan orang-orang Madinah dan sekitarnya dari kalangan orang Arab yang tidak berjihad. Dan, surah ini diakhiri dengan perbandingan yang sangat jelas untuk membedakan antara orang-orang beriman dan orang-orang munafik, yaitu dijadikannya jihad sebagai fardhu kifayah dan tentang pengkhususan sekelompok orang-orang beriman untuk mendalami agama. Justeru, surah ini memfokuskan kepada dua perkara:

- Pertama: Hukum dan undang-undang dalam memerangi orang-orang musyrikin dan Ahli Kitab.
- Kedua: Membedakan antara orang-orang beriman dengan orang-orang munafik dengan berlakunya perang Tabuk (Wahbah, 2013).

PERISTIWA PERANG TABUK DAN KEMENANGAN UMAT ISLAM

Peperangan ini dinamakan Tabuk bersempena dengan nama tempat berlakunya peperangan, seperti kebiasaan yang diketahui umum. Ada juga di kalangan para ulama yang menamakannya dengan al-'Asirah (kesulitan dan kepayahan) kerana peperangan ini berlaku di tempat yang jauh perjalannya. Di samping itu, ia berlaku di musim panas terik dan kebun-kebun mereka sedang mengeluarkan buah-buahan yang perlu dijaga. Ini sudah tentu menyulitkan tuan-tuan kebun untuk meninggalkannya dan pergi berperang. Terdapat juga para ulama yang menamakannya peperangan *al-Fadzihah* (pembongkaran), kerana ia membongkarkan mereka yang lemah imannya dalam menghadapi cabaran dan membongkarkan sifat nifak yang tertanam dalam hati orang-orang munafik (Abdul Hadi, 2009)

Perang ini berlaku pada bulan Rejab tahun ke 9 Hijrah. Faktor berlakunya peperangan tersebut berpunca daripada ancaman Rom, apabila mereka membunuh duta Rasulullah s.a.w. iaitu al-Harith bin Umar al-Azdiy. Beliau telah dibunuh oleh Syurahbil bin Amru al-Ghassaniy. Pembunuhan itu dilakukan di saat duta Rasulullah s.a.w. membawa surat untuk disampaikan kepada pemerintah besar Basrah. Setelah pembunuhan itu Nabi telah mengutuskan Zaid bin Harith yang akhirnya bertembung dan berperang hebat dengan tentera Rom di Mu'tah. Operasi tersebut gagal mencapai misinya untuk menuntut pembelaan terhadap orang-orang yang zalim itu. Akan tetapi tetapi ianya berjaya meninggalkan kesan yang mendalam dalam jiwa orang-orang Arab sama ada yang dekat atau jauh. Manakala Maharaja Rom (Kaisar) melihat suatu kebangkitan orang Arab di bawah jajahannya. Ia bimbang negeri-negeri Arab di bawah jajahannya menuntut kemerdekaan dan menganut Islam. Sebelum berlaku kebangkitan ini maka Kaisar merancang untuk menghapuskan pengaruh negara Islam Madinah yang dipimpin oleh Rasulullah s.a.w. (Saffiyu al-Rahman, 2011 & Abu Khalid, 2009)

Menurut Muhammad yang menukilkan riwayat Ibnu Sa'd dan lain-lain bahawa telah sampai berita kepada orang-orang Islam melalui orang-orang yang berulang-alik di antara Syam dengan Madinah bahawa orang-orang Rom telah berkumpul dengan bilangan yang ramai sekali. Bergabung sama dengan mereka ialah orang-orang Arab Nasrani dari Lukhman, Judh'am dan beberapa kabilah lain yang bernaung di bawah pemerintahan Rom dan sudah pun sampai peninjau-peninjau mereka ke negeri Balqa'. Maka Rasulullah s.a.w. pun merayu orang ramai supaya keluar berperang (Muhammad, 1993).

Dianggarkan jumlah tentera Islam yang terlibat sebanyak tiga puluh ribu orang. Mengikut satu riwayat ianya mencecah angka empat puluh ribu orang. Setelah segala-galanya siap maka pasukan tentera Islam pun bergerak menuju ke Tabuk. Namun ketibaan mereka di Tabuk tidak menemui apa tentang daripada musuh. Pihak musuh telah berundur berselerak ke tempat dan kampung halaman masing-masing (Abdul Hadi, 2009).

Rasulullah s.a.w. pulang ke Madinah dari Tabuk pada bulan Ramadhan tahun itu juga (tahun kesembilan hijrah) setelah meninggalkan Madinah hampir dua bulan (Muhammad, 1993: 624). Peristiwa perang Tabuk yang dimenangi oleh umat Islam itu telah menunjukkan Islam kian berkembang dan kian kukuh bertapak.

AYAT-AYAT DI DALAM SURAH AT-TAUBAH YANG BERHUBUNG KAIT DENGAN AL-NUSRAHDI DALAM PEPERANGAN TABUK.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, Allah s.w.t. telah menjelaskan tentang peperangan Tabuk di dalam surah at-Taubah. Daripada surah ini dapatlah diambil beberapa ayat yang menjadi garis panduan pra syarat kepada umat Islam yang berjuang di jalan Allah s.w.t. bagi memperolehi *al-nusrah* daripada Allah s.w.t.. Di antara ayat- ayat tersebut ialah:

- i. Ayat 38-39: Beriman dan mentaati perintah Allah s.w.t. iaitu berjihad di jalanNya

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا مَا لَكُمْ إِذَا قِيلَ لَكُمْ أُنفِرُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ أَتَقْلِمُ إِلَى الْأَرْضِ أَرْضِيُّمْ بِالْحَيَاةِ
الْدُّنْيَا مِنَ الْعَاجِرَةِ فَمَا مَتَّعْ حَيَاةً الدُّنْيَا فِي الْعَاجِرَةِ إِلَّا قِيلَ

Maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu, apabila dikatakan kepada kamu: "Pergilah beramai-ramai untuk berperang pada jalan Allah", kamu merasa keberatan (dan suka tinggal menikmati kesenangan) di tempat (masing-masing)? Adakah kamu lebih suka dengan kehidupan dunia daripada akhirat? (Kesukaan kamu itu salah) kerana kesenangan hidup di dunia ini hanya sedikit juar berbanding dengan (kesenangan hidup) di akhirat kelak. Jika kamu tidak pergi beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah - membela agamaNya), Allah akan menyeksa kamu dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya dan Ia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain, dan kamu tidak akan dapat mendatangkan bahaya sedikitpun kepadaNya. Dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu".

Kepatuhan kepada perintah Allah s.w.t dan melaksanakannya dengan ikhlas merupakan kunci kepada *nusrah* Allah s.w.t. Sebagai seorang muslim, segala perintah Allah s.w.t. perlulah ditaati dan diutamakan berbanding urusan dunia. Apatah lagi perjuangan untuk menegakkan agama Allah s.w.t. Sudah pasti ia akan berlaku pertembungan dengan kesenangan dan kenikmatan dunia yang menariknya agar meninggalkan *jihad fi sabillah*. Jihad menuntut pengorbanan dalam pelbagai sudut, sama ada harta, tenaga atau nyawa. Justeru mereka yang melibatkan diri dalam *jihad fi sabillah* ini perlu bersedia dengan berkorban, terutama apabila datangnya perintah daripada Allah s.w.t.

Lantaran itu ayat-ayat ini memberikan kaum muslimin kefahaman tentang risiko tindakan mereka mengabaikan kewajipan ini, di samping menyedarkan mereka bahawa Allah s.w.t. tidak akan menerima sebarang kecuaian dalam memelihara agamaNya dan menolong NabiNya; dan bahawa tindakan menarik diri daripada memerangi Rom disebabkan oleh

pelbagai kesukaran yang menghalang dikira satu punca kemurtadan dan kemunafikan (Muhammad, 2010).

- ii. Ayat 41: Mujahadah dan kesabaran.

أَنفِرُوا خِفَاً وَثِقَالاً وَجَهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

“Berangkatlah kamu baik dalam keadaan merasa ringan mahu pun berat, dan berjihadlah kamu dengan harta dan dirimu di jalan Allah. Yang demikian itu adalah lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui”.

Berjihad fi sabilillah semestinya memerlukan kepada kesungguhan dan kesabaran. Seperti mana seorang askar yang senantiasa bersedia untuk dipanggil terjun ke medan perang, maka begitulah seorang mukmin yang apabila diseru untuk berjihad, hendaklah dia bersedia menyahut seruan tersebut sama ada dalam situasi yang menyenangkan mahupun dalam keadaan sulit. Dalam masa yang sama sudah menjadi sunnatullah, jihad fi sabilillah menagih pelbagai sudut pengorbanan khususnya harta dan nyawa bagi memperolehi nusrat Allah s.w.t. Di dalam peperangan Tabuk, Rasulullah s.a.w. menyeru kepada sahabat-sahabat r.a. agar menginfakkan harta mereka untuk peperangan tersebut. Dan mereka telah membuktikan pengorbanan mereka dengan menghulurkan pelbagai bentuk sumbangan. Pungutan derma yang berbentuk matawang, barang berharga, senjata, binatang kenderaan dan apa sahaja yang boleh dimanfaatkan untuk bala tentera yang berjihad telah dilancarkan. Orang-orang kaya seperti Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq, Sayyidina Umar bin al-Khattab, Sayyidina Uthman bin Affan dan Abdul Rahman bin Auf menginfakkan banyak harta kekayaan mereka. Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq mendermakan semua harta beliau. Dia tidak meninggalkan di rumahnya selain Allah dan Rasulnya. Diriwayatkan kesemua harta Sayyidina Abu Bakar as-Siddiq ketika itu ialah sebanyak 4000 dinar atau 40,000 dirham. Setengah riwayat mengatakan 10 000 dirham kesemuanya (Abdul Hadi, 2009 & Tarikuddin, 2006).

Mujahadah dan kesabaran orang-orang yang berjihadkan inilah yang akan dibalaskan oleh Allah s.w.t. dengan nusratNya. Itulah yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. di dalam surah al-Hajj ayat 40 yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Allah s.w.t. akan menolong sesiapa yang menolong agamaNya, sesungguhnya Allah Maha Kuat lagi Maha Kuasa”

- iii. Ayat 42-43 dan 92: Ikhlas dan tidak berjihad kerana habuan dunia.

لَوْ كَانَ عَرَضًا قَرِيبًا وَسَفَرًا قَاصِدًا لَاتَّبَعُوكَ وَلَكِنْ بَعْدَثُ عَلَيْهِمُ الْشُّفَّةُ وَسَيَحْلِفُونَ بِاللَّهِ لَوْ أَسْتَطَعْنَا لَخَرْجَنَا مَعَكُمْ يُهْلِكُونَ أَنفُسَهُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَا أَذْنَتْ لَهُمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبُينَ

Maksudnya:

"Kalan yang kamu serukan kepada mereka itu keuntungan yang mudah diperoleh dan perjalanan yang tidak seberapa jauh, pastilah mereka mengikutimu, tetapi tempat yang dituju itu amat jauh terasa oleh mereka. Mereka akan bersumpah dengan (nama) Allah: "Jikalau kami sanggup tentulah kami berangkat bersama-sama mu." Mereka membinaaskan diri mereka sendiri, dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya mereka benar-benar orang-orang yang berdusta. Semoga Allah memaaafkanmu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang), sebelum jelas bagimu orang-orang yang benar (dalam keuzurannya) dan sebelum kamu ketahui orang-orang yang berdusta?"

وَلَا عَلَى الَّذِينَ إِذَا مَا أَتُوكُمْ لِتَحْمِلُهُمْ قُلْتَ لَا أَجِدُ مَا أَحْمِلُكُمْ عَلَيْهِ تَوَلَّوْا وَأَعْيُنُهُمْ تَفِيضُ مِنَ الدَّمْعِ
حَرَّقًا أَلَا يَجِدُوا مَا يُنِفِّقُونَ

Maksudnya:

"Dan tidak juga berdosa orang-orang yang ketika mereka datang kepadamu (memohon) supaya engkau memberi kenderaan kepada mereka, engkau berkata: "Tidak ada padaku kenderaan yang hendak kuberikan untuk membawa kamu", mereka kembali sedang mata mereka mengalirkan airmata yang bercucuran, kerana sedih bahawa mereka tidak mempunyai sesuatu pun yang hendak mereka belanjakan (untuk pergi berjihad pada jalan Allah)".

Di dalam menafsirkan ayat 42-43 ini, Allah s.w.t menjelaskan bahawa segolongan daripada mereka menyatakan keuzuran untuk berperang sedangkan Allah s.w.t telah menyampaikan ancaman dan arahan-arahannya supaya berjihad. Tetapi mereka memberi alasan yang lemah sambil meminta izin daripada Rasulullah s.a.w untuk tetap tinggal tanpa berperang. Sekiranya apa yang diserukan kepada orang munafik itu adalah keuntungan yang dekat dan mudah diperolehi, termasuklah perjalanan yang mudah dan tidak menyusahkan, pasti mereka akan mengikut Nabi, malah segera berangkat. Ini disebabkan kecintaan terhadap keuntungan material merupakan tabiat semulajadi manusia, apatah lagi jika keuntungan itu mudah untuk diperolehi. Orang yang berusaha memperoleh keuntungan seperti itu, dia termasuk orang yang tidak yakin kepada hari kemudian dan segala isinya yang berupa pahala yang kekal dan balasan yang besar, seperti keadaan orang munafik itu. (Al-Maraghiy, 2001)

Manakala pada ayat 92 menjelaskan bahawa kesemua orang-orang yang beriman berlumba-lumba menyahut seruan jihad yang diucapkan oleh Rasulullah s.a.w. Bagi mereka yang tidak mampu mereka datang dengan linangan air mata menyatakan keikhlasan bersedia untuk berjihad. Terdapat satu kumpulan di kalangan Ansar r.a. yang meminta supaya mereka dibawa bersama menunggang mana-mana kenderaan yang boleh ditumpangi. Tiba-tiba tidak ada lagi kenderaan untuk ditunggangi mereka (Abdul Hadi, 2009)

Daripada ayat-ayat ini, dapatlah disimpulkan bahawa keikhlasan dalam berjihad menjadi pra syarat penting bagi memperolehi *nusrah* Allah s.w.t. Manakala kepura-puraan atau berjihad dengan tujuan untuk mendapat habuan dunia akan membawa kepada penyesalan di dunia dan di akhirat.

iv. Ayat 73: Ketegasan terhadap musuh

يَأَيُّهَا الَّذِي جَاهِدَ الْكُفَّارَ وَالْمُنَافِقِينَ وَأَعْلَظَ عَلَيْهِمْ وَمَا أَوْلَهُمْ جَهَنَّمُ وَبِئْسَ الْمَصِيرُ

Maksudnya:

"Wahai Nabi, berjihadlah (melawan) orang-orang kafir dan orang-orang munafik itu, dan bersikap keraslah terhadap mereka. Tempat mereka ialah jahannam. Dan itu adalah tempat kembali yang seburuk-buruknya".

Ketegasan terhadap musuh merupakan aspek penting di dalam *jihad fi sabillah*. Bahkan di antara ciri-ciri golongan Allah s.w.t. (*bizbulah*) dalam surah al-Maidah ayat 54 ialah berlaku tegas terhadap orang-orang kafir. Justeru kepatuhan terhadap perintah Allah tersebut pasti memberikan manfaat kepada orang-orang mukmin yang berjihad dan berperang di jalan Allah s.w.t. Syed Qutb ketika menafsirkan ayat ini menyatakan: Di sana ada tempat-tempat untuk berlemah-lembut dan ada pula tempat-tempat untuk berkasar. Jika masa berlemah-lembut telah berakhir, maka masa berkeras dan berkasar perlu dimulakan. Dan jika masa bersabar telah berlalu, maka masa bertindak tegas perlu dimulakan. Setiap gerakan ada keperluan-keperluannya dan setiap program ada peringkat-peringkatnya. Bersikap lembut kadang-kadang membahayakan dan bersikap menangguh-nangguh kadang-kadang membawa mudarat. Justeru itu amat tepatlah perintah Allah s.w.t. agar orang-orang mukmin bersikap tegas terhadap orang-orang kafir, khususnya ketika di medan jihad (Syed Qutb, 1987).

Oleh kerana itu, orang yang berjihad di jalan Allah s.w.t. perlu memiliki sikap yang tegas terhadap orang-orang kafir yang ingin menghancurkan Islam dan umat Islam. Mereka perlu sedar bahawa orang-orang kafir ini senantiasa mencari jalan untuk melenyapkan umat Islam. Berlunak dengan mereka akan memberikan kesan buruk kepada umat Islam. Apakah lagi ia adalah perintah daripada Allah s.w.t. kepada orang-orang yang berjihad. Sudah pasti ia mempunyai implikasi yang besar kepada Islam dan umatnya. Dan kepatuhan inilah yang akan membawa kepada *nusrah* daripada Allah s.w.t.

KESIMPULAN

Al-Nusrah adalah anugerah Allah s.w.t. kepada orang-orang yang beriman yang berjuang pada jalan Allah s.w.t. Namun ia tidaklah semudah yang disangka dan difikirkan. Dalam masa yang sama kefahaman tentang *al-nusrah* itu perlu difahami dari sudut yang luas, bukan sekadar mencapai kemenangan atau mengalahkan musuh semata-mata.

Dalam meraih *al-nusrah*, Allah s.w.t. telah menyatakan prasyarat-prasyaratnya dan peraturan-peraturannya di dalam al-Quran al-Karim. Ia perlu disempurnakan bagi memperolehi *al-nusrah*. Bahkan kekuatan kebendaan seperti ketenteraan dan persenjataan tidak menjamin keberolehannya. Banyak contoh-contoh yang didatangkan oleh Allah s.w.t. di dalam al-Quran, seperti perang Hunain, kisah Nabi Musa dan pengikut-pengikut dengan Firaun dan bala tenteranya, kisah Nabi Ibrahim dengan Namrud dan sebagainya.

Menerusi kajian terhadap surah at-Taubah dapat disimpulkan bahawa di antara prasyarat-prasyarat *al-nusrah* ialah beriman serta mentaati perintah Allah s.w.t. iaitu berjihad di jalanNya, bermujahadah, bersabar, ikhlas serta tidak berjihad kerana habuan dunia dan ketegasan terhadap musuh. Justeru umat Islam perlu berusaha untuk memenuhi prasyarat-prasyarat ini dalam perjuangan menegakkan agama Allah s.w.t. di atas muka bumi ini.

Prasyarat-prasyarat ini tidak pernah berubah di sepanjang zaman. Maka apabila ia tidak dipenuhi dengan sebaiknya, *al-nusrah* akan ditahan atau ditangguhkan oleh Allah s.w.t.

RUJUKAN

- Abd. Rauf Dato” Haji Hassan. (2015). *Kamus bahasa Arab – Melayu*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang. (2009). *Fiqh al-Harakah dari Sirah Nabawiyah*. Kuala Lumpur: Nufair Street Sdn. Bhd. J. 3.
- Abdullah al-Qari. (1997). Kemenangan Islam dan Para Wali Allah. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers.
- Abu Khalid Marwan. (2009). *Sirah Nabawiyah*. Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid Sdn. Bhd. J. 3.
- Ahmad bin Ahmad bin Muhammad Abdullah al-Tawiil. (2013). *Mubtanayaat Sunwari al-Quran al-Karim*. Riyadh: Madar al-Watan Lil al-Nashr.
- Ahmad Mustafa al-Maraghiy. (2001). *Tafsir al-Maraghiy*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. J. 5.
- Ismail Haqqi Mustafa. (2002). *Ruh al-Bayan fi Tafsir al-Quran*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah. J 1.
- Jamaluddin bin Mukram Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-Arab*. Beirut: Dar al-Sadr. J.6.
- Mahmud bin Umar bin Muhammad al-Zamakhsyari. (1995). *Tafsir al-Kasyaf*. Beirut: Dar al-Kutub Ilmiyyah. J. 2.
- Mahyuddin Sabir. (1999). *Al-Mu'jam al-Arabi al-Asasi*. Al-Munazzomah al-Arabiyyah li al-Tarbiyah wa al-Thaqafah wa al-Ulum.
- Muhammad al-Ghazali. (2010). *Fiqh al-Sirah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd. J. 2.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (1993). *Fiqh al-Sirah*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar. J. 3.
- Noresah bt. Baharom. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safiyu al-Rahman al-Mubarakfuri. (2011). *Al-Rabiq al-Makhtum*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Syed Qutb. (1987). *Fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syurouk. J. 3.
- Tarikuddin Bin Haji Hassan. (2006). *Sejarah Rasul Ulul Azmi Terbesar Nabi Muhammad S.A.W*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.
- Wahbah al-Zuhaili. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Akidah, Syariat dan Manhaj*. Damsyik: Dar al-Fikr. J. 9-10.
- Wahbah al-Zuhaili. (2013). *Al-Tafsir al-Munir: Akidah, Syariat dan Manhaj*. Jakarta: Gema Insani. J. 5.
- Yusuf al-Qaradawi & Muhd Naim A. Salam Yasin. (1989). *Generasi Kemenangan*. Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

BAB 3

DADAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Abur Hamdi Usman¹, Rosni Wazir¹, Norsaleha Saleh¹, Abdul Hadi Awang¹, Suriani Sudi¹ & Syamim Zakwan Rosman¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PENDAHULUAN

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang menjadi agensi peneraju membanteras penyalahgunaan dadah dan substansi di Malaysia yang meliputi:

- i. Pendidikan pencegahan
- ii. Penguatkuasaan dan keselamatan
- iii. Rawatan, perubatan dan pemulihan, dan
- iv. Hubungan antarabangsa

Adapun punca kuasa AADK bagi memainkan peranan tersebut menurut laman sesawang <https://www.adk.gov.my/maklumat-korporat/pengenalan/> adalah seperti berikut:

- i. Akta AADK 2004 (Akta 638)
- ii. Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 (Akta 283)
- iii. Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234)
- iv. Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta 316)
- v. Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakkan Harta) 1988 (Akta 340)

Data 2020 daripada AADK menunjukkan statistik penagih dadah semakin bertambah semenjak 2018 sehingga 2019. Pada tahun 2018, jumlah penyalah guna dan penagih sebanyak 130,788 orang, manakala pada tahun 2019 berlaku peningkatan ketara, iaitu 142,199 orang. Dari sudut jantina pula, sama ada lelaki maupun wanita terus mengalami peningkatan. Dari tahun 2018 umpamanya 125,320 orang, sedangkan pada tahun 2019 adalah 135,869 orang daripada kalangan lelaki. Manakala daripada kalangan wanita pula, pada tahun 2018 kes berkaitan dadah direkodkan sebanyak 5,468 orang dan 6,330 orang pada tahun 2019 (<https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>). Paling merisaukan, statistik yang dikeluarkan oleh AADK menunjukkan penagih Melayu yang semestinya Islam mendominasi berbanding bangsa lain. Merujuk data per kes pada tahun 2014, kes seorang penagih Melayu yang mempunyai satu atau lebih kesalahan dalam tahun semasa adalah berjumlah 17,122 orang dan melonjak kepada 20,820 orang pada tahun 2019 (<https://www.adk.gov.my/orang-awam/statistik-dadah/>).

Didikan agama sudah cukup jelas menunjukkan bahawa agama Islam melarang keras pengikutnya mendekati dadah. Hal ini kerana ia dianggap satu dosa besar memandangkan kesan penagihan dadah itu sendiri yang menyebabkan penggunanya khayal dan mabuk. Pengambilan dadah dilarang oleh agama kerana mendatangkan kemudaratan yang sangat besar kepada pemikiran, emosi, dan tubuh badan sehingga lupa akan tanggungjawab terhadap diri, keluarga, masyarakat, agama, serta mudah hilang pertimbangan akal. Bukan sahaja kerana kesannya yang membinaaskan diri manusia, malah turut mendorong kepada

berlakunya pelbagai masalah jenayah sosial lain apabila penggunanya berada dalam situasi khayalan serta ketagihan akibat salah guna dadah.

Pelbagai rawatan untuk memulihkan ketagihan dadah telah dibincangkan oleh ramai sarjana (Abdul Ghani et al., 2015; Mohamed, 2006; Murad, Ahmad, & Hamsan, 2016). Antara rawatannya ialah pendekatan agama, berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Hasil kajian Abdullah, Abdullah & Ali (2020) mendapati pendekatan secara Islamik adalah lebih berjaya berbanding dengan rawatan secara konvensional. Oleh yang demikian, rawatan secara Islam diberi keutamaan dalam memulihkan ketagihan dadah yang merupakan perkara penting untuk diaplikasikan di setiap institusi, pusat pemulihan dan kalangan keluarga penagih itu sendiri.

Dengan begitu, secara psikologi dan psikospiritual, penagih-penagih ini perlu kembali kepada ajaran Islam yang akan membentuk rohani yang kuat untuk membuang dan menahan ketagihan. Pelbagai agensi dan pusat yang dikendalikan oleh pihak kerajaan dan swasta mencuba keadah dan rawatan yang berasaskan ajaran Islam seperti penggunaan metode yang bermula dengan taubat, kemudian diteruskan dengan solat, zikir, wuduk, usrah, kelas-kelas pengajian dan kuliah, bimbingan al-Quran dan fardhu ain, malah ada yang menggabungkannya dengan kaedah tasawuf (Ghani & Adam, 2014). Penagihan dadah ini adalah hasil dari kombinasi penyakit atau masalah yang melibatkan aspek biologi, psikologi, kemasyarakatan dan kerohanian. Pada satu sisi, setiap satu dari empat aspek ini boleh dilihat punca kepada penglibatan seseorang individu terlibat dengan penyalahgunaan dadah (Jailani & Osman, 2015). Kajian yang dilakukan oleh Ariffin (2017) menyatakan bahawa kesejahteraan rohani memainkan peranan yang besar sebagai faktor pelindung dan faktor pencegah dalam menangani pelbagai permasalahan sosial, termasuklah isu pengulangan dadah.

Bertitik-tolak dari sini, ulasan artikel ditumpukan kepada aspek kerohanian atau psikospiritual yang menjadi salah satu daripada empat komponen yang menyumbang kepada salah laku najis dadah ini. Dibincangkan beberapa ayat al-Quran yang memberi panduan kepada masyarakat dalam menghadapi isu ini.

DEFINISI DADAH

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (Baharom et al., 2005), dadah ialah ubat-ubatan; bahan seperti ganja, heroin, marijuanna, dsb. yang merosakkan atau membinasakan orang yang menggunakan berlanjutan (merosakkan kesihatan, membawa maut, dll.). Dadah adalah bahan atau sebatian kimia yang boleh memudaratkan individu yang menggunakan secara salah atau berlebihan kerana ia mengubah cara minda dan tubuh manusia berfungsi (Mohamed et al. t.th.).

Dalam bahasa Arab, dadah dikenali sebagai *al-mukhaddirat* dan *al-ḥashīshah*. Ibn Manzūr (t.th.) menyebut bahawa dadah itu sendiri berasal daripada beberapa makna, antaranya *al-khadar* yang membawa makna *al-suwaḍ* (hitam gelap/kelam/suram). Sepertimana yang dinukilkhan daripada kalam al-Farrā' istilah ini membawa maksud memutus perhubungan dengan kehidupan dunia. Hal ini bermaksud dadah dapat menyebabkan hilangnya pertimbangan dan kewarasan.

Menurut Ibn Taymiyyah (t.th.) dalam *Majmū'ah al-Fatāwā* dadah atau *al-ḥashīshah* mempunyai kesan yang sama dengan zat memabukkan yang telah diharamkan berdasarkan kesepakatan para ulama. Bahkan setiap zat yang dapat menghilangkan kewarasan akal

adalah haram untuk digunakan walaupun tidak memabukkan.

al-Hashishah telah ditemui pada kurun keenam dan awal kurun ketujuh melalui seorang ketua perkumpulan tasawuf yang di kenali sebagai Haidar pada tahun 658 H. Syeikh itu telah memakan daun tersebut dan beroleh ketenangan, badan merasa cergas dan masalah yang dihadapi telah hilang akibat daripada kesan khayalan *al-hashishah* (Ghani & Adam, 2014; Jami' & Fathi'id, 1999). Dengan begitu, dapat dirumuskan bahawa dadah merupakan apa jua bahan-bahan kimia psikoaktif, semulajadi atau sintetik yang mengubah fungsi asal sistem di dalam tubuh badan penggunanya. Keadaan inilah yang menyebabkan berlakunya pergantungan berterusan iaitu penagihan (Scorzelli, 1987). Dadah adalah salah satu ubatan yang digunakan oleh penagih bagi menghilangkan tekanan perasaan (Abdullah, Abdullah, & Ali, 2020). Dadah juga diperjelaskan sebagai bahan terlarang yang berbahaya kerana mendatangkan kemudarat dan mengancam kesejahteraan serta kefungsian sosial individu, keluarga, komuniti dan negara (Ariffin, 2016).

DADAH MENURUT AL-QURAN

Masalah penagihan dadah adalah masalah yang semakin berleluasa di Malaysia sebagaimana ditunjukkan pada Gambar 1.



Gambar 1. Statistik penyalah guna dadah serta bahan tahun 2018 dan 2019

Meskipun terus mengalami peningkatan yang memberangsangkan, tetapi peranan agama dalam menangani isu dadah telah menunjukkan kesan positif (Wazir et al., 2019). Islam sebagai agama yang meliputi seluruh ruang lingkup kehidupan penganutnya telah menetapkan peraturan, tatacara dan piawaian dalam kehidupan sehari-hari. Oleh itu, penulisan ini mengupas isu penyalahgunaan dadah menurut perspektif al-Quran sebagai sumber utama perundangan dalam Islam.

Sebelum menghuraikan tentang pandangan al-Quran berkaitan dadah, perlu difahami terlebih dahulu berkaitan *maqāṣid al-shari‘ah*. Memandangkan kebanyakan literatur akademik berkaitan fenomena dadah telah diqiyaskan dengan perkataan *al-khamr* yang terdapat dalam al-Quran (Mohd & Kamarulzaman, 2016; Othman, Mahat, & Joni, 2015). *Maqāṣid al-shari‘ah* menurut Ahmad al-Raysūnī (1953), Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia, adalah makna-makna dan hukum yang diamalkan oleh seseorang dalam perkara-perkara yang berhubungkait dengan syarak, seperti menjaga keharmonian, mengambil

kebaikan dan menolak keburukan, mengukuhkan persamaan hak antara manusia dan menjadikan mereka umat yang kuat dan rukun (al-Raysūnī, 1992: 4). Tujuannya menurut Abū Ishaq al-Shāṭibī (1320-1388), pakar hukum Islam Andaluisa, adalah untuk menjaga maslahah syariah pada hamba-hambaNya (al-Shāṭibī, 1997/2: 8). Oleh itu, *maqāṣid al-shari‘ah* adalah matlamat yang ingin dicapai oleh syariat demi kepentingan umat manusia. Dengan demikian dapat difahami bahawa *maqāṣid al-shari‘ah* membahas tentang hukum hakam yang tujuan utamanya ada lima, iaitu untuk memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta (al-Ghazālī, t.th.).

Sehubungan dengan itu, al-Quran menyebutkan menerusi teladan Rasulullah SAW Nabi yang telah mendidik umatnya dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji. Justeru Islam telah menghalalkan kepada penganutnya segala benda yang baik, dan sebaliknya mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk. Allah SWT berfirman dalam surah al-A’raf ayat 157:

... وَيُحِلُّ لَهُمُ الظَّبَابَتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبِيثَ وَيَضْعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَلَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ فَالَّذِينَ
عَامَنُوا بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنْزِلَ مَعَهُ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٥٧﴾

Maksudnya:

... dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya.

Meskipun tidak terdapat sebarang hukum dan larangan yang khusus dari al-Quran atau Hadis Rasulullah SAW tentang larangan mendekati dan menggunakan dadah (Ariffin, 2017), namun secara tersiratnya, di dalam al-Quran melalui Surah al-Baqarah ayat 195 Allah SWT menegah hamba-hambaNya untuk sengaja mencampakkan diri ke dalam bahaya kebinasaan:

وَأَنْفَقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيهِكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٥٥﴾

Maksudnya:

“Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam babaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasih orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.”

Begitu juga dalam surah al-Nisa’ ayat 29, Allah SWT berfirman:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَرَّةً عَنْ تَرَاضِ مِنْكُمْ وَلَا
تَفْتَأِلُوا أَنفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu.

Ayat di atas menegaskan larangan untuk menyebabkan diri peribadi terjerumus dalam jenayah dan kehancuran. Ayat mulia ini disokong dengan sabdaan Rasulullah SAW yang memberikan amaran terhadap individu yang sengaja menceburkan diri dalam kebinasaan dengan balasan api neraka. Daripada Abu Hurairah RA, Nabi SAW bersabda:

مَنْ تَرَدَّى مِنْ جَبَلٍ فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَهُوَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ يَرَدَّى فِيهِ حَالِدًا مُخْلَدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ تَحَسَّى سُمًّا فَقَتَلَ نَفْسَهُ فَسُمُّهُ فِي يَدِهِ يَتَحَسَّاهُ فِي نَارِ جَهَنَّمَ حَالِدًا مُخْلَدًا فِيهَا أَبَدًا وَمَنْ قَتَلَ نَفْسَهُ بِحَدِيدَةٍ فَحَدِيدَتُهُ فِي يَدِهِ يَجْأَهَا فِي بَطْنِهِ فِي نَارِ جَهَنَّمَ حَالِدًا مُخْلَدًا فِيهَا أَبَدًا

[HR. al-Bukhārī, no. 5442]

Maksudnya:

Barang siapa yang sengaja menjatuhkan dirinya dari gunung sehingga mati, maka dia di neraka Jahannam dalam keadaan menjatuhkan diri di (gunung dalam) neraka itu, kekal selama-lamanya. Barang siapa yang sengaja meminum racun hingga mati, maka racun itu tetap di tangannya dan dia menengaknya di dalam neraka Jahannam dalam keadaan kekal selama-lamanya. Dan barang siapa yang membunuh dirinya dengan besi, maka besi itu akan ada ditangannya dan dia tikamkan ke perutnya di neraka Jahannam dalam keadaan kekal selama-lamanya.

Agama Islam mengharamkan penggunaan dadah yang diqiaskan dengan pengharaman arak. Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 90:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخُمُرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رِجْسٌ مِنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (kejji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.

Begitu juga Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 219:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخُمُرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنَافِعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا أَكْبَرٌ مِنْ نَفْعِهِمَا وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنِفِّقُونَ قُلِ الْعَفْوُ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمُ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَنَفَّعُونَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah: "Pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar

daripada manfaatnya dan mereka bertanya pula kepadamu: Apakah yang mereka akan belanjakan (dermakan)? Katakanlah: "Dermakanlah - apa-apa) yang berlebih dari keperluan (kamu). Demikianlah Allah menerangkan kepada kamu ayat-ayatNya (keterangan-keterangan hukumNya) supaya kamu berfikir:

Al-Tabarī (t.th.) menjelaskan bahawa *khamar* adalah setiap minuman memabukkan yang dapat menghilangkan kewarasan akal. Perkara ini menyebabkan dosa besar kerana leka dengan mengingati Allah SWT. Meskipun terdapat manfaat daripada arak namun dosanya adalah lebih besar daripada manfaatnya (Gunardi, 2018). Aspek kerosakan melibatkan sekurang-kurangnya tiga pihak. Pertama peminum arak sendiri akan mendapat kerosakan pada jasmani dan rohani. Hal ini disebabkan peminum menjadi mabuk sehingga hilang kawalan terhadap akal lalu mencarut, memaki, membuat malu di hadapan orang ramai serta meninggalkan solat. Arak juga akan menyebabkan kesihatan peminumnya terganggu, iaitu boleh menyebabkan kerosakan kepada pencernaan makanan dan jantungnya. Kedua arak menjadi penyebab kerosakan kepada masyarakat. Hal ini berlaku apabila peminum arak mabuk menyebabkan hilang pertimbangan dan akan bertindak ganas dengan memukul atau membunuh orang. Ketiga arak akan merosakkan Negara (Manas, & Daud, 2018).

Sekiranya arak itu diharamkan oleh Allah SWT, maka begitu juga statusnya dengan *mufattir* atau dadah. Rasulullah SAW bersabda yang diriwayatkan oleh Ummu Saslamah RA:

عَنْ أُمِّ سَلَمَةَ، قَالَتْ: هَذِهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ كُلِّ مُسْكِرٍ وَمُفَتِّرٍ.

[HR. Abu Dawud, no. 3686]

Maksudnya:

Rasulullah SAW mlarang dari segala yang memabukkan dan yang membuat lemah.

Oleh itu, sepatimana arak yang boleh memabukkan dan mengkhayalkan, maka begitulah juga penggunaan dadah yang boleh menghilangkan pemikiran yang waras. Maka hukum pengharaman arak yang memabukkan terpakai kepada dadah dan kaedah qiyas digunakan terhadap isu ini. Perkara ini sepatimana yang dinyatakan oleh Imam al-Ghazālī (w. 1111) Rahimahullah bahawa setiap benda yang memabukkan dari yang diminum dan dimakan daripadanya adalah haram diqiyaskan hukumnya ke atas arak. Hukum pengharamannya adalah untuk menjaga akal (*hifz al-'aql*) yang merupakan tempat pertimbangan dan pengharaman syarak ke atas arak menunjukkan perhatian yang diberikan kepada maslahah (al-Ghazālī, t.th.).

Ekoran daripada itu, dadah adalah haram hukumnya dari segi syarak. Dalil pengharaman itu berdasarkan kepada keterangan nas yang termasuk dalam pengertian umum benda-benda yang memabukkan atau dengan berqias kepada arak kerana kedua-duanya mempunyai alasan hukum yang sama, iaitu memabukkan atau kerana terdapat dalam dadah keburukan-keburukan terhadap individu dan masyarakat. Dalam hal ini, ulama berpendapat hukuman bagi kesalahan menagih dadah juga turut diqiyaskan kepada hukuman yang dikenakan ke atas kesalahan meminum arak.

Pengharaman dadah dilihat kepada semua benda yang memabukkan adalah haram di sisi Islam, termasuklah semua jenis dadah sama ada dadah jenis baharu atau sebagainya. Ini

kerana, penyalahgunaan dadah akan mengakibatkan kesan buruk dan mudarat yang amat besar kepada penagih. Bertambah jelas dengan adanya dalil-dalil yang menunjukkan tentang pengharaman dadah melalui kaedah *qias illah* terhadap pengharaman arak. Bahkan juga bukan setakat mendatangkan merosakkan kepada individu penagih itu sahaja, malah kerosakan ini mencakupi kerosakan kepada agama, bangsa dan negara memandangkan mereka merupakan aset berharga kepada masyarakat (Ghani, Rashidi, & Wahab, 2014).

KESIMPULAN

Pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Untuk mencapai tujuan ini, seseorang itu perlu meningkatkan faktor pelindung dan mengurangkan faktor berisiko. Dengan wujudnya kekuatan ini, setiap individu akan berjaya mencegah dirinya dari terlibat dengan gejala dadah walaupun ia mudah dan senang diperolehi. Kajian yang dilakukan terhadap punca atau keadaan yang membawa seseorang kepada penagihan adalah kerana lemahnya rohani, ketidakstabilan jiwa, tiada motivasi dalam, kurang keyakinan diri, tiada keazaman yang akhirnya membawa kepada kegagalan jaya diri. Daripada kitab suci al-Quran, perkataan dadah dikaitkan dengan sesuatu yang memabukkan dan menghilangkan kewararasaran akal yang diqiyaskan dalam maksud perkataan *al-khamr* (arak).

PENGHARGAAN

Atikel ini adalah sebahagian daripada hasil kajian bertajuk *Modul Psikospiritual Nabawi Bagi Pemulihan Dadah di Pusat Serenti (Agenzi Anti Dadah Kebangsaan)*. Penulis mengisyiharkan penerimaan sokongan kewangan daripada pihak berikut untuk penyelidikan, karangan, dan / atau penerbitan artikel ini. Artikel ini di bawah sokongan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) KUIS bagi kod dana Geran Penyelidikan Insentif KUIS: 2018/P/GPIK/GPP-003.

RUJUKAN

- Abdul Ghani, A., Maamor, S., Aziz, A. B., Ahmad Razimi, M. S., Elias, H., & Nik Abdullah, N. S. (2015). Kepentingan pendekatan kerohanian sebagai kaedah rawatan penagih tegar dadah: Kewujudan dan inisiatif Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia (PRI (1) M). Dlm. *2nd National Case Study Conference 2015*, 6th- 8th October 2015, Kuching, Sarawak, Malaysia.
- Abdullah, F. I., Abdullah, B., & Ali, M. S. (2020). [Literature review on drug addiction treatment] sorotan kajian rawatan ketagihan dadah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 21(1), 184-192.
- Ariffin, N. M. (2017). Kesejahteraan agama dalam kalangan Bekas Pengguna Dadah (BPD) bagi mengurangkan risiko pengulangan dadah. *Jurnal Pembangunan Sosial Jilid*, 20, 171-188.
- Ariffin, N. M. (2016). *Pengaruh kesejahteraan rohani terhadap kecenderungan pengulangan dadah di tujuh Pusat Khidmat Agenzi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK) di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Baharom, N., et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghani, S. A., & Adam, F. (2014). Pemulihan dadah menurut perseptif agama di Malaysia (Drugs abuse and rehabilitation in religion in Malaysia). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(1), 75-85.
- Ghani, S. B. A., Rashidi, F., & Wahab, B. (2014). Penilaian penyalahgunaan dadah menurut fatwa ulama dari perspektif Islam. *Journal of Business and Social*

- Development*, 2(1), 57-62.
- al-Ghazālī, A. H. (t.th.). *al-Mustaṣfā min Ḥilm al-Uṣūl*. Jeddah: Shirkah al-Madinah al-Munawwarah.
- Gunardi, S. (2018). Arak dan minuman-minuman yang memabukkan menurut pandangan ulama empat mazhab dan fatwa. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 6(2), 61-71.
- Ibn Manzūr, J. (t.th.). *Lisān al-‘Arab*. Jil. 4. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Taymiyyah, T. (t.th.). *Majmu‘ah al-Fatawā*. Jil. 34. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Jailani, M. R., & Osman, A. B. (2015). Integrasi Terapi Psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan TC (Therapeutic Community). In *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*(1-12).
- Jami’, H., Fathi’id, M. 1999. *Dadah dari perspektif Islam*. Kuala Terengganu: Penerbitan Yayasan Islam Terengganu.
- Manas, M. F. A., & Daud, M. N. (2018). Aplikasi Maqasid Syariah terhadap pentafsiran ayat hukum arak dalam Tafsir al-Azhar. *Sains Humanika*, 10(3-4).
- Mohamed, M. N. (2006). *Mencegah, merawat & memulihkan penagihan dadah: beberapa pendekatan dan amalan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Mohamed, Z. I., Husain, H. R., Mohamad, N., Mat, K. C., Omar, S. H. S., & Othman, M. S. (t.th.). Model terapi psikospiritual berdasarkan al-Qur'an terhadap klien kebergantungan opiat yang menjalani Terapi Gantian Metadon (TGM). *Qur'anic Research*, 175.
- Mohd, S. M. S. B. S., & Kamarulzaman, A. (2016). Implementation of an Islamic approach to harm reduction among illicit drug users in Malaysia. In *Islamic perspectives on science and technology* (pp. 269-274). Springer, Singapore.
- Murad, N. A. M., Ahmad, N., & Hamsan, H. H. (2016). Program rawatan dan pemulihan dadah di Pusat Pemulihan Penagihan Dadah, Kuala Lumpur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(3), 14-30.
- Othman, Y. B., Mahat, I. R. B., & Joni, E. K. E. (2015). A Study on Syariah Whipping as Punishment for Drug Dependents in Malaysia. In *Islamic perspectives relating to business, arts, culture and communication* (pp. 475-483). Springer, Singapore.
- al-Raysūnī, A. (1992). *Nazariyah al-Maqāid ‘inda al-Imām al-Shāfi‘ī*. t.tp. al-Muassasah al-Jāmi‘iyah.
- Scorzelli, J. (1987). *Drugs Abuse: Prevention And Rehabilitation In Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Shāfi‘ī, A. I. (1997). *al-Muwāfaqāt*. Jil. 2. Arab Saudi: Dar Ibn ‘Affān.
- al-Ṭabarī, I. J. (t.th.). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Jil. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Wazir, R., Usman, A. H., Saleh, N. M., Sudi, S., Awang, A. H., & Rosman, S. Z. (2019). *Hadis Targhib Dan Tarhib Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah*. *HADIS*, 9(17), 48-64.

BAB 4

PEDOFILIA: PERINGATAN AL-QURAN KEPADA IBUBAPA

Abur Hamdi Usman¹, Rosni Wazir¹, Syarul Azman Shaharuddin¹, Norsaleha Mohd Salleh¹, Mohd Norzi Nasir¹, & Muhammad Fakhrur Razi Shahabudin¹

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

PENGENALAN

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu isu yang terus diperkatakan dan dibincangkan oleh segenap lapisan masyarakat sejak zaman berzaman. Walaupun demikian, pemahaman dan persepsi yang tidak tepat terhadap maksud penderaan seksual menyebabkan kebanyakan kes dianggap masalah dalaman keluarga dan sukar didedahkan sekali gus berlanjutan tanpa mendapat pembelaan sewajarnya. Ia boleh diibaratkan sebagai kes terpendam, sangat komplikated, melibatkan banyak pihak dan sukar dibuktikan (Pipe, Lamb, Orbach & Cederborg 2013). Makin membimbangkan apabila pengetahuan ibu bapa masih lagi kurang berdasarkan kepada pengetahuan mereka mengenai istilah, kewujudan kes dan umur sasaran mangsa pedofilia (Nur Saadah & Siti Aishah, 2017). Tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelbagai kes, kanak-kanak sering menjadi mangsa kerana sikap naif yang ada pada mereka. Kanak-kanak juga sering menyalah anggap akan makna kasih sayang yang ditunjukkan oleh golongan dewasa kepada mereka dan kesempatan ini digunakan oleh segelintir pihak dalam mengeksplotasi makna kasih sayang sehingga berlakunya jenayah seperti pedofilia.

Statistik menunjukkan 89 peratus kes pedofilia dilakukan oleh mereka yang mengenali mangsa secara rapat. Perkara itu didedahkan oleh kajian yang dilakukan oleh panel penyelidik dari Australia yang melaporkan hanya 11.1 peratus kes pedofilia melibatkan individu yang tidak dikenali. Senario itu wujud ekoran tanggapan pelaku pedofilia yang beranggapan mereka berada dalam ‘zon selamat dan selesa’ kerana perbuatan merogol, meliwat dan mencabul mereka tidak akan didedahkan oleh mangsa (<http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/89-peratus-pelaku-pedofilia-mengenali-mangsa-1.339577#ixzz5GJDMqKNY>).

Kes yang menggemparkan Malaysia pada satu ketika iaitu kes pada 2007 berkenaan adik Nurin Jazlin yang ditemui maut dalam keadaan yang menyayat hati, bedah siasat mayat mangsa mendapati bahawa pembunuhan telah memasukkan timun dan terung ke dalam kemaluan mangsa, menyebabkan rektum mangsa pecah hingga dijangkiti bakteria dan membawa maut kepada mangsa. Penderaan seksual mendatangkan kesan negatif dan kritikal. Ia mampu memberikan kesan trauma yang kompleks kepada kehidupan kanak-kanak yang mengalaminya (Steel, Sanna, Hammond, Whipple & Cross, 2004; Hyman, Gold & Cott, 2003). Kesan tersebut akan menghantui pemikiran, emosi, dan tingkah laku kanak-kanak sehingga mereka meningkat dewasa (Browne & Finkelhor, 1986).

Oleh itu, penderaan seksual yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak dan remaja disifatkan menyumbang kepada mereka untuk mengalami masalah mental yang serius (World Health Organization, 2005). Dalam hal ini, ahli keluarga seringkali dikaitkan

dengan penderaan seksual (Finkelhor, Ormrod, Turner & Hamby, 2005) dan pengabaian emosi turut berlaku secara serius terhadap kanak-kanak tersebut (Laaksonen, et al. 2011). Kebanyakan mangsa dilaporkan merasa trauma dan kemudian bertukar mengamalkan tingkah laku ini sebagai satu cara melepaskan kemarahan dan kebencian terhadap pihak yang telah menjadikan mereka mangsa. Terang lagi bersuluh, penderaan seksual menjelaskan kesihatan psikologi seseorang, dan boleh menukar orientasi seksual seseorang, walaupun dia sedar bahawa tingkah laku tersebut bercanggah dengan nilai-nilai dan kepercayaan yang dia dan masyarakat Malaysia pegang (Hassan & Ghazali, 2013).

Penderaan seksual terhadap kanak-kanak merupakan satu bentuk ke ganasan yang boleh mengancam keselamatan dan hak asasi seorang kanak-kanak. Ia meninggalkan kesan yang mendalam terhadap mangsa di mana kanak-kanak ini akan mengalami kecederaan fizikal seperti sakit atau terdapat luka pada bahagian sulit atau dubur selain mengalami trauma emosi dan seksual seperti kemurungan, ketakutan dan kekeliruan. Ketidaaun undang-undang khas berkaitan pornografi, pengantunan (sexual grooming) dan amang seksual dalam perundangan sedia ada telah dikenal pasti antara penyebab berlakunya jenayah seksual terhadap kanak-kanak. Malah sering kali pelaku jenayah tidak berjaya dibawa ke muka pengadilan. Penggubalan Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792) telah menambah baik kelompongan undang-undang tersebut (Ismail, 2019).

Walaupun segelintir pihak memberi tanggapan pedofil sebagai ‘orang gila’, hakikatnya mereka waras, mempunyai niat melakukan jenayah itu dan ada yang dilakukan secara berulang kali. (<https://www.bharian.com.my/node/259503>). Tidak menghairankan apabila Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengalu-alukan persetujuan Bahagian Siasatan Jenayah Seksual dan Penderaan (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman memantau pergerakan pesalah laku seksual, terutamanya pesalah pedofilia yang sudah menjalani hukuman penjara di bawah Akta Pendaftaran Pesalah Laku Seksual. Langkah ini dapat menjamin mereka yang mempunyai kecenderungan melakukan salah laku seksual terhadap kanak-kanak tidak berpeluang untuk mendekati atau menceburi industri yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak, seperti pengasuh taska, pekebun di sekolah atau pemandu bas sekolah.

Secara asasnya pemenjaraan bagi tempoh masa yang panjang di antara 20 hingga 30 tahun merupakan satu cara untuk mengurus penjenayah bagi kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di kebanyakan negara (Finkelhor, 2009) dan tempoh tersebut adalah memadai. Namun di Indonesia, pesalah jenayah seksual kanak-kanak di negara itu dikenakan hukuman kembiri secara kimia dan hukuman mati bagi kesalahan merogol kanak-kanak selain turut dipakai alat penjejak elektronik bagi membolehkan pihak berkuasa mengawal aktiviti mereka sepanjang masa selepas dibebaskan dari hukuman penjara. Pesalah juga akan dimandulkan dengan penggunaan ubat-ubatan tertentu yang mampu untuk merendahkan paras testosteron dan tabiat seksual mereka. Hukuman serupa juga pernah dicadangkan untuk dilaksanakan di India bagi menangani keseriusan jenayah seksual terhadap wanita dan kanak-kanak (Gill & Harrison, 2013).

Selain dari hukuman berat tersebut, Akta ini turut memberi penekanan kepada aspek pemulihan pesalah. Seksyen 26 memperuntukkan kaunseling pemulihan boleh diberikan kepada pesalah sebagai hukuman tambahan ketika menjalani hukuman di penjara. England dan Wales umpamanya telah memperkenalkan program pemulihan pesalah sebagai usaha untuk mengurangkan risiko pengulangan jenayah dalam kalangan pesalah seksual (Wobner, 2016).

Apa yang menjadi kebimbangan adalah perselisihan pendapat para pakar terhadap potensi pesakit pedofilia untuk pulih sepenuhnya. Kebanyakan negara menumpukan kepada pencegahan keberulangan tindakan pedofilia. Pelbagai aspek perawatan wujud seperti ubat-ubat untuk menurunkan libido seperti menurunkan tahap *testosterone* dengan *antiandrogenic therapy*. Ubat lain yang dicuba adalah *Selective-serotonin Reuptake Inhibitors*. Rawatan psikoterapi juga penting. Ada juga rawatan yang dianggap kontroversi untuk menukar orientasi seksual individu tersebut menjauhi dari kanak-kanak seperti *Aversion Conditioning* dan *Masturbatory Reconditioning* (<http://www.mmgazette.com/ini-tentang-paedophilia-dr-zul-azlin/>).

Justeru, artikel menilai isu pedofilia dari sudut perspektif al-Quran sebagai asas tunjangnya dengan menghuraikan beberapa hujah yang menjurus kepada nasihat Qurani terhadap ibubapa dalam mendepani permasalahan pedofilia.

DEFINISI PEDOFILIA

Pedofilia berasal dari kata *Greek* yang bermaksud ‘suka’ (*philio*) ‘kanak-kanak’ (*paedo*). Istilah ini tergolong di dalam gejala keceluaran *paraphilia* (*Paraphilic Disorders*), iaitu satu kategori ‘penyakit’ kecenderungan untuk mendapat kepuasan seks atau keghairahan seksual yang tinggi dengan cara di luar norma kebiasaan. Contoh lain *paraphilia disorders* adalah *voyeurism*, *frotteurism*, *exhibitionist*, dan lain-lain.

Menurut buku *The Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders*, takrifan pedofilia agak spesifik. Pelaku atau pesakit mempunyai fantasi keghairahan seksual dan keinginan seks yang tinggi melibatkan aktiviti dengan kanak-kanak yang belum akil baligh. Sedangkan menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, pedofilia membawa maksud keinginan mengadakan hubungan seks dengan kanak-kanak (Baharom, et al., 2005). Dengan begitu, penyalahgunaan seks ini secara tidak langsung melakukan jenayah atau penderaan seksual kepada mangsa kanak-kanak.

Definisi penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang diterima pakai umum ialah definisi yang diberikan oleh *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF) dan *World Health Organization* (WHO). Menurut UNICEF (2010) dan WHO (1999), penderaan seksual terhadap kanak-kanak ialah penglibatan kanak-kanak dalam kegiatan seksual yang tidak difahaminya dengan baik, yang tidak dapat dipersetujuinya dengan arif, atau yang melanggar undang-undang atau kelaziman masyarakat. Penderaan seksual tersebut merangkumi perbuatan meraba-raba kemaluan, memperkosa, merogol dan menaikkan syahwat kanak-kanak dengan meminta secara tidak berpatutan, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit atau menunjukkan bahan-bahan lucah. Kelakuan yang tidak melibatkan sentuhan seperti mengintai, mendedahkan bahagian tubuh yang sulit dan kata-kata lucah yang diucapkan kepada kanak-kanak juga merupakan penderaan seksual. Selain itu, mengeksplorasi kanak-kanak untuk tujuan pornografi melalui internet dan menggunakan bahan tersebut untuk membolehkan seseorang kanak-kanak itu digunakan oleh orang lain sebagai pelacur juga merupakan suatu bentuk penganiayaan seksual. Lazimnya penderaan seksual terhadap kanak-kanak bertujuan memberi kepuasan seksual kepada orang yang melakukannya.

Berdasarkan wacana di atas, kebanyakan takrifan mengenai penderaan seksual adalah merangkumi tiga bahagian iaitu perbuatan sentuhan, perbuatan tanpa sentuhan, dan pornografi kanak-kanak. Perbuatan sentuhan ialah apabila berlaku interaksi seksual pada bahagian sulit kanak-kanak seperti memasukkan objek ke bahagian sulit, mulut atau dubur, melakukan seks oral dan meliwat, mencium menggunakan lidah, menyentuh secara seksual

iaitu dengan meraba bahagian sulit dan bahagian badan. Manakala perbuatan tanpa sentuhan ialah apabila menunjukkan bahan-bahan lucah kepada kanak-kanak, menggalakkan kanak-kanak dengan kata-kata, menipu, memaksa atau mengugut kanak-kanak untuk melakukan sebarang aktiviti seksual atau pelacuran, membuat pameran, menggalakkan kanak-kanak untuk melihat bahagian sulit, panggilan lucah, menghantar kata-kata lucah, merekod video serta gambar-gambar. Pornografi pula ialah apabila perlakuan seks kanak-kanak itu direkodkan Abd Wahab & Mat Nor, 2018).

Pedofilia juga sebenarnya digolongkan dalam kelompok orientasi seksual meskipun menurut definisi di dalam *Diagnostic Statistical Manual* menyatakan bahawa pedofilia bukan sahaja terjadi apabila individu melakukan tingkah laku rangsangan seksual terhadap kanak-kanak, akan tetapi perbuatan menyimpan, membayangkan serta khayalan terhadap seksual bersama kanak-kanak turut disebut sebagai pedofilia (American Psychological Association, 2000; Eher, Olver, Heurix, Schilling, & Rettenberger, 2015). Justeru itu, setiap kanak-kanak tidak terlepas daripada menjadi mangsa dalam diam bagi si pelaku pedofilia.

Pedofilia dan pencabulan adalah dua benda yang tidak dapat dipisahkan meskipun mempunyai perbezaan dari aspek melakukan salah laku tersebut terhadap kanak-kanak (Feelgood & Hoyer, 2008; Imhoff, 2015). Manakala trauma dalam kehidupan zaman kanak-kanak dilihat menjadi salah satu punca seseorang terjebak ke dalam lumpur ini (Dwi & Farida, 2017).

NASIHAT AL-QURAN TERHADAP IBU BAPA BERKAITAN PEDOFILIA

Pelbagai cara telah dilakukan oleh beberapa negara yang menghadapi peningkatan jumlah kes pedofilia, sehingga menyebabkan kebanyakan negara mengambil insiatif untuk menggandakan hukuman bagi pelaku pedofilia. Malah tidak dinafikan wujud beberapa modul rawatan berdasarkan ubat-ubatan, psikologi dan kauseling. Oleh sebab itu, kefahaman mendalam tentang nasihat al-Quran berkaitan pedofilia dinilai sangat penting untuk dijalankan bagi mengutamakan al-Quran sebagai rawatan dan pencegahan alternatif baru dalam proses pemulihan pedofilia. Justeru, tiada jenis penyakit sama ada penyakit hati mahupun jasmani, melainkan dalam al-Quran terdapat kaedah sebagai terapi penyembuhannya (Ibn Qayyim, 1992). Salah satu bukti daripada wacana ini, dapat dilihat berkaitan penyakit hati dalam diri seseorang. Firman Allah SWT surah al-Rad ayat 28 menawarkan rawatan hati:

الَّذِينَ ءامَنُوا وَتَطَمِّئُنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطَمِّئُ الْقُلُوبُ

Maksudnya:

"(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Selaras dengan itu, al-Quran menegaskan kepada ibubapa untuk sentiasa mengambil berat berkaitan anak-anak, utamanya yang berkaitan dengan masa depan mereka di akhirat kelak. Allah SWT berfirman dalam surah al-Tahrim ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا قُوْمٌ أَنفَسُكُمْ وَأَهْلِيَّكُمْ نَارًا وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلِّيْكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمْرَهُمْ وَيَقْعُلُونَ مَا يُؤْمِنُونَ ⑤

Maksudnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

Ayat ini tegas membuktikan bahawa ibubapa perlu berperanan dalam memelihara diri dan ahli keluarga daripada seksaan neraka. Malangnya, sebahagian daripada ibubapa masih mengabaikan perkara mustahak ini. Jika dihubungkaitkan dengan pedofilia, kajian membuktikan bahawa pengetahuan ibubapa mengenai istilah ini adalah berbeza-beza. Malahan terdapat ibubapa yang tidak pernah mendengar sama sekali berkenaan pedofilia ini, dan ketika temu bual dilakukan merupakan kali pertama mereka mendengar istilah pedofilia tersebut. Meskipun, majoriti daripada ibubapa pernah mendengar istilah pedofilia, namun mereka tidak begitu arif mengenai makna di sebalik istilah pedofilia berkenaan (Mohd Yusof, & Mohamad Aun, 2017).

Begitu juga dengan stigma yang berlegar dalam minda masyarakat berkaitan isu perkahwinan bawah umur yang pada hari ini telah dikaitkan dengan pedofilia. Perkahwinan bawah umur jika menepati syarat dan rukun yang telah ditetapkan adalah sah. Namun begitu, masyarakat seolah-olah tidak dapat menerima perkara ini. Hal ini disebabkan kemungkinan besar terdapat sentimen eksplorasi kanak-kanak, memandangkan kuasa perkahwinan bawah umur memadai dengan persetujuan wali untuk dinikahkan (Usman, Nasir, Mohd Salleh, Shaharuddin, Wazir, & Shahabudin, 2020). Berkaitan tentang dalil kebolehan menikahkan anak bawah umur adalah firman Allah SWT dalam surah al-Talaq ayat 4:

وَاللَّهُ يِسْنَ مِنَ الْمَحِيصِ مِنْ سَاءِكُمْ إِنْ أَرْتَبْتُمْ فَعِدَّتُهُنَّ ثَلَاثَةً أَشْهُرٍ وَاللَّهُ لَمْ يَحْضُنْ وَأُولَئِكُمْ أَلَّا حُمَالٌ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضْعُنَ حَمْلُهُنَّ وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلَ لَهُ وَمِنْ أَمْرِهِ يُسْرًا ﴿٤﴾

Maksudnya:

Dan perempuan-perempuan dari kalangan kamu yang putus asa dari kedatangan haid, jika kamu menaruh syak (terhadap tempoh idah mereka) maka idahnya ialah tiga bulan; dan (demikian) juga idah perempuan-perempuan yang tidak berhaid. Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh idahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya. Dan (ingatlah), sesiapa yang bertaqwa kepada Allah, nescaya Allah memudahkan baginya segala urusannya.

Al-Tabarī (t.th.) berkata: “perempuan-perempuan yang tidak berhaid”, yakni mereka yang masih gadis dan belum sampai pada usia haid. Ayat ini dengan jelas menunjukkan bahawa *iddah* perempuan yang diceraikan apabila dia masih kecil atau belum haid adalah tiga bulan. Begitu juga yang dinyatakan oleh al-Qaṭallānī (t.th.) bahawa bermaksud anak yang kecil yang belum sampai pada tahap atau usia haid.

Selain daripada itu, salah satu faktor punca berlakunya salah laku pedofilia ialah kecuaian ibu bapa yang tidak memberikan pendidikan seks sewajarnya ketika seseorang mencapai usia remaja (Yuninda, et al. 2017). Oleh itu, Islam menuntut ibu bapa untuk cakna dalam perkara pendidikan anak-anak mereka dalam semua bidang, dan yang paling utama adalah

pendidikan akidah dan ibadah. Allah SWT berfirman dalam surah Luqman ayat 13 tentang ajaran menanamkan benih tauhid pada diri kanak-kanak sejak dini:

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانَ لِأُبْنِيهِ وَهُوَ يَعْظُهُ وَيَبْتَئِلُ لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ

Maksudnya:

Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya: "Wabai anak kesayanganku, janganlah engkau memperseketukan Allah (dengan sesuatu yang lain), sesungguhnya perbuatan syirik itu adalah satu kezaliman yang besar".

Dalam perkara ibadah pula, solat umpamanya, Allah SWT menagarahkan ibubapa untuk memerintahkan anak-anak mereka untuk menjaga dan mendirikannya. Allah SWT berfirman dalam surah Taha ayat 132:

وَأَمْرُ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَأَصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْكُلَكَ رِزْقًا نَحْنُ تَرْزُقُكُمْ وَالْعِقَبَةُ لِلِّتَّغْوَى

Maksudnya:

Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepadamu, (bahkan) Kami lah yang memberi rezeki kepadamu. Dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwah.

Al-Quran turut menasihatkan ibubapa agar mendidik anak mereka untuk menjauhi perbuatan zina atau perkara-perkara yang boleh menyebabkan berlakunya zina, seperti tidak menutup aurat, berpakaian seksi, khalwat, pergaulan bebas lelaki dan wanita tanpa had (ikhtilāt), keterlaluan dalam menampakkan perhiasan (*tabarruj*), dan sebagainya (Mohamad, 2015; Sulaiman, Yusoff, Zainuddin, Hisham, & Long, 2017). Allah SWT berfirman dalam surah Isra' ayat 32:

وَلَا تَقْرَبُوا الِّزِّنَى إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya:

"Dan janganlah kalian mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. dan suatu jalan yang buruk."

Ibn Kathīr (w. 774 H) menghuraikan bahawa Allah SWT melarang para hambaNya daripada melakukan zina dan juga perkara yang membawa dekat kepada zina seperti sebab-sebab dan seruan-seruannya (Ibn Kathir, 2000). Oleh itu, Allah SWT memerintahkan kepada orang yang beriman untuk menundukkan pandangannya, sebagaimana firmanNya dalam surah al-Nur ayat 30:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَرْجَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya:

Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman, "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat."

Disebabkan pandangan mata merupakan sumber utama bagi rosaknya hati, seperti yang dikatakan oleh sebahagian ulama Salaf, bahawa pandangan mata itu adalah panah beracun yang menembus hati. Maka Allah SWT memerintahkan agar kemaluan dijaga, sebagaimana pandangan mata turut sama dijaga, disebabkan pandangan mata merupakan pintu laluan menembus hati (Ibn Kathīr, 2000). Dengan begitu, Usaha untuk menutup segala pintu rangsangan seksual daripada lawan jenis atau pesalahlaku pedofilia perlu giat dilakukan, kerana tiada kajian yang membuktikan bahawa pedofilia boleh diubah. Sebaliknya, intervensi yang dibentuk adalah untuk meningkatkan kawalan terhadap rangsangan seksual, mengurangkan keinginan seks, atau kemahiran pengurusan diri kepada individu yang bermotivasi untuk mengelakkan tindakan terhadap tarikan seksual mereka (Seto, 2009; Usman, Wazir, Shaharuddin, Mohd Salleh, Nasir, & Shahabudin, 2020).

KESIMPULAN

Kesan dan impak salah laku pedofilia ini secara halusnya telah merubah persepsi, mentaliti, cara hidup, pergaulan dan sosial pelakunya. Dari sudut psikologinya, pelaku jenayah songsang ini akan mengalami pelbagai masalah dari sudut tekanan emosi, kemurungan, hilang keyakinan diri, dipulau oleh masyarakat, dsb. Maka al-Quran sebagai sumber perundangan Islam yang pertama diyakini mampu memainkan peranan pentingnya dalam mencerakin *ashab nuzul* sesuatu ayat mahupun hukum di dalam Islam yang membawa kepada resolusi yang tersemat di dalam intipati pengajaran ayat ilahi.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2018. No Geran: 2018/RC/GPIK-INHAD/003, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) yang bertajuk ‘Psikoterapi Qurani dan Nabawi Bagi Pemulihan Salah laku Pedofilia di Malaysia’.

RUJUKAN

- Abd Wahab, N. & Mat Nor, M. F. (2018). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: Penambahbaikan Perundangan Berkaitan Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak di Malaysia. *Journal of Muwafaqat*, 1(1), 37-55.
- al-Jawziyyah, I. Q. (1992). *Zād al-Ma‘ād fi Hadyi Khair al-Tbād*. Jil. 4. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- American Psychiatric Association (APA). (2000). *Diagnostic and Statistical manual of Mental Disorders*. 4th ed, text revision. Washington, DC: American Psychiatric Association.
- Anon. (2015). *Akses Laman Lucah Kanak-Kanak*. 14 Julai. Putrajaya: Bahagian Dasar KPWKM.
- Baharom, N. et al. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Browne, A., & Finkelhor, D. (1986). Impact of child sexual abuse: A review of the research. *Psychological bulletin*, 99(1), 66.
- Dwi Kurniawan & Farida Hidayati. (2017). Penyalahgunaan Seksual Dengan Korban Anak-Anak: Studi Kualitatif Fenomenologi Terhadap Pelaku Penyalahgunaan Seksual dengan Korban Anak-Anak. *Jurnal Empati*, Januari, Volume 6(1), 120-127
- Eher, R., Olver, M. E., Heurix, I., Schilling, F., & Rettenberger, M. (2015). Predicting reoffense in pedophilic child molesters by clinical diagnoses and risk assessment. *Law and human behavior*, 39(6), 571.

- Feelgood, S., & Hoyer, J. (2008). Child molester or paedophile? Sociolegal versus psychopathological classification of sexual offenders against children. *Journal of Sexual Aggression*, 14(1), 33-43.
- Finkelhor, D. (2009). The prevention of childhood sexual abuse. *The future of children*, 169-194.
- Finkelhor, D., Ormrod, R., Turner, H., & Hamby, S. L. (2005). The victimization of children and youth: A comprehensive, national survey. *Child maltreatment*, 10(1), 5-25.
- Gill, A. K & Harrison, K. (2013). Sentencing Sex Offenders in India: Retributive Justice versus Sex-Offenders Treatment Programmes and Restorative Justice Approaches. *International Journal of Criminal Justice Sciences*, 8(2), 166-181.
- Hassan, A., & Ghazali, S. (2013). Sexual Abuse and Childhood Traumatic Experience: A Case Study on the Psychological Health of Transsexuals in Malaysia. *International Journal of Environment, Society and Space*, 1 (1), 33-42
- <http://www.mmgazette.com/ini-tentang-paedophilia-dr-zul-azlin/> (dilayari pada 23 Mei 2018).
- [http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/89-peratus-pelaku-pedofilia-mengenali-mangsa 1.339577#ixzz5GJDMqKNY](http://www.utusan.com.my/berita/jenayah/89-peratus-pelaku-pedofilia-mengenali-mangsa-1.339577#ixzz5GJDMqKNY) (dilayari pada 23 Mei 2018).
- <https://www.bharian.com.my/node/259503> (dilayari pada 23 Mei 2018).
- Hyman, S. M., Gold, S. N., & Cott, M. A. (2003). Forms of social support that moderate PTSD in childhood sexual abuse survivors. *Journal of Family Violence*, 18(5), 295-300.
- Ibn Kathīr, A. F. (2000). *Tafsīr al-Qur'ān al-'Azīz*. Jil. 9 & 10. Kaherah: Maktabah Aulad Syeikh lil Turath.
- Ismail, S. (2019). Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017: pemakaian dan pelaksanaannya di Malaysia. *Journal of Law and Governance*, 2(1), 39-50.
- Laaksonen, T., Sariola, H., Johansson, A., Jern, P., Varjonen, M., von der Pahlen, B., ... & Santtila, P. (2011). Changes in the prevalence of child sexual abuse, its risk factors, and their associations as a function of age cohort in a Finnish population sample. *Child abuse & neglect*, 35(7), 480-490.
- Mohd Yusof, S. A., & Mohamad Aun, N. S. (2017). Pengetahuan Ibu bapa Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. *Jurnal Wacana Sarjana*, 1(1). Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jws/index.php/jws/article/view/36>.
- Mohamad, N. I. (2015). Khalwat: keperluan kepada hukuman sebat dan alternatif. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 19, 1-8.
- Nur Saadah Mohamad Aun & Siti Aishah Mohd Yusof. (2017). Pengetahuan Ibu Bapa di Kawasan Dengkil Berkenaan Pedofilia Terhadap Kanak-Kanak. *E-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, special issue, 3, 1-11.
- Pipe, M. E., Lamb, M. E., Orbach, Y., & Cederborg, A. C. (Eds.). (2013). Child sexual abuse: Disclosure, delay, and denial. New York: Routledge.
- al-Qaṭallānī, S. A. (t.th.). *Irshād al-Sāri li Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 12. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Seto, M. C. (2009). *Pedophilia. Annual Review of Clinical Psychology*, 5:391-407. <https://doi.org/10.1146/annurev.clinpsy.032408.153618>.
- Steel, J., Sanna, L., Hammond, B., Whipple, J., & Cross, H. (2004). Psychological sequelae of childhood sexual abuse: Abuse-related characteristics, coping strategies, and attributional style. *Child Abuse & Neglect*, 28(7), 785-801.
- Sulaiman, M., Yusoff, Z. S., Zainuddin, A. M., Hisham, A. I. I., & Long, A. (2017). Pemeliharaan Maslahah di Sebalik Pensyariatkan Konsep Berpakaian Wanita Menurut Islam. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1).
- al-Ṭabarī, I. J. (t.th.). *Tafsīr al-Ṭabarī*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- United Nations International Children's Emergency Fund (UNICEF) Malaysia. (September, 2010). *Penderaan Kanak-kanak: Penderaan Seksual*. <https://www.unicef.org/malaysia/GetonBoard-Fakta-Penderaan-Seksual.pdf>.
- Usman, A. H., Wazir, R., Shaharuddin, S. A., Mohd Salleh, N., Nasir, M. N., & Shahabudin, M. F. R. (2020). Maqam Sabar dalam Psikoterapi Pemulihan Pedofilia: Kajian Terhadap Qūt al-Qulūb Syeikh Abū Ṭālib Al-Makkī (W. 996 M). *Al-Iryyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 293-301. Retrieved from <http://al-iryyad.kuis.edu.my/index.php/aliryyad/article/view/96>.
- Usman, A. H., Nasir, M. N., Mohd Salleh, N., Shaharuddin, S. A., Wazir, R., & Shahabudin, M. F. R. (2020). Elemen Anti Pedofilia Menurut Hadis Perkahwinan Rasulullah SAW Bersama ‘Ā’isha RA. *HADIS*, 10(19), 551-561. Retrieved from <http://hadis.kuis.edu.my/index.php/inhad/article/view/81>
- Wöbner, G. (2016). Women and Children as Victims of Sex Offenses: Crime Prevention by Treating the Offenders? In *Women and Children as Victims and Offenders: Background, Prevention, Reintegration* (pp. 525-556). Springer, Cham.
- World Health Organization (WHO). (1999). *WHO Consultation on Child Abuse Prevention*. http://www.who.int/violence_injury_prevention/resources/publications/en/guide_lines_chap7.pdf.
- Yuninda Tria Ningsih, et. al. (2017). Dinamika Psikologis Anak Korban Pedophilia Homoseksual: Sebuah Studi Fenomenologis. *Jurnal RAP UNP*, Vol. 8, No. 1, Mei, hal. 113-122.

BAB 5

MEMAHAMI ASBAB AL-NUZUL: SOROTAN DARI ASPEK FAEDAH DALAM PENTAFSIRAN AL-QURAN

Khairunnisa Ismail¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

PENDAHULUAN

Menjadikan al-Quran sebagai petunjuk bagi insan mengharungi kehidupan di dunia secara baik dan terpimpin merupakan antara maqasid ia diturunkan. Justeru, ayat-ayat al-Quran yang turun meliputi setiap aspek kehidupan termasuk akidah, iman, perkara-perkara ghaib, kisah para nabi dan umat terdahulu.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang menjadi kemesyikilan dalam kalangan sahabat yang dirujuk kepada Rasulullah SAW sehingga menyebabkan turunnya ayat-ayat atau surah berkaitan persoalan yang diajukan atau berlaku insiden yang menyebabkan turun ayat berkaitan peristiwa yang terjadi. Inilah yang dikenali sebagai asbab al-nuzul iaitu elemen penting dalam pentafsiran sesuatu ayat atau surah al-Quran.

Asbabun Nuzul adalah satu daripada cabang yang menjadi jambatan penghubung kepada pemahaman yang lebih mendalam terhadap sesuatu ayat al-Quran. Mempelajari ilmu ini menjadi prasyarat bagi memahami dengan lebih jelas dan tepat setiap tafsiran berkaitan sesuatu ayat, sekaligus membantu mengetahui lebih lanjut tentang konteks dan tujuan sesuatu hukum itu disyariatkan.

DEFINISI ASBAB AL-NUZUL

Asbab al-nuzul berakar daripada dua perkataan Arab iaitu Asbab (أسباب) dan al-Nuzul (النَّزُول). Asbab merupakan jamak kepada sabab (سبب) iaitu sesuatu yang menyampaikan kepada yang lain. (Ibn Manzur, 1997) Manakala al-nuzul (النَّزُول) bermaksud melepaskan. (Ibn Manzur, 1997) Dalam konteks al-Quran, al-nuzul bermaksud penurunannya secara sekaligus dari Luh Mahfuz ke Bayt al-Izzah, di langit dunia dan kemudian kepada Nabi Muhammad SAW secara beransur-ansur selama 23 tahun. (Al-Suyuti, 2002)

Secara teminologinya, asbab al-nuzul boleh diterjemah sebagai sebab-sebab penurunan sesuatu ayat dan surah al-Quran atau maklumat mengenai latar belakang penurunan sesuatu ayat dan surah al-Quran. Oleh itu, Asbab al-Nuzul dari segi istilah boleh difahami sebagai maklumat sebab-sebab turun ayat sama ada yang mengandungi sebab atau yang menjawab persoalan yang ditimbulkan atau menjelaskan sesuatu hukum ketika berlakunya sebab itu tadi. Dengan memahami asbab al-nuzul ayat-ayat al-Quran, pengkaji akan lebih mudah memahami erti sesuatu ayat dan lebih menjamin tafsiran yang dibuat adalah bertepatan dengan kehendak ayat. (Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, 1996)

PENDIRIAN ULAMA TERHADAP ASBAB AL-NUZUL

Hampir keseluruhan ulama sepakat berhubung kepentingan mengetahui asbab al-nuzul. Menurut Dr. Subhi al-Salih, sesetengah ulama tidak membenarkan mereka yang jahil tentang asbab al-nuzul untuk mentafsirkan sebarang ayat al-Quran. Ibn Taymiyyah dalam Muqaddimah fi Usul al-Tafsir berpendapat bahawa mengetahui asbab al-nuzul menolong seseorang pembaca al-Quran memahami makna ayat kerana mengetahui kejadian turunnya itu memberikan dasar untuk mengetahui penyebabnya. (Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, 1996)

Ibn Daqiq al-Id berpendapat mengetahui asbab al-nuzul ayat merupakan jalan yang terang ke arah memahami makna al-Quran. Malah al-Wahidi secara tegas menyatakan bahawa sesuatu ayat itu tidak mungkin dapat ditafsirkan dengan sempurna tanpa terlebih dahulu diketahui latar belakang cerita mengenainya dan memiliki keterangan-keterangan tentang turunnya sesuatu ayat. (Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, 1996)

Terdapat banyak karya-karya berhubung asbab al-nuzul. Antaranya:

1. Asbab al-Nuzul oleh Syeikh al-Muhaddithin, Ali ibn al-Madini.
2. Asbab al-Nuzul oleh Imam al-Wahidi al-Naysaburi.
3. Asbab al-Nuzul oleh al-Hafiz Ibn Hajar al-Asqlani.
4. Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul oleh Jalaluddin al-Suyuti.

SUMBER ASBAB AL-NUZUL

Untuk mengetahui asbab al-nuzul, para ulama berpegang kepada riwayat yang sahih daripada Rasulullah SAW, atau para sahabat RA. Riwayat pada sahabat RA mengenai perkara ini diterima jika ia secara jelas menunjukkan asbab al-nuzul, bukan ijtihad dan disandarkan (*marfu'*) kepada Rasulullah SAW. Menurut al-Wahidi:

Tidak halal menggunakan akal dalam asbab al-nuzul kecuali berdasarkan ke atas riwayat atau mendengar secara langsung daripada orang-orang yang meyaksikan turunnya, mengetahui sebab-sebabnya dan membahas pengertiannya serta bersungguh-sungguh dalam mencarinya.”(Manna al-Qattan, 1997)

Metodologi yang digunakan oleh ulama salaf ini menunjukkan mereka amat berhati-hati dalam memperkatakan mengenai asbab al-nuzul. Menurut Muhammad Ibn Sirin (seorang tabiin Basrah, tokoh hadis m110H):

“Apabila kutanyakan kepada Ubaydah mengenai satu ayat al-Quran, dia menjawab: “Bertakwalah kepada Allah SWT dan berkatalah benar. Orang-orang yang mengetahui tentang al-Quran diturunkan telah meninggal.”

Maksudnya ialah para sahabat RA. Jika ilmuwan seperti Ibn Sirin sendiri sangat berhati-hati mengenai riwayat asbab al-nuzul, apakah lagi kita. Oleh itu, pegangan terhadap riwayat mengenai asbab al-nuzul adalah terhadap riwayat-riwayat daripada sahabat RA yang bersanad dan secara pasti menunjukkan asbab al-nuzul. (Al-Suyuti, t.t)

Bagi kategori *qawl al-tabiin*, al-Suyuti berpendapat, jika ia benar menunjukkan asbab al-nuzul, maka ucapan itu dapat diterima dan dihukumkan mursal, dengan syarat penyandaran kepada tabiin itu benar dan termasuk salah seorang imam tafsir yang

menerima ilmu dari sahabat seperti Mujahid, Ikrimah dan Sa'id ibn Jubayr serta didokong oleh hadis mursal yang lain. (Al-Suyuti, t.t)

Al-Wahidi dalam kritikannya terhadap ulama pada zamannya berhubung kecuaian mereka tentang riwayat asbab al-nuzul melabelkan mereka sebagai pendusta dan akan menerima ancaman berat.(Manna al-Qattan, 1997).

PENENTUAN RIWAYAT ASBAB AL-NUZUL

Sesuatu riwayat hadis itu, dikategorikan sebagai asbab al-nuzul menerusi ungkapan yang digunakan. Bentuk ungkapan ini boleh jadi berupa pernyataan tegas, jelas mengenai sebab dan boleh jadi berupa pernyataan yang mengandungi kemungkinan.

a. Ungkapan Yang Jelas

Dalam kategori ini, ia dibahagikan kepada dua iaitu:

- i. Bentuk pertama ini ialah jika seseorang perawi mengatakan: “Sebab nuzul ayat ini ialah begini”
- ii. Bentuk kedua ialah dengan menggunakan *fa' ta'qibiyah* (فَاعْقِبِيَّةٌ) (seperti maka turunlah ayat ini (yang sebelumnya didahului dengan peristiwa). Contohnya perawi mengatakan: “Telah berlaku peristiwa begini”, maka turunlah ayat ini.”

b. Ungkapan Yang Berkemungkinan Mengandungi Sebab

Bentuk ungkapan dalam kategori ini boleh jadi menerangkan sebab nuzul atau sekadar hanya menjelaskan kandungan hukum ayat. Dalam hal ini, perawi tidak dapat memastikan sebab nuzul. Kategori yang kedua ini juga terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Contohnya jika perawi mengatakan: “Aku menganggap, ayat ini turun mengenai perkara ini.” Maksud ungkapan sebegini boleh jadi tentang sebab nuzul ayat dan boleh jadi juga tentang kandungan hukum ayat tersebut.
- ii. Contohnya jika perawi mengatakan: ‘Aku tidak menganggap ayat ini turun kecuali megenai hal begini.’

Al-Zarkasyidalam al-Burhan menyatakan kebiasaan para sahabat dan tabiin, apabila mereka menggunakan ungkapan kategori yang kedua ini, maka yang dimaksudkan ialah ayat itu mengandungi hukum sesuatu urusan, bukan menjadi sebab turunnya ayat. Pendapat sahabat ini termasuk ke dalam jenis kesimpulan hukum dengan ayat, bukan jenis khabar (penukilan) mengenai sesuatu kenyataan yang berlaku. (Al-Suyuti, 2002)

ISU KAEDAH: PENGAJARAN AYAT ADALAH MENERUSI LAFAZ YANG UMUM BUKAN SEBAB YANG KHUSUS

Setiap peristiwa yang melatarbelakangi asbab al-nuzul pasti didokongi oleh unsur-unsur watak, masa, latar, situasi dan faktor yang menyebabkan ia terjadi. Berdasarkan pernyataan di atas, kita fahami pengajaran ayat tidak hanya terbatas kepada watak yang terlibat semasa ayat diturunkan sahaja tetapi melibatkan semua orang selama mana ayat tersebut bersifat umum. Penghususan sesuatu ayat adalah merujuk kepada watak dalam sesuatu peristiwa sedangkan umum lafaz itu merujuk kepada peristiwa. Walau bagaimanapun, kedua-duanya tidak terlepas daripada peristiwa yang berlaku.

Sehubungan itu, dalam konteks memahami makna ayat, timbul persoalan, adakah pengajaran atau hukum sesuatu ayat itu dilihat berdasarkan lafaz yang umum atau sebab yang khusus. Para ulama Usul berbeza pendapat berhubung hal ini. Jumhur ulama berpendapat pengajaran ayat adalah mengikut lafaz yang umum bukan sebab yang khusus. Menerusi kaedah ini, ayat yang bersifat umum, diterapkan kepada lafaz yang umum meskipun sebab turunnya berdasarkan kepada satu peristiwa atau pertanyaan tertentu. Akasnya ayat yang bersifat khusus diterapkan kepada lafaz yang khusus.

Contoh ayat yang bersifat umum ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 222:

وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذَى فَاعْتَرِلُوا النِّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّىٰ يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطْهَرْنَ فَأُثْوِرْنَ مِنْ حَيْثُ أَمْرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ

Maksudnya:

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: "Haid itu adalah suatu kotoran". Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid; dan janganlah kamu mendekati mereka, sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang bertaubat dan menyukai orang-orang yang mensucikan diri.

Ayat ini turun secara umum tentang wanita yang didatangi haid. Dalam satu riwayat, Anas berkata:

"Jika isteri orang-orang Yahudi haid, mereka dikeluarkan dari rumah, tidak diberi makan dan minum dan di dalam rumah tidak boleh bersama-sama. Lalu Rasulullah ditanya tentang hal itu, maka Allah menurunkan ayat ini. Kemudian kata Rasulullah SAW: "Bersama-sama lah dengan mereka di rumah, dan buatlah apa sahaja kecuali hubungan badan."

[Hadis Riwayat al-Bukhari]

Contoh ayat yang bersifat khusus ialah firman Allah SWT dalam surah al-Layl ayat 17-21:

وَسَيُجَنِّبُهَا الْأَنْقَىٰ . الَّذِي يُؤْتِي مَا لَهُ يَتَرَكٌ . وَمَا لِأَحَدٍ عِنْدَهُ مِنْ نِعْمَةٍ تُجْزَىٰ . إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ رَبِّهِ الْأَعْلَىٰ .
وَلَسَوْفَ يَرْضَىٰ

Maksudnya:

Dan akan dijauhkan darinya (neraka) orang yang paling bertakwa. yang menginfakkan hartanya (di jalan Allah) untuk membersihkan (dirinya), dan tidak ada seorangpun memberikan suatu nikmat padanya yang harus dibalasnya, tetapi (dia memberikan itu semata-mata) karena mencari keridaan Tuhan Yang Mahatinggi.

Ayat-ayat di atas adalah mengenai Abu Bakar RA. Perkataan الأَنْقَىٰ yang bermaksud orang yang paling bertakwa yang merujuk kepada individu tertentu yang dikhawasukan untuk orang tertentu. Menurut al-Wahidi, الأَنْقَىٰ maksudnya ialah Abu Bakar al-Siddiq RA menurut pendapat ahli tafsir. (Manna' al-Qattan, 1997)

Contoh sebab nuzul bersifat khas, sedangkan ayat yang turun berbentuk am, firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 6:

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ أَزْوَاجَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنفُسُهُمْ فَشَهَادَةُ أَحَدٍ هُمْ أَرْبَعُ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ. وَالْخَامِسَةُ أَنَّ لَعْنَةَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ . وَيَدْرُأُ عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعَ شَهَادَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ. وَالْخَامِسَةُ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ.

Maksudnya:

Dan orang-orang yang menuju isteri-isteri mereka, dan tidak ada bagi mereka saksi-saksi kecuali diri mereka sendiri," maka kesaksian seorang dari mereka empat sumpah dengan Allah, sungguh dia termasuk orang-orang yang benar."Dan yang kelima; bahwasanya lakan Allah atasnya, jika dia termasuk orang-orang yang berdusta." Dan menghindarkan darinya hukuman jika dia bersaksi empat sumpah dengan nama Allah, sungguh dia termasuk orang-orang yang berdusta. Dan yang kelima; bahwasanya murka Allah atasnya jika dia termasuk orang-orang yang benar."

Jumhur ulama berpendapat bahawa dalam konteks ini, yang menjadi pegangan ialah lafaz yang am melangkaui sebab yang khas. Ayat ini adalah mengenai hukum li'an yang berhubungkait dengan tuduhan Hilal bin Umayyah kepada isterinya. Hukum yang diambil daripada lafaz yang am ini bukan sahaja mengenai peristiwa Hilal tetapi dilaksanakan juga untuk kes yang sama tanpa memerlukan dalil yang lain. (Manna' Qattan, 1997)

FAEDAH MENGETAHUI ASBAB AL-NUZUL

Terdapat beberapa faedah yang dikenalpasti oleh ulama dalam mengetahui asbab al-nuzul. Antaranya:

1. Menyingkap hikmah di sebalik pensyariatan hukum dan mengetahui perhatian syarak terhadap maslahat umum dalam menangani isu-isu semasa sebagai rahmat kepada ummah seluruhnya.
2. Memberi had hukum-hukum yang diturunkan dengan sebab-sebab yang berlaku, jika hukum itu dinyatakan dalam bentuk am. Pernyataan ini merujuk kepada:

العبرة بعموم اللفظي لا بخصوص السبب

3. Apabila lafaz yang diturunkan itu bersifat am dan ada dalil yang menunjuk pengkhususannya, maka adanya asbab al-nuzul menghadkan pengkhususan itu hanya terhadap selain bentuk sebab. Dan tidak dibenarkan mengeluarkannya (dari cakupan lafaz yang am itu, kerana masuknya bentuk sebab ke dalam lafaz yang am itu bersifat qat'I (pasti dan tidak boleh berubah). Maka ia tidak boleh dikeluarkan melalui ijtihad, kerana ijtihad bersifat zanni (dugaan). Pendapatini dijadikan sebahagian besar pegangan ulama. Contohnya firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 23-24:

إِنَّ الَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ الْغَافِلَاتِ لَعْنَوا فِي الدُّنْيَا وَالْآءَخْرَةِ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ يَوْمَ تَشَهَّدُ عَلَيْهِمْ أَسْتَنْتُهُمْ وَأَيْدِيهِمْ وَأَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ يَوْمَئِذٍ يُوَفَّى هُمُ اللَّهُ دِينَهُمُ الْحَقُّ وَيَعْلَمُونَ أَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ الْمُبِينُ

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang menuduh wanita yang baik-baik, yang lengah lagi beriman (berbuat zina), mereka kena lakanat di dunia dan akhirat, dan bagi mereka azab yang besar, Pada hari (ketika), lidah, tangan dan kaki mereka menjadi saksi atas mereka terhadap apa yang dahulu mereka kerjakan. Di hari itu, Allah akan memberi mereka balasan yang setimpal menurut semestinya, dan tahulah mereka bahwa Allah-lah yang Benar, lagi Yang menjelaskan (segala sesutatu menurut hakikat yang sebenarnya).

Ayat ini turun berkaitan Aisyah secara khusus atau bahkan isteri-isteri yang lain. Menurut Ibn Abbas:

“Ayat tersebut berhubungkait dengan Aisyah dan isteri-isteri Nabi. Allah tidak menerima taubat orang yang melakukan perbuatan itu, tetapi menerima taubat orang yang menuduh seorang perempuan yang beriman selain isteri-isteri Nabi.”

Kemudian Ibn Abbas membacakan ayat 5, Surah al-Nur. Atas dasar ini, maka penerimaan taubat orang yang menuduh zina dalam ayat ini (ayat 5), adalah daripada khas kepada am, tidak merangkumi tuduhan terhadap Aisyah dan isteri-isteri Nabi kerana dalam isu ini, tidak ada taubatnya kerana sebab orang yang menuduh Aisyah dan isteri-isteri Nabi termasuk dalam rangkuman makna lafadz yang umum yang bersifat qat'i (ayat 23).

4. Cara terbaik memahami al-Quran dan menyingkap kesamaran ayat-ayat yang tidak dapat ditafsirkan tanpa diketahui terlebih dahulu sebab turunnya. Contohnya firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 188:

لَا تَحْسِنَ الَّذِينَ يَفْرَحُونَ بِمَا أَتَوْا وَيُجْبُونَ أَنْ يُحْمِدُوا بِمَا لَمْ يَفْعَلُوا فَلَا تَحْسِنَهُمْ بِمَفَازَةٍ مِّنْ
الْعَذَابِ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya:

Janganlah sekali-kali kamu menyangka, bahwa orang-orang yang gembira dengan apa yang telah mereka kerjakan dan mereka suka supaya dipuji terhadap perbuatan yang belum mereka kerjakan janganlah kamu menyangka bahwa mereka terlepas dari seksa, dan bagi mereka seksa yang pedih.

Marwan al-Hakam tidak boleh memahami ayat di atas dengan anggapan semua orang yang bersifat dengan ayat di atas tidak akan terlepas daripada azab Allah SWT. Lalu beliau menyuruh penjaga pintu rumahnya bertemu Ibn Abbas bagi mendapatkan penjelasan. Ibn Abbas menjelaskan ayat ini tidak ada kena-mengena dengan Marwan sebaliknya ia adalah mengenai sikap golongan Ahli Kitab yang suka menyembunyikan kebenaran dan berdusta terhadap Rasulullah SAW.

Contoh lain ialah firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 158:

إِنَّ الصَّفَا وَالْمُرْوَةَ مِنْ شَعَابِ اللَّهِ فَمَنْ حَجَّ الْبَيْتَ أَوْ أَعْتَمَرَ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِ أَنْ يَطَوَّفَ بِهِمَا
وَمَنْ تَطَوَّعَ خَيْرًا فَإِنَّ اللَّهَ شَاكِرٌ عَلَيْمٌ

Maksudnya:

Sesungguhnya Safa dan Marwa adalah sebahagian dari syi'ar Allah. Maka barang siapa yang beribadah haji ke Baitullah atau ber'umrah, maka tidak ada dosa baginya mengerjakan sa'i antara keduanya. Dan barangsiapa yang mengerjakan snatu kebaikan dengan kerelaan hati, maka sesungguhnya Allah Maha Mensyukuri kebaikan lagi Maha Mengetahui.

Lafaz pada ayat ini secara amnya tidak menunjukkan bahawa sa'i itu wajib, sebab tiada dosa untuk mengerjakannya. Sebahagian ulama berpendapat sedemikian kerana berpegang kepada pengertian umum ayat. Walau bagaimanapun, perkara ini dijelaskan oleh Aisyah bahawa ayat ini turun disebabkan perasaan berat hati para Sahabat RA untuk melakukan sa'i kerana dibayangi perlakuan orang-orang terdahulu yang menyembah berhala di kedua-dua bukit tersebut. Lalu Allah menurunkan ayat ini. "Selain itu, Rasulullah juga telah menjelaskan sa'i di antara kedua-duanya. Maka tak seorang pun dapat meninggalkan sa'i di antara keduanya."(Manna' al-Qattan, 1997)

5. Menerangkan mengenai siapa sesuatu ayat diturunkan sehingga tidak digunakan kepada orang lain. Contohnya firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf ayat 17:

وَالَّذِي قَالَ لِوَالِدَيْهِ أُفِّ لَكُمَا أَتَعِدَانِي أَنْ أُخْرَجَ وَقَدْ حَلَتِ الْقُرُونُ مِنْ قَبْلِي وَهُمَا يَسْتَغْيِثَانِ
اللَّهُ وَيْلَكَ إِمَّا مِنْ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَيَقُولُ مَا هَذَا إِلَّا أَسْطِيرُ الْأَوَّلِينَ

Maksudnya:

Dan orang yang berkata kepada dua orang ibu bapaknya: "Cis bagi kamu keduanya, apakah kamu keduanya memperingatkan kepadaku bahwa aku akan dibangkitkan, padahal sungguh telah berlalu beberapa umat sebelumku? lalu kedua ibu bapaknya itu memohon pertolongan kepada Allah seraya mengatakan: "Celaka kamu, berimanlah! Sesungguhnya janji Allah adalah benar". Lalu dia berkata: "Ini tidak lain hanyalah dongengan orang-orang dahulu belaka".

Muawiyah berhasrat melantik Yazid sebagai khalifah, lalu menghantar surat kepada Marwan, Menteri besarnya di Madinah berkenaan perkara tersebut. Oleh sebab itu, Marwan mengumpulkan rakyat untuk mengajak baiah. Dalam hal ini, Abdul Rahman bin Abu Bakar enggan membaiah Yazid. Lalu Marwan menyatakan, orang inilah yang dimaksudkan dalam ayat 17, surah al-Ahqaf. Kemudian Aisyah membantah pendapat Marwan, lalu menjelaskan kepadanya tentang sebab turun ayat tersebut. (Manna' al-Qattan, 1997)

DAYA PENARIK MEMPELAJARI AL-QURAN DALAM MENGETAHUI ASBAB AL-NUZUL

Oleh kerana elemen yang mendasari asbab al-nuzul antaranya adalah peristiwa dan persoalan yang diajukan kepada Baginda Rasulullah SAW, lalu ayat al-Quran turun sebagai maklum balas terhadap kejadian atau hukum yang berkaitan, maka ia merupakan media pengajaran paling baik bagi mewujudkan minat mempelajari al-Quran.

Menerusi kisah yang ditimbulkan sama ada ia berbentuk kejadian atau persoalan, daya tarik untuk mengetahui lanjutan kisah tersebut akhirnya membawa kepada pengetahuan tentang ayat yang berkaitan, hukum atau keterangan mengenai ayat tersebut seterusnya diterima sebagai petunjuk kehidupan untuk diamalkan. Ia sekaligus memandu insan kepada jalan yang lurus, yang direndai oleh Allah SWT.

KESIMPULAN

Asbab al-Nuzul merupakan aspek penting dalam memahami pentafsiran ayat al-Quran. Peranannya dalam memperjelaskan kecaburan makna di sebalik ayat telah disepakati oleh para ulama. Ia juga menjadi pendorong untuk seseorang mendekati dan mendalami pengajian al-Quran sekaligus menjadikannya rujukan kehidupan.

RUJUKAN

- Ibn Manzur. (1997). *Lisan al-Arab*. J.6 & 14. Beirut: Dar Ihya' al-Turath Manna' al-Qattan.
1997. *Mabahith fi Uulum al-Quran*. Kaherah: Maktabah Wahbah
Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. T.t. *Al-Itqan fi Uulum al-Quran*. Madinah: Al-Mamlakah al-Sa'udiyah al-Arabiyyah.
Al-Suyuti, Jalaluddin Abd al-Rahman. (2002). *Lubab al-Nuqul fi Asbab al-Nuzul*. Beirut: Mu'assasah al-Kutub al-Thaqafiyah.
Shidqy Munjin. (2019). *Konsep Asbab al-Nuzul Dalam al-Quran*. Al-Tadabbur Jurnal Ilmu al-Quran dan Tafsir 4(01): 65
Zulkifli Hj. Mohd Yusoff. (1996). *Kunci Mengenal al-Quran*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.

BAB 6

TOKOH QURRA NUSANTARA SHEIKH MUHAMMAD MAHFUZ AL-TARMAWIY

Mohd Hasbie Al-Shiddieque Bin Ahmad¹, PM. DR. Khairul Anuar bin Muhammad², Nik Mohd Nabil Bin Ibrahim @ Nik Hanafi¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

²Universiti Sains Islam Malaysia

PENGENALAN

Berdasarkan sejarah penurunan al-Quran di Gua Hira', Nabi Muhammad saw mengikut bacaan Jibrail a.s setelah beberapa kali memaklumkan kepada Jibrail a.s mengenai ketidakupayaan nabi Muhammad saw dalam memenuhi hajat Jibril a.s. Namun dengan panduan dan tunjuk ajar Jibrail a.s, Nabi Muhammad saw dapat membaca awal surah al-Alaq sehingga ayat 5. Maka proses permulaan talaqqi al-Quran boleh disandarkan berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku di Gua Hira'.

Selain itu terdapat beberapa dalil yang membuktikan bahawa pembelajaran al-Quran haruslah melalui kaedah talaqqi. Kebanyakan ulama dalam bidang Ulum al-Quran berpegang dalil-dalil alquran dan al-hadis. Di petik dalam surah al-Qiyamah ayat 16-18:

لَا تُحِسِّنُ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ۖ ۱۶ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعُهُ، وَقُرْءَانُهُ، ۱۷ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُ، ۱۸

Maksudnya:

Janganlah engkau (Muhammad) menggerak-gerakkan lidahmu kerana hendak bersegera membaca dan menghafaznya (sebelum selesai Jibril membacanya). Sesungguhnya kamilah yang berkuasa mengumpulkan alQuran (ke dadamu) dan Kamilah yang menetapkan bacaannya (pada lidahmu). Oleh itu, apabila Kami telah selesai membacanya maka ikutlah bacaannya”.

Berdasarkan petikan ayat di atas, dapat dikategorikan kepada tiga bahagian yang utama. (Rawi, 1994) Allah swt ingin mengajar Nabi Muhamad saw cara bertalaqqi wahyu. Sesungguhnya Nabi Muhamamid saw telah mendahului bacaan Jibrail sebelum sempurna bacaan Jibrail a.s. Seterusnya Allah menganrahkan Nabi Muhammad saw supaya mendengar sepenuhnya bacaan tersebut dan Allah swt akan menjaga dan menjelaskan ayat tersebut:

- i. Membacanya
- ii. Menjelaskan dan memperincikan makna ayat tersebut.

وَقُرْءَانًا فَرَقْنَاهُ لِتَقْرَأُهُ، عَلَى النَّاسِ عَلَى مُكْثٍ وَنَزَّلْنَاهُ تَنْزِيلًا

Maksudnya:

“Dan al-Quran itu Kami bahagi-bahagikan ia supaya engkau (Wahai Muhammad) membacakannya kepada manusia dengan lambat, tenang dan Kami menurunkannya beransur-ansur”.

وَإِنَّكَ لَتُلَقِّي الْقُرْآنَ مِنْ لَدُنْ حَكِيمٍ عَلَيْهِ

Maksudnya:

“Dan Sesungguhnya Engkau (Wahai Muhammad) diberikan menyambut dan menerima al-Quran dari sisi Allah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.”

Nabi Muhammad saw juga bertalaqqi bersama Jibrail a.s semasa hanyatnya dan menghidupkan bulan Ramadhan dengan bertalaqqi bersama Jabrail a.s. sehingga diakhir usia Nabi Muammad saw. Tambahan pula, pada tahun terakhir hayat Nabi muhammad saw telah bertalaqqi bersama gurunya iaitu Jibrail a.s sebanyak dua kali khatam pada bulan Ramadhan. Sekali gus dapat membuktikan bahawa kaedah pemindahan al-Quran menerusi kaedah talaqqi. Hal ini bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a katanya: Rasulullah saw bersabda:

أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ كَانَ يَعْرِضُ عَلَى النَّبِيِّ ﷺ الْقُرْآنَ كُلَّ عَامٍ مَوْعِدًا فَعَرَضَ عَلَيْهِ مَرَّتَيْنِ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ

وَكَانَ يَعْتَكِفُ كُلَّ عَامٍ عَشْرًا فَاعْتَكَفَ عِشْرِينَ فِي الْعَامِ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ

[Muhammad Muhsin Khan. 1979. *Şohēh al-Bukahri: The Translation of the Meaning of Şohēh al-Bukhari*. V:6. P: 486. # 520.]

Maksudnya:

“Jibrail membaca al-Quran kepadaku setiap tahun sekali dan sesungguhnya Jibrail membaca al-Quran kepadaku pada tahun ini sebanyak dua kali. Aku tidak melihatnya melainkan ajal kufar datang.”

KEPENTINGAN SANAD AL-QURAN

Kepentingan sanad kepada umat Islam merupakan sesuatu alat atau ilmu yang mengkaji kesinambungan ilmu tertentu semata-mata untuk memastikan kesahihan ilmu tersebut. Selain itu, sanad merupakan usul ilmu dalam Islam yang dijadikan sebagai garis panduan dalam menentukan hukum dalam Islam di samping menjaga kesucian agama Islam daripada penyelewegan dan pemalsuan (Rahib Rafa'at Fauzi. 2009).

Kedudukan al-Quran memerlukan kepada perincian dan penelitian kerana al-Quran merupakan sumber utama dalam agama Islam dan merupakan sesuatu yang diterima melalui proses pemindahan maklumat. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu sanad akan menentukan kedudukan ilmu tersebut sama ada sanad tersebut *sahih* atau *daif*, bersambung atau terputus, dan sebagainya (Muhammad Sidī Muhammad al-Amin, 2013).

Terdapat beberapa dalil al-Quran yang menekankan bahawa sesuatu khabar berita haruslah diteliti kesahihannya. Antaranya ialah:

Surah al-Hujurat ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنْ جَاءَكُمْ فَاسِقٌ بِنَيَا فَتَبَيَّنُوا أَنْ تُصِيبُوا قَوْمًا بِجَهَلَةٍ فَتُصِيبُوهُ عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمُ تُدِيمِينَ ﴿٦﴾

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini - dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) - sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”

Manakala dalam surah al-Baqarah (2) ayat 282 di bawah ini menjelaskan saksi yang dipersetujui.

يَمْنَنْ تَرَضَوْنَ مِنْ أَشْهَدَآءِ

Maksudnya:

“Dari orang-orang yang kamu setujui menjadi saksi”

Surah al-Talaq ayat 2:

وَأَشْهِدُوْا دَوْيَ عَدْلَ مِنْكُمْ

Maksudnya:

“Dan adakanlah dua orang saksi yang adil di antara kamu”

Tambahan pula, terdapat beberapa pandangan ulama berkaitan kepentingan sanad dalam agama Islam antaranya ialah (Rahib Rafa'at Fauzi. 2009):

i. Abu Ali al-Jayani berkata:

خص الله تعالى هذه الأمة بثلاثة أشياء لم يعطها من قبلها ، الإسناد ، والأنساب ، والإعراب

Maksudnya:

“Allah ta'ala mengkhususkan pada umat ini dengan tiga perkara yang tidak diberikan pada orang sebelumnya, Isnad, Ilmu Nasab, I'rrob”.

ii. Abu Hatim al-Razi berkata:

لم يكن في أمة من الأمم من خلق الله آدم ، أمناء يحفظون آثار الرسل إلا في هذه الأمة

Maksudnya:

"Tidak terdapat di antara umat dari umat (dari ciptaan Allah pada Nabi Adam), suatu keamanan di mana mereka menjaga atsar/hadits para utusan, kecuali terdapat pada umat ini (Islam)"

iii. Abdullah al-Mubarak berpendapat bahawa:

الإسناد عندي من الدين ولولا الإسناد لقال من شاء ما شاء ، فإذا قبل له من حدثك ؟ بقي أي : بقي متحيراً لا يدرى ما يقول ، لأنه لا إسناد معه يعرف به صحة الحديث أو ضعفه

Maksudnya:

"Isnad menurutku merupakan sebahagian dari agama, seandainya tidak ada isnad niscaya orang berkata sekehendak hatinya, ketika dikatakan padanya "Siapakah yang menceritakan padamu?" Ia terdiam, maksudnya ia terdiam dengan kebingungannya, ia tidak mengetahui apa yang ia telah ucapkan, karena ia tidak memiliki isnad yang dengannya dapat diketahui sahib atau daif suatu hadits".

iv. Sufian al-Thauri berkata:

الإسناد سلاح المؤمن ، إذا لم يكن معه سلاح فبأي شيء يقاتل

Maksudnya:

Isnad adalah pedangnya orang iman, bila ia tidak memiliki pedang maka dengan apa ia akan berperang?

PARA SAHABAT BERTALAQQI DENGAN NABI MUHAMMAD SAW

Seterusnya, para sahabat menerima al-Quran secara langsung dari Nabi Muhammad saw malah terdapat beberapa sahabat yang diiktiraf oleh Nabi Muhammad saw terhadap bacaan al-Quran berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Abdullah bin 'Amru bin al-A'sh berkata: aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda:

"خذوا القرآن من أربعة: من ابن أم عبد فبدأ به ومعاذ بن جبل، وأبي بن كعب، وسالم مولى

"أبي حذيفة"

[Muhammad Muhsin Khan. 1979. *Şoheh al-Bukahri: The Translation of the Meaning of Sahih al-Bukhari*. Kazi Publication: USA. V:6. P: 487. # 521.]

Maksudnya:

Pelajarilah al-Quran daripada empat orang (salah seorang dari empat): `Abdullah bin Mas'ud, Mu'aż bin Jabar, Ubai bin Ka'ab, Salim merupakan Abu Huzaifah.

Imam Malik r.a pernah ditanya mengenai pengumpulan al-Quran pada zaman Nabi Muhammad saw maka dijawabnya empat orang yang mewakil dua orang dalam kalangan Muhajirin dan dua orang dalam kalangan Ansar. Ini berdasarkan Athr yang diriwayatkan oleh Qatadah dengan berkata: (al-Qattan, 2007)

"سَأَلَتْ أُنْسُ بْنُ مَالِكَ: مَنْ جَمَعَ الْقُرْآنَ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ ﷺ؟ فَقَالَ: أَرْبَعَةٌ، كُلُّهُمْ مِنَ الْأَنْصَارِ: أَبِي بْنِ كَعْبٍ، وَمَعَاذَ بْنِ جَبَلٍ، وَأَبْوَ زَيْدٍ، قَلْتُ مِنْ أَبْوَ زَيْدٍ؟ قَالَ: أَحَدُ عُمُومِي"

Maksudnya:

"Aku bertanya kepada Anas bin Malik siapa yang mengkumpul al-Quran pada zaman Nabi Muhammad s.a.w? Maka jawab beliau: empat orang, semuanya dari golongan Ansar iaitu Ubai bin Ka'ab, Mu'az bin Jabbal, Zaid bin Thabit, dan Abu Zaid. Aku berkata: "Siapa Abu Zaid?" jawab beliau: salah seorang daripada bapa sandara aku".

PERBEZAAN MAKSUD AL-MUQRI' DENGAN AL-QĀRI

Pengkaji membawa dua istilah yang perlu diteliti bagi menjelaskan keadaan dan maksud yang di bawa oleh dua istilah tersebut iaitu istilah al-Muqri' dengan istilah al-Qāri. Perincian istilah adalah seperti berikut:

i. Al-Muqri'

Al-Muqri' merujuk kepada seseorang yang mahir dalam Qiraat dan meriwayatnya dengan cara musyafahah dan mampu menijazahkan kepada orang lain (Muhammad Mutī' al-Hafiz, 2003). Menurut Ibrahim Muhammad al-Jarami dengan membahagikan ta'rif al-Muqri kepada dua iaitu menurut *Qura' Mutaqadimin* ialah siapa yang meriwayatkan bacaan qiraāt secara sepenuhnya dan menurut *Qura' al-Mutaākhirin* ialah bagi mereka yang mampu membaca bacaan al-Quran walau pun dengan satu bacaan dan mampu meriwayatnya. Dan pendapat inilah yang diamalkan pada masa kini (Ibrahim bin Muhammad al-Jarami, 2001). Selain itu, periwayatan sesuatu ilmu tersebut adalah melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Hal ini kerana ilmu qiraat tidak hanya melalui bacaan sahaja bahkan menggunakan kaedah *al-Sama'* dan *al-Musyafahah* (Abd al-Āl Sālim Makram, Ahmad Muktar 'Umar, 1988).

ii. Al-Qāri

Al-Qāri merujuk kepada seseorang yang mampu memperdengarkan bacaan di hadapan gurunya dengan cara hafazan. Al-Qāri dibahagikan kepada tiga kategori iaitu *al-mubtadi'* iaitu seseorang yang mempu menguasai sekurang-kurangnya tiga bentuk bacaan, *al-Mutawasūt* ialah seseorang yang mempu menguasai sekurang-kurangnya empat atau lima bentuk bacaan, dan *al-Muntabi* ialah seseorang yang mampu untuk menguasai kesemua bentuk bacaan.

Menurut Sheikh Dr. Aiman Rusdi Suwaid menjelaskan perbezaan antara al-Qāri dengan al-Muqri' dalam satu temubual rancangan television arab iaitu Mazāmer Āli Dāud yang bersiaran secara langsung. Maksud al-Qāri adalah seseorang yang mampu menguasai satu wajah Qirāat dengan tepat di samping dapat menguasai ilmu tajwid dan ilmu waqaf dan ibtida'. Hal ini kerana ilmu tajwid dan ilmu waqaf dan Ibtida' merupakan ilmu *Nas al-Qurāniyah* (Mazāmir Ali Dāud , 2019). Manakala al-Muqri' adalah merujuk kepada seseorang yang menguasai ilmu Qirāat dan mengajarnya kepada masyarakat. Menjadi suatu syarat kepada seseorang yang bergelar al-Muqri' dengan menguasai ilmu Qirāat

dan menyebarinya kepada masyarakat. Bersesuaian dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعْلَمَ الْقُرْآنَ وَعَلِمَهُ

[Muhammad Muhsin Khan. 1979. *Şohéh al-Bukahri: The Translation of the Meaning of Sahih al-Bukhari*. Kazi Publication: USA. V:6.]

Maksudnya:

“Sebaik-baik kamu adalah mereka yang mempelajari al-Quran dan mengajarnya”.

SAHABAT RA SEBAGAI CONTOH DALAM BACAAN AL-QURAN

Berdasarkan kepada saranan Rasulullah saw mengenai pengambilan bacaan al-Quran di kalangan para sahabat ra, maka dapat dirumuskan bahawa terdapat enam orang sahabat. Antara meraka ialah (Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi, 2003):

i. Abdullah bin Mas'ud.

Beliau adalah Ibn Ghafir bin Habib bin Syamakh bin Faz bin Makhzum bin Sahilah bin Kahil bin al-Harith Ibn Tamim bin Hazil bin Mudrikah bin Ilyas bin Mador bin Nazar. Dikenali sebagai al-Imam Abu Abd al-Rahman al-Hazali al-Makki. Beliau merupakan salah seorang sahabat yang terawal dalam memperkembangkan agama Islam dan terlibat dalam penghijrahan ke Habsyah. Beliau menerima Islam sebelum keislaman Umar al-Khattab. Beliau juga pernah menghafaz al-Quran dihadapan Rasulullah saw sekurang-kurangnya 70 surah.

Beliau mempunyai ramai murid yang mengambil bacaan di kalangan tabi'in. antara mereka ialah ‘Alqamah bin Qais, al-Aswad bin Yazid, Masruq bin Ajda’, dan Zar bin Hubisy

ii. Ubai bin Ka'ab

Beliau ialah Ibn Qais bin Ubaid bin Zaid bin Muawiyah bin Amru bin Malik bin al-Najar dikenali sebagai al-Imam Abu al-Munzir al-Khazarji al-Ansari. Beliau juga merupakan Kibar al-Sahabah dan salah seorang yang meyaksikan peperangan Badar pada hayat Rasulullah saw. Nabi pernah membaca al-Quran dihadapan Ubai bin Ka'ab berdasarkan perintah Allah swt melalui Jibrail as. Ini dibuktikan melalui sabda Nabi saw:

“أَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِأُبَيِّ بْنِ كَعْبٍ : إِنَّ اللَّهَ أَمَرَنِي أَنْ أُفْرِئَكَ الْقُرْآنَ

قالَ : آلَهُ سَمَّاَنِي لَكَ ؟ قالَ : نَعَمْ قالَ : وَقَدْ ذُكِرْتُ عِنْدَ رَبِّ الْعَالَمِينَ ؟ قالَ : نَعَمْ فَدَرَقْتُ

عَيْنَاهَ ”

[Muhammad Muhsin Khan. 1979. *Şoheḥ al-Bukahri: The Translation of the Meaning of Sahih al-Bukhari*. Kazi Publication: USA. V:6]

Maksudnya:

Wahai Ubai bin Ka'ad, Allah swt memerintah aku untuk membacakan al-Quran kepadamu. Kata Ubai: "Allah menyebut namaku kepada engkau?" kata Rasulullah saw: "Benar". Berkata Ubai bin Ka'ab: "Aku disebut oleh Pencipta dalam Semesta ini?". Kata Rasulullah saw: "Benar". Maka Ubai bin Ka'ab menangis gembira.

Beliau juga mempunyai murid terutamanya di kalangan Sighar al-Sahabah seperti Ibn Abbas, Abu Hurairah, Abdullah bin al-Saaib, Abullah bin 'Iyaas bin Abi Rabi'ah dan Abd al-Rahman al-Sulami. Terdapat dua pendapat mengenai tarikh wafat Ubai bin Ka'ab. Menurut Yahya bin Mu'in, Ubai bin Ka'ab wafat pada tahun 20 Hijrah atau 19 Hijrah.

iii. Zaid bin Thabit

Beliau ialah Abu Dahak bin Zaid bin Lauzan bin 'Amru bin Abudul 'Auf bin Ghanam bin Malik bin al-Najjar. Beliau merupakan pencatit wahyu pada zaman Rasulullah saw. Kemudian pada zaman Abu Bakr dan Uthman bin Affan, beliau merupakan seorang pengumpul al-Quran dan penyalin al-Quran.

Rasulullah saw pernah memuji kelebihan yang ada pada Zaid bin Thabit. Antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Anas bin Malik daripada Rasulullah saw:

"أَفْرَضْ أَمْتَيْ: زَيْدُ بْنُ ثَابِتٍ."

Maksudnya:

"Sebaik ummatku adalah Zaid bin Thabit"

Selain mempunyai kelebihan dalam al-Quran, beliau juga terkenal dalam bidang faraid. Hal ini diakui sendiri oleh al-Sya'bi dengan mengatakan bahawa Zaid dapat menguasai dua perkara iaitu al-Quran dan ilmu faraid.

BIOGRAFI SHEIKH MUHAMMAD MAHFUZ AL-TARMAWI

Tokoh Qurra' Tanah Melayu yang ingin diketengahkan ialah Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy. Beliau merupakan tokoh Qurra Tanah Melayu yang menjadi rujukan di kalangan bangsa Arab. Banyak penulisan-penulisan yang telah dinukilkan di kalangan tokoh Qurra di Semenanjung Arab. Antaranya ialah Shiekh Abd Fatah al-Sayyid al-Ajmiy al-Mirsafi dalam kitabnya *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari* (Abd al-Fatah al-Sayyid Ajmiy al-Mirsafiy. 2005), Sheikh Ilyas bin Ahmad al-Barmawi dalam kitabnya *Imta' al-Fuḍala' bi Tarjamah al-Qurra' fīmā ba'da al-Qurun al-Thamīn al-Hijrah* (Ilyas bin Ahmad al-Barmawi. 2000), Sheikh Al-Sa'id bin Ahmad bin Abd al-Rahim dalam kitabnya *Al-Halaqat al-Maudiyat min Salsilah Asānid al-Qiraāt* (al-Sa'id bin Ahmad. 2002) dan Sheikh Yasir bin Ibrahim al-Mazru'i dalam kitabnya *Awdah al-Dalālat fi Asānid al-Qiraāt* (al-Mazru'i, Yasin bin Ibrahim. 2009). Oleh yang demikian, menjadi satu keperluan kepada pengkaji untuk mengetengahkan tokoh Qurra Tanah Melayu yang menjadi rujukan di kalangan bangsa Arab.

Beliau ialah Sheikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abd al-Manan al-Turmusiy al-Jawi al-Makki al-Syafi'i. Beliau dilahirkan di Tremas, Pacitan, Jawa Tengah, pada 12 Jamadilawal 1285H bersamaan 31 Ogos 1868M (Muhammad Mahfuz, 1903). al-Turmusiy merupakan gelaran tempat kelahirannya yang juga baca sebagai al-Tarmasiy. Namun terdapat perselisihan pendapat terhadap tarikh kelahiran Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy. Hasil kajian Hayati Husain bahawa terdapat percanggahan terhadap tarikh lahir Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy berbanding tercatat yang terdapat di dalam penulisan-penulisan ulama samada ulama Nusantara atau ulama Arab dengan pandangan saudaranya iaitu Sheikh Dahlan bin Abdullah al-Tarmasiy iaitu dengan menyatakan bahawa tarikh lahir Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy ialah pada 6 safar 1280 bersamaan 22 Julai 1863M. pendapat yang ke dua adalah yang paling kuat di sebabkan terdapat hubungan kekeluargaan lebih menjamin kesahihan dan ketepatan dalam menentukan tarikh lahir Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy (Hayati Hussain, Sabri Muhammad, Abd Rahim Ahmad. 2015).

Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy dapat menguasai beberapa ilmu pengetahuan seperti ilmu Hadith, Qiraat, Fiqh, Bahasa Arab, Usuluddin dan Tasawuf (Farah Zaidar Muhammed Ramli, Siti Zaharah Abd Hamid. 2018). Hal ini disebabkan oleh kesungguhan dan minat beliau dalam mendalami ilmu pengajian dan ini dapat dibuktikan dengan pemusafiran beliau ke Mekah al-Mukarramah sebanyak 2 kali (al-Kattani, 'Abd al-Hayy bin 'Abd al-Kabir. 1982). Kemudian beliau meninggal di Mekah al-Mukarmah pada 1 Rejab 1338H bersamaan 20 Mac 1920M pada usia 53 tahun (Muhammad Mahfuz bin 'Abd Allah. 1987). Selepas menetap di Mekah al-Mukaramah, Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy tidak pernah pulang ke kampung halamannya sehingga meninggal di Mekah al-Mukramah (Hatayi Husain, Abd Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh. 2019).

SHEIKH MUHAMMAD AL-SYIRBINI AL-DIMYATI GURU QIRAAT

Di dalam ilmu Qiraat, sheikh Muhammad Mahfuz al-Tirmasiy adalah merupakan penyambung sanad Sheikh Muhammad al-Syirbani al-Dimiyati. Sheikh Muhammad al-Syirbani al-Misri al-Syafi'i al-Dimiyati. Beliau lahir di Mekah al-Mukaramah dan melanjutkan pengajiannya di al-Azhar, Mesir. Beliau merupakan seorang yang Alim al-Jalil Sheikh Qurra. Antara murid beliau ialah Sheikh Ahmad Abdullah al-Makhhalati dan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy (al-Mazru'i, Yasin bin Ibrahim. 2009).

Selain itu, Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy juga mempunyai murid di kalangan bangsa Arab. Antaranya ialah:

- i. Sheikh Abdul al-Baqi al-Lakanawi
- ii. Sheikh Ahmad Abdullah al-Makhhalati.

PENULISAN TOKOH QURRA TANAH MELAYU DALAM ILMU QIRAAT

Penulisan ilmu Qiraat di kalangan tokoh Qurra' Tanah Melayu berkembang sekitar qurun ke 13 Masihi. Tokoh Qurra' yang terawal dalam penulisan ilmu Qiraat ialah Sheikh Muhammad Mahfuz bin Abdillah bin Abd al-Manan al-Tarmasiy (Hayati binti Husain. 2020). Kajian Hayati binti Husain membuktikan bahawa tokoh Qurra' yang pertama yang mempunyai penulisan dalam ilmu Qiraat ialah Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy. Secara tidak langsung menolak daptatan yang dijalankan oleh Mohd Asmadi Yakob dengan menyatakan bahawa tiada penulisan ilmu Qiraat di kalangan tokoh Qurra' Tanah Melayu secara khusus (Mohd Asmadi Yakob, 2014).

Terdapat 6 kitab yang berkaitan dengan ilmu Qirāat yang di karang oleh Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy yang disenaraikan oleh Hayati bin Husain (Hayati binti Husain. 2020). Kebanyakkan kitab karangan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy menjadi salah satu rujukan utama di kalangan pelajar sama ada dari Tanah Melayu atau semenanjung Arab (Hayati binti Husain. 2020). Antara tokoh Qurra' di Semenanjung Arab yang terkenal ialah Sheikh Abd al-Fatah al-Sayyid ‘Ajmiy al-Misafiy dengan menyatakan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmisiy adalah *al-Masha’ikh* (guru kepada sekelian guru) (Abd al-Fatah al-Sayyid Ajmiy al-Mirsafiy. 2005). Sheikh Abd al-Fatah al-Sayyid ‘Ajmiy al-Misafiy menyenaraikan beberapa penulisan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy dalam pelbagai bidang. Antara penulisan dalam bidang Qiraat ialah (Hayati binti Husain. 2020):

- i. Ta^cmim al-Manafi^c bi Qirāat al-Imam Nafī^c (Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy , 1907).
- ii. Tanwir al-Sadr bi Qirāat al-Imam Abi ^cAmr (Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy , tt).
- iii. Ghunyat al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah (Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy , 1911).
- iv. Al-Badr al-Munir fi Qiraat al-Imam Ibn Kathir.
- v. Al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qiraat al-‘Ashriyyah.
- vi. Inshirah al-Fawaid fi Qiraat al-Imam Hamzah Riwayatay Khalaf wa Khallad.
- vii. Kifayah al-Mustafid li ma ^cAla min al-Asānīd (Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy , 1903).

Antara penulisan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy, hanya terdapat satu penulisan sahaja yang membicarakan tentang sanad al-Quran iaitu *al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qiraat al-‘Ashriyyah*. Penulisan ini membincangkan tentang sanad *Qiraat ‘Asyarah* dengan biografi sepuluh Imam Qiraat, perawi bagi setiap Imam Qiraat, dan dijelaskan juga tentang *Tariq* bagi setiap Perawi (Hayati binti Husain. 2020). Sekali gus membuktikan bahawa *al-Risalah al-Tarmasiyyah fi Isnad al-Qiraat al-‘Ashriyyah* karangan Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy merupakan penulisan terawal di kalangan Tokoh Qurra' Tanah Melayu dalam kategori *al-Diraayah*.

Selain itu, terdapat juga beberapa penulisan di kalangan tokoh Qurra' Nusantara yang berkaitan dengan sanad al-Quran secara khusus dan menjadi rujukan sehingga kini. Antara penulisan tokoh Qurra' Tanah Melayu ialah:

- i. Haji Hassan bin Ismail
Haji Hassan bin Ismail mempunyai beberapa penulisan dalam bidang Qiraat. Antaranya ialah “*Sanad Quran Sepuluh Yang Menyempurnakan Bagi Bacaan Quran Tujuh*” (Hassan Ismail. 1961). Penulisan ini telah diterbitkan dalam Majalah Warta Jabatan Agama Johor, bilangan 126, keluaran pada Januari 1961. Penulisan ini adalah antara karya yang pertama membicarakan tentang sanad al-Quran di Tanah Melayu.
- ii. Sheikh Muhammad Soleh Zainal Abidin al-Fatani
Sheikh Muhammad Soleh Zainal Abidin al-Fatani telah menghasilkan penulisan yang berkaitan ilmu tajwid. Namun hanya menyatakan nama Qurra' Sab^cah dan tidak menjelaskan sanad dari Qurra' Sab^cah. Karya tersebut ialah

“Siraj al-Qāri”. Karya asal adalah menggunakan tulisan Jawi lama dan telah diterjemahkan oleh Abdul Ghani Jabal al-Maraqy kepada tulisan Rumi.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Sheikh Muhamamad Mahfuz al-Tarmasiy adalah seorang tokoh Qurra Tanah Melayu yang menjadi rujukan samada di kalangan Arab maupun bukan Arab. Ramai di kalangan murid beliau yang menjadi tokoh ulama dan rujukan pada zamannya. Antaranya ialah Sheikh Yasin al-Fadani. Ramai di kalangan ulama menyantung dan memberi pendangan tentang Sheikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy. Menurut Sheikh Abd al-Fatah al-Mirsafi menyatakan dalam kitabnya dengan mengatakan bahawa merupakan seorang yang Alim, Muhadithin, al-Musnid, al-faqih, al-Usuli dan juga al-Muqri’.

RUJUKAN

- al-Quran al-Karim
- al-Kattani, ‘Abd al-Hayy bin ‘Abd al-Kabir. 1982. *Fabras al-sabaris wa al-athbat wa mucjam al-macajim wa al-mashyakhat wa al-musalsalat*. Tahqiq: Ihsan cAbbas. Jil. 1 & 3. Beirut: Dar al-Gharb al-Islamiyy.
- al-Mazru’i, Yasin bin Ibrahim. 2009. *Awdah al-Dalālat fī Asānid al-Qiraāt*. Salsilah Mualafat ulama al-Quran wa al-Qiraat.
- al-Sa‘id bin Ahmad. 2002M/1423H. al-Halaqāt al-Maudiāt min Salsilah Asānād al-Qiraāt. Al-Riyadh: Saudi Arabia.
- Abd al-Fatah al-Sayyid Ajmiy al-Mirsafiy. 2005. Maktabah Dar al-Fajar al-Islamiah: Madinah al-Munaawarah.
- Abd al-‘Ālī Sālim Makram, Ahmad Muktar ‘Umar. 1988M/1408H. *Mucjam Qirāat Qurāniyyah ma‘a Muqaddiah fi al-Qirāat wa Asyhar al-Qurrā’*. Matbu‘ah Jamiah al-Kuwait.
- Farah Zaidar Muhammed Ramli, Siti Zaharah Abd Hamid. 2018. Salasilah Sanad *Al-Kutub Al-Sittah* Tokoh *Al-Musnid* Melayu Nusantara Syeikh Muhammad Mahfuz Al-Tarmasi (1868-1920m). 4th International Conference On Islamiyyat Studies. Faculty Of Islamic Civilisation Studies. International Islamic University College Selangor, Malaysia
- Rihab Rafa’at Fauzi. (2009). *Asob al-Asanid*. al-Mansurah: Dar al-Wada’.
- Hatyati Husain, Abd Rahim Ahmad, Muhammad Hafiz Saleh. 2019. Analisis Aspek Bahasa dalam Manuscrip Ta‘mim al-Manafi‘ bi Qira’at al-Imam Nafi‘. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah Vol 6 Bil 2.
- Hayati Hussain, Sabri Muhammad, Abd Rahim Ahmad. 2015. Al-Tarmasiy: Tokoh Prolifik Dalam Bidang Pengajian Islam. Jurnal Pengajian Islam. Akademik Islam Kuis.
- Hayati binti Husain. 2020. Legasi al-Tarmasiy Dalam Bidang Qiraat. Jurnal Sains Islam: Hassan Ismail. 1961. *Sanad Quran Sepuluh Yang Menyempurnakan Bagi Bacaan Quran Tujuh*. Majalah: Warta Majlis Agama Islam Johor. Bil:126.
- Ibrahim bin Muhammad al-Jarami. 2001. Mu’jam Ulum al-Quran: Ulum al-Quran, Tafsir, al-Tajwid, al-Qiraat. Dar al-Kalam: Damsyiq.
- Ilyas bin Ahmad al-Barmawi. 2000. *Imta’ al-Fuḍala’ bi Tarjamah al-Qurra’ fīmā ba’dā al-Qurūn al-Thamīn al-Hijrah*. Dar al-Nadwah al-‘Ālamiyah li Taba’ah wa al-Naṣyar wa al-Tauzī’: Madinah al-Munaawarah.
- Mohd Asmadi Yakob, M. A. (2014). Manuscrip Al-Qur'an Dan Ilmu-Ilmunya (Ulum Alqur'an) Di Alam Melayu: Tumpuan Terhadap Manuskrp Ilmu Tajwid.

- Perpustakaan Negara Malaysia (pp. 1-11). Kuala Lumpur: Perpusatakaan Negara Malaysia.
- Muhammad Mahfuz al-Tarmasiy. 1320H/1903M. *Kifayat al-Mustafid li ma c'Ala min al-Asanid*. Matbacah al-Mashhad al-Husayni. Mesir.
- Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy. 1324H/1907M. *Ta'mim al-Manafi'* bi Qirāat al-Imam Naff̄. Mekah
- Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy. t.t. *Tanwir al-Sadr bi Qirāat al-Imam Abi 'Amr*.
- Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy. 1911M/1328H. *Ghunyat al-Talabah bi Sharh al-Tayyibah*. Mekah.
- Muhammad bin Mahfuz bin Abdullah al-Tarmasiy. 1320H/1903M. *Kifayah al-Mustafid li ma c'Ala min al-Asānīd*. Matba'ah al-Mashhad al-Husaini. Mesir.
- Muhammad bin Ahmad bin Uthman al-Zahabi. (2003). *Ma'rifah al-Qurra al-Kibar Ala al-Tabaqāt wa al-'Iṣār*. Saudi Arabia: dar al- 'alam al-kitab
- Muhammad Mutī' al-Hafiz. 2003. *al-Qiraat wa Kibar al-Qura' fi Dimasyq min Qurun al-Anwal al-Hijri Hatta al-'Aṣar al-Hādir*. Dar Fikir: al-Dimasyqi.
- Muhammad Muhsin Khan. 1979. *Ṣoḥeḥ al-Bukahri*: The Translation of the Meaning of Sahih al-Bukhari. Kazi Publication: USA.

BAB 7

METODOLOGI PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI PONDOK KIYAI HAJI SOHALI SOLIHIN (KHSS), MERLONG, RENGIT, BATU PAHAT JOHOR

Mohammad Haziq Mohd Isnin¹ & Abdul Hafiz Abdullah¹

¹Universiti Teknologi Malaysia (UTM)

PENGENALAN

Kitab suci al-Quran merupakan kalam Allah SWT dan merupakan suatu tanda kemujizatan yang agung oleh Nabi Muhammad SAW kepada sekelian umat. Pengajian tafsir al-Quran hakikatnya sudah berkembang pada sekian lamanya bermula seawal zaman Rasulullah SAW sehingga ke hari ini. Perkembangan Islam di sesebuah negeri boleh dilihat kepada peranan yang dimainkan oleh institusi pengajian pondok dalam menyebarluaskan ilmu kepada masyarakat. Pengajian pondok pada awalnya berasal daripada Patani dan Indonesia. Seterusnya, anak didik yang telah selesai menuntut ilmu agama telah pulang ke tempat masing-masing, dan membuka pusat pengajian pondok. Sistem pengajian yang diterapkan di pondok lazimnya dilakukan dalam bentuk sehala, iaitu guru-guru akan membaca kitab-kitab yang mereka karang atau menggunakan kitab yang muktabar yang dikarang oleh ulama silam.

Kemerosotan institusi pengajian pondok dilihat tidak dapat berkembang baik selepas berlakunya perang dunia kedua dengan menyaksikan beberapa kesan pencampuran kuasa diantara penjajah dan perubahan politik. Iaitu dengan cuba menghapuskan perkembangan agama Islam di Tanah Melayu. Akhirnya perkara ini turut memberikan kesan terhadap perkembangan pendidikan agama Islam terutamanya pengajian di seluruh pondok. Kebelakangan ini hanya segelintir masyarakat yang mula sedar tentang kepentingan dalam menuntut ilmu melalui pengajian kitab-kitab turath di beberapa buah pondok.

Pengajian tafsir al-Quran adalah suatu bidang pengajian yang dianggap penting samada dilaksanakan secara formal atau tidak formal. Bentuk pengajian formal merujuk kepada institusi yang mempunyai penilaian kepada pelajar, antaranya di sekolah atau pusat pengajian tinggi. Manakala tidak formal meliputi pengajian di masjid, surau, pondok dan pusat pembelajaran umum.

Kemunculan Pengajian tafsir al-Quran di seluruh pondok negeri Johor telah mula wujud sejak abad ke 19 M lagi. Kesan pada peringkat awal terhadap pertumbuhan pengajian pondok tersebut telah menjadikan rakyat di Johor sebuah negeri yang bertamadun dan dinamik. Buktinya ramai di antara ulama Johor yang menyandang jawatan, seperti mufti serta kadi besar. Hal ini, membuktikan bahawa terdapat dalam kalangan ulama Johor yang mampu membimbing masyarakat dengan nilai agama bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan bertakwa (Abd Latif Juffri, 2010).

Perkembangan institusi pondok di negeri Johor ini membolehkan masyarakat menimba ilmu agama dengan sempurna melalui kitab-kitab turath. Pengajian tafsir al-Quran yang diadakan pada setiap hujung minggu di pondok KHSS merupakan suatu kelebihan dan terutamanya kepada masyarakat yang tinggal berdekatan di sekitarnya. Perkara ini haruslah

dimanfaatkan dengan sebaik mugkin agar masyarakat mampu menguasai bidang tafsir al-Quran dengan sempurna.

LATAR BELAKANG PONDOK KHSS

Pengajian pondok di negeri Johor masih lagi mengekalkan ciri-ciri tradisional dalam konsep pengajiannya. Institusi pondok KHSS ini merupakan suatu komuniti yang tersendiri yang telah dibangunkan di atas sekeping tanah. Bertempat di Pusat Pengajian Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin, Kampung Seri Merlong, 8310, Rengit Batu Pahat Johor. Masyarakat mewakafkan bagi tujuan dalam menyebarkan syiar agama Islam. Kedudukan bangunan kediaman yang strategik di antara rumah guru dan tempat pengajian membolehkan murid-muridnya mengikuti pembelajaran dengan baik (Suhanim Abdullah, 2014).

Kurikulum pendidikan tafsir al-Quran di pondok ini juga berubah dari masa ke semasa sama seperti yang berlaku di institusi pendidikan lain dan masih lagi berpandukan kepada kitab-kitab tafsir mu'tabar. Terdapat di sesetengah buah pondok yang menggunakan kitab-kitab yang dikarang oleh tuan gurunya sendiri. Bertujuan memudahkan lagi proses pembelajaran ketika menyampaikan ilmu kepada para pelajar. Setiap isi yang terkandung di dalam penulisan kitab tafsir tersebut adalah dirujuk kepada kitab-kitab yang mu'tabar seperti Tafsir Ibnu Kathir, Tafsir al-Jalalayn, Tafsir al-Qurtubi dan lain-lain.

Kewujudan Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin juga begitu dekat dengan masyarakat apabila setiap aktiviti kuliah duha yang dianjurkan pada setiap hujung minggu mendapat sambutan. Kehadiran masyarakat setempat dalam mengikuti setiap kelas pengajian yang dianjurkan adalah amat menggalakkan malah ada yang menghulurkan sumbangan dalam membantu menjana kewangan pondok ini.

Lebih bermakna lagi pondok ini turut menyediakan pengajian kitab turath kepada golongan dewasa, selain menawarkan pengajian al-Quran kepada pelajar yang berumur 20 tahun ke bawah. Walaupun lokasinya agak terpencil dan jauh daripada jalan raya besar, namun masyarakat setempat tidak melepaskan peluang dalam mengikuti manadah pengajian ilmu tafsir al-Quran bersama Haji Kiyai Sohali Solihin. Oleh itu, masyarakat perlu memberikan sokongan dalam pembangunan ekonomi pondok untuk terus maju serta dapat memberikan sumbangan ilmu kepada masyarakat tanpa mengira usia serta latar belakang.

METODOLOGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI PONDOK KHSS

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif, iaitu kajian lapangan dengan menggunakan metode temu bual, ‘pemerhatian turut serta’ dan kajian kepustakaan bagi mendapatkan kesahan data kajian yang dijalankan. Suhanim Abdullah (2014) turut menyebut bahawa konsep pengajian tafsir al-Quran di kebanyakan pondok adalah sama seperti yang berlaku di *Majjidil Haram*. Semua murid dikehendaki duduk dengan keadaan bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup dan bahagian yang terbuka tersebut merupakan tempat gurunya untuk menyampaikan ilmu. Kaedah tersebut turut diaplิกasikan di pondok Kiyai Haji Sohali Solihin, iaitu pengajian tersebut dilaksanakan di surau sambil murid lelaki duduk bersila memenuhi ruang yang ada. Manakala murid lelaki dan perempuan pula dipisahkan melalui tirai. Apabila pengajian dijalankan tirai pada bahagian hadapan dibuka bagi melihat secara langsung tuan guru dalam menyampaikan ilmu.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh penyelidik, di antara pondok yang masih aktif dalam menyampaikan pengajaran dan pembelajaran tafsir al-Quran ialah Pondok KHSS yang terletak di Kampung Seri Merlong, Rengit, Batu Pahat Johor. Pengajian di pondok ini diadakan pada setiap hujung minggu pada hari jumaat. Ia turut membuka peluang kepada orang awam yang ingin mendalami dan bertadabbur ayat-ayat suci al-Quran melalui kuliah tafsir al-Quran (dengan cara menadah kitab). Bentuk penyampaian yang menggunakan pendekatan tradisional membuatkan pengajian di pondok ini mudah untuk diikuti oleh golongan berumur dalam mempelajari ilmu agama.

Kaedah yang digunakan oleh penyelidik bagi mengumpulkan data adalah dengan cara merakam suara penyampai kuliah tafsir ketika sesi pengajian berlangsung. Menurut Kamarul Azmi (2012) kaedah ini perlu dilakukan bagi menginterpretasikan data secara tepat dan dapat mengelakkan daripada berlakunya ketidakpastian data. Selain itu, kaedah pemerhatian secara turut serta dilakukan bagi melihat jumlah kehadiran pendengar dan persekitaran terhadap pembelajaran meliputi ruang dan keselesaan tempat. Perkara ini turut dikuatkan lagi dengan kedah temu bual yang dijalankan oleh penyelidik terhadap tenaga pengajar yang bertugas sebagai guru di Pondok KHSS.

Bentuk metodologi pengajaran dan pembelajaran(PdP) dalam kuliah pengajian tafsir al-Quran di Pondok KHSS adalah menggunakan pendekatan *Tafsir Mawdu'ie*. Mustaffa (2011) turut memperincikan mengenai ciri-ciri yang terdapat di dalam metode penyampaian tafsir ini. Iaitu dengan menetapkan penghuraian terhadap tema khusus dalam ayat berdasarkan kepada kesesuaian dan merangkumi konteks kehidupan dalam masyarakat semasa. Hasil pengamatan penyelidik penggunaan metodologi tafsir ijmal juga turut diaplikasi di dalam pengajian di Pondok KHSS. Hal ini, adalah berdasarkan daripada huraian terperinci dan ringkas di dalam penyampaian guru tafsir mengenai setiap ayat al-Quran. Penggunaan bahasa yang mudah dan ringkas sewaktu penyampaian menjadi penyebab kepada masyarakat untuk turut bersama-sama dalam menghadirkan diri dalam kuliah tafsir al-Quran di Pondok KHSS (Suhanim Abdullah 2014).

BIODATA PENYAMPAI KULIAH TAFSIR AL-QURAN

Kiyai Haji Sohali Bin Solihin (KHSS) merupakan mudir dan pengasas Pusat Pengajian Pondok Kiyai Haji Sohali Solihin. Beliau berusia 75 tahun dan dilahirkan pada 27 Mac 1945 serta menetap di no. 239, Kampung Seri Merlong, 83100 Rengit, Batu Pahat Johor. Isterinya bernama Puan Tumisah Binti Md Yassin. Hasil perkongsian bersama, mereka telah dikurniakan 7 cahaya mata (5 lelaki dan 2 perempuan). Beliau mendapat pendidikan awal secara formal di Sekolah Kebangsaan Seri Merlong Rengit, Batu Pahat Johor dan Sekolah Rendah Agama Negeri Johor (SAKNJ) Seri Merlong sehingga ke peringkat Sijil Darjah Khas Agama (SDKA).

Seterusnya, beliau melanjutkan pengajaran di Madrasah Addadiyah di Sabak Bernam, Selangor serta Madrasah Solahiniah, Bukit Gambir, Muar Johor. Secara kesuluruhan beliau telah menuntut ilmu di madrasah merata tempat. Antara senarai guru yang pernah beliau bersama adalah cikgu Osman Bin Sabang, Cikgu Abdul Kodi, Ustaz Ali, Kiyai Maksom Bin Haji Abdul Shukor, Kiyai Haji Solehan Bin Bajuri, Kiyai Yahya Bin Daud, Kiyai Haji Ahmad, Kiyai Haji Jamari, Kiyai Haji Yassin dan Kiyai Haji Samsuddin.

BAHASA PENGHANTAR

Penyelidik mendapati setiap pertuturan yang diucapkan oleh pembimbing kuliah tafsir di Pondok KHSS sewaktu sesi kuliah dijalankan adalah baik dan penggunaan bahasa Melayu

sebagai bahasa pengantar utama. Namun begitu, Kiyai Haji Sohalin ada menyelitkan sedikit dialek Jawa dalam sesi kuliah beliau, keadaan ini berlaku kerana beliau berketurunan Jawa dan juga disebabkan faktor penduduk sekitarnya adalah berketurunan Jawa. Ini tidaklah mencacatkan kuliah pengajian tafsir dibawah kendalian beliau, malah ianya merupakan satu perkara yang unik serta merupakan daya penarik kepada golongan tua untuk mengikuti kuliah tafsir beliau.

Ini seperti yang ditegaskan oleh (Abdul Rashid, 2006); setiap bahasa yang dipertuturkan itu memainkan peranan penting dalam memberikan ucapan. Bahasa yang diungkapkan adalah menggambarkan sifat keperibadian jiwa bagi seseorang. Bahasa boleh dikategorikan sebagai satu simbolik dalam sesebuah pembentukan tamadun. Penggunaan bahasa yang diungkapkan oleh Kiyai Haji Sohalin mudah difahami dan jelas, juga sesuai kepada setiap lapisan masyarakat yang mengikuti kuliah tafsir beliau.

SUKATAN PELAJARAN TAFSIR AL-QURAN

Sepanjang penyelidik menghadiri kuliah tafsir yang disampaikan oleh Kiyai Haji Sohalin, penyelidik mendapati bahawa pengajian tafsir al-Quran yang dijalankan ini tidak mempunyai sebarang sukatan pelajaran yang khusus. Namun hasil catatan yang diperolehi berdasarkan pemerhatian turut serta, didapati penagajian tersebut bermula daripada Surah al-Mulk dari ayat 1 hingga 30 dan Surah al-Isra ayat 82.

Setiap perbahasan di dalam pengajian kuliah tafsir di pondok ini adalah berdasarkan kepada beberapa tema mengenai ayat dan penyampai kuliah sering membawa masuk ke dalam kuliahnya isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Pendengar yang hadir akan mencatat beberapa isi penting tentang pengajian tafsir al-Quran. Kebiasaan pada hari Jumaat bermula seawal jam 10.00 sehingga 11.00 pagi, penyampai kuliah tafsir akan melakukan pentafsiran terhadap ayat-ayat suci al-Quran secara ringkas.

KITAB RUJUKAN

Pondok KHSS menggunakan kitab turath sebagai bahan rujukan utama dalam penyampaian kuliah tafsir al-Quran yang bertajuk ‘surah-surah amalan’. Kiyai Haji Sohalin tidak kitab mengkhususkan kitab tafsir dalam kuliah tafsir yang beliau sampaikan kepada orang ramai. Menurut Ustaz Mohammad Abdillah (2020), setiap kuliah orang dewasa yang disampaikan oleh Kiyai Haji Sohalin adalah berdasarkan catatan yang telah dibuat sewaktu zaman beliau belajar dahulu. Oleh itu, penyelidik membuat kesimpulan bahawa kitab rujukan yang digunakan oleh beliau ketika sesi pengkulihan adalah berdasarkan daripada potongan ayat al-Quran yang telah beliau kumpul semasa pengajian beliau bergelar pelajar zaman dahulu. Seterusnya, beliau membahaskan secara ringkas setiap ayat al-Quran serta menetapkan beberapa tema pada setiap ayat tersebut sambil mengaitkannya dengan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat.

HALANGAN DAN CABARAN PENGAJIAN TAFSIR AL-QURAN DI PONDOK KHSS

Terdapat beberapa cabaran dan halangan dalam pengajian tafsir al-Quran di Pondok KHSS, antaranya;

1. Tempoh Masa yang Singkat

Pengajian tafsir al-Quran di Pondok KHSS tidak dapat lari daripada cabaran terhadap tempoh masa kuliah yang agak singkat dalam setiap sesi pengajian tafsir. Tempoh masa bagi kuliah tafsir perlu ditambah demi untuk memantapkan lagi kefahaman masyarakat pendengar terhadap isi kandungan al-Quran.

2. Kuliah Hanya dijalankan Seminggu Sekali

Jarak waktu pembelajaran tafsir al-Quran adalah terlalu jauh iaitu hanya setiap hari Jumaat sahaja dan pengajian tersebut dilakukan pada waktu duha. Pendengar yang hadir digalakkan untuk membawa buku catatan dan tidak dibekalkan kitab tafsir kepada mereka untuk dijadikan sebagai bahan rujukan sampingan.

3. PdP Berbentuk Sehala

Pihak pentadbiran Pondok KHSS pelu mewujudkan sesi soal jawab di antara pendengar dan penyampai kuliah, kerana ianya merupakan suatu aktiviti yang baik dalam mengukur daya kefahaman pelajar terhadap sesuatu pembelajaran yang disampaikan. Ini bertujuan bagi menilai tahap kefahaman diri bagi setiap pendengar mengenai tajuk yang dipelajari. Sekiranya amalan ini tidak diwujudkan, dikhawatiri ianya akan memberikan kesan negatif terhadap daya pemikiran seseorang dan akan melahirkan pendengar yang kurang aktif.

Pada abad ke 21 ini, pembentukan kurikulum pondok perlulah diubah dan menggunakan pakai sistem pantaksiran moden dengan memperkenalkan ujian lisan dan bertulis. Ujian yang dijalankan ini adalah bertujuan menilai tahap penguasaan pendengar-terhadap setiap pembelajaran tafsir al-Quran yang disampaikan. kesannya agar setiap pendengar dapat menanam sikap bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu tafsir al-Quran dan seterusnya akan memberikan manfaat yang besar buat diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara.

4. Pendengar Kuliah Tafsir Perlu Mendalami Pelbagai Ilmu

Perkara asas dalam memahami tafsir al-Quran yang sempurna memerlukan kepada tahap penguasaan terutamanya dalam bidang ilmu bahasa Arab, nahu, saraf, usuluddin, balagahah serta asbab nuzul al-Quran. Oleh itu, bagi seseorang yang ingin menguasai ilmu tafsir al-Quran dengan baik, maka disarankan agar dapat mendalami bidang ilmu yang asas terlebih dahulu. Seperti akidah, bahasa arab, nahu, saraf dan asbabun nuzul. Penguasaan ilmu tersebut mempunyai kaitan penting bagi seseorang dalam mengukuhkan tahap penguasaan mereka terhadap ilmu tafsir al-Quran.

KAEDAH PENYAMPAIAN KULIAH TAFSIR AL-QURAN

Kaedah penyampaian dalam pengajian tafsir al-Quran yang dilakukan oleh Kiyai Hajji Sohali Solihin adalah menggunakan kaedah tradisional, iaitu menggunakan sistem halaqah dan menadah kitab. Sebelum memulakan pengajaran dan pembalajaran, beliau akan menulis sepotong ayat al-Quran di papan hijau berserta terjemahannya. Setelah itu, bagi memberkati majlis ilmu ini, beliau akan membacakan bacaan doa bagi memohon kesejahteraan buat para ulama agar beroleh kerberkatan dan keredaan daripada Allah SWT dalam kuliah yang akan disampaikan.

Seterusnya, ayat al-Quran tadi dihuraikan secara terperinci melalui terjemahannya serta mengaitkan dengan isu-isu semasa dan menetapkan tema-tema khusus pada setiap huraian ayat. Sementara itu, tuan guru akan duduk di tengah separa ulatan yang dikekeling oleh pelajar sambil memperdengarkan serta mencatatkan beberapa isi penting. Perkara ini sudah menjadi satu kelaziman bagi setiap orang yang bergelar sebagai menuntut ilmu dan merupakan sebahagian daripada adab menuntut ilmu agama.

Pada akhir pengajian, Kiyai Haji Sohalin akan membuat penutupan ringkas dengan memberi peringatan dan nasihat kepada para pendengar agar sentiasa melakukan amalan dengan istiqamah, terutamanya dalam menghadiri majlis-majlis ilmu yang dianjurkan. Nasihat ini adalah satu peringatan buat pendengar untuk berusaha dalam mencari ilmu.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN TERHADAP KULIAH TAFSIR AL-QURAN

Terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang sesuai terhadap kuliah tafsir al-Quran. Antaranya:

1. Menyediakan Bahan Rujukan

Menyediakan bahan rujukan pembelajaran tafsir al-Quran kepada pendengar yang hadir dalam kuliah. Tujuannya adalah membantu dalam meningkatkan lagi tahap keupayaan dalam mengingati akan tiap-tiap pelajaran.

2. Memanjangkan Tempoh Masa Kuliah Pengajian Tafsir

Digalakkan agar dapat mengadakan kuliah pengajian tafsir al-Quran dalam tempoh waktu yang panjang, iaitu sekitar satu atau dua jam. Pembelajaran pengajian tasfir al-Quran perlu diberikan penekanan serta bimbingan yang sewajarnya bagi membantu masyarakat dalam berpengetahuan luas dan dapat memahami segala isi kandungan isi yang terkandung di dalam al-Quran agar dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

3. Menghebahkan Kuliah Melalui Media Sosial Terkini

Ilmu tafsir al-Quran adalah satu ilmu yang amat penting terutamanya sebagai bekalan dalam mengharungi cabaran dalam kehidupan masyarakat pada zaman ini. Istilah tadabbur dan menadah kitab di pondok telah beransur pudar. Adalah sebaiknya setiap institusi pondok menghebahkan kuliah-kuliah pengajian mereka dengan menggunakan saluran media sosial terkini seperti *facebook*, *whatsapp*, *twitter* dan lain-lain, agar lebih ramai hadirin hadir ke majlis ilmu

4. Menganjurkan Lebih Banyak Siri Pengajian Tafsir al-Quran

Menganjurkan dengan lebih banyak kuliah tafsir al-Quran, dua atau tiga kali seminggu, agar ilmu yang dikusai lebih mantap dan lebih jitu. Pengajian tafsir yang kerap seperti ini harus dikekalkan bagi membentuk keperibadian jiwa sebagai seorang muslim yang berwibawa. Disamping, mampu memberi kesan positif terhadap anjuran menerusi nilai-nilai murni yang terdapat di dalam al-Quran.

KESIMPULAN

Pertumbuhan institusi pondok di negeri Johor telah menarik ramai golongan masyarakat dalam menuntut ilmu terutamanya pengajian tafsir al-Quran, pengajian di institusi pondok masih lagi menghidupkan pengajian kitab berbentuk halaqah dengan menekankan kepada pengajian kitab-kitab turath. Kaedah ini adalah diwarisi daripada ulama silam yang menuntut ilmu secara halaqah di Masjidil Haram, Mekah. Namun sistem ini perlu kepada sedikit penambahbaikan, terutamanya dlm PdP tafsir al-Quran, ini termasuk mengaitkan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan isu semasa yang berlaku dalam masyarakat dengan lebih banyak kerap. Hal ini perlu dilakukan agar masyarakat pendengar kuliah tafsir dapat merasai bahawa ayat-ayat al-Quran adalah “dekat” dengan kehidupan seharian mereka. Penggunaan bahan bantuan mengajar dalam PdP tafsir al-Quran di pondok perlu ditambahbaik, agar dapat menarik minat lebih ramai golongan muda dalam mengikuti pengajian tafsir.

RUJUKAN

- Abd Latif Juffri & Masnorindah Mohd Masry. (2010). *40 Tokoh Ulama Johor*. Johor Bahru: Kesatuan Kebangsaan Guru-Guru Ugama Malaysia Barat.
- Abdul Hafiz Abdullah et al. (2006). *Peranan Ulama Pondok dalam Pengajian Tafsir al-Quran: Kajian di Tiga Buah Pondok Negeri Kelantan*. Dlm. Prosiding Nadwah Ulama Nusantara III, Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Abdul Rashid, Melebek. (2006). *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Awang (penyelenggara). (2012). *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1)*, ed. 4. Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Kamarul Azmi, Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatitif*. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 Puteri Resort Melaka anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim.
- <https://www.researchgate.net/publication/293097563.metodologi.pengumpulan.data.dalam.penyelidikan.kualitatitif>.
- Mustaffa, Abdullah. (2009). *Khazanah Tafsir Di Malaysia*. Bentong: Book Pro Publishing Services.
- Mustaffa, Abdullah. (2011). *Khazanah Tafsir Di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suhanim Abdullah. (2014). *Pemikiran Tokoh Ulama' Banjar Kedah*. Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia UTHM.
- Tajudin Saman. (1993). *Tokoh Ulama Nusantara*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Ustaz Mohammad Abdillah. (2020). *Metodologi Pengajian Tafsir Al-Quran Di Pondok Kiyai Haji Sobali Solihin (KHSS), Merlong, Rengit, Batu Pahat Johor*. Temu Bual.

BAB 8

PENCEGAHAN DADAH MENERUSI PEMBENTUKAN SPIRITUAL INDIVIDU MENURUT HADIS

Suriani Sudi¹, Rosni Wazir¹, Norsaleha Mohd Salleh¹, Abur Hamdi Usman¹
Abdul Hadi Awang¹ & Syamim Zakwan Rosman¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Bangi, Selangor

PENGENALAN

Statistik yang dikeluarkan oleh AADK pada tahun 2018 iaitu Buku Maklumat Dadah 2017 mencatatkan seramai 18,440 orang penagih baru dikesan dan 7,482 penagih berulang. Daripada angka ini kaum Melayu mencatatkan bilangan tertinggi iaitu 15,037 (81.55%), diikuti oleh kaum Cina 1,216 (6.59%) dan India 1,026 (5.56%). Bilangan ini semestinya sesuatu yang merisaukan terutamanya kepada kaum Melayu kerana mempunyai peratusan yang tertinggi (AADK, 2018). Angka ini membuktikan terdapat keperluan untuk satu kajian dan sumbangan bagi pemerkasaan langkah pencegahan di negara ini (Taib, 2005).

Seterusnya, Jailani (2015) mengemukakan penyalahgunaan dadah ialah kombinasi penyakit yang melibatkan aspek biologi, psikologi, kemasyarakatan dan kerohanian. Setiap satu daripada empat aspek ini boleh dilihat sebagai faktor kepada penglibatan seseorang individu itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, program rawatan dan rehabilitasi penyalahgunaan dadah tidak boleh menekankan hanya satu atau dua aspek sahaja daripada aspek-aspek tersebut serta meninggalkan aspek-aspek yang lain. Secara biologinya penagihan ini dapat ditangani dengan pengambilan ubat-ubatan atau Terapi Gantian Metadon (TGM) yang akan mengawal kesan “withdrawal symptoms” dan ketagihan. Secara psikologi dan psikospiritualnya pula, mereka hendaklah kembali kepada ajaran Islam yang akan membentuk spiritual yang kuat untuk membuang dan menahan ketagihan.

Menurut kajian yang dilakukan oleh Tunggak (2015) faktor diri sendiri adalah faktor utama yang memberi kesan paling kuat. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Ahmad et.al (2015) yang menyatakan faktor individu merupakan faktor utama penagihan diikuti keluarga dan suasana sosial. Seterusnya, daripada kajian yang dijalankan oleh Salleh (2012) terdapat 4 faktor utama yang menyumbang kepada masalah penagihan dadah iaitu pengaruh kawan, sikap ingin mencuba, kurang didikan agama dan daya ketahanan diri atau motivasi yang lemah. Selain itu, stress, kemurungan dan gelisah atau *anxiety* juga faktor yang menyumbang.

Terdapat kajian yang memfokuskan punca penagihan dadah disebabkan kerohanian yang rapuh. Menurut Ghani & Adam (2014) penagihan dadah berpunca daripada penyakit rohani. Penyakit rohani tidak boleh dirawat dengan menggunakan suntikan ubat, tidak boleh dengan kekerasan dan kekuasaan tetapi harus dibimbing rohani. Hal ini turut dikuatkan oleh Taharem (2004) bahawa kerohanian yang rapuh dan perasaan cintakan dunia adalah faktor utama belia kecundang kepada masalah dadah. Manakala menurut Shafie (2006) kerohanian yang lemah merupakan punca utama penagihan dadah di samping punca pelbagai krisis moral dan sosial. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Abdul Kadri et. al. (2013) turut mengenalpasti pengabaian kepada perkara agama merupakan punca utama kepada masalah salah laku remaja antaranya dadah.

Bertitik tolak daripada kajian yang dikemukakan ini terdapat keperluan untuk memfokuskan langkah menangani dadah daripada aspek rohani. Ini kerana pendekatan kerohanian dapat membentuk keperibadian yang mulia, jati diri yang kuat dan penghargaan diri yang tinggi yang dapat membentuk faktor pelindung yang tinggi terhadap ancaman dadah (Abdul Kadir et. al, 2013).

PENCEGAHAN DADAH

Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK, 2018) pencegahan merupakan strategi jangka panjang yang bertujuan untuk melindungi seseorang dari terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Mengikut Akta Agensi Antidadah 2004, fungsi pencegahan adalah mendidik orang ramai untuk menentang penyalahgunaan dadah berbahaya, mendapatkan dan memelihara sokongan orang ramai dalam memerangi penyalahgunaan dadah berbahaya dan menasihati menteri mengenai polisi yang berhubungan dengan pencegahan penyalahgunaan dadah berbahaya.

Di samping itu, Ariffin (2016) menyatakan secara umumnya faktor risiko yang dikenal pasti menyumbang kepada masalah penagihan dadah ialah lemahnya jati diri individu, keinginan untuk berseronok, tekanan jiwa, longgarnya pegangan agama, mempunyai daya tahan yang rendah, rapuhnya nilai pegangan moral di dalam diri, berdepan dengan pelbagai bentuk tekanan hidup dan masalah keluarga. Kegagalan berhadapan dengan faktor-faktor penagihan tersebut juga akan menyebabkan berlakunya masalah pergantungan tinggi kepada dadah sebagai suatu cara untuk lari daripada masalah dan akhirnya mencetus tingkah laku pengulangan.

Manakala, faktor pelindung ialah jati diri yang kukuh, mempunyai daya tahan yang kuat, pegangan agama yang utuh, menghargai diri, kasih sayang, pengharapan, berdikari, bersyukur, dan mempunyai tujuan hidup. Faktor-faktor ini merupakan pelindung daripada risiko terlibat dengan dadah (Roy et, al., 2019).

Elemen-elemen tersebut adalah berkaitan dengan spiritual seseorang dan kajian di atas menunjukkan pembentukan spiritual seseorang mampu untuk mencegah seseorang dari terjebak ke kancah dadah. Fariza (2013) menjelaskan bahawa spiritual ini bersifat dalam yang mempengaruhi penjelmaan personaliti seseorang. Ia merupakan unsur yang berdiri dalam rohani manusia dan mencorakkan segala yang berhubung dengan sikap, pandangan, persepsi dan motivasi seseorang. Fariza (2013) dan Salasiah et. al (2012) juga menjelaskan bahawa konstruk spiritual adalah merupakan kombinasi antara empat elemen iaitu *al-nafs*, *al-qalb*, *al-'aql* dan *al-ruh*. Salasiah (2014) juga mendefinisikan spiritual itu sebagai hal-hal yang berkaitan kerohanian dan kualiti dalaman manusia yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, secara khususnya adalah berkaitan dengan jiwa, ruh, hati, akal dan sifat insan.

PEMBENTUKAN SPIRITUAL INDIVIDU DALAM PENCEGAHAN DADAH

Di sini pengkaji akan mengupas elemen-elemen faktor pelindung berkaitan spiritual menurut perspektif hadis untuk melihat kekuatan elemen-elemen tersebut dalam mencegah seseorang dari terjebak ke dalam kancah dadah.

1. Mempunyai misi dan tujuan hidup

Misi bermaksud niat, matlamat, objektif dan tujuan (Kamus Dewan 2010) dan niat itu membezakan antara satu tujuan dengan yang lain (al-Ghazali 1994). Ia merupakan

keadaan, sifat dan amalan hati dan bertempat di dalam hati (al-Ghazali 2000, Musa 2002, al-Nawawi 2006) dan niat itu sendiri bermaksud tujuan dan kehendak untuk melaksanakan sesuatu (al-Ghazali 2000, Ibn Rajab 2004). Hadis yang jelas menyebut tentang misi dan matlamat adalah;

عَنْ عُمَرَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَلِكُلِّ امْرٍ مَا نَوَى فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ
إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرًا يَتَرَوَّجُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا
هَا جَرَ إِلَيْهِ

[al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Ma Ja'a Inna al-A'mal bi al-Niyyah.* No hadis 54; Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Imarah. Bab Innama al-A'mal bi al-Niyyah.* No hadis 1907]

Maksudnya:

Dari 'Umar, bahawa Rasulullah SAW bersabda: Semua perbuatan tergantung niatnya, dan (balasan) bagi tiap-tiap orang bergantung dengan apa yang diniatkan; barangsiapa niat hijrahnya karena Allah dan RasulNya, maka hijrahnya adalah kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa niat hijrahnya karena dunia yang ingin digapainya atau karena seorang perempuan yang ingin dinikahinya, maka hijrahnya adalah kepada apa dia niatkan.

Ibn al-'Uthaymin (1426H) menjelaskan hadis ini menerangkan bahawa setiap amalan dan pekerjaan itu adalah dengan niat dan matlamat manakala al-Sa'adi (1423H) pula menyatakan hadis ini adalah merupakan timbangan untuk amalan batin. Ibn Rajab (2004) menjelaskan bahawa setiap perbuatan di kiaskan dengan peristiwa hijrah di mana baik atau buruknya sesuatu amalan dan perbuatan adalah berdasarkan kepada niat serta matlamat perbuatan tersebut. Seperti mana baginda SAW di dalam hadis ini membuat perbandingan antara dua matlamat dalam penghijrahan muslimin ke Madinah iaitu matlamat hijrah kerana Allah dan kerana wanita yang ingin dinikahi. Maka baginda SAW menjelaskan sesiapa yang bermatlamatkan hijrah kerana cintakan Allah dan Rasul serta bertujuan untuk menzahirkan agama Islam, maka hijrahnya adalah kerana Allah dan Rasul. Manakala bagi mereka yang berhijrah kerana mengejar dunia dan perempuan yang ia muhi nikahi, baginda SAW menyebutkan bahawa ia akan hanya mendapat apa yang ia niatkan iaitu dunia dan wanita yang ingin dinikahi.

Maka jelas di dalam hadis ini akan kepentingan niat serta matlamat yang jelas dalam kehidupan dan itu tanda spiritual yang cerdas. Seorang yang jelas misi dan matlamatnya akan melakar perjalanan yang betul dan bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamatnya. Hal ini selaras dengan pandangan Toto (2001) yang menjelaskan bahawa mereka yang cerdas spiritualnya adalah mereka yang mempunyai tujuan dan makna hidup. Maka ia merupakan langkah bagi seseorang untuk melakar kehidupan yang beragenda seterusnya mampu untuk mencegah dari terjebak ke kancang dadah.

2. Syukur

Syukur adalah perasaan gembira dengan nikmat Allah iaitu dengan menggunakan nikmat Allah pada tempatnya yang betul (al-Ghazali 2006). Mereka yang bersyukur mempunyai jiwa yang tenang dan bersih (al-Ghazali 1963). Syukur bermakna terkesan dengan nikmat Allah iaitu dengan memuji-muji, mengiktiraf dan menyebut-nyebut nikmat Allah dengan

lidahnya, rasa kasih dan cinta pada hatinya dan tunduk serta patuh pada anggota badannya. Asas syukur adalah ketundukan terhadap Allah, kasih kepadaNya, iktiraf nikmat yang dikurniakan, puji-pujian kepadaNya dan tidak menggunakannya pada perkara yang Dia tidak suka (Ibn Qayyim 1993).

عَنْ صُهَيْبٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَجَبًا لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلَّهُ خَيْرٌ وَلَيْسَ ذَكَرْ لِأَخَدٍ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ إِنْ أَصْنَابَتْهُ سَرَاءُ شَكَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ وَإِنْ أَصْنَابَتْهُ ضَرَاءُ صَبَرَ فَكَانَ خَيْرًا لَهُ

[Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Zuhdu wa al-Raqaiq. Bab al-Mukmin Kulluhu Khayr.* No hadis 7692]

Maksudnya:

Dari Suhaib telah berkata bahwa Rasulullah SAW telah bersabda: Sungguh menakjubkan urusan bagi orang mukmin. Semua urusannya adalah baik baginya. Hal itu tidak dimiliki seorang pun selain orang mukmin. Apabila mendapat kesenangan, ia bersyukur maka yang demikian itu baik baginya dan bila tertimpa musibah, ia bersabar maka yang demikian itu juga baik baginya.

Seorang mukmin yang sempurna ia akan bersyukur kepada Allah apabila mendapat kesenangan (Mustafa 1987; al-Hilali 1997). Apabila seorang mukmin mendapat nikmat agama seperti ilmu dan amal salih atau nikmat dunia seperti harta dan anak-anak seharusnya ia mengucapkan syukur dan seterusnya mendirikan ketaatan kepada Allah. Ini kerana syukur bukan sekadar ucapan syukur pada lisan akan tetapi ia harus mentaati Allah dalam amalannya. Maka hadis ini menggalakkan kepada syukur kepada Allah dan syukur itu menjadi sebab kepada bertambahnya nikmat yang lain (Ibn ‘al-‘Uthaymin 1426H).

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- انْظُرُوا إِلَيْ مَنْ أَسْفَلَ مِنْكُمْ وَلَا تَنْظُرُوا إِلَيْ مَنْ هُوَ فَوْقُكُمْ فَهُوَ أَجْدَرُ أَنْ لَا تَزَدَّرُوا بِنِعْمَةِ اللَّهِ

[Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Zuhdu wa al-Raqaiq. Bab Haddathana Qutaybah bin Sa'id.* No. hadis 7619]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW telah bersabda; Pandanglah orang yang berada di bawah kalian, janganlah memandang yang berada di atas kalian. Demikian itu lebih baik untuk membuat kalian tidak mengkufuri nikmat Allah.

Hadis di atas menganjurkan agar menanam sifat syukur dalam diri iaitu dengan melihat mereka yang lebih rendah kerana yang demikian itu akan memperlihatkan baginya nikmat-nikmat Allah yang dikurniakan kepadanya. Dengan itu akan lahir rasa syukur di dalam diri (al-Nawawi 1989). Gambaran syukur baginda SAW jelas di dalam hadis di bawah;

عَنْ زِيَادٍ قَالَ سَمِعْتُ الْمُغَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ يَقُولُ إِنْ كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِيَقُولُ لِيُصَلِّيَ حَتَّى تَرُمُ قدَمَاهُ أَوْ سَاقَاهُ فَيُقَالُ لَهُ فَيَقُولُ أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا

[al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Jum'ah. Bab Qiyam al-Nabi SAW al-Layl Hatta Tarima Qadamahu. No hadis 1130]

Maksudnya:

Dari Ziyad telah berkata; Aku mendengar al-Mughirah berkata; Ketika Nabi SAW bangun untuk mendirikan solat (malam) hingga nampak bengkak pada kaki atau betisnya, baginda ditanya tentangnya. Maka baginda menjawab: Apakah tidak wajar aku menjadi hamba yang bersyukur?

Hadis tersebut memberi petunjuk bahawa kesungguhan baginda SAW dalam berdoa dan sembahyang malam adalah tanda syukur kepada Tuhan (Ibn Rajab 1996).

Al-Ghazali (1963) menjelaskan bahawa mereka yang bersyukur adalah mereka yang mempunyai jiwa yang tenang dan bersih. Jiwa yang tenang dinamakan sebagai *al-nafs al-mutma'innah* dan *al-nafs al-mutma'innah* inilah yang dikatakan sebagai spiritual yang cerdas (Salasiah 2016).

Rasa bersyukur lazimnya digunakan untuk mengukur kesejahteraan jiwa dan spiritual. Colby (2010) melihat kesejahteraan jiwa dari segi penilaian individu terhadap nilai dirinya sendiri serta menggunakannya ke arah yang positif. Semakin individu itu dapat mengawal jiwnya, maka semakin besarlah potensinya untuk menghindari tekanan, menikmati hidup dan fokus pada perkara-perkara yang penting. Watkin dan rakan-rakan (2003) pula dalam kajianya terhadap sekumpulan pelajar jurusan psikologi mendapati bahawa rasa bersyukur mempunyai hubungan yang positif dengan kegembiraan seseorang. Malah, rasa bersyukur juga boleh mendorong ke arah kesejahteraan psikologikal dan fizikal seseorang. Ada juga sesetengah pengkaji yang menganggap bahawa pembolehubah rasa bersyukur merupakan indikator kepada kesejahteraan psikologikal (Wood et al., 2008).

Maka pengkaji menyimpulkan elemen syukur adalah penting dalam membentuk spiritual seseorang dan seterusnya mencegah dari terjebak ke kancang dadah.

3. Berdikari

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) berdikari adalah berdiri atas kaki sendiri dan tidak mengharapkan orang lain untuk menolongnya. Ciri yang dinyatakan terdapat di dalam hadis di bawah;

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ وَالَّذِي تَفْسِي بِيَدِهِ لَاَنْ يَأْخُذَ أَحَدًا مِّنْ حَبْلِهِ فَيَحْتَصِبَ عَلَى ظَهْرِهِ حَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَأْتِي رَجُلًا فَيَسْأَلُهُ أَعْطَاهُ أَوْ مَنَعَهُ

[al-Bukhari. Sahih al-Bukhari. Kitab al-Zakah. Bab al-Isti'fah 'an al-Mas'alah. No hadis 1470]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: Demi Zat yang jiwaku berada di tanganNya, sungguh seorang dari kalian yang mengambil talinya lalu dia mencari kayu bakar dan dibawa dengan punggungnya lebih baik baginya daripada dia pergi kepada seseorang lalu meminta daripadanya, sama ada orang itu memberi atau menolak

Dalam menjelaskan hadis tersebut, Ibn Battal (2003) menerangkan bahawa hadis ini melarang meminta-minta dari manusia lain melainkan ketika perlu dan darurat. Al-Nawawi (1989) turut menjelaskan bahawa hadis ini menggalakkan kepada bekerja dengan usaha sendiri atau dengan lain perkataan berdikari. Menurut Musa (2002), Islam adalah agama perjuangan, beramal dan produktif. Dalam usaha untuk membina hidup di dunia, Islam menyuruh supaya berusaha dan memperingatkan agar tidak malas iaitu seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis supaya bekerja dan melarang dari meminta-minta. Al-Qastalani (1323H) juga menyatakan bahawa hadis ini bermaksud Nabi SAW melarang menjatuhkan air muka dengan meminta-minta. Bekerjalah untuk mendapatkan sesuatu walaupun dalam keadaan susah payah seperti mana yang dinyatakan di dalam hadis ini iaitu bekerja keras dengan mencari kayu bakar dan ia lebih baik dari meminta-minta. Najati (1992) pula menjelaskan bahawa baginda SAW di dalam hadis ini menggalakkan sahabat baginda SAW agar berdikari dalam bekerja mencari rezeki dan melarang mereka dari meminta-minta.

عَوْفٌ بْنُ مَالِكٍ الْأَشْجَعِيُّ قَالَ وَقُلْنَا قَدْ بَايعْنَاكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَعَلَمْ نُبَيِّنُكَ قَالَ عَلَىٰ أَنْ تَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا
تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَالصَّلَوَاتُ الْحَمْسٌ وَتُطْبِعُو وَأَسْرَ كَلِمَةً حَقِيقَةً وَلَا تَسْأَلُوا النَّاسَ شَيْئًا فَلَقَدْ رَأَيْتُ بَعْضَ
أُولَئِكَ النَّفَرِ d فَمَا يَسْأَلُ أَحَدًا يُنَبَّأُ لَهُ إِيَّاهُ

[Muslim. *Sahih Muslim. Kitab al-Zakah. Bab Karahah al-Mas'alah li al-Nas.* No hadis 1043]

Maksudnya:

'Auf bin Malik al-'Asy'yi berkata; Sesungguhnya kami telah berbai'at kepada tuan, lalu atas apa lagi kami berbai'at kepada Tuan wahai Rasulullah? Baginda menjawab, Bahawa kalian akan menyembah Allah dan tidak menyekutukanNya dengan sesuatupun juga, akan menegakkan sembahyang lima waktu, akan berlaku patuh kemudian beliau memperlakukan suaranya; dan tidak akan meminta sesuatupun dari orang ramai. 'Auf berkata; Aku pernah melihat sebahagian dari mereka itu suatu saat cambuknya jatuh, tetapi ia tidak meminta tolong sedikit pun kepada orang lain untuk mengambilkannya

Al-Nawawi (1989) dan (Musa 2002) menyebut bahawa hadis ini menggalakkan agar tidak meminta-minta dari orang ramai walaupun dalam perkara yang remeh. Kedua-dua hadis di atas memberikan maksud berdikari sebagaimana yang di sebut oleh Kamus Dewan (2010). Najati (1992) turut menjelaskan bahawa hadis ini menunjukkan bahawa baginda SAW mengajar para sahabat baginda supaya bergantung pada diri sendiri, menguruskan urusan mereka dengan kudrat sendiri dan tidak bergantung kepada orang lain dalam menyelesaikan urusan mereka.

Sifat berdikari merupakan kekuatan dalaman yang efektif dan jiwa yang positif serta mampu menguasai kemampuan dan kekuatan diri seseorang. Ia amat penting dalam membentuk spiritual seseorang. Penekanan terhadap elemen spiritual dapat membentuk keperibadian yang mulia, jati diri yang kuat dan penghargaan diri yang tinggi yang dapat membentuk faktor pelindung yang tinggi terhadap ancaman dadah (Abdul Kadir et. al, 2013).

4. Penghayatan agama

Fitrah manusia perlukan agama dalam hidupnya, kerana dengan agama manusia dapat menikmati hidup yang tenang dan bahagia jiwa. Agama memberikan sebuah kerangka moral sehingga membuatkan seseorang mampu menilaikan sesuatu yang buruk dan baik, mengetahui mengapa dan untuk apa seseorang itu berada di dunia ini. Agama memberikan perlindungan dengan rasa aman, terutama bagi remaja yang sedang mencari identiti dan personaliti dirinya

Kembali kepada ajaran dan menghayati hidup beragama merupakan solusi terbaik dalam menangani permasalahan yang menimpa golongan masyarakat pada hari ini. Membangunkan penghayatan hidup beragama dalam diri remaja merupakan pendekatan terbaik dalam membentuk remaja dari pelbagai aspek. Seperti mana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 208 yang bermaksud:

Hai orang-orang yang beriman, masuklah kamu ke dalam Islam keseluruhan, dan janganlah kamu turut langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

Hidup beragama berupaya menanamkan keimanan dalam diri dan memelihara diri dari daripada melakukan perkara yang terseleweng dari agama (Ibnu Qayyim al-Jawziyah, 1983). Selain memberi ketenangan emosi (Hasnan Kassan 2002) dan meningkatkan keyakinan dalam diri manusia (al-Qaradawi 1998), hidup beragama juga memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan personaliti (Ahmad Raba, 2001; Jamiah Manap, 2005).

Terdapat banyak kajian yang menyatakan bahawa hidup beragama dapat menangani permasalahan akhlak dan sosial remaja. Antaranya kajian Fauziah (2012) mendapati hidup beragama dapat mencegah remaja terlibat dengan aktiviti tidak bermoral dan menyalahi undang-undang negara (Fauziah et al., 2012). Sarina (1995) juga mendapati hidup agama dalam diri seseorang individu mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama. Sepertimana kajian Sharifah et al. (2010) yang mendapati hidup beragama juga memberi kekuatan untuk berdepan dengan cabaran yang negatif.

Hidup beragama perlu dibangunkan dan diperkasakan. Ini kerana hidup beragama memberi banyak impak positif dalam membentuk kehidupan remaja yang seiring dengan tuntutan agama bahkan juga dapat menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat.

Selain itu, hidup beragama juga diterjemahkan sebagai kepercayaan yang pasti, ketundukan yang mutlak, kepatuhan yang penuh kesedaran dan keikhlasan pada sumber ilahi dari segenap sudut kehidupan manusia (Din, 1985). Menurut Anwar & Kasan (2008) hidup beragama ialah menjadikan Islam sebagai tatacara hidup yang sempurna dan direhsti oleh Allah SWT berdasarkan ketaatan kepada Allah SWT dan bertunjangkan tauhid.

Dalam memastikan hidup beragama, baginda SAW mengingatkan umatnya agar sentiasa menjaga iman dalam kehidupan dan tidak mengikut hawa nafsu;

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَالِدِهِ وَوَلَدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

[al-Bukhari. *Sahih al-Bukhari. Kitab al-Iman. Bab Hubb al-Rasul SAW min al-Iman.* No hadis 15]

Maksudnya:

Tidak beriman seseorang dari kalangan kamu sehingga hawa nafsunya mengikut apa yang aku bawa.

Seluruh kehidupan seorang muslim mesti berasaskan kepada syariat Allah dan petunjuk Rasul SAW dan tidak sedikit pun mengandungi kebatilan. Perjalanan hidup dan tindak tanduknya menjadi lurus. Apabila seorang muslim beriltizam dengan manhaj Allah dan berusaha mematuhi dalam segala aspek kehidupan, maka sempurnalah imannya dan agamanya (al-Nawawi 1989)

Adalah relevan dan signifikan bahawa penghayatan agama sangat diperlukan oleh setiap insan, dengan agama yang di miliki hidup lebih terarah kepada jalan-jalan kebaikan. Maka penerapan nilai agama merupakan usaha untuk membina dan mengasuh seseorang agar sentiasa memahami ajaran agama Islam, dapat menghayati tujuan hidup yang pada akhirnya anak dapat mengamalkan dan menjadikan Islam secara menyeluruh

Kerana itu, hidup beragama menjadi aspek yang amat penting di dalam kehidupan manusia kerana ia dapat memberi pengaruh yang besar terhadap tingkah laku, amalan serta personaliti, ketenangan emosi dalaman, keyakinan diri manusia serta kebahagiaan hidup (Mustapha 2017). Justeru, ia disimpulkan sebagai satu cara hidup Islam yang merangkumi segala aspek sosial, ibadah, muamalat, etika dan amalan harian.

PENUTUP

Hasil yang didapati dari kajian di atas jelas menunjukkan bahawa keempat-empat elemen yang dibawakan oleh penulis iaitu jelas tujuan dan matlamat hidup, syukur, berdikari dan penghayatan agama merupakan antara elemen yang penting dalam membentuk spiritual, peribadi dan akhlak seseorang. Hadis-hadis yang dibawakan menunjukkan kekuatan elemen tersebut dalam membentuk spiritual seseorang. Maka dengan ini penulis merumuskan bahawa jelas tujuan dan matlamat hidup, syukur, berdikari dan penghayatan adalah penting dalam menjadi benteng seseorang dari terjebak ke kancang dadah.

RUJUKAN

- AADK. (2018). *Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2017*. Malaysia: Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Ahmad M. Raba. (2001). *Major Personalities in the Quran*. Kuala Lumpur : A.S Noordeen
- Ahmad, N. A., Ismail, R., Ibrahim, F. & Nen, S.. (2015). Individual, family and social environmental factors influencing the involvement of adolescents in substance abuse. *Jurnal Antidadah Malaysia*.
- Ariffin, N. M. (2016). *Pengaruh kesejahteraan rohani terhadap kecenderungan pengulangan dadah di tujuh Pusat Khidmat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (PKAADK) di Malaysia* (Doctoral dissertation, Universiti Sains Malaysia).
- Abdul Kadir, F. A., Paad, N. S., Ghapar, A., & Nawawi, M. (2013). *Salah laku remaja dan asas penyelesaiannya menurut perspektif Islam*.
- Anwar, K. & Kasan, H. (2008). *Penghayatan agama dan kepimpinan pelajar*. Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan. UTM Skudai. 22-23 Oktober 2008
- Colby, A. 2010. Emotional well being. http://www.annettecolby.com/emotional_well_being.shtml [23 Jun 2010]

- Din, H. 1985. *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Hizbi Sdn. Bhd
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurairi Sharifudin. 2013. *Personaliti Dari Perspektif al-Ghazali*. Bangi: Penerbit UKM
- Fauziah Ibrahim et. al. (2012). Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*.7 : 2012. Hlm 84-93
- Ghani, S. A., & Adam, F. (2014). Pemulihan Dadah Menurut Perseptif Agama Di Malaysia (Drugs Abuse and Rehabilitation in Religion in Malaysia). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 6(1), 75-85.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (1994). *Majmu'ah Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ghazali Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. (2000). *Ihya' Uulum al-Din*. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Al-Hilali Abu Usamah Salim bin 'Ayd. 1997. *Bahjah al-Nazirin Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar Ibn Jawzi.
- Hasnan Kasan. (2002). *Kesihatan Jasmani dan Rohani Sebagai Asas Kejayaan Menurut Islam*. Bangi : UKM
- Ibn Battal Abu al-Hasan 'Ali bin Khalaf bin Abd. al-Malik. 2003. *Syarh Sabih al-Bukhari li Ibn Battal*. Riyadh: Maktabah al-Rusyd.
- Ibn Rajab Al-Hanbali Zayn al-Din 'Abd. al-Rahman bin Ahmad bin Rajab. (2004). *Jami' Uulum wa al-Hikam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Ibn al-'Uthaymin Muhammad bin Salih bin Muhammad. (1426H). *Syarh Riyad al-Salihin*. Riyadh: Dar al-Watan li al-Nasyr
- Ibn Qayyim Al-Jawziyyah Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. (1993). *Mukhtasar Madarij al-Salikin*. Iskandariyah: Dar Da'wah.
- Ibn Qayyim al-Jawziyah. (1983). Abu 'Abd Allah Muhammad bin Abi Bakr. *Miftah al-Dar al-Sa'adah*. Kaherah. Dar al-Hadis
- Jailani, R. (2015). *Integrasi terapi psikospiritual islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berdasarkan Therapeutic Community (TC)*. International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015).
- Jamiah Manap. (2005). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Inventori Religiositi dan Personaliti Muslim*. Disertasi Sarjana. Universiti Putera Malaysia.
- Musa Shahin Lashin. (2002). *Fath al-Mun'im Syarh Sahih Muslim*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Mustafa Sa'id al-Khan et.al. 1987. *Nuzhab al-Muttaqin Syarh Riyad al-Salihin*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Mustapha, R. (2017). *Reka Bentuk Model Integriti Akademik Berdasarkan Penghayatan Rohani*. Tesis Phd. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nazneen Ismail. (2019). *Pengamalan Hidup Beragama Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Islam Di Malaysia*. Al-Irsyad: Journal Of Islamic And Contemporary Issues. Vol. 4, No. 2, Dec 2019
- Najati, Muhammad 'Uthman. (1992). *al-Hadith al-Nabawi wa Ilm al-Nafs*. Lubnan: Dar al-Shuruq.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. (2006). *Bustan al-Arifin*. Beirut: Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah.
- Al-Nawawi. Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Sharaf. (1989). *Hadis Empat Puluh*. Terj. Mustafa Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.
- Norul Huda Bakar et.al. *Pendidikan Islam Asas Pembangunan Hidup Beragama Dalam Kalangan Remaja*: Satu Tinjauan Literatur. 5th International Research Management & Innovation Conference (5th IRMIC 2018) Palm Garden Hotel, Putrajaya 7 August 2018

- al-Qaradawi, Yusuf. (1998). *Al-Iman wa al-Hayat*. Kaherah :Muassasah al-Risalah
- Al-Qastalani Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr. (1323H). *Irryad al-Sari li Syarh Sahih al-Bukhari*. Mesir: Maktabah al-Kubra al-Amiriyah.
- Roy, P. L., et. al. (2019). Risk Factors Associated With Drug Resistant Focal Epilepsy In Adults: A Case Control Study. *Seizure*, 73, 46-50.
- Al-Sa'adi Abu 'Abd. Allah 'Abd al-Rahman bin Nasir. (1423H). *Bahjah Qulub al-Abrar wa Qurrah Uyun al-Akhyar fi Syarh Jawami' al-Akhbar*. Riyadh: Wizarah Syu'un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da'wah wa al-Irsyad.
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut al-Ghazali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Siti Norlina Muhamad, 'Adawiyah Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rozmi Ismail, Intan Farhana Saparudin. (2014). Pendekatan spiritual dalam menangani hysteria. *Jurnal Sains Humanika* 2 (1): 71-76.
- Salasiah Hanin Hamjah et. al. 2012. Role of spiritual aspect in the learning process of islamic studies student. *Medwells Journals*. 7(4): 625-629.
- Shafie, A. R. (2006). *Rawatan Penagihan Dadah: Pendekatan Kerohanian Menggunakan Metode Thoriqat Qadiriyah Wa Naqsabandiyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Sharifah, M.N., Turiman, S., Syamsilah, R., Rahil, M., Haslinda, A., Ismi Arif, I. & Muryid, A. (2010). *Laporan Kajian Fenomena Merempit dan Potensi Remaja Lasak di FELDA*. Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia
- Taib, A. G. (2005). *Bersama Perangi Dadah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sri Kenanga.
- Toto Tasmara. (2001). *Kecerdasan Ruhaniah*. Jakarta: Gema Insani
- Tunggak, B., Hashim, S., Mohamad, N., & Ali, M.. (2015). Faktor risiko belia terlibat dalam penyalahgunaan dadah dan cadangan penyelesaiannya menerusi model pembangunan belia muslim terpimpin. *Jurnal Antidadah Malaysia*.
- Taharem, A. Z. (2004). *Menangani Penyalahgunaan & Penagihan Dadah Menurut Islam*. Rawang: Penerbit Minda Ikhwan.
- Wood, A.M., Maltby, J., Stewart, N. & Joseph, Stephen. (2008). Conceptualizing gratitude and appreciation as a unitary personality trait. *Personality and Individual Differences*. 44: 619-630.
- Watkins, P. C., Woodward, K., Stone, T., & Kolts, R. L. (2003). Gratitude and happiness: Development of a measure of gratitude, and relationships with subjective well-being. *Social Behavior and Personality*. 31: 431–451.

BAB 9

KONSEP DOA MENURUT IMAM AL-NAAWAWI DALAM KITAB RIYAD AL-SALIHIN

Abdul Hadi bin Awang¹, Wan Fakhrul Razi bin Wan Mohamad¹ &
Nor Aklima Shahida binti Mohamad¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

PENDAHULUAN

Doa berasal daripada perkataan Bahasa Arab yang bermaksud meminta, memohon, memanggil dan memuji (Syaminan Zaini, 1983). Manakala di dalam Kamus Dewan, doa adalah permintaan atau permohonan kepada Tuhan dan pendinding untuk menjauhkan diri daripada bahaya (Edisi ke Dua, t.t). Maksud doa dari segi istilah berdasarkan pandangan *al-Khattabi r.*, “*doa ialah permohonan seseorang hamba kepada Tuhan, hakikat doa adalah menzahirkan kefakiran, kelemahan dan kehinaan diri kepada Allah s.w.t yang di dalamnya terdapat pengagungan Allah s.w.t dan mengiktiraf sifat kemuliaan dan pemurahnya Allah s.w.t* (Mahir Bin Abdul Hamid, 2012)”.

Secara asasnya, doa adalah permintaan manusia kepada Pencipta iaitu Allah Taala dalam apa jua hajat yang ingin diminta dalam apa jua keadaan. Namun tatacara dan adab sangat penting ketika berdoa kepada Allah. Al-Quran sentiasa memberi peringatan supaya sentiasa berdoa kepadaNya. Bahkan Allah s.w.t berjanji akan memperkenankan permintaan hambaNya selama mana mereka berpegang teguh dengan perintah Allah s.w.t. Sebagaimana yang diketahui, Allah s.w.t adalah Tuhan yang tidak pernah memungkiri janji.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Baqarah ayat 186:

وَإِذَا سَأَلْتَ عِبَادِي عَنِّي فَإِنِّي قَرِيبٌ مَّا أَحِبُّ دُعْوَةُ الدَّاعِ إِذَا دُعِانٍ

Maksudnya:

“*Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka jawablah bahwasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepadaku.*”

Ahmad Fauzi (2015) menyatakan bahawa realiti kemajuan teknologi kini menjadikan manusia mudah mengabaikan aspek spiritual. Namun di sisi yang lain manusia masih tetap memerlukan spiritual yang mampu mententeramkan jiwa mereka iaitu dengan melakukan amalan doa. Kajiannya membuktikan bahawa doa yang terbaik adalah doa yang terdapat di dalam al-Quran dan doa para nabi, yang mana doa mereka mudah dan senang dikabulkan oleh Allah s.w.t.

Menurut Mursalim (2011) menyatakan bahawa doa adalah satu permohonan yang boleh mengubah hidup manusia dan ia merupakan galakan untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. Kajiannya membuktikan banyak dalil-dalil al-Quran yang menceritakan tentang doa dan perkara yang perlu dilakukan ketika berdoa. Melihat kepada pandangan tokoh terkenal Imam Nawawi menggunakan kitab *Riyad al-Salihin*, pelbagai perbahasan dan penjelasan beliau secara terperinci berkaitan perkara-perkara yang dituntut sebelum,

semasa dan selepas melakukan ibadah doa. Kertas kerja ini akan membahas secara terperinci konsep berdoa menurut Imam al-Nawawi dalam kitab Riyad al-Salihin.

KITAB RIYAD AL-SALIHIN

Kitab ini merupakan himpunan hadis yang berkaitan *al-Raqaiq*, *Zuhud* dan *Fadail al-Amal* juga dikuatkan lagi dengan hujah ayat-ayat suci al-Quran. Di dalamnya banyak nasihat, anjuran, bimbingan dan ganjaran kebaikan atau keburukan yang setimpal dengan apa yang kita lakukan. Isinya mengandungi perkara-pekerjaan terpuji dan larangan daripada melakukan perkara keji, kemurkaan, dan keburukan.

Maksud sebenar *Riyad al-Salihin* adalah taman orang-orang yang salih. Sesuai dengan isi kandungan kitab ini yang mengajak manusia kepada kebaikan dalam menuju kebaikan dunia dan akhirat, menjadikan manusia yang berkeperibadian mulia dan terdapat unsur-unsur galakan dan ancaman. Kitab ini sangat sesuai dijadikan panduan kepada muslim yang ingin menjadi hamba yang salih dan taat kepada perintah Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada *Abu Masud* dalam satu hadis Sahih:

مَنْ دَلَّ عَلَىٰ حَيْرٍ، فَلَهُ مِثْلُ أَجْرٍ فَاعِلِه

[Riwayat Muslim]

Maksudnya:

“Sesiapa yang menunjukkan kepada kebaikan. Maka, baginya ganjaran seperti orang yang melakukannya”.

Hadis ini jelas menggalakkan setiap muslim supaya berlumba-lumba mengejar kebaikan. Setiap kebaikan yang dilakukan sudah tentu akan memberi manfaat kepada diri sendiri dan orang lain bahkan kebaikan yang dilakukan pasti mendapat ganjaran pahala di sisiNya. Sesuai dengan hadis yang diiriwayatkan daripada *Abu Hurairah* dalam satu hadis Sahih:

مَنْ دَعَا إِلَىٰ هُدًىٰ كَانَ لَهُ مِنَ الْأَجْرِ مِثْلُ أَجْوَرِهِ مِنْ شَيْئًا

[Riwayat Muslim]

Maksudnya:

“Sesiapa yang menyeru kepada petunjuk adalah baginya ganjaran seperti ganjaran orang yang mengikutinya dan yang demikian itu tidak mengurangkan ganjaran mereka sedikit pun”.

Darihadis-hadis di atas, Imam Nawawi terdorong untuk mengumpulkan hadis-hadis sahih berkenaan jalan menuju kebaikan dunia dan akhirat. Beliau juga bercita-cita untuk menghasilkan karya yang memberi sokongan, jaminan dan peringatan supaya manusia dapat melahirkan adab yang terpuji sama ada dari segi zahir mahupun batin. Dengan ini, terhasillah kitab *Riyad al-Salihin* karangan beliau (Abdul Wahab Bin Mohamad Soleh, 2009). Kitab ini selesai dikarang pada hari Isnin iaitu 4 Ramadhan tahun 670 Hijrah iaitu 6 tahun sebelum beliau meninggal dunia. Dikatakan bahawa kitab beliau ditulis di *Dar al-Hadis al-Asyrafiah*, Damsyiq semasa bertugas sebagai seorang guru di institusi tersebut (Mohamad Syukri Abdul Rahman et. al, 2015).

Selain itu, kandungannya turut menekankan tentang kepentingan dalam mendalami ilmu, matlamatnya adalah untuk melahirkan individu muslim yang mantap dari segenap segi. Kitab ini merupakan usaha Imam Nawawi dalam mewariskan ilmu pendidikan rohani yang telah diterapkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w dalam kehidupannya.

Kitab *Riyad al-Salihin* dimulakan dengan muqaddimah ringkas Imam Nawawi terlebih dahulu. Di dalamnya, beliau memberitahu perkara-perkara yang mendorong untuk beliau mengarang kitab tersebut. Kandungan kitab ini mempunyai sebanyak 83 bab di permulaan kitab. Pada permulaan bab akan didahului dengan dalil al-Quran terlebih dahulu barulah diikuti dengan dalil hadis yang berkaitan (Mohamad Syukri Bin Abdul Rahman, 2014).

Kemudian beliau meletakkan 18 kitab utama yang mengiringi bab seterusnya, antara kitab tersebut adalah khusus membincangkan tentang doa. Kitab doa ini dibahaskan pada kitab yang ke 16 daripada 18 kitab yang terdapat dalam *Riyad al-Salihin*. Berikut merupakan senarai 18 kitab utama yang terdapat dalam *Riyad al-Salihin*. Setiap kitab-kitab ini mengandungi bab-bab kecil di dalamnya:

1. Kitab Adab
2. Kitab Adab Makan
3. Kitab Tentang Pakaian
4. Kitab Adab Tidur
5. Kitab Tentang Memberi Salam
6. Kitab Menziarahi Orang Sakit
7. Kitab Mengiringi Jenazah
8. Kitab Tentang Fadhiyat
9. Kitab Tentang Iktikaf
10. Kitab Haji
11. Kitab Jihad
12. Kitab Tentang Ilmu
13. Kitab Memuji Allah s.w.t dan Besyukur
14. Kitab Berselawat ke atas Nabi
15. Kitab Zikir
16. Kitab Doa
17. Kitab Tentang Perkara yang dilarang
18. Kitab *al-Ma'tburat wa al-Malah*

Imam Nawawi meletakkan 4 bab kecil yang dibahaskan di dalam kitab doa. Bab pertama adalah berkaitan kelebihan berdoa, sebanyak 4 dalil al-Quran dan 29 dalil hadis yang digunakan oleh beliau. Bab kedua mengenai kelebihan berdoa di luar adanya orang yang didoakan. Beliau menggunakan 3 dalil al-Quran dan 2 dalil hadis. Bab ketiga adalah permasalahan tentang doa, beliau hanya meletakkan 7 dalil hadis sahaja. Manakala bab yang terakhir adalah tentang karamah para wali Allah s.w.t dan keutamaan mereka, di dalamnya sebanyak 4 dalil al-Quran dan 8 dalil hadis.

KONSEP BERDOA MENURUT IMAM NAWAWI

Setiap perkara yang dilakukan mestilah kena dengan caranya. Begitu juga dengan doa, ikuti tuntutan yang diajarkan Rasulullah s.aw barulah doa tersebut mendapat perhatian daripada Allah s.w.t untuk diperkenankanNya. Antara perkara-perkara yang digalakkan dalam melakukan amalan doa adalah seperti yang diriwayatkan daripada *Aisyah r.a* dalam satu hadis sahih:

يَسْتَحِثُ الْجَوَامِعُ مِنَ الدُّعَاءِ، وَيَدْعُ مَا سَوَى ذَلِكَ.

[Riwayat Abu Dawud]

Maksudnya:

"Rasulullah s.a.w itu suka doa-doa yang menghimpun yakni yang mengandung segala macam kepentingan dan keperluan dan beliau s.a.w meninggalkan yang selain itu."

Hadis di atas menjelaskan kepada kita bahawa Baginda s.a.w memberi saranan ketika berdoa adalah menggunakan doa yang mudah dan singkat tetapi meliputi semua maksud (Al-'Aini, 1999). Gabungan doa-doa tersebut mestilah terkandung nilai-nilai yang baik serta memberi faedah kepada diri sendiri dan masyarakat sekelilingnya.

1. Merendah diri ketika berdoa

Doa akan mudah dikabulkan oleh Allah s.w.t sekiranya kita melakukannya dengan bersopan dan beradab. Selaku muslim yang beriman, seharusnya menjaga kelakuan dan akhlak sewaktu berdoa dengan baik di samping menjadikan ibadah kita lebih sempurna. Firman Allah s.w.t dalam surah Al-A'raf ayat 55:

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْقَيَّةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِلِينَ

Maksudnya:

"Berdoalah kepada Tuhan kamu dengan merendah diri dan (dengan suara) perlahan-lahan. Sesungguhnya Allah s.w.t tidak suka kepada orang-orang yang melampaui batas."

Allah s.a.w tidak menyukai mereka yang melampaui batas dalam segala situasi. Begitu juga, meminta perkara yang mustahil dicapai oleh manusia (Al-Zuhaili, 1418H). Contoh perkara yang melampaui batas ketika berdoa adalah meminta hidupnya kekal di dunia, mendapat rezeki tanpa usaha dan sebagainya. Diriwayatkan daripada Usamah Bin Zaid r.a dalam satu hadis hasan sahih:

مَنْ صُنِعَ إِلَيْهِ مَعْرُوفٌ، فَقَالَ لِفَاعِلِهِ: جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا، فَقَدْ أَبْلَغَ فِي الشَّنَاءِ.

[Riwayat al-Tirmidhi]

Maksudnya:

"Sesiapa yang diberikan kepadanya satu perbuatan kebaikan lalu dia membalaunya dengan mengatakan (semoga Allah s.w.t membalaasmu dengan kebaikan), maka hal itu telah mencukupi rasa syukurnya."

Baginda s.a.w menganjur umatnya supaya meringkankan lidah mengucap penghargaan dan mendoakan kebaikan kepada mereka yang suka memberi. Sementara itu, mereka yang bergelar penerima boleh jadi ketika itu, berada dalam posisi kesusahan dan kekurangan. Oleh itu, wajarlah si penerima memuji dan mendoakan kebaikan kepada si pemberi terhadap ganjaran yang mereka perolehi (al-San'ani, 1960). Sementara itu, diperintahkan juga kepada mereka supaya sentiasa bermurah hati, tidak mengungkit-ungkit terhadap

pemberian serta mengakui kebaikan yang diberikan. Diriwayatkan daripada *Abu Hurairah r.a* dalam satu hadis sahih:

يُسْتَحَابُ لَا حِدْكُمْ مَا مَمْ يَعْجَلُ : يَقُولُ : قَدْ دَعْوْتُ رَبِّي ، فَلَمْ يَسْتَجِبْ لِي .

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Maksudnya:

"Doa kalian pasti akan dikabulkan, selama ia tidak terburu-buru, iaitu dengan berkata: aku telah berdoa, akan tetapi tidak kunjung dikabulkan"

Allah s.w.t menerima semua doa hambaNya dengan syarat mereka tidak mendoakan perkara yang mendatangkan dosa. Manakala, mereka yang berputus asa terhadap doa adalah tergolong dari kalangan orang yang tergesa-gesa meminta doa dikabulkan (al-Manawi, 1994). Demikian, sikap ini boleh mencegah daripada terkabulnya doa seseorang itu sehingga menyebabkan dia meninggalkan doa. Sangat rugi bagi individu yang berada pada situasi ini kerana sifat orang yang beriman adalah yang sabar dan tidak teburu-buru dalam sesuatu perkara.

2. Mendoakan sesama muslim

Setiap muslim adalah bersaudara, banyak hak-hak dan tanggungjawab muslim dalam menjaga sesama muslim. Dengan demikian, jauhi segala sengketa dan perselisihan antara kita dan saling berkasih sayang sesama Islam. Antara hak sesama Islam adalah menolong mereka sewaktu kesusahan, membantu dari segi kewangan, membantu meringankan beban dan sebagainya. Sekiranya kita tidak mampu untuk melakukan demikian, doa juga salah satu solusi terbaik bagi meringankan hati mereka agar mereka tidak selalu berkeluh kesah dan meratapi nasib. Doa yang baik buat saudara akan mudah dikabulkan dengan izinNya.

Firman Allah s.w.t dalam surah Al-Hasyr ayat 10:

وَالَّذِينَ جَاءُوا مِنْ بَعْدِهِمْ يَقُولُونَ رَبَّنَا اغْفِرْ لَنَا وَلَا حُوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالإِيمَانِ

Maksudnya:

"Dan orang-orang (Islam) yang datang kemudian daripada mereka (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan Kami! Ampunkanlah dosa kami dan dosa sandara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman."

Firman Allah s.w.t dalam surah Ibrahim ayat 41:

رَبَّنَا اغْفِرْ لِي وَلِوَالدَّيِّ وَلِلْمُؤْمِنِينَ يَوْمَ يَقُومُ الْحِسَابُ

Maksudnya:

"Wahai Tuhan kami! Berilah ampun bagiku dan bagi kedua ibu bapaku serta bagi orang-orang yang beriman, pada masa berlakunya hitungan amal dan pembalasan."

Dua doa yang terdapat menerusi dalil al-Quran di atas menunjukkan kepentingan dalam suruhan mendoakan untuk saudara muslim. Diriwayatkan daripada *Abu al-Darda' r.a* dalam satu hadis sahih:

مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُ لِأَخِيهِ بِظَهَرِ الْغَيْبِ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ : وَلَكَ يَمْثُلُ.

[Riwayat Muslim]

Maksudnya:

"Tidak ada seorang hamba yang muslim apabila berdoa kepada saudaranya yang berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan malaikat berkata kepadanya: dan bagi kamu sepertinya (seperti yang didoakan)"

Apabila seorang muslim mendoakan untuk kawan, sahabat atau saudaranya tanpa pengetahuan mereka, doa tersebut turut akan kembali kepadanya. Dengan erti kata lain, dia juga akan mendapat kembali doa tersebut sama seperti yang didoakan untuk saudaranya. Ini kerana, Allah s.w.t Maha Tahu keikhlasannya dalam mendoakan kebaikan orang lain. Kata *Qadi Iyad* "doa tersebut akan kembali kepada dia dan menjadi satu keadilan kepada saudaranya". Kerana itu para ulama terdahulu, mereka tidak akan lupa untuk mendoakan saudara mereka (al-Nawawi, 1392). Diriwayatkan daripada *Abu Darda' r.a* dalam satu hadis sahih:

دَعْوَةُ الْمُرْءَ الْمُسْلِمِ لِأَخِيهِ بِظَهَرِ الْغَيْبِ مُسْتَجَابَةٌ، عِنْدَ رَأْسِهِ مَلَكٌ مُؤَكِّلٌ كُلَّمَا دَعَا لِأَخِيهِ بِخَيْرٍ قَالَ الْمَلَكُ
الْمُؤَكِّلُ بِهِ: آمِينَ، وَلَكَ يَمْثُلُ.

[Riwayat al-Bukhari dan Muslim]

Maksudnya:

"Doa seseorang muslim untuk saudaranya secara berjauhan (tanpa pengetahuannya) adalah mustajab. Di kepalanya (yang berdoa) terdapat malaikat yang diwakilkan kepadanya, setiap kali dia berdoa kepada saudaranya dengan kebaikan maka malaikat yang diwakilkan itu akan berkata: Amin dan bagi engkau seperti itu juga (sama seperti apa yang didoakan itu)."'

Baginda s.a.w menerangkan bahawa mereka yang mendoakan untuk saudara tanpa pengetahuan saudaranya, doa tersebut akan dikabulkan dan para malaikat akan menyambut doa yang dihajatkan dengan mengaminkannya. Malahan, malaikat turut mendoakan kembali supaya mereka mendapat sebagaimana yang didoakan itu. Jelas di sini betapa besar ganjaran kebaikan apabila seorang muslim itu ikhlas dalam mendoakan saudara tanpa pengetahuan saudaranya.

3. Memilih waktu yang sesuai untuk berdoa

Selain menjaga adab apabila berdoa, waktu juga memainkan peranan iaitu pada wakt-waktu yang terbaik dan tepat supaya hati dalam keadaan tenang, bersangka baik, berlapang dada ketika itu. Antara waktu yang istimewa ini adalah sebagaimana yang diriwayatkan daripada *Abu Hurairah r.a* dalam satu hadis sahih:

أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ، فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ.

[Riwayat Muslim]

Maksudnya:

"Keadaan yang paling dekat seseorang hamba dengan Tuhanya ialah ketika dia bersujud. Maka perbanyaklah berdoa (pada waktu sujud)."

Hadis ini mengajak kita supaya merebut peluang dengan berdoa seketika ketika sujud kerana waktu terdekat kita dengan Allah s.w.t adalah semasa sujud. Sunat kita berdoa dalam semua waktu sujud dan tidaklah hanya dikhususkan pada sujud terakhir sahaja. Oleh itu, berdoalah bersungguh-sungguh ketika sujud, tidak kira sama ada sujud dalam solat wajib atau solat-solat sunat. Mungkin dengan doa kita pada waktu unggul ini dikabulkan oleh Allah s.w.t. Diriwayatkan daripada *Abu Umamah r.a* dalam satu hadis hasan:

أَيُّ الدُّعَاءِ أَسْمَعُ؟ قَالَ: جَوْفَ اللَّيْلِ الْآخِرِ، وَدُبُرُ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَاتِ.

[Riwayat al- Tirmidhi]

Maksudnya:

"Wabai Rasulullah, doa apakah yang paling didengari? Lalu kata Rasulullah s.a.w: Di pertengahan malam dan pada penghujung solat fardu."

Selain berdoa dalam sujud, memanjatkan doa ketika waktu *qiamullail* iaitu bangun pada satu pertiga malam juga adalah antara yang paling hampir pengabulannya. Ini kerana, waktu ini kita akan bebas daripada segala urusan kerja dan suasana menjadi lebih tenteram untuk bermunajat kepada Allah s.w.t.

4. Berdoa hanya untuk kebaikan

Etika adalah antara perkara yang perlu diutamakan dalam apa jua perkara. Dengan beretika, kita akan mampu menjaga adab dan moral, sekaligus akan disenangi oleh orang ramai. Begitu juga dengan doa, kita perlu menjaga tingkah laku sewaktu berdoa dan menjauhi larangan-larangan yang boleh menyebabkan terhalangnya pengabulan doa. Diriwayatkan daripada *Jabir r.a* dalam satu hadis sahih:

لَا تَدْعُوا عَلَى أَنْقُسِكُمْ؛ وَلَا تَدْعُوا عَلَى أُولَادِكُمْ، وَلَا تَدْعُوا عَلَى أَمْوَالِكُمْ، لَا تُوَافِقُوا مِنْ اللَّهِ سَاعَةً يُسَأَلُ فِيهَا عَطَاءً فَيَسْتَحِيبَ لَكُمْ.

[Riwayat Muslim]

Maksudnya:

"Janganlah kamu berdoa (kecelakaan) terhadap dirimu begitu juga terhadap anak-anakmu dan terhadap harta bendamu, jangan sampai nanti doamu itu bertepatan dengan saat Allah s.w.t sedang memenuhi permohonan, sehingga doa itu benar-benar terkabul."

Rasulullah s.a.w berpesan kepada umatnya supaya tidak menyalah gunakan kaedah berdoa, iaitu mendoakan kebinasaan dan seksaan untuk diri sendiri, atau kebinasaan untuk orang lain serta kerosakan pada harta benda mereka. Ini kerana, bimbang sekiranya doa tersebut bertepatan dengan waktu mustajab, pasti akan membawa nasib malang kepada diri seseorang (al-Bugha, 2009). Perbuatan ini menunjukkan mereka mempunyai sikap buruk dan hasad dengki yang boleh membawa kepada kegelapan hati. Diriwayatkan daripada *Ubudah Bin Samit r.a* dalam satu hadis hasan sahih:

مَا عَلَى الْأَرْضِ مُسْلِمٌ يَدْعُو اللَّهَ تَعَالَى بِدَعْوَةٍ إِلَّا أَتَاهُ اللَّهُ إِيَّاهَا، أَوْ صَرَفَ عَنْهُ مِنَ السُّوءِ مِثْلَهُ، مَا لَمْ يَدْعُ
بِإِلَّمْ، أَوْ قَطِيعَةٍ رَحِيمٍ، فَقَالَ رَجُلٌ مِنَ الْقَوْمِ: إِذَا نُكْثِرَ قَالَ: اللَّهُ أَكْثَرُ.

[Riwayat al- Tirmidhi]

Maksudnya:

"Di atas muka bumi ini, apabila seseorang Islam memohon dengan berdoa kepada Allah s.w.t, pastilah Allah s.w.t menerima doanya, ataupun dia dijauahkan daripada bahaya, asalkan dia tidak mendoakan dosa atau terputusnya hubungan kekeluargaan."

Terdapat tiga cara Allah s.w.t memperkenankan doa hambaNya iaitu sama ada akan segera memakbulkannya atau disimpan doa tersebut sebagai manfaat hari akhirat dan yang terakhir doa tersebut dihindari bagi mengelakkan daripada berlakunya keburukan (Al-'Asqalani, 1379). Jelaslah bahawa Allah s.w.t tidak pernah mensia-siakan doa kita bahkan ketentuanNya adalah yang terbaik buat kita. Walaupun dengan pelbagai cara kita telah usahakan agar dimakbulkan, sekiranya tidak termakbul sebagaimana yang dipinta, banyakkan bersabar dan beristighfar kepada Allah s.w.t, supaya kita sentiasa bersangka baik dengan ketentuanNya.

KESIMPULAN

Ibadah doa yang dilakukan perlu diiringi dengan disiplin agar perkara yang dipinta mendapat tempat disisi Allah s.w.t. Keyakinan dalam berdoa amat penting bagi melahirkan rasa ikhlas dan percaya dengan janji-janji Allah s.w.t bahawa Dia mendengar setiap permintaan yang kita hajati. Benar kata pujangga, "sungguh indah keajaiban doa, berbisik di lantai ketika bersujud, namun dapat didengari sampai ke langit". Oleh itu, mintalah apa sahaja yang kita inginkan asalkan bukan perkara yang menjadi kemurkaan Allah s.w.t. Begitu juga permintaan tersebut biarlah atas dasar ketaatan kepada Allah s.w.t dan bukanlah untuk kesenangan dunia semata-mata.

RUJUKAN

- Abdul Wahab Bin Mohamad Soleh. (2009). *Terjemahan Dan Huraian Riyad al-Salihin*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Ahmad Fauzi. (2015). Konsep Doa Para Nabi Dalam al-Quran. *Disertasi Sarjana*. Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga.
- Al-'Aini, A. M.-D. (1999). *Syarab Sunan Abi Dawud*. Jil. 5. al-Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Al-Manawi, Z. a.-D.-M. (1994). *Fayd al-Qadir Syarab al-Jami' al-Saghir*. Jil. 6. Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah Bairut.
- Al-Zuhaili, D. W. (1418H). *al-Tafsir al-Munir*. Damsyiq: Dar al-Fikr al-Mu'asir.

- Al-San'ani, M. B.-K. (1960). *Subul Al-Salam*. Jil. 4. t.t.p: Maktabah Mustafa al-Bab al-Halabi.
- Imam Nawawi. (1969). *Riyad al-Salihin Ditahqiq Oleh Ridhwan Mohamad Ridhwan*. t.t.p: Dar al-Irsyad Fi al-Tiba'ah Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi'.
- Mahir Bin Abdul Hamid. (2012). *Syarah Doa Dari Kitab Dan Sunah*. t.t.p: Mus'ah Safar Riyad.
- Mohamad Syukri Bin Abdul Rahman. (2014). *Kitab Riyad al-Salihin Satu Tinjauan Dari Sudut Penulis, Metodologi Penulisan Dan Sambutan Ulama'*. *Jurnal Hadis*, 7.
- Mursalim. (2011). Doa Dalam Perspektif al-Quran. *Jurnal al-Ulum*.
- Syaminan Zaini. (1983). *Mengapa Kita Harus Berdoa Satu Huraian Tentang Seluk Beluk Berdoa*. Surabaya: Penerbit al-Ikhlas.

BAB 10

KEFAHAMAN HADIS: KAJIAN TERHADAP APLIKASI AMANAH KAKITANGAN AGROBANK WILAYAH JOHOR/MELAKA

Hamzah Bin Omar¹, Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib¹, Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad¹, Farah ‘Adilah Binti Mohd Nor¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

PENDAHULUAN

Islam adalah agama yang mulia yang menuntut kita bersifat amanah. Islam mengajar kita untuk mempunyai akhlak yang baik dan murni. Allah telah mengutuskan Rasulullah s.a.w kepada kita untuk mengajar dan memberi petunjuk dan ganjaran untuk akhlak yang mulia dan terpujian tentang kemurkaan Allah s.w.t terhadap sifat tidak jujur dan amanah.

Amanah berasal daripada perkataan Arab, amanah yang bermaksud aman, terselamat dan harmonis. Amanah dengan kata lain adalah tanggungjawab yang diterima oleh seseorang yang kepadanya diberikan kepercayaan bahawa ia dapat melaksanakannya sebagaimana yang dituntut, tanpa mengabaikannya. (JAKIM, 2009). Manakala menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat (2010) amanah bermaksud kepercayaan, yang boleh dipercayai, jujur dan seseorang yang memegang tanggungjawab dan menguruskannya serta melaksanakannya.

“Amanah itu perlu dipikul oleh orang yang iltizam hubungannya dengan Allah s.w.t melalui solat yang didirikan. Konsep amanah menjadi tonggak utama dalam segala aspek. Mengikut perspektif Islam, semua urusan di dunia bukan hanya dikawal oleh undang-undang dan peraturan yang zahir sahaja tetapi dalam masa yang sama ianya dikawal oleh hati yang amanah dan tanggungjawab kepada Allah”. (Dr. Zulkifli, 2007)

Manakala bekerja dalam Islam adalah satu tuntutan dan satu keperluan dan seharusnya dilaksanakan dengan penuh jujur, amanah dan bertanggungjawab. Amanah yang ditunaikan dengan baik itu dibalas dengan balasan baik di akhirat nanti. Secara tidak langsung, kerja yang dilaksanakan sebagai tanggungjawab ini juga menjadi tugas dan kewajipan. Terdapat beberapa permasalahan yang timbul berkaitan sifat amanah. Antara permasalahan yang dibincangkan dalam kajian ini adalah kurang memahami maksud sebenar amanah dalam diri individu dalam menjalankan tanggungjawab sebagai pekerja.

Zainab Aman & Khairunnisa menyatakan bahawa wujudnya fenomena kurangnya daya saing dan pekerja tidak bekerja bersungguh-sungguh dalam kalangan kakitangan sokongan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Zainab Aman, 2015). Selain itu, menurut Sharifah Hayaati dalam bukunya, Datuk Seri Dr. Fong menyatakan isu yang ditekankan terhadap pekerja adalah sikap enggan bekerja keras, tidak mahu menambah usaha terutamanya melalui kerja lebih masa dan seolah-olah perhatian lebih kepada keseronokan (Hayaati, 2010).

Penggunaan peralatan dan kemudahan pejabat seperti telefon, komputer, mesin fotokopi, pencetak dan lain-lain untuk kepentingan peribadi berleluasa dan menjadi tabiat kebanyakkan pekerja (Utusan Online, 2015; Harian Metro, 2017). Mereka menggunakan harta syarikat, harta pejabat, harta negara dan sebagainya untuk kegunaan peribadi.

Menurut Dr Asyraf Wajdi Dusuki, ramai pekerja yang tidak segan silu dalam melakukan perbuatan curang sehari-hari (Harian, Amanah Bekerja Bawa Berkat, 2013). Curang yang dimaksudkan adalah sikap tidak amanah seperti curi tulang, kerja sambal lewa, menipu kedatangan, buat kerja sampingan yang tidak memenuhi kontrak pekerjaan sebagaimana termeterai dengan majikan.

Justeru itu, kajian berkenaan kefahaman hadis terhadap terminologi amanah kakitangan institusi kewangan terutama perbankan perlu dijalankan untuk melihat tahap pemahaman mereka terhadap aplikasi amanah dalam pekerjaan mereka.

KEFAHAMAN TERHADAP AMANAH: TINJAUAN MENURUT ETIKA BARAT DAN ISLAM

Setiap agama mempunyai sistem etika dan moral yang tersendiri dalam menentukan baik dari buruk, halal dan haramnya sesuatu perkara mahupun tindakan. Menurut Islam, syariat ini telah menetapkan apa yang halal, haram dan sebagainya. Contohnya, Islam telah mengharamkan zina dan riba, sebaliknya Islam telah halalkan perkahwinan dan jual beli dengan kaedah yang betul. Begitu juga dalam agama lain seperti agama Hindu yang mengharamkan penganutnya memakan daging lembu kerana binatang tersebut dianggap suci. Kristian dan Yahudi turut mengharamkan jenayah mencuri, merompak, seks bebas dan perjudian. Hal ini demikian kerana sistem etika dan moral yang wujud ini kebanyakan tamadun dapat dibentuk dan semuanya mempunyai sistem kepercayaan terhadap agama masing-masing.

ETIKA KERJA MENURUT PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM

Etika kerja secara umum boleh diertikan dengan peraturan kerja, tatacara kerja, dan adat kerja. Etika kerja Barat lebih menumpukan kepada teori-teori seperti teori Utilitarian yang menerapkan nilai ‘Machavellian’ iaitu matlamat menghalalkan cara, teori Duty (tanggungjawab) yang membawa maksud golongan yang tidak percaya akan kesan dan akibat. Mereka hanya bergantung kepada akal dan keintelektualan semata-mata. Selain itu, teori Hak Asasi, ia bermaksud semua manusia inginkan kebebasan dan kemakmuran sendiri. Seterusnya adalah teori Egoisme bermakna ia meletakkan kepentingan diri sendiri sebagai prinsip dan panduan dalam perlakuan. Golongan ini juga melakukan perbuatan yang memberi manfaat dan tidak mendatangkan kerugian kepada mereka. Begitu juga dengan teori Hedonisme yang bermaksud segala perbuatan yang mendatangkan keseronokan dan kenikmatan adalah baik dan beretika.

Etika kerja dari sudut pandangan Islam pula, etika ini berkait rapat dengan akhlak kerana satu sifat atau sikap keperibadian yang melahirkan tingkah laku perbuatan manusia dalam usaha membentuk kehidupan yang sempurna berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w: “Siapakah orang mukmin yang paling afdhal mempunyai kelebihan imannya? Jawab Baginda: “Orang yang paling baik

akhlaknya". Selain itu, akhlak juga didefinisikan agama seperti terbukti dalam sebuah hadis, "apakah ad-Din itu Rasulullah? Jawab Rasulullah s.a.w: "ad-Din itu adalah akhlak yang baik". Etika Islam memiliki pandangan yang jauh ke hadapan dengan berteraskan dua ciri utama, iaitu: etika Islam tidak menentang fitrah manusia dan etika Islam amat rasionalistik. Akhlak dalam Islam menjadi penghubung yang erat dengan fenomena keimanan seseorang Islam. (Zalikha & Faridah)

Islam telah menggariskan beberapa panduan bagi menjamin kejayaan dan kecemerlangan sesebuah organisasi. Ikhlas dan amanah adalah kunci dalam sesebuah organisasi untuk lebih mudah mencapai kejayaan apabila kedua-duanya telah disemat dalam diri setiap pekerja. Selain itu, Islam juga menganjurkan supaya setiap individu dalam sesebuah organisasi haruslah saling melengkapi sesama pekerja dengan semangat kerjasama berpasukan.

Amanah secara etimologis dari bahasa Arab dalam bentuk *mashdar* dari (*amina-amanatan*) yang bererti dapat dipercaya. Amanah menurut pengertian terminologi (istilah) terdapat beberapa pendapat antaranya, (i) amanah adalah sesuatu yang harus dipelihara dan dijaga agar sampai kepada yang berhak milikinya dan (ii) amanah adalah segala sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya atau sesuatu yang diambil dengan izin pemiliknya untuk diambil manfaatnya. (Nurzatil Ismah & et. al, 2017)

Ahmad Musthafa Al-Maraghi membahagikan amanah kepada tiga iaitu amanah manusia terhadap Tuhan dengan melaksanakan dan taat kepada perintah Allah s.w.t dan meninggalkan semua laranganNya, amanah manusia terhadap orang lain dan amanah manusia terhadap diri sendiri. Amanah dan Islam tertumpu pada tanggungjawab yang diserahkan kepadanya dan bertanggungjawab juga di hadapan tuhannya. (Nurzatil Ismah & et. al, 2017)

HADIS-HADIS BERKAITAN AMANAH DI DALAM SAHIH BUKHARI

Sahib Bukhari mempunyai keistimewaan iaitu terletak pada status hadithnya yang berdarjat sahih. Imam Bukhari pernah menegaskan: "Aku tidak memasukkan dalam kitab *sahibku* melainkan hadis yang *sahib* sahaja".

Imam Bukhari memperuntukkan satu bahagian khusus yang memuatkan hadith berkaitan 'amanah' dan dinamakan dengan *Bab Raf'il Amanah* di dalam *Kitab al-Riqaq* (kelembutan yang berkait dengan hati atau jiwa) yang mengandungi dua buah hadith. Manakala bab lain yang memuatkan perkataan amanah ialah *Kitab al-Ilm* iaitu satu hadith, *Kitab al-Syahadah* terkandung satu hadith, *Kitab Jihad wa as-Siyar* mengandungi satu hadith yang panjang, *Kitab al-Fitan* diwakili satu hadith, *Kitab Wasaya* mengandungi satu hadith dan diakhiri dengan *Kitab al-Maghazi* yang mengandungi satu hadith. (Faisal & Hanafi, 2017).

1. Nilai Amanah Penyempurna Keimanan

عَنْ زِيدِ بْنِ وَهْبٍ حَدَّثَنَا حَذِيفَةُ قَالَ: حَدَّثَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَدِيثَيْنِ رَأَيْتُ أَحَدَهُمَا وَأَنَا أَنْتَظِرُ الْآخَرَ حَدَّثَنَا أَنَّ الْأَمَانَةَ نَزَلتَ فِي جَذْرِ قُلُوبِ الرِّجَالِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنَ الْقُرْآنِ ثُمَّ عَلِمُوا مِنَ السُّنْنَةِ وَحَدَّثَنَا عَنْ رَفِعَهَا قَالَ يَنْامُ الرِّجَلُ النُّوْمَةَ فَتَقْبِضُ الْأَمَانَةَ مِنْ قَلْبِهِ فَيُظْلَلُ أَثْرَهَا مُثْلِ

أَثْرُ الْوَكْتِ ثُمَّ يَنَامُ النُّوْمَةُ فَتَقْبِضُ فِيْقِي أَثْرَهَا مِثْلُ الْمُجْلِ كَجَمْرٍ دَحْرِجَتْهُ عَلَى رَجْلِكَ فَنَفَطَ فَتَرَاهُ
مُنْتَبِرًا وَلَيْسَ فِيهِ شَيْءٌ فَيُصْبِحُ النَّاسُ يَتَبَاعِيُونَ فَلَا يَكَادُ أَحَدٌ يُؤْدِي الْأَمَانَةَ فَيُقَالُ إِنْ فِي بَنِي فَلَانَ
رَجُلًا أَمِينًا وَيُقَالُ لِلرَّجُلِ مَا أَعْقَلَهُ وَمَا أَظْرَفَهُ وَمَا أَجْلَدَهُ وَمَا فِي قَلْبِهِ مُتَقَالٌ حَبَّةٌ خَرَدِيلٌ مِنْ إِيمَانٍ
وَلَقَدْ أَتَى عَلَيْهِ زَمَانٌ وَمَا أَبَا لِي أَيْكُمْ بَايَعَتْ لِئَنْ كَانَ مُسْلِمًا رَدَّهُ عَلَيْهِ الْإِسْلَامُ وَإِنْ كَانَ نَصْرَانِيًّا
رَدَّهُ عَلَيْهِ فَأَمَّا الْيَوْمُ فَمَا كَنْتَ أَبَا يَعْ إِلَّا فَلَانَا وَفَلَانًا.

[*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Riqaq, Bab Raf'il Amanah*, no. hadis 6497 daripada Zayd bin Wahab]

Maksudnya:

"Dari Zayd bin Wahab telah menceritakan kepada kami bahawa Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda melalui dua kejadian (peristiwa), satu daripadanya betul-betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: 'Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami Sunnah'. Lalu Baginda s.a.w menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w bersabda: "Seorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah itu dicabut akai a dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterangan di kakimu sehingga dapat dilihat melekat walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbaiat (mengikat janji) dan hampir tidak seorang pun menunaikan amanah (terhadap janji itu). Selanjutnya (meneruskan kata-katanya) pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan pada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorang pun dari kita yang peduli terhadap mengikat janji itu sendiri jika ia seorang Muslim akai a akan menolak (mengembalikannya) kepada Islam, manakala jika ia seorang Nasrani, ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan Si Anu bin Si Anu'".

Huraian hadis:

Selain daripada Imam Bukhari, hadith di atas turut diriwayatkan oleh Ibn Majah, *Kitab al-Fitan, Bab Dhbab al-Amanah*, no hadis 4053, Imam al-Tirmidhi dalam Sunannya, *Bab Ma Ja'a fi Raf'il Amanah*, no. hadis 2179.

2. Amanah adalah Sifat Nabi

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ اَنْ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عَبَّاسَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ قَالَ أَخْبَرْنِي أَبُو سَفِيَّانُ: أَنَّ
هَرْقَلَ قَالَ لِهِ سَأْلَتْكَ مَاذَا يَأْمُرُكُمْ فَرَعَمْتَ أَنَّهُ أَمْرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالصَّدَقَ وَالْعَفَافَ وَالْوَفَاءِ بِالْعَهْدِ
وَأَدَاءِ الْأَمَانَةِ قَالَ وَهَذِهِ صَفَةُ نَبِيٍّ.

[*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Syahadah, Bab Man Amar bi Injaz al-Wa'di*, no. hadis 2681, daripada Ubaydullah bin'Abdullah]

Maksudnya:

Dari Ubaydullah bin 'Abdullah bin'Abbas r.a berkata, telah memaklumkan kepadaku oleh Abu Sufyan bahawa Raja Heraclius berkata kepadanya: "Aku telah bertanya kepadamu apa yang dia perintahkan kepada kalian, lalu engkau mendakwa dia telah memerintahkan kamu solat, bersedekah, menjauhkan diri dari berkelakuan buruk, menunaikan janji dan melaksanakan amanah". Lalu Heraclius berkata "ini adalah di antara sifat-sifat nabi".

3. Amanah itu Nilai Teras Islam

حدثنا إبراهيم بن همزة حدثنا إبراهيم بن سعد عن صالح بن كيسان عن ابن شهاب عن عبيد الله بن عبد الله بن عتبة عن عبد الله بن عبayı رضي الله عنهما أنه أخبره أن رسول الله صلى الله عليه وسلم كتب إلى قيسر يدعوه إلى الإسلام ... وسألتك بماذا يأمركم فزعمت أنه يأمركم أن تعبدوا الله ولا تشركوا به شيئاً وينهاكم عما كان يعبد آباؤكم ويأمركم بالصلوة والصدقة والعفاف والوفاء بالعهد وأداء الأمانة قال وهذه صفة النبي قد كنت أعلم أنه خارج ولكن لم أظن أنه منكم وإن يكن ما قلت حقاً فيوشك أن يملك موضع قدمي هاتين ولو أرجو أن أخلص إليه لتجشمت لقيّة ولو كنت عنده لغسلت قدميه ...

[*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Dua' al-Nabi Sallallahu Alayhi wa Sallam al-Nas ila al-Islam*, no. hadis 2941, daripada Ibn 'Abbas r.a.]

Maksudnya:

Ubaydullah bin 'Abdullah bin 'Utbah dari 'Abdullah bin 'Abbas r.a menghabarkan bahawa Rasulullah s.a.w menulis surat kepada Kaisar (Raja Rom) yang isi suratnya mengajak agar memeluk Islam... "Dan ketika aku bertanya kepadamu: "Apakah yang dia perintahkan kepada kalian?" Kamu menjawab: "Dia memerintahkan kalian agar beribadah kepada Allah s.w.t dengan tidak menyekutukannya dengan sesuatu apapun dan melarang kalian dari apa yang disembah oleh nenek moyang kalian dan dia memerintahkan kalian untuk mendirikan solat, bersedekah, bersifat jujur, menunaikan janji dan memenuhi amanah." Raja berkata: "Itulah sifat-sifat seorang Nabi. Sungguh aku sudah mengetahui bahawa nabi terakhir telah muncul tapi aku tidak menyangka kalau dia datang dari kalian (Quraisy). Seandainya apa yang kamu ucapkan itu benar, sungguh dia akan menguasai tanah yang sekarang berada di bawah kedua tapak kakiku ini dan seandainya aku ada harapan untuk berjumpa dengannya pasti aku mengharuskan diriku untuk menemuinya dan seandainya aku sudah berada di hadapannya pasti aku akan basuh kedua tapak kakinya." ...

4. Amanah Nilai Teras Keutuhan Peribadi

حدّثنا حذيفة قال: حدّثنا رسول الله صلی اللہ علیہ وسلم حدیثین رأیت أحدهما وأنا أنتظر الآخر حدّثنا أنّ الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال ثم علموا من القرآن ثم علموا من السنة وحدّثنا عن رفعها قال ينام الرجل النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظلّ أثرها مثل أثر الوكت ثم ينام النومة فتقبض فيبقى فيها أثرها مثل أثر المجل كجمر دحرجته على رجلك فنفط فتره منبرا وليس فيه شيء ويصبح الناس يتباينون فلا يكاد أحد يؤدي الأمانة فيقال إنّ في بني فلان رجالاً أميناً ويقال للرجل ما أعلمه وما أظفره وما أجلده وما في قلبه مثقال حبة خردل من إيمان ولقد أتى عليّ زمان ولا أبالي أيّكم بايَعْ لِئِنْ كان مسلماً رَدَهُ عَلَيِّ إِلَّا فِي إِسْلَامٍ وَإِنْ كَانَ نَصْرَانِيَا رَدَهُ عَلَيِّ سَاعِيهِ وَأَمَّا الْيَوْمِ فَمَا كُنْتُ أَبَا يَعْ إِلَّا فِلَانَا وَفِلَانَا.

[*Sahih al-Bukhari, Kitab al-Fitan, Bab Idha Baqa' fi Huthalat al-Nas*, no. hadis 7086, daripada Hudhaifah r.a]

Maksudnya:

Hudhaifah telah berkata bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda melalui dua peristiwa, satu daripadanya telah betul-betul aku melihatnya, dan satu lagi masih ku tunggu-tunggu, lalu beliau menceritakan kepada kami: "Di awal mula amanah diturunkan di dalam persada hati para hamba kemudian mereka memahami al-Quran dan memahami al-sunnah". Lalu Baginda s.a.w. menceritakan kepada kami berkenaan dicabutnya amanah itu, Baginda s.a.w. bersabda: "Seseorang lelaki yang tidur nyenyak lalu amanah itu telah dicabut dari persada hatinya sehingga bekasnya bagaikan bekas jejak perjalanan, lalu dia tidur nyenyak lagi dan amanah dicabut kembali dan bekasnya bagaikan kudis di tangan, seperti bara api yang berterangan di kakimu sehingga dapat dilihat berbelak-belak walaupun sebenarnya tidaklah memberi apa-apa kesan. Maka terjadilah manusia itu berbondong-bondong berbaris berbai'at (mengikat janji) dan nyaris-nyaris tidak seorang pun menunaikan amanah (terhadap janji). Selanjutnya pada bani (suku puak) si fulan bin si fulan ada seorang lelaki yang amanah, lalu dikatakan kepada lelaki itu, alangkah bijaknya dia, alangkah pintarnya dia, alangkah beraninya dia, walhal tidak ada setitik iman pun di dalam hatinya walaupun sebesar biji sawi, dan sesungguhnya telah tiba zaman di mana tidak seorang pun dari kita yang peduli terhadap bai'at itu sendiri (mengikat janji) jika ia seorang Muslim maka ia akan menolak (mengembalikannya) kepada agama Islam, manakala jika seorang Nasrani ia akan menolak (mengembalikannya) kepada pengurus urusannya. Sedangkan pada hari ini aku tidak akan membuat urusan jual beli melainkan dengan si Anu bin si Anu."

5. Amanah Nilai yang Holistik

عن زيد بن وهب سمعت حذيفة يقول حدّثنا رسول الله صلی اللہ علیہ وسلم أنّ الأمانة نزلت من السماء في جذر قلوب الرجال ونزل القرآن فقرعوا القرآن وعلموا من السنة.

[*Sahib al-Bukhari, Kitab Al-Tktisam bi al-Kitab wa al-Sunnah, Bab Iqtida bi Sunan Rasul Sallallahu Alayhi Wa Salam*, no, hadis 7276, daripada Zayd bin Wahb]

Maksudnya:

Dari Zayd bin Wahb, aku mendengar Hudhaifah berkata bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda berkenaan dengan amanah turun dari langit ke persada hati lelaki dan al-Quran turun lantas mereka membaca al-Quran dan memahami al-sunnah.

Huraian hadith:

Hadith ini disampaikan oleh Hudhaifah, hadis kelima dalam perbahasan ini iaitu di dalam *Bab Idha Baqa fi Huthalati min al-Nas*.

Dalam hadis ini menjelaskan bahawa al-Quran dan al-sunnah merupakan sumber utama rujukan umat Islam. Manakala al-sunnah berperanan sebagai penerang dan penjelas kepada isi kandungan al-Quran.

Sabih Muslim merupakan kitab yang mengandungi hadis-hadis sahih selain *Sabih al-Bukhari*. *Sabih Muslim* yang berada pada kedudukan kedua selepas *Sabih al-Bukhari*. Antara kelebihan *Sabih Muslim* ialah tiadanya mengulangan hadith sebagaimana yang banyak ditemui dalam *Sabih al-Bukhari*. Begitu juga Imam Muslim tidak meriwayatkan hadis daripada perawi yang dusta atau lalai.

6. Amanah merupakan Taklif kepada setiap Muslim

عن الأعمش عن زيد بن وهب عن حذيفة قال: حدثنا رسول الله صلى الله عليه وسلم حدثين قد رأيت أحدهما وأنا أنتظِرُ الآخر حدثنا أن الأمانة نزلت في جذر قلوب الرجال ثم نزل القرآن فعلموا من القرآن وعلموا من السنة ثم حدثنا عن رفع الأمانة قال ينام الرجل النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل الوقت ثم ينام النومة فتقبض الأمانة من قلبه فيظل أثرها مثل المجل كجمر دحرجته على رجله فنفط فتراه منتبراً وليس فيه شيء ثم أخذ حصى فدحرجه على رجله فيصبح الناس يتباينون لا يكاد أحد يؤدي الأمانة حتى يقال إن في بني فلان رجالاً أميناً حتى يقال للرجل ما أجلده ما أظرفه ما أعقله وما في قلبه مثقال حبة من خردل من إيمان وقد أتى على زمانٍ وما أبالي أيّكم بايَعْتُ لئِنْ كان مسلماً ليردَنَه على دينه ولئِنْ كان نصراوياً أو يهودياً ليردنه على ساعيه وأما اليوم فما كنت لأبَايِعْ منكم إلَّا فلاناً وفلاناً.

[*Sabih Muslim, Kitab al-Iman, Bab Raf'il Amanah wa al-Iman Min Ba'd al-Qulub wa 'Ard al-Fitan 'ala Qulub*, no. hadis: 230, daripada al-A'mash bin Zayd]

Maksudnya:

Dari *Al-A'mash* dari Zaid bin Wahab dari Hudhaifah berkata Rasulullah s.a.w telah menceritakan kepada kami dua hadis aku telah mengetahui salah satu darinya, dan aku masih menunggu hadis yang kedua. Beliau menceritakan kepada kami bahawa amanah ditempatkan pada pangkal hati seorang lelaki. Setelah al-Quran diturunkan, mereka mula mempelajari al-Quran dan mereka mula mengetahui dari al-sunnah. Lalu beliau menceritakan kepada kami tentang hilangnya amanah dengan bersabda: "Seorang lelaki telah tidur lalu amanah telah diambil dari hatinya sehingga nampaklah bekasnya. Kemudian dia tidur lagi lalu diambil pula amanah dari hatinya sehingga bengkaknya seperti melepuh kerana terkena bara api yang jatuh dari kaki. Bekas tersebut terus membengkak, sedangkan tidak ada apa-apa didalamnya." Lalu beliau mengambil batu kecil lalu menjatuhkannya ke kaki beliau. Orang ramai kembali meneruskan urusan perdagangan masing-masing. Hampir tidak ada seorang pun yang menuaikan amanah, lantas dikatakan dalam kalangan Bani Fulanadah seorang lelaki yang sangat amanah, sehingga dikatakan untuk laki-laki tersebut, "alangkah tabahnya, alangkah cerdasnya, alangkah pintarnya." Sedangkan di hatinya tidak adapun iman walaupun sebesar biji sawi. Benar-benar telah datang kepadaku suatu zaman, dan aku tidak peduli kepada siapa diantara kalian yang mana aku berjual beli dengannya. Jika dia seorang Islam maka agamanya mencegah dari mengkhianatiku, seandainya dia seorang Nasrani atau Yahudi maka pemimpinnya akan mencegah dari mengkhianatiku. Adapun hari ini, aku hanya berjual beli dengan si fulan dan si fulan."

7. Amanah Kepimpinan dan Pengurusan

عن أبي ذر قال: قلت يا رسول الله ألا تستعملني قال فضرب بيده على منكبي ثم قال يا أبا ذر إنك ضعيف وإنما يوم القيمة خزيٌ وندامة إلا من أخذها بحقها وأدّى الذي عليه فيها.

[*Sahib Muslim*, Kitab al-Imarah, Bab Karahah al-Imarah bi Ghayri Darurah, no. hadis: 1825, daripada Abu Dhar r.a]

Maksudnya:

Dari Abu Dhar r.a berkata, aku berkata: Wahai Rasulullah s.a.w, tidakkah engkau ingin menjadikanku sebagai pegawai (pentadbir)? Maka Rasulullah s.a.w menepuk bahuku ini dengan tangannya seraya bersabda: 'Wahai Abu Dhar, kamu ini lemah (untuk mentadbir Jabatan) walhal Jabatan merupakan amanah. Pada hari kiamat ianya adalah kehinaan dan penyesalan, kecuali bagi siapa yang mengambilnya dengan hak dan melaksanakan tugas dengan benar.'

Huraian hadith:

Hadith diatas turut diriwayatkan oleh al-Bayhaqi dalam Sunan al-Kubra, Kitab al-Adab al-Qadi, Bab Karahiyah al-Imarah, Abu Dawud al-Tayalisi dalam Musnadnya, no. hadis:487, kedua-duanya daripada Abu Dhar r.a.

Berdasarkan hadis di atas, dapat difahami bahawa hadis berkenaan amanah adalah banyak dan pengkaji hanya memberi focus kepada kitab Bukhari dan Muslim.


**DAPATAN KEFAHAMAN KAKITANGAN TERHADAP
APLIKASI AMANAH**

Berikut adalah dapatan kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah kakitangan Pejabat Agrobank Wilayah Johor/Melaka. Graf menunjukkan mereka memahami konsep amanah dalam pekerjaan mereka.

BIL.	PERKARA	STS	TS	TP	S	SS
1.	Undang-undang dan peraturan dapat mewujudkan masyarakat yang beretika.	0%	0%	0%	52%	48%
2.	Kebebasan dalam melakukan sesuatu perkara merupakan hak asasi setiap individu pekerja.	6%	34%	10%	38%	12%
3.	Egoism atau sikap mementingkan diri sendiri adalah prinsip utama saya.	60%	32%	4%	4%	0%
4.	Etika berkait rapat dengan akhlak seseorang.	0%	0%	4%	64%	32%
5.	Sifat bertolak ansur dan saling melengkapi sesama pekerja dapat mewujudkan semangat kerjasama dalam sesebuah organisasi.	0%	0%	0%	40%	60%
6.	Saya melaksanakan sesuatu tugas dengan jujur dan telus.	0%	0%	4%	62%	34%
7.	Saya menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi.	36%	48%	14%	2%	0%
8.	Saya gemar melayari media sosial ketika waktunya bekerja.	28%	44%	20%	4%	4%
9.	Saya memegang nilai ikhlas dan amanah adalah kunci untuk sesebuah organisasi mencapai kejayaan.	0%	0%	4%	58%	38%
10.	Saya malu melanggar etika kerja walaupun tidak diketahui oleh orang lain.	6%	2%	4%	56%	32%
11.	Saya mempertahankan perkara yang betul dalam melaksanakan tugas yang diberikan.	0%	0%	2%	52%	46%
12.	Saya selalu menegur rakan sekerja saya dengan hikmah kerana kasih padanya.	0%	0%	20%	46%	34%

13.	Saya sentiasa melaksanakan tugas dengan sempurna.	0%	0%	6%	62%	32%
14.	Saya sentiasa menjaga hubungan yang baik sesama rakan sekerja.	0%	0%	2%	56%	42%

Jadual 3.7: Kefahaman Kakitangan Pekerja Terhadap Aplikasi Amanah



Rajah 3.1 Kefahaman Kakitangan Pekerja Terhadap Aplikasi Amanah

Jadual 3.7 menunjukkan kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah. Seramai 50 orang kakitangan pekerja di Pejabat Agrobank W Johor/Melaka telah terlibat dalam kajian ini. Dari pada jawapan responden yang diterima, majoriti responden memahami kefahaman tentang aplikasi amanah dan hanya beberapa soalan sahaja yang menunjukkan responden kurang faham. Skor min yang paling rendah terhadap ketidakfahaman kakitangan pekerja dalam mengaplikasikan amanah adalah menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi dan gemar melayari media sosial ketika waktu bekerja. Ini menunjukkan bahawa kakitangan pekerja masih tidak memahami secara menyeluruh tentang konsep amanah dalam pekerjaan. Kebanyakan mereka memberi respon tidak pasti dan menunjukkan bahawa mereka masih tidak mengetahui bahawa menggunakan kemudahan fasiliti yang diberikan oleh syarikat untuk kepentingan peribadi dan gemar melayari media sosial ketika waktu bekerja adalah antara perbuatan culas yang sering para pekerja alpa dalam

menitikberatkan konsep amanah itu sendiri. Secara keseluruhannya, kefahaman kakitangan pekerja berkaitan aplikasi amanah adalah mencapai tahap tinggi dalam min iaitu 4.48.

RUMUSAN

Hasil dari kajian yang dijalankan, pengkaji dapat membuat kesimpulan mengenai beberapa perkara iaitu:

5. Kebanyakan kakitangan pekerja sektor kewangan, majoriti daripada mereka memahami bahawa nilai amanah merupakan suatu keutamaan dalam sesuatu pekerjaan.
6. Namun begitu, terdapat segelintir kakitangan pekerja sektor kewangan yang masih kurang memahami konsep amanah sebagai suatu etika yang perlu dilazimi ketika bekerja.
7. Kefahaman kakitangan pekerja terhadap aplikasi amanah adalah tinggi, dan hanya segelintir sahaja yang kurang memahami konsep amanah yang sebenar.
8. Terdapat segelintir kakitangan pekerja yang tidak mengetahui etika penggunaan kemudahan fasiliti yang disediakan oleh syarikat terhadap kepentingan peribadi adalah termasuk dalam konsep amanah dalam pekerjaan.
9. Skor min paling rendah adalah pada soalan saya menggunakan kemudahan fasiliti syarikat untuk kepentingan peribadi.
10. Skor min tertinggi adalah pada soalan sifat bertolak ansur dan saling melengkapi sesama pekerja dapat mewujudkan semangat pekerja dalam sesebuah organisasi.

SARANAN

Memelihara amanah yang diberikan merupakan satu tanggungjawab yang perlu ditunaikan oleh setiap pekerja Muslim dan tidak menyalahgunakannya sama sekali. Seorang pekerja Muslim yang amanah hendaklah melaksanakan tugas dengan penuh ketekunan dan kegigihan serta kesungguhan. Hal ini demikian kerana sebagai Muslim telah dipraktikkan dala kehidupan seharian khususnya melalui ibadah yang dilaksanakan seperti solat. Al-Quran menjelaskan bahawa solat mampu mencegah seseorang daripada melakukan dosa dan kemungkarann.

Asas kepada nilai amanah seseorang pekerja juga hendaklah sentiasa berusaha memanfaatkan masa bekerja untuk menyelesaikan tugas yang diberikan dengan mengatur perancangan dengan baik agar tiada waktu yang berlalu dengan sia-sia atau sering menunda-nunda kerjanya. Hal ini demikian kerana ianya sangat penting untuk mengelakkan tugas yang diamanahkan tidak dapat disempurnakan dengan baik mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

Masyarakat perlulah membudayakan sikap cintakan agama dan saling membantu dalam memberi contoh teladan yang baik sesama mereka. Selain itu, masyarakat juga perlu mengambil inisiatif untuk berusaha untuk mendalami nilai amanah agar dapat mengetahui dan mengamalkannya dengan lebih yakin.

Disamping itu juga, apabila amanah telah dipraktikkan oleh sesebuah komuniti masyarakat secara tidak langsung para pekerja yang amanah ketika berurus dengan pelanggan dapat mewujudkan keyakinan dan kepercayaan yang lebih daripada masyarakat. Secara tidak

langsung, ianya juga merupakan salah satu faktor untuk meningkatkan kredibiliti sesebuah organisasi.

KESIMPULAN

Sebagai umat Islam, mengamalkan Sunnah adalah tuntutan dan perlu dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan sehari-hari. Tatacara pekerjaan yang telah digariskan oleh Rasulullah SAW adalah menyeluruh dan tidak perlu dipertikaikan lagi. Hadis-hadis berkaitan pujian dan ancaman kepada mereka yang mengamalkan dan melanggar amanah adalah penting dalam membentuk persekitaran pekerjaan yang efisen dan komprehensif.

RUJUKAN

- Ahmad Bashir et.al. (t.t). *Nilai Dan Etika Pengurusan: Analisa Dari Perspektif Agama-Agama Di Malaysia*.
- Faisal & Hanafi, A. S. (2017). *Konsep Intergriti Menurut Hadis Nabi*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jamiah et.al. (2015). *Intergriti Konsep Dan Amalan*. Kangar : Universiti Malaysia Perlis.
- Megat Ayop & Abd Halim. (2016). *Kepentingan Budaya Integriti dan Etika Kerja Dalam Organisasi Di Malaysia*.
- Mohd Hasrul Shuhari, Mohd Fauzi Hamat. (2015). *Nilai-nilai Penting Individu Muslim Menurut Al-Ghazali*. 9.
- Mohd Khadafi et.al. (2016). *Perlaksanaan Etika Kerja Islam: Persepsi Masyarakat Terhadap Kewartawanan Islam Media Arus Perdana Dan Alternatif*. 2.
- Mohd Khadafi, Rofie. (2015). *Prinsip Etika Kerja Islam Menurut al-Quran dan al-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia*.
- Muhammad Ali al-Hashimi. (2010). *Kepribadian Seorang Muslim*.
- Muhammad Mustakim et.al. (2015). *Kajian Kes Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan Kepada Perlaksanaan dan Faedahnya*. 105-118.
- Nor Hafilah Musa. (t.t). *Penerapan Konsep Mas'uliyah dan Amanah Dalam Pentadbiran Awam ke Arab Bersih Rasuah: Kajian di Majlis Perbandaran Kota Bharu*.
- Noriah et.al. (2003). *Kecerdasan Emosi Dan Hubungannya Dengan Nilai Kerja*. 1. 77-84.
- Nurzatil Ismah & et. al, . (2017). *Konsep Amanah Menurut Perspektif Hadith*. 330-336.
- Rashidi Abbas. (2014). *Kemahiran generik: Hubungan Nilai Amanah Dengan Etika Dan Moral Profesional Dalam Kalangan Pelajar Universiti Teknikal Malaysia*. 2.
- Razaleigh, M. (2015). *Pengurusan Etika Kerja dan Perkhidmatan Islam*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sabri, H. H. (2001). *Etika dan Falsafah Pemikiran Barat Dalam Konteks Perniagaan di Malaysia*. ALJ Publications.
- Saifullah, (2017). *Konsep Pembentukan Karakter Siddiq Dan Amanah Pada Anak Melalui Pembiasan Puasa Sunat*. 77-102.
- Shahrulanuar et.al. (2012). *Pembangunan Etika dan Moral Dalam Kursus-kursus Yang Ditawarkan Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM)*.
- Sharifah Hayaati et.al. (2008). *Pengukuhan Nilai Dan Profesionalisme Di Kalangan Penjawat Awam Ke Arah Efektif Governan Di Malaysia*. 17.
- Sharifah Hayaati Ismail. (2010). *Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam*. Jil. 9. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sharifah Hayaati. (2008). *Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam: Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia*. 1. 187-207.
- Sinar Harian. (2013). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/amanah-bekerja-bawa-berkat-1.233979>. 25 Disember.
- Sinar Harian. (2015). <http://www.sinarharian.com.my/mobile/edisi/selangor-kl/tidak-rasa-terancam-punca-buat-kerja-sambil-lewa-1.360903>. 16 Februari.
- Suraiya Ishak. (2011). *Model Kepimpinan Etika Berlandas Sirah Nabi Muhammad SAW (Ethical Leadership Model Based on Prophet Muhammad PBUH Biography)*. 2. 23-24.
- Utusan. (2010). <https://www.utusan.com.my/rencana/utama/amanah-asas-dalam-dirinya-pekerja-1.356857>. 16 April.
- Utusan. (2015). <https://www.utusan.com.my/mega/agama/menggunakan-harta-syarikat-1.74163>.
- Zainab Aman, K. (2015). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Prestasi Kerja Dalam Kalangan Staf Sokongan KUIS.
- Zainal Yang. (2003). *Nilai Etika Dan Budaya Kerja Dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia Dari Perspektif Islam*. 2.
- Zalika Adam, Faridah Kassim. (2008). *Kemahiran Kerja Berpasukan: Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*. 18-19.
- Zalikha & Faridah, A. K. (n.d.). Kemahiran Kerja Berpasukan. *Etika Dalam Pekerjaan Dari Perspektif Islam*.

BAB 11

HADIS-HADIS MOTIVASI KEKELUARGAAN DALAM KITAB RIYADUSSOLIHIN

Mohd Asri Ishak¹, Muhammad Aizat Syimir Rozani¹, Wan Ramizah Hasan¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.(KUIS)

PENGENALAN

Sebuah masyarakat yang cemerlang lahir dari penyatuan kelompok-kelompok keluarga yang bahagia dan sentosa.Dari sebuah keluarga yang bahagia akan melahirkan individu-individu yang tahu hala tuju dan mempunyai wawasan dalam memajukan kehidupan. Kekeluargaan merupakan salah satu aspek hidup manusia yang paling diberi perhatian oleh syariat Islam. Ia dilihat sebagai wadah bagi lelaki dan wanita mencari kedamaian dan kebahagiaan hidup bersama, juga melahirkan zuriat bagi menyambung kehidupan dari satu generasi ke satu generasi.

Kepentingan tentang kekeluargaan boleh dilihat melalui isu-isu tentangnya mendapat tempat yang luas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Banyak ayat al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w yang memperkatakan tentang kekeluargaan sama ada secara prinsip atau terperinci.(Paizah Ismail 2003) Ini terbukti dengan adanya hadis-hadis yang berkaitan dengan motivasi kekeluargaan yang begitu banyak direkodkan dalam kitab-kitab hadis.

Allah s.w.t telah menyatakan dengan jelas di dalam al-Quran bahawa antara tugas Rasulullah s.a.w adalah memberi motivasi kepada manusia. Firman-Nya dalam surah al-Kahfi ayat 56 yang bermaksud : “Dan tidak Kami utuskan para rasul melainkan sebagai pembawa berita gembira (mubasyirin) dan sebagai pemberi amaran (mundzirin).(Rosni Wazir 2014)

Melihat akan kepentingan motivasi kekeluargaan bagi membina sebuah keluarga yang bahagia maka pastinya hadis-hadis motivasi kekeluargaan perlu dikeluarkan dan bincangkan bagi mengeluarkan faedah-faedah yang terdapat padanya sebagai panduan bagi setiap isi keluarga bagi bersama-sama mengemudi bahtera kekeluargaan hingga menuju ke syurga.

NABI S.A.W. SEBAGAI SEORANG PAKAR MOTIVASI YANG HEBAT

Nabi s.a.w. diutuskan oleh Allah sebagai *rabmatan lil alamin*,Nabi s.a.w bukan sahaja merupakan seorang pemimpin,bahkan Nabi s.a.w merupakan seorang tokoh motivator yang hebat.Nabi s.a.w. berjaya membawa sebuah masyarakat yang pada asalnya tidak bertamadun dan mundur menjadi sebuah masyarakat yang mampu menakluk satu pertiga dunia.

Pada era Nabi Muhammad SAW dilantik oleh Allah SWT menjadi Nabi dan Rasul akhir zaman, baginda berjaya memotivasi dan mengubah masyarakat Arab Jahiliyyah daripada kegelapan kepada cahaya Islam yang jelas. Kemampuan Rasulullah SAW dalam memotivasi masyarakat Arab Jahiliyyah dibantu dengan kata-kata dan janji-janji yang

diwahyukan oleh Allah SWT. Justeru, ia menolak dakwaan bahawa apa yang dituturkan oleh Rasulullah adalah dengan mengikut hawa nafsu semata. Ia turut ditegaskan dalam firman Allah SWT yang bermaksud : Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri.(an Najm 3-4) Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. Jika dilihat pada sejarah, para sahabat dilihat begitu bersemangat dan penuh dengan motivasi dalam kehidupan sehari-hari mereka. Jika mereka ditimpa masalah dan dirundung kelesuan jiwa, maka Rasulullah SAW merupakan tempat untuk mereka mengadu. Apabila mereka diceritakan tentang kebaikan, pasti mereka akan segera melakukannya tanpa ditangguh dan apabila mereka dilarang melakukan sesuatu perbuatan, mereka terus meninggalkannya.(Muhammad Faiz, Mohd Arif, Haziyah 2017)

HADIS-HADIS MOTIVASI KEKELUARGAAN DALAM KITAB RIYADUSSOLIHIN

Dalam melayari bahtera kehidupan berkeluarga , kita sangat memerlukan motivasi-motivasi kekeluargaan bagi mencorak keluarga kita ke jalan yang direhdai Allah s.w.t.Nabi s.a.w adalah contoh tauladan yang perlu kita contohi dan kata-kata yang keluar dari Nabi s.a.w adalah kata-kata hikmah yang penuh dengan pengajaran dan pedoman .Dari Kitab Riyadussolihin saya cuba keluarkan hadis-hadis motivasi kekeluargaan yang boleh dijadikan pedoman dan boleh kita amalkan bagi menjadikan keluarga kita sebuah keluarga yang bahagia ,mudah-mudahkan Allah menjadikan keluarga kita,keluarga yang penuh sakinhah,mawaddah dan rahmah. Berikut adalah diantara hadis-hadis motivasi kekeluargaan yang terdapat di dalam Kitab Riyadussolihin.

Hadis Satu: Bab Kelebihan zikir dan Anjuran Untuk Melakukannya .(No Hadis 1433)

وَعَنْ أُمِّ الْمُؤْمِنِينَ حُوَيْرَةَ بِنْتِ الْحَارِثِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَرَجَ مِنْ عِنْدِهَا بُكْرَةً حِينَ صَلَّى الصُّبُّحَ وَهِيَ فِي مَسْجِدِهَا، ثُمَّ رَجَعَ بَعْدَ أَنْ أَصْبَحَ وَهِيَ جَالِسَةً فَقَالَ: "مَا زَلْتِ عَلَى الْحَالِ الَّتِي فَارَقْتُكَ عَلَيْهَا؟" قَالَتْ: نَعَمْ: فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "لَقَدْ قُلْتُ بَعْدِكِ أَرْبَعَ كَلِمَاتٍ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، لَوْ وُزِنْتْ بِمَا قُلْتِ مُنْذُ الْيَوْمِ لَوْزَنْتُهُنَّ: سُبْحَانَ اللَّهِ وَحْمَدُهُ عَدَدَ حَلْقِهِ، وَرَضَاءَ نَفْسِهِ، وَزَنَةَ عَرْشِهِ، وَمَدَادَ كَلِمَاتِهِ"

[Hadis saih Riwayat Imam Muslim, No Hadis 2726.]

Maksudnya:

"Dari Ummul Mukminin Juwairiyah binti Al Harits Radiyallahu Anha katanya Nabi SAW keluar dari rumahnya pagi-pagi setelah selesai solat Subuh, dan Juwairiyah masih berada di tempatnya solat. Setelah waktu Dhuhar Rasulullah SAW pulang sedangkan Juwairiyah masih duduk di tempatnya . Rasulullah bertanya kepadanya, "Apakah engkau sentiasa duduk (berzikir) seperti itu sejak ku tinggalkan tadi?" Jawab Juwairiyah, "Betul, ya Rasulullah!" Sabda Nabi SAW, "Aku hanya mengucapkan empat kalimat sebanyak tiga kali semenjak itu, yang kalau ditimbang dengan apa yang kau baca dalam zikirmu sejak tadi, nescaya sama berat. Kalimat itu ialah: 'Subhanallahi wa bihamdih 'adada khalfiqi, wa ridha nafsibi, wa zinata arsyibi wa midadi kalimaatibi.'"

Pengajaran Hadis.

Hadis ini menunjukkan bahawa Nabi s.a.w sangat mengambil berat akan keadaan isterinya dan begitu prihatin terhadap kehidupan isterinya. Syekh Salim bin Ied Hilali telah mengeluarkan beberapa pengajaran antaranya :-

1. Disunnahkan bagi seorang suami ketika keluar dari rumah dan ketika pulang kembali menanyakan perihal keluarganya ,hal ini sebagai satu petanda besar betapa prihatinnya Nabi s.a.w. dalam menjaga dan memerhatikan keadaan keluarganya,ini akan memperteguhkan rasa kasih dan cinta dalam hubungan suami isteri.
2. Tanggungjawab seorang suami sentiasa menggalakkan dan mendorong setiap ahli keluarganya untuk melakukan ketaatan,berzikir dan bersyukur kepada Allah tuhan semesta alam.

Hadis Dua: Bab Kelebihan Qiammullail

"وعن علي رضي الله عنه، أن النبي صلى الله عليه وسلم طرقه وفاطمة ليلا، فقال: "ألا تصليان؟"

[Hadis Sohibh Riwayat Bukhari, No Hadis (1127) Juga diriwayatkan oleh Imam Muslim, No Hadis: 206]

Maksudnya:

Dari Ali Radhiyallahu anhu katanya: Bahwasanya Nabi s.a.w. telah mengejutkan beliau dan Fatimah pada waktu malam lalu bersabda : Adakah kalian berdua tidak mengerjakan solat (yakni solat malam)

Pengajaran Hadis

Hadis ini menunjukkan kepada kita betapa Nabi s.a.w begitu mengambil berat akan hal ehwal anak dan menantunya,Nabi s.a.w menggerakkan anak dan menantunya untuk bangun mengerjakan solat malam,menurut Imam Nawawi rahimahullah hadis ini adalah galakkan Nabi s.a.w bagi mengerjakan solat malam dan bagaimana Nabi s.a.w. mengajak bersama setiap ahli keluarga yang berada di bawah tanggung jawabnya untuk sama-sama melakukan perkara yang baik untuk agama dan kehidupan mereka.

Dari hadis ini juga kita dapat lihat betapa ukhwah dan sayangnya Nabi s.a.w pada anak dan menantunya sehingga Nabi s.a.w sanggup menggerakkan mereka utuk bangun beribadah kepada Allah pada malam hari.

Hadis Tiga: Bab Nafkah Terhadap Keluarga

وعن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "دينار أنفقته في سبيل الله، ودينار أنفقته في رقبة، ودينار تصدقت به على مسكين، ودينار أنفقته على أهلك، أعظمها أجرا الذي أنفقته على أهلك"

[Hadis Sahih Riwayat Imam Muslim (No Hadis 995]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radiyallahhu anhu ,beliau berkata : Rasulullah s.a.w telah bersabda : Satu dinar yang kamu naikahkan di jalan Allah ,satu dinar yang kamu naikahkan untuk memerdekakan hamba sahaba, satu dinar yang kamu naikahkan pada orang miskin,dan satu dinar yang kamu naikahkan kepada keluargamu, maka naikah yang paling besar pahalanya ialah dinar yang kamu naikahkan kepada keluargamu.

وعن أبي عبد الله ويقال له: أبي عبد الرحمن ثوبان بن بجاد مولى رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "أفضل دينار ينفقه الرجل دينار ينفقه على عياله، ودينار ينفقه على دابته في سبيل الله، ودينار ينفقه على أصحابه في سبيل الله"

[Hadis Sahih Riwayat Imam Muslim (No hadis 994]

Maksudnya:

Dari Abu Abdurrahman Thuban bin Bajdad maula Rasulullah s.a.w. berkata : Telah bersabda Rasulullah s.a.w. Sebaik-baik dinar yang dinafkahkan oleh seseorang lelaki ialah : dinar yang dinafkahkan kepada keluarganya,dinar yang dinafkahkan untuk tunggangannya pada jalan Allah dan dinar yang dinafkahkan pada sababat-sababatnya pada jalan Allah.

وعن سعد بن أبي وقاص رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال له: " وإنك لن تنفق نفقة تبتغي بها وجه الله إلا أجرت بها حتى ما تجعل في في امرأتك" متفق عليه.

[Hadis Sohih Riwayat Imam Bukhari (no hadis 4409) dan juga diriwayatkan oleh Imam Muslim (no hadis 1628]

Maksudnya:

Dari Saad bin Abi Waqqas Radiyallahhu anhu berkata: Telah bersabda Rasulullah s.a.w. Dan sesungguhnya kamu tidak menginfakkan sesuatu dengan mencari redha Allah daripadanya melainkan kamu akan mendapat pahala kerananya sebinggakan makanan yang kamu masukkan ke dalam mulut isteri kamu sekalipun.

وعن أبي مسعود البدرى رضي الله عنه، عن النبي صلى الله عليه وسلم قال "إذا أنفق الرجل على أهله نفقة يحتسبها فهى له صدقة"

[Hadis Sohih Riwayat Imam Bukhari (no hadis 55]

Maksudnya:

Dari Abu Mas'ud al Badri Radiyallahhu anhu berkata: dari Nabi s.a.w. beliau bersabda: Apabila seseorang lelaki memberikan nafkah kepada keluarganya dengan mengharapkan redha Allah maka nafkah itu dikira sedekah baginya.

Pengajaran Hadis.

Dari hadis-hadis di atas kita dapat lihat bagaimana Islam memberikan motivasi kepada ketua keluarga untuk keluar mencari nafkah untuk setiap ahli keluarganya ,ganjaran yang besar Allah janjikan untuk ketua keluarga yang mengeluarkan nafkah untuk keluarga mereka.Menjadi tanggung jawab seorang bapa sebagai ketua keluarga untuk berusaha memberikan nafakah kepada setiap ahli keluarga .Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud : ((*Kaum laki-laki itu adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (laki-laki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (laki-laki) telah menafakahkan sebagian dari harta mereka. Sebab itu maka wanita yang solehah, ialah yang taat kepada Allah lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada, oleh kerana Allah telah memelihara (mereka). Wanita-wanita yang kamu kawatirkan nusyuznya, maka nasihatilah mereka dan pisahkanlah mereka di tempat tidur mereka, dan pukullah mereka. kemudian jika mereka mentaatimu, maka janganlah kamu mencari-cari jalan untuk menyusahkannya.Sesungguhnya Allah Maha Tinggi lagi Maha besar*) (An-Nisa:34)

Menurut Sykh Salim bin Ied Al Hilali (Terjemahan Bahjatu An Nazirin Syarah Riyadussolihin 1/794) memberi nafkah kepada keluarga termasuk ibadah yang utama dan sedekah yang paling baik,dengan pemberian nafkah boleh menyambung silaturrahim,menjaga cinta dan kasih sayang.

Seorang isteri akan rasa dihargai dan menghargai jasa seoarang suami yang keluar untuk mencari nafkah untuk kehidupan sekeluarga Begitu juga kewajipan seorang suami adalah menuaikan nafkah dari segi zahir atau batin kepada isteri dan anak-anaknya. Ini sepertimana yang dinyatakan oleh Dr. Muhammad Zuhaili di dalam kitabnya bahawa para *fujahah* bersepakat kewajipan suami memberi nafkah terhadap isterinya, tanpa ada perselisihan pandangan terhadapnya. (Lihat *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, 4/277)

Tanggungjawab seorang suami dalam melayari bahtera rumah tangga adalah dengan menuaikan nafkah. dari segi zahir dan batin serta melayani isteri dengan keadaan yang baik.Oleh itu, kewajipan seorang suami di dalam membayar nafkah adalah selepas berlakunya akad nikah serta isteri menuaikan syaratnya iaitu:

- Merelakan dirinya untuk bermesra dan bersetubuh dalam keadaan yang diizinkan syara'.
- Isteri mengikut suaminya tinggal di dalam rumah yang dipilih suaminya dan keadaan rumah itu sesuai didiaminya mengikut syara'

Jika kedua syarat ini dipenuhi isterinya, maka wajib bagi suami untuk menuaikan setiap nafkah yang diperlukan oleh isterinya. (Lihat *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i*, 4/278-280)

Hadis Empat: Bab Wasiat Untuk Berlaku baik pada Wanita (No hadis 273)

وعن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم "استوصوا بالنساء خيرا، فإن المرأة خلقت من ضلع، وإن أعوج ما في الضلع أعلاه، فإن ذهبت تقيمه كسرته، وإن تركته، لم يزد أعوج، فاستوصوا بالنساء"

[Hadis Sohih Riwayat Imam Bukhari (no hadis 3331) dan Imam Muslim (no hadis 1468]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radiyallahhu anhu berkata telah bersabda Rasulullah s.a.w : Nasihatilah kaum wanita dengan baik. Sesungguhnya wanita itu diciptakan daripada tulang rusuk .Sesungguhnya bahagian tulang rusuk yang paling bengkok ialah tulang yang paling atas.Jika kamu meluruskannya ,maka kamu telah mematahkaninya,jika kamu mebiarkannya,maka dia akan tetap bengkok.Oleh itu,nasihatilah kaum wanita (dengan baik)

Pengajaran Hadis

Nabi s.a.w. mengingatkan kepada kaum lelaki supaya bermuamalah dengan kaum wanita dengan muamalah yang baik .Wanita dalam kehidupan seorang lelaki boleh jadi ibu,isteri,kakak,adik perempuan atau anak perempuan, yang mana secara fitrahnya Allah menjadikan mereka lemah dan perlukan kelembutan dalam mentarbiah. Menurut Imam Nawawi [Lihat: al-Minhaj, 10:57] Di dalam hadis ini, dianjurkan agar berkelakuan baik dan lembut dengan wanita serta sabar di atas sikapnya yang bengkok dan juga kelemahan akalnya. Selain itu, dikeji mentalaknya tanpa sebab dan dalam keadaan dia (suami) tidak ingin membetulkannya (isteri).

Kesimpulan dari hadis di atas , maka kaum lelaki dituntut untuk sentiasa berlaku baik, lemah-lembut serta sabar dengan wanita dalam apa jua keadaan. Tambahan pula, wanita ini adalah ciptaan Allah SWT yang istimewa untuk kaum lelaki yang perlu dijaga akan kehormatannya dan memandunya ke arah mentaati Allah SWT dan melaksanakan segala syariat-Nya. (Umar Mukhtar Mohd Noor Mac 2016) Selain itu juga, wanita adalah sebahagian daripada lelaki sebagaimana yang dinyatakan di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Aisyah RA bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا النِّسَاءُ شَقَائِقُ الرِّجَالِ

[Riwayat Abu Daud, kitab bersuci, bab Orang yang mendapat seluarnya basah ketika tidur, no. hadis: 204]

Maksudnya:

"Sesungguhnya wanita itu adalah saudara kandung bagi lelaki".

Hadis Lima: Bab Makrūh Seorang Ayah Melebihkan Pemberian Hadiah Kepada Salah Seorang Anak Daripada Anaknya Yang Lain

عن النعمان بن بشير رضي الله عنهمَا أَنَّ أَبَاهُ أَتَى بِهِ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِنِّي نَحْلَتُ ابْنِي هَذَا غَلَامًا كَانَ لِي، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أَكَلَ وَلَدَكَ نَحْلَتَهُ مِثْلُ هَذَا؟" فَقَالَ: لَا، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "فَأَرْجِعُهُ".

وفي رواية: فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "أَفْعَلْتَ هَذَا بِوْلَدِكَ كُلَّهُمْ؟" قال: لَا، قال: "اتَّقُوا اللَّهَ وَاعْدِلُوا فِي أَوْلَادِكُمْ" فرجع أبي، فرد ذلك الصدقه.

وفي رواية: فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "يَا بَشِيرُ أَكْلَكَ وَلَدَ سُوِّيْ هَذَا؟" قَالَ: نَعَمْ، قَالَ: "أَكْلَهُمْ وَهَبْتَ لَهُ مِثْلَ هَذَا؟" قَالَ: لَا، قَالَ: "فَلَا تَشْهُدْنِي إِذَا فِي أَنْتِ لَا أَشْهُدْ عَلَى جُورٍ". وفي رواية: "لَا تَشْهُدْنِي عَلَى جُورٍ".

وفي رواية: "أَشْهُدْ عَلَى هَذَا غَيْرِيْ،" ثُمَّ قَالَ: "أَيْسَرُكَ أَنْ يَكُونُوا إِلَيْكَ فِي الْبَرِّ سَوَاءً؟" قَالَ: بَلِّي، قَالَ: "فَلَا إِذَا

[Hadis Sohih Riwayat Imam Bukhari (no hadis 2586) dan Imam Muslim (no hadis 1623)]

Maksudnya:

Dari Nu'man bin Basyir Radiyallahu an huma beliau menceritakan : Bahawa bapanya telah membawanya bertemu Rasulullah s.a.w. lalu dia berkata : Sesungguhnya saya telah memberikan seorang hamba kepunyaan saya kepada anak saya ini,Rasulullah s.a.w. bersabda : Adakah kesemua anakmu kamu berikan kepada mereka pemberian seperti ini? Dia menjawab ,Tidak .Lalu Rasulullah s.a.w bersabda : Ambillah semula pemberianmu. Dalam riwayat yang lain : Rasulullah s.a.w bertanya ,adakah kamu melakukan sedemikian kepada semua anakmu? Bapa saya menjawab: Tidak . Baginda bersabda : Bertakwalah kepada Allah dan berlaku adillah kepada anak-anakmu.Lalu bapa saya pulang dan menarik kembali hadiah tersebut. Dalam riwayat yang lain : Rasulullah s.a.w bertanya : Wahai Basyir ! adakah kamu mempunyai anak selain darinya ? Dia menjawab : Ya , baginda bertanya ,adakah kesemua anakmu kamu turut berikan kepada mereka pemberian seperti ini? Dia menjawab : Tidak ,baginda bersabda ,kalan begitu ,janganlah kamu menjadikan saya sebagai saksi,sesungguhnya saya tidak mahu menjadi saksi di atas kezaliman. Dalam suatu riwayat yang lain ,baginda bersabda : Carilah saksi dalam hal ini selain dari saya ,kemudian Nabi s.a.w bersabda : Adakah kamu suka jika mereka (anak-anakmu) adil dalam berbuat baik kepadamu ? Dia menjawab ; Ya, baginda bersabda : Maka janganlah kamu memilih salah seorang daripada kalangan mereka untuk menerima sesuatu pemberian sedangkan yang lain tidak menerimanya.

Pengajaran Hadis

Dalam melahirkan keluarga yang harmoni sifat adil dan saksama itu sangat dituntut .Seringkali berlaku perbalahan dan pertengkaran sehingga menyebabkan berlakunya terputus hubungan kekeluargaan dan silaturrahim kerana berpunca dari rasa tidak berpuas hati dan terpinggir oleh kerana pemberian hibah atau hadiah yang tidak sama rata dan tidak adil.Maka Nabi s.a.w. lebih dahulu telah mengingatkan para bapa supaya berlaku adil terhadap setiap anak-anaknya dalam pemberiannya. Sykh Salim Ied Al Hilali (Terjemahan Bahjatu An Nazirin Syarah Riyadussolihin 5/521) menyatakan faedah kekeluargaan yang boleh kita ambil dari hadis ini

ialah ,wajib bagi seorang bapa berlaku adil terhadap anak-anaknya,seorang bapa wajib juga menjauhi segala hal yang dapat menimbulkan permusuhan dan rasa dengki serta iri hati di antara mereka atau yang boleh mewariskan sikap derhaka kepada orang tua,hadis ini juga merupakan asas dalam mendidik anak ,kesalahan seorang bapa bila mana tidak berlaku adil akan menyebabkan kerosakan ukhwah dalam keluarga dan ia merupakan satu bencana besar yang boleh merobohkan dan menghancurkan keharmonian dalam sebuah keluarga ,ini dapat dilihat dan diambil pengajaran dalam kisah Nabi Yusuf alaihissalam dan saudara-saudaranya.

Hadis Enam : Bab Hak Suami Pada Seorang Isteri

عن أبي هريرة رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: لا يحل لامرأة أن تصوم وزوجها شاهد إلا بإذنه، ولا تأذن في بيته إلا بإذنه"

[Hadis Sohih Riwayat Imam Bukhari (no hadis 5195) dan Imam Muslim (no hadis 673]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radiyallahu anhu berkata,telah bersabda Rasullah s.a.w : Tidak halal bagi seorang isteri untuk berpuasa (sunat) sedangkan suaminya berada di sisinya melainkan dengan izin suaminya ,tidak halal juga baginya mengizinkan (seseorang masuk) ke dalam rumahnya melainkan dengan izin suaminya.

Pengajaran Hadis

Hadis ini adalah satu hadis motivasi yang penting bagi mewujudkan sebuah keluarga yang bahagia.Peranan seorang isteri yang mengetahui betapa pentingnya ketaatannya pada seorang suami pada perkara yang tidak dimurkai Allah adalah satu kewajipan dan merupakan salah satu jalan baginya mendapat syurga Allah. Betapa pentingnya seorang isteri mengetahui apakah hak seorang suami pada dirinya. Isteri perlu mengetahui apakah perkara yang perlu diutamakan dalam kehidupannya hatta untuk berpuasa sunat isteri perlu memohon kebenaran dari suaminya. Imam al-Syirwani menyebut di dalam hasyahnya bahawa sekiranya seorang isteri itu berpuasa tanpa keizinan suaminya maka sah puasanya akan tetapi perbuatannya itu haram dan berdosa. Walau bagaimanapun sekiranya suaminya tidak berada di tempat tinggalnya maka diharuskan baginya untuk berpuasa. (Lihat Hasyiah al-Syirwani ala Tuhfah al-Mubtaj, 3/461)

Lihatlah betapa Islam meletakkan tinggidan besarnya hak seorang suami yang perlu diketahui oleh seorang isteri bagi menjamin kebahagian sesebuah keluarga. Isteri juga perlu menjaga rumahnya dari dimasuki oleh orang-orang yang tidak dikenali tanpa izin dari suami.

Hadis Tujuh : Bab Berbuat Baik Pada Kedua Ibu bapa dan Menyambung Silaturrahim.(No Hadis 317)

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: رغم أنف، ثم رغم أنف من أدرك أبويه عند الكبير، أحدهما أو كلاهما، فلم يدخل الجنة"

[Hadis Sohih riwayat Imam Muslim (no hadis 2551)]

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah Radikal al-hu dari Nabi s.a.w bersabda : Celakalah,celakalah dan celakalah seseorang yang dapat bersama kedua-dua ibu bapanya ketika mereka tua sama ada salah seorangnya atau kedua-duanya (telah berusia lanjut) namun dia tidak dapat masuk ke dalam syurga (lantaran tidak berbakti kepada mereka)

Pengajaran Hadis

Mempunyai anak-anak yang tahu tanggung jawab dalam berbakti kepada kedua ibu bapa adalah merupakan natijah dari pembentukan sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia. Ibu bapa berusaha dan bersusah payah dalam membesarakan anak-anak , mencurahkan kasih sayang sepenuhnya pada anak-anak semasa mereka kecil , memberikan segala yang terbaik pada anak-anak agar mereka membesar dengan baik dan mendapat kebahagian dalam kehidupan maka sewajibnya anak-anak tersebut tahu membala segala jasa kedua ibu bapa dengan ketaatan dan kepatuhan serta berbuat kebaikan pada keduanya pada waktu mereka sudah tua.

Islam meletakkan kederhakaan yang besar pada seorang anak dan merupakan satu dosa besar bila mana kedua ibu bapa tidak diberikan hak-hak mereka.Terlalu banyak hadis-hadis Nabi s.a.w berkaitan dengan galakkan kepada anak-anak supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Menurut Syekh Salim Ied Al Hilali (Terjemahan Bahjatu An Nazirin Syarah Riyadussolihin 2/24) berbakti dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa merupakan suatu kewajipan seorang anak dalam apa jua keadaan ,pada saat mereka masih muda mahupun sudah tua. Bila mana ibu bapa semakin tua mereka lebih memerlukan bakti dari anak-anaknya kerana faktor lemahnya tubuh badan dan faktor perubahan usia. Maka sewajibnya seorang anak berbuat baik pada ibu bapa yang semakin berusia dengan muamalah yang lemah lembut dan menyayangi meraka dengan sepenuhnya.Maka Allah s.w.t akan membala seoarang anak yang derhaka dengan balasan neraka dan menjadikan anak yang soleh dab berbakti kepada kedua ibu bapa sebagai jalan ke syurga.

PENUTUP

Terlalu banyak hadis-hadis motivasi kekeluargaan yang terdapat dalam kitab Riyadussolihin,sama ada hadis tersebut secara jelas mahupun secara tersembunyi yang boleh kita keluarkan faedahnya bagi kita kaitkan dengan motivasi kekeluargaan. Sangat penting bagi setiap ahli dalam sebuah keluarga mengambil motivasi dari hadis-hadis Nabi s.,a.w. bagi membentuk sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia. Nabi s.a.w telah memberikan motivasi yang terbaik pada setiap ahli dalam sebuah keluarga sama ada bapa,ibu,suami,isteri dan anak-anak. Kita amat menyakini tentang hal ini kerana baginda sama sekali tidak bercakap berdasarkan nafsu, bahkan semuanya berdasarkan ilham yang diberikan oleh Allah s.w.t yang Maha Agung. Dia yang Maha Mengerti dan Maha Mengetahui.

RUJUKAN

- Muhammad Zuhaili. (2015). *Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i'e*. Damsyik: Dar al Qalam.
- Salim Ied Al Hilali. (2018). *Terjemahan Bahjatu An Nazirin Syarah Riyadussolihin*. Pustaka Imam Syafie.
- Muhammad Ismail Al Bukhari. *Sohib Imam al Bukhari*. Tahqiq :Muhammad Zahir bin Nasir, Dar Thuq An Najah.
- Muslim Al Hajjaj Abu Al Hassan An Naisaburi. *Sahih Muslim*. Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. Bierut: Dar Ihya' At Thurath al Arabi.
- Imam Nawawi. (1998). *Riyadussolihin*. Tahqiq Sykh Syuib Ar Naut. Bierut: Muassasah Ar Risalah.
- Muhammad Faiz Fathi Asmori, Mohd Arif Nazri, Haziyah Hussin. (2017). *Hadith-Hadith Dalam Buku Motivasi Di Malaysia (Kajian Sanad Dan Matan)*. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, AL-BANJARI, hlm. 117-135 Vol. 16, No.2, Juli-Desember 2017 ISSN (Print) 1412-9507 ISSN (Online) 2527-6778
- Rosni Wazir. (2014). *Motivasi Rasulullah S.A.W Berdasarkan Hadis-Hadis Pilihan Di Dalam Al-Arba In Al-Nawawiyah*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014) KL, 17 – 18 November 2014.
- Paizah Ismail. (2003). *Kekeluargaan Islam Menurut Al Quran Dan Al Sunnah*. Penerbit Universiti Malaya Cetakan Ketiga : 2003 ISBN : 98310015 <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-al-hadith/1518-irsyad-al-hadith-siri-ke-33-hadis-penciptaan-hawaUmarMukhtarMohdNoor>.

BAB 12

ANALISIS HADIS-HADIS NABI SAW DALAM PROGRAM SEMANIS KURMA

Wan Ramizah Binti Hasan,¹ Mohd Asri Bin Ishak,¹ Muhammad Aizat Syimir Bin Rozani,¹ Muhammad Fadhlil Bin Musa²

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

² UiTM Machang, Kelantan

PENGENALAN

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama dalam Islam. Tanpa kedua-duanya, umat Islam pasti akan tersasar daripada landasan kebenaran. Dengan kepentasan teknologi maklumat masakini menjadikan kedua-dua sumber hukum mudah dirujuk dan dikaji. (Firdaus Khairi Abdul Kadir & Fadzli Adam, 2019)

Nabi Muhammad SAW telah bersabda:

حَدَّثَنِي عَنْ مَالِكٍ أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ تَرَكْتُ فِيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَسْعَكُمْ
بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةَ نَبِيِّهِ

[Mālik, *Muwattha' Malik*, Kitab Allah wa Sunnah Nabīyyih, Bab al-Nahy 'an al-Qawl bi al-Qadr, No hadis: 1395]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepadaku dari Malik telah sampai kepadanya bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Telah aku tinggalkan untuk kalian, dua perkara yang kalian tidak akan sesat selama kalian berpegang teguh dengan keduanya; Kitabullah dan Sunnah Nabi-Nya."

Namun apa yang membimbangkan, menurut Firdaus Khairi Abdul Kadir dan Fadzli Adam (2019) ianya adalah disebabkan kejauhan zaman kini dengan zaman Rasulullah SAW. Ini menjadikan sumber hukum khususnya hadis perlu disahkan terlebih dahulu sebelum disebarluaskan. Banyak persoalan tentang hadis timbul pada masa kini lantaran wujudnya golongan yang mengambil kesempatan untuk melariskan jualan atau memperkenalkan ibadat-ibadat tertentu yang kononnya bersumberkan daripada Rasulullah SAW. Walau bagaimanapun, apabila disemak oleh tokoh-tokoh hadis, didapati ternyata hadis-hadis yang sebarkan berstatus palsu atau daif yang berat. Bahkan, apa yang lebih membimbangkan lagi terdapat dalam kalangan agamawan sendiri yang terlibat dengan penyampaian hadis-hadis palsu dalam kuliah mereka. Sehingga masyarakat awam sering terkeliru dalam mencari kesahihan amalan yang dilakukan.

MASALAH KAJIAN

Setiap manusia akan diuji oleh Allah SWT mengikut kadar keimanan dan kemampuan mereka agar mereka sentiasa mengingati Allah SWT seperti firmanNya dalam surah al-Anbiya; ayat 35:

وَنَبْلُوكُم بِالشَّرِّ وَأَخْيَرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ

Maksudnya:

Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan; dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan

Setiap insan yang diuji dengan kesusahan sama ada masalah peribadi, masalah rumahtangga, masalah di tempat kerja atau dalam masyarakat biasanya akan berusaha untuk menyelesaiannya dengan berbagai cara. Mereka sangat memerlukan satu dorongan yang kuat atau motivasi yang mampu mengerakkan mereka untuk terus bertahan dan mengubah hidup kepada keadaan yang lebih baik. (Rosni Wazir, 2014)

Pelbagai bentuk motivasi yang mereka perlukan untuk bangkit dan memulihkan kembali perasaan dan semangat sama ada dengan melihat, menonton atau mendengar sesuatu yang mendorong mereka berubah ke arah yang lebih baik. Sebagai seorang Islam, sudah tentu sebagai insan yang mengaku beriman kepada Allah SWT akan mengikut apa yang disarankan oleh Islam. Antaranya dengan cara mendengar dan menghayati isi al-Quran dan hadis Nabi SAW.

Allah SWT telah menyatakan dengan jelas dalam al-Quran bahawa antara tugas Rasulullah SAW adalah memberi motivasi kepada manusia. Firman-Nya dalam surah al-Kahfi ayat 56 yang bermaksud : “*Dan tidak Kami utuskan para rasul melainkan sebagai pembawa berita gembira (mubayyirin) dan sebagai pemberi amaran (mundzirin).*

Kajian Rosni Wazir (2014) mendapati sangat banyak hadis-hadis baginda SAW sekiranya dianalisa mampu melahirkan teori-teori motivasi yang hebat. Malah lebih hebat dari yang telah dihasilkan oleh Barat. Kita amat menyakini tentang hal ini kerana baginda sama sekali tidak bercakap berdasarkan nafsu, bahkan semuanya berdasarkan ilham yang diberikan oleh Allah s.w.t yang Maha Agung. Dia yang Maha Mengerti dan Maha Mengetahui.

Oleh kerana itu, mendengar kisah-kisah yang dikaitkan dengan Rasulullah SAW adalah suatu motivasi yang dicari-cari. Selain daripada nasihat yang ikhlas daripada orang lain, rancangan-rancangan berunsur keagamaan juga menjadi tumpuan. Antara program di kaca TV yang menjadi rujukan adalah “Semanis Kurma”. Banyak hadis-hadis yang memotivasi digunakan oleh pengacara atau tetamu jemputan. Namun, para penonton dan pendengar kadang-kadang tidak dapat memastikan sama ada kisah yang diketengahkan itu sahih atau sebaliknya, ekoran terdapat banyak hadis-hadis yang diriwayat sejak dahulu lagi dianggap lemah.

Oleh kerana itulah, artikel ini akan menganalisa status sebahagian hadis yang digunakan dalam siri program “Semanis Kurma” yang ditayangkan di TV9 dengan memetik sepuluh buah hadis sahaja. Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif dengan metode kajian kes. Pengumpulan data dilakukan dengan cara mengeluarkan hadis-hadis yang digunakan menerusi rakaman visual rancangan Semanis Kurma di TV9. Manakala data-data dianalisis menggunakan cara deskriptif dan induktif dengan melihat kepada status hadis.

SEMANIS KURMA

Program Semanis Kurma merupakan rancangan yang ditayangkan di TV9 pada mulanya di bulan Ramadan 2008 dibawa secara langsung kepada penonton untuk membincangkan isu bermanfaat kepada pasangan suami isteri. Program ini adalah idea asal daripada Puan Siti Hatijah yang bekerja di TV3. Pada awalnya rancangan ini mempunyai empat episod sahaja dan disiarkan pada setiap hari Khamis Jam 11.00 malam dalam bulan Ramadan, 2008. Namun apabila rancangan ini mendapat sambutan yang agak luar biasa maka rancangan ini diteruskan lagi dan dialih ke setiap hari Selasa, Jam 9.30, di TV9. Ianya bersiaran secara langsung dari Studio C, Sri Pentas selama sejam.

Rancangan yang berlangsung selama lapan tahun berturut-turut sejak 2008 itu benar-benar meninggalkan impak yang berkesan dan berpanjangan kepada penonton. Datuk Ustazah Siti Nor Bahyah dan suaminya, Ustaz Wan Akashah Wan Abdul Hamid telah diberi kepercayaan untuk mengacarakan rancangan Semanis Kurma sehingga habis kontraknya pada 2016. Penerbit rancangan, Hartina Ayu Harun berkata, menerusi program itu penonton berpeluang berinteraksi dengan kedua-duanya. Isu yang diketengahkan mudah difahami penonton serta dapat dikaitkan dengan penonton di rumah dan di studio. Apa yang penting, objektif utama dalam mencari penyelesaian kepada masalah rumah tangga akan dapat dicapai.

Semanis kurma juga akan diserikan dengan tetamu jemputan yang mana mereka turut memberi pandangan serta penyelesaian kepada permasalahan dalam topik yang dibincangkan. Justeru, mereka akan berkongsi pengalaman dalam kehidupan rumah tangga bersama penonton. Program berbentuk motivasi ini dilihat bersesuaian untuk tontonan umum dalam mengeratkan hubungan kekeluargaan tidak mengira peringkat umur serta menjernihkan hubungan suami isteri. Rancangan ini berpotensi menjadi interaksi ilmiah yang santai serta mudah difahami semua golongan masyarakat. Ini dapat mendokong misi TV9 yang cuba mendekati masyarakat secara keseluruhannya. (Rock On 2012)

Adapun halaman FB Semanis Kurma TV9 mula dicipta pada 22 Mac 2012 dan masih lagi aktif sehingga sekarang. Antara episod yang paling banyak mendapat views adalah Semanis Kurma TV9 2014 Episod 04 – Pasangan Serasi iaitu 18K. Besar kemungkinan ianya mempunyai kaitan dengan tetamu jemputan dalam siri ini yang mempunyai ramai peminat iaitu Mawi dan pasangannya Ikin. Selain daripada itu yang mempunyai views 6.9K yang bertajuk Sihir Cinta dan 6.6K views yang bertajuk Kerana Ego.

Selain daripada itu, antara topik menarik yang dibincangkan dalam rancangan itu ialah Cemburu, Suami Parasit, Syurga Di Bawah Tapak Kaki Isteri, dan Seks atau Tanggungjawab dan sebagainya.

ANALISIS HADIS

Antara sumber rujukan pengkaji dalam mengumpulkan hadis-hadis ini ialah: Semanis Kurma (2015) Episod 1, Semanis Kurma – Kasihnya Ayah (1), Semanis Kurma (2014) Episod 1 Kerana Egomu, Semanis Kurma (2014) Episod 2 Manja atau Mengada, Semanis Kurma (2014) Episod 3 Cinta Sejati dan beberapa episod lagi.

Dalam mentakhrij hadis, pengkaji banyak bergantung kepada program *al-Maktabah al-Shamilah* edisi ketiga yang banyak mengandungi kitab hadis dalam pelbagai bidang. Ia secara tidak langsung mempercepatkan usaha pencarian hadis yang hendak ditakhrijkan. Bagi hadis yang disebarluaskan dalam bahasa melayu dan tidak disertakan dengan matannya dalam bahasa arab, penulis akan berusaha mencari perkataan dalam bahasa arab yang bersesuaian dengan makna hadis dalam bahasa melayu tersebut. Satu jenis apps juga digunakan iaitu <http://lidwa.com/android> dan <http://lidwa.com/ios>. Setelah itu program *al-Maktabah al-Shamilah* akan digunakan.

Melalui kajian ini sejumlah 20 hadis telah berjaya dikumpulkan daripada pelbagai episod, namun dalam penulisan ini pengkaji hanya akan menganalisis dan membincangkan 10 hadis sahaja.

Hadis 1

Nabi SAW telah bersabda yang diriwayat oleh Imam al-Tirmizî: "Siapa yang diam pasti selamat."

Penceramah Y hanya menyebutnya dalam bentuk terjemahan sahaja tanpa menyebut nama perawi. Walaupun hadis ini (Hadis riwayat Tirmizi -2425) gharib tetapi ianya *sahib*.

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ حَدَّثَنَا ابْنُ هَيْعَةَ عَنْ يَرِيدَ بْنِ عَمْرٍو الْمَعَافِرِيِّ عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْجُبْلِيِّ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو
قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَمَّتْ نَجَّا قَالَ أَبُو عِيسَى هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ لَا تَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ
حَدِيثِ ابْنِ هَيْعَةَ وَأَبُو عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْجُبْلِيِّ هُوَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَرِيدَ

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Qutaibah telah menceritakan kepada kami Ibnu Labi'ah dari Yazid bin Amru Al Ma'afiri dari Abu Abdurrahman Al Hubuli dari Abdullah bin Amru berkata, Rasulullah ﷺ bersabda, "Barangsiapa diam, ia selamat." Berkata Abu Isa: Hadits ini gharib, kami hanya mengetahuinya dari hadis Ibnu Labi'ah dan Abu Abdurrahman Al Hubuli adalah Abdullah bin Yazid.

Terdapat hadis yang sama diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ عِيسَى حَدَّثَنِي أَبْنُ هَيْعَةَ عَنْ يَرِيدَ بْنِ عَمْرِو عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ الْجُبْلَى عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرِو قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ صَمَتَ نَجَ

[Al-Imam Ahmad, *Musnad al-Imām Aḥmad ibn Ḥanbal*, Bāb *Musnad ‘Abd ‘Allah ibn ‘Amr ibn al-‘Āṣ* No hadis 6481]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Ishaq bin Isa telah menceritakan kepadaku Ibnu Lahi'ah dari Yazid bin Amru dari Abu Abdirrahman Al Hubali dari Abdullah bin Amr dia berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "Barangsiapa diam, ia selamat."

Hadis 2

Nabi SAW telah bersabda "Kebanyakan dosa anak Adam adalah kerana lidahnya."
Hadis riwayat Imam al-Tabrani

Penceramah Y hanya menyebutnya dalam bentuk terjemahan sahaja juga tanpa menyebut nama perawi. Hadis yang diriwayat oleh Ibn Mas'ud ini dan dinaqalkan oleh al-Albani dihukum sahih oleh ulama hadis. Hadis riwayat al-Tabrani ini terdapat dalam kitabnya *al-Mu'jam al-Kabir* (243/10):

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّهُ أَرْتَقَى الصَّفَا فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ فَقَالَ: يَا لِسَانُ، قُلْ خَيْرًا تَعْمَلُ، وَاسْكُنْ عَنْ شَرِّ تَسْلِمٍ، مِنْ قَبْلِ أَنْ تَنْدَمَ، ثُمَّ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: «أَكْثُرُ حَطَايَا ابْنِ آدَمَ فِي لِسَانِهِ»

[Al-Ṭabarānī, *al-Mu'jam al-Kabīr*, No hadis 10446]

Maksudnya:

*Dari pada ‘Abd Allah bahawa beliau menaiki bukit *Safa* dan berbicara dengan lisannya: "Hai lidah, katakan apa yang baik dan anda akan beruntung, dan tetap diam tentang apa yang buruk sebelum anda menyesalinya. Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: 'Sebahagian besar dosa manusia berasal dari lidahnya'*

Hadis 3

Ketika isteri Nabi, Safiyyah nak naik unta, Rasulullah kata "Wahai Safiyyah, isteri kesayanganku, letakkanlah kedua tapak kakimu di atas lututku"

Petikan di atas adalah sebahagian daripada hadis yang panjang iaitu:

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَفَّارِ بْنُ دَاؤَدْ حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَنْ عَمْرِو بْنِ أَبِي عَمْرِو عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَدِمَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَيْرَ فَلَمَّا فَتَحَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْجَهَنَّمَ ذُكِرَ لَهُ جَمَالٌ صَفِيفَةَ بِنْتِ حُبَيْبٍ بْنِ أَخْطَابَ وَقَدْ قُتِلَ رَوْحُهَا وَكَانَتْ عَرْوَسًا فَاصْطَفَاهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِنَفْسِهِ فَحَرَجَ إِلَيْهَا حَتَّى بَاعُنَا سَدَ الرَّوْحَاءِ حَلَّتْ فَبَيْنَ كِبَامِ صَنَعَ حَيْسًا فِي نِطْعِ صَغِيرٍ ثُمَّ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آذِنْ مَنْ حَوْلَكَ فَكَانَتْ تِلْكَ وَلِيمَةً رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى صَفِيفَةَ ثُمَّ حَرَجْنَا إِلَى الْمَدِينَةِ قَالَ فَرَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُحْوِي لَهَا وَرَاءَهُ بِعَبَاءَةَ ثُمَّ يُجْلِسُ عِنْدَ بَعِيرِهِ فَيَضْعُ رُكْبَتَهُ فَتَضَعُ صَفِيفَةُ رِجْلَهَا عَلَى رُكْبَتِهِ

حَتَّى تَرَكَ

[al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū', Bāb Hal Yusāfir bi al-Jāriyah Qabla an Yastabri'aha]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami 'Abdul Ghoffar bin Daud telah menceritakan kepada kami Ya'qub bin 'Abdurrahman dari 'Amru bin Abi 'Amru dari Anas bin Malik radhiyallahu'anhu berkata; Nabi ﷺ memasuki Khaibar. Tatkala Allah menaklukan benteng Khaibar untuk kemenangan kepada beliau, diceritakan kepada beliau tentang kecantikan Shafiyah binti Huyyay bin Akhthob yang suaminya terbunuh sedangkan dia baru saja menjadi pengantin. Maka Rasulullah ﷺ memilihnya untuk diri beliau. Kemudian beliau keluar bersama Shafiyah hingga ketika kami sudah sampai di Saddar Rauhaa', dia berhenti untuk singgah maka dibuatkanlah baginya makanan yang terbuat dari kurma, tepung dan minyak samin dalam wadah kecil terbuat dari kulit. Kemudian Rasulullah ﷺ bersabda", Persilakanlah orang-orang yang ada di sekitarmu "Itulah walimah Rasulullah ﷺ dengan Shafiyah. Kemudian kami berangkat menuju Madinah. Dia (Anas bin Malik radhiyallahu'anhu) berkata" ,Aku melihat Rasulullah ﷺ mengangkat dan memasukkan Shafiyah kedalam mantel di belakang lalu beliau duduk di atas unta beliau dan beliau letakkan kaki Shafiyah di atas lutut Beliau hingga kemudian berjalan mengendarai.

Hadis ini mempunyai sandaran yang kukuh daripada Ṣaḥīḥ al-Bukhārī seperti yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA:

Senario di mana Nabi Muhammad SAW menjadikan lututnya sebagai tempat untuk Ṣafiyyah memanjat tunggangannya jelas digambarkan oleh Anas bin Mālik RA di dalam hadis di atas dan ia bertepatan dengan kenyataan penceramah Y. Walaubagaimanapun, pengkaji merasakan tindakan penceramah Y meriwayatkan ia secara makna dengan menukar kenyataan tersebut menjadi arahan Nabi SAW dirasakan kurang sesuai. Nabi SAW tidak menyatakan

secara lisan malah situasi ini diceritakan oleh Anas bin Mālik RA melalui pemerhatiannya sahaja.

Hadis 4

Kata Rasulullah SAW tentang kenapa Nabi kata tiada ganti lebih baik daripada Khadijah. Nabi kata: **إِنَّ النَّاسَ أَمْنَتْ بِي إِذْ كُفَّرَ**: Dia beriman kepadaku ketika orang lain mengingkariku. Yang kedua Dia membenarkan dakwahku ketika orang lain semua mendustakanku. Yang ketiga, Dia membantuku dengan menginfakkan seluruh hartanya ketika semua orang menahan daripada membantuku Dan yang keempat kata Nabi SAW Allah telah mengurniakan beberapa orang zuriat dari rahimnya yang tidak aku perolehi daripada isteri-isteriku yang lain.

Penceramah Y hanya menyebut terjemahan kepada hadis yang panjang dan beliau hanya menyebut satu ayat sahaja dalam bahasa arab iaitu **“إِنَّ النَّاسَ أَمْنَتْ بِي إِذْ كُفَّرَ”**

حَدَّثَنَا عَلَيُّ بْنُ إِسْحَاقَ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، قَالَ: أَخْبَرَنَا مُحَمَّدٌ، عَنْ الشَّعْبِيِّ، عَنْ مَسْرُوقٍ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا ذَكَرَ حَدِيجَةَ أُنْقِيَ عَلَيْهَا، فَأَخْسَنَ الشَّنَاءَ، قَالَتْ: فَغَرِثْ يَوْمًا، فَقُلْتُ: مَا أَكْثَرَ مَا تَذَكَّرُهَا حَمْرَاءَ الشِّدْقِيِّ، قَدْ أَبْدَلَكَ اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ إِلَيْهَا حَيْرًا مِنْهَا، قَالَ: "مَا أَبْدَلَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ حَيْرًا مِنْهَا، قَدْ آمَنْتُ بِي إِذْ كَفَرَ بِي النَّاسُ، وَصَدَقْتُنِي إِذْ كَذَّبَنِي النَّاسُ، وَوَاسْتَنِي إِمَاهًا إِذْ حَرَمَنِي النَّاسُ، وَرَزَقَنِي اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ وَلَدَهَا إِذْ حَرَمَنِي أُولَادَ النِّسَاءِ "

[Al-Imam Ahmad, *Musnad al-Imām Ahmad ibn Hanbal, Bāb Musnad al-Šiddiqah Āishah bint al-Šiddiq* No hadis 24864]

Maksudnya

"Apabila Nabi ﷺ mengingat Khadijah, baginda selalu memujinya dengan puji yang bagus. Maka pada suatu hari saya merasa cemburu hingga saya berkata kepada baginda; 'Alangkah kerapnya engkau mengingati wanita yang hujung bibirnya telah memerah, padahal Allah telah mengantikan untuk engkau yang lebih baik darinya. Serta merta Rasulullah bersabda, "Allah 'Azza wa Jalla tidak pernah mengganti untukku yang lebih baik darinya, dia adalah wanita yang beriman kepadaku di saat manusia kafir kepadaku, dan dia membenarkanku pada saat manusia mendustakan diriku, dan ia juga menopangku dengan hartanya di saat manusia menutup diri mereka dariku, dan Allah 'Azza wa Jalla telah mengurniakan anak kepadaku dengannya ketika Allah tidak mengurniakan anak kepadaku dengan isteri-isteri yang lain."

Hadis yang diriwayat oleh Imam Ahmad ini dihukum saih oleh para pentahqiq.

Hadis 5

Sabda Rasulullah SAW: "I'diluu baina abnaaikum (berlaku adillah kepada semua anak kamu)". Nabi ulang 3 kali.

Lafaz yang disebut oleh penceramah X ini terdapat dalam hadis yang diriwayat oleh Imam Ahmad No hadis 17724 dalam Kitab Musnad Penduduk Kufah Bab Hadis al-Nu'man bin Basir dari Nabi SAW dan dihukum sahih.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْحَسَنِ الْبَاهْلِيُّ وَعَبْدُ اللَّهِ الْقَوَارِيرِيُّ وَمُحَمَّدُ بْنُ أَبِي بَكْرٍ الْمُقَدَّمِيُّ قَالُوا حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ زَيْدٍ عَنْ حَاجِبٍ بْنِ الْمُفَضَّلِ عَنْ أَبِيهِ أَنَّهُ سَمَعَ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اعْدِلُوا بَيْنَ أَبْنَائِكُمْ اعْدِلُوا بَيْنَ أَبْنَائِكُمْ

[Al-Imam Ahmad, Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal, Bab Hadith al-Nu'man ibn Bashir No hadis 18452]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Abdullah. Telaah menceritakan kepada kami Ibrahim bin Al Hasan Al Bobili dan Ubaidullah Al Qawariri dan Muhamamd bin Abu Bakr Al Muqaddami mereka berkata, Telaah menceritakan kepada kami Hammad bin Zaid dari Hajib bin Al Mufadldal bin Al Muhallab dari bapaknya ia mendengar An Nu'man bin Basir berkata; Rasulullah ﷺ bersabda, "Berlaku adillah di antara anak-anak kalian. Berlaku adillah di antara anak-anak kalian. Berlaku adillah di antara anak-anak kalian.

Walau bagaimanapun dalam hadis yang lain Nabi SAW hanya menyebut lafaz "I'diluu baina abnaaikum" sebanyak dua kali sahaja.

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ رَيْدٍ عَنْ حَاجِبٍ بْنِ الْمُفَضَّلِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَمِعْتُ النُّعْمَانَ بْنَ بَشِيرٍ يَنْخُطُبُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اعْدِلُوا بَيْنَ أَبْنَائِكُمْ اعْدِلُوا بَيْنَ أَبْنَائِكُمْ

[Al-Imam Ahmad, Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal, Bab Hadith al-Nu'man ibn Bashir No hadis 18422]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Sulaiman bin Harb Telaah menceritakan kepada kami Hammad bin Zaid dari Hajib bin Al Mufadldal bin Al Muhallab dari Bapaknya ia berkata, aku mendengar An Nu'man bin Basir berkhutbah, "Rasulullah ﷺ bersabda, "Berlaku adillah kalian di antara anak-anak kalian. Berlaku adillah kalian di antara anak-anak kalian."

Hadis 6

Seorang sahabat bawa anak jumpa Nabi. Kemudian dia tanya pada Nabi "Ya Rasulullah, saya dah bagi hadiah pada anak yang ni". Kemudian Nabi kata "Anak yang lain ada bagi hadiah tak?" Bapa tu kata "anak yang lain saya tak bagi hadiah. Yang ni seorang je". Nabi kata "ambil hadiah tu balik".

Penceramah Y tidak menyebut siapakah nama sahabat yang berjumpa dengan nabi SAW iaitu Nu'man ibn Basyir dan juga tidak menyebut bentuk hadiah yang diberikan kepada anaknya sebagaimana yang terdapat hadis riwayat al-Bukhari di bawah. Walau bagaimanapun hadis ini dikira sahih oleh ulama.

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ أَخْبَرَنَا مَالِكُ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ حُمَيْدِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَمُحَمَّدِ بْنِ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ أَخْمَمَا حَدَّثَاهُ عَنْ النُّعْمَانِ بْنِ بَشِيرٍ أَنَّ أَبَاهُ أَتَى بِهِ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ إِنِّي نَحْلَتُ ابْنِي هَذَا عُلَامًا فَقَالَ أَكُلَّ وَلَدِكَ نَحْلَتَ مِثْلَهُ قَالَ لَا قَالَ فَارْجِعْهُ

[al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitab: *al-Hibah wa Faḍlihā wa al-Taḥrīd alayhā*, Bāb *al-Hibah li al-Walad*]

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami 'Abdullah bin Yusuf telah mengabarkan kepada kami Malik dari Ibnu Syibah dari Humaid bin 'Abdurrahman dan Muhammad bin An Nu'man bin Basyir bahawa keduanya menceritakan kepada An Nu'man bin Basyir bahawa bapaknya datang bersamanya menemui Rasulullah SAW lalu berkata, "Aku hadiahkan anakku ini sebagai ghulam (pembantu)". Maka baginda bertanya, "Apakah semua anakmu kamu hadiahkan seperti ini?". Dia menjawab, "Tidak". Maka beliau bersabda, "Kalau begitu, lebih baik kamu bawa pulang kembali."

Hadis 7

Seorang perempuan datang menemui Nabi dan perempuan ini bertanya "Ya Rasulullah, anakku ini perutkulah kandungannya, susukulah minumannya, dan ribaankulah rumahnya. Tetapi bapanya telah menceraikan aku dan hendak merampas anak itu daripada aku." Selepas mendengar aduan daripada wanita tersebut, sabda Nabi SAW "Engkaulah yang lebih berhak menjaga anak itu selagi engkau belum berkahwin lain." Hadis riwayat Abu Daud.

Penceramah Y hanya menyebutnya dalam bentuk terjemahan sahaja juga tanpa menyebut nama perawi.

Abdullah bin `Amr RA meriwayatkan bahawa ketika mana datang seorang wanita lalu berkata:

يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ ابْنِي هَذَا كَانَ بَطْنِي لَهُ وَعَاءٌ وَثَدِيٌ لَهُ سِقَاءٌ وَحِجْرِيٌ لَهُ حِوَاءٌ وَإِنَّ أَبَاهُ طَلْقَنِيٌ وَأَرَادَ أَنْ يَتَزَرَّعْهُ
مِنْيٍ فَقَالَ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنْتِ أَحْقُّ بِهِ مَا مَنْ تَنْكِحِي

Maksudnya:

Wahai Rasulullah, sesungguhnya anakku ini, perutku adalah tempatnya (tinggal sewaktu mengandung), puting susuku adalah tempat minumnya, dan pangkuanku adalah pelindungnya, sedangkan ayahnya telah menceraikanku dan ingin merampasnya dariku. Lalu Rasulullah ﷺ bersabda kepadanya: "Engkau lebih berhak terhadapnya selama engkau belum bernikah."

Riwayat Abu Daud (2276), al-Baihaqi (15763) dalam Sunan al-Kubra, Hakim (2830) dalam al-Mustadrak dan beliau mensahihkannya. Hadis di atas merupakan hadis hukum yang masyhur yang dirujuk oleh para ulama dalam menyusun bab hadhanah dalam kitab-kitab fiqh.

Hadis 8

Nabi SAW telah bersabda dalam hadis riwayat Bukhari dan Muslim 'Janganlah ada diantara kamu yang berkhalwat berdua-duaan dengan seorang wanita kecuali dengan mahramnya.' Dan dalam hadis yang lain juga Nabi berkata: 'Kalaun dua-dua orang tu mereka berkhalwat, mereka berdua-duaan, maka yang pastinya yang ketiganya adalah syaitan.'

Terdapat dua hadis yang berasingan yang diriwayatkan secara berasingan juga iaitu hadis yang pertama:

حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرٍ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ وَزُهَيْرٌ بْنُ حَرْبٍ كَلَّا هُمَا عَنْ سُفْيَانَ قَالَ أَبُو بَكْرٍ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ بْنُ عَيْنَةَ حَدَّثَنَا
عَمْرُو بْنُ دِينَارٍ عَنْ أَبِي مَعْبُدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَبْنَ عَبَّاسٍ يَقُولُ سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَخْطُبُ يَقُولُ لَا
يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِمْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا دُوْخَرٌ وَلَا تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ إِلَّا مَعَ ذِي حُرْمَةٍ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّ امْرَأَيِ
حَرَجَتْ حَاجَةً وَإِنِّي أَكْتَبْتُ فِي غَرْوَةٍ كَذَا وَكَذَا قَالَ أَنْطَلِقْ فَحْجَجْ مَعَ امْرَأَتِكَ وَ حَدَّثَنَا أَبُو الرَّبِيعِ الزَّهْرَانِيُّ
حَدَّثَنَا حَمَادٌ عَنْ عَمِّهِ إِنَّهُمَا إِسْنَادٌ نَحْوُهُ وَ حَدَّثَنَا أَبْنُ أَبِي عُمَرَ حَدَّثَنَا هِشَامٌ يَعْنِي أَبْنَ سُلَيْمَانَ الْمَخْزُومِيِّ عَنْ
ابْنِ جُرَيْجِ إِنَّهُمَا إِسْنَادٌ نَحْوُهُ وَمَمْ يَذْكُرُ لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِإِمْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا دُوْخَرٌ

Maksudnya:

Telah menceritakan kepada kami Abu Bakr bin Abu Syaibah dan Zubair bin Harb keduanya dari Sufyan - Abu Bakr berakata- Telah menceritakan kepada kami Sufyan bin Uyainah Telah menceritakan kepada kami Amru bin Dinar dari Abu Ma'bad ia berkata, saya mendengar Ibnu Abbas berkata; Saya mendengar Nabi ﷺ berkbutbah seraya bersabda, "Janganlah sekali-kali seorang laki-laki berduaan dengan seorang wanita kecuali wanita itu disertai mahramnya. Dan seorang wanita juga tidak boleh bepergian

sendirian, kecuali ditemani oleh mahramnya." Tiba-tiba berdirilah seorang laki-laki dan bertanya, "Ya, Rasulullah, sesungguhnya istriku hendak menunaikan ibadah haji, sedangkan aku ditugaskan pergi berperang ke sana dan ke situ; bagaimana itu?" Rasulullah pun menjawab, "Pergilah kamu haji bersama istrimu." Dan telah menceritakannya kepada kami Abu Rabi' Az Zahra'i. Telah menceritakan kepada kami Hammad dari Amru dengan isnad ini, semisalnya. Dan telah menceritakan kepada kami Ibnu Abu Umar Telah menceritakan kepada kami Hisyam bin Sulaiman Al Makhzumi dari Ibnu Juraij dengan isnad ini, semisalnya. Dan ia tidak menyebutkan, "Janganlah sekali-kali seorang laki-laki berduaan dengan seorang wanita kecuali wanita itu disertai mahramnya."

Adapun hadis kedua adalah tentang syaitan akan menyertai lelaki dan perempuan yang berkhalwat.

عَنْ أَبْنَىٰ عُمَرَ قَالَ: حَطَبَنَا عُمَرُ بِالْجَابِيَّةِ فَقَالَ: يَا أَيُّهَا النَّاسُ، إِنِّي قُمْتُ فِيْكُمْ كَمَقَامَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِينَا فَقَالَ: أُوصِيكُمْ بِالصَّحَّاْيِي، ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُونَ، ثُمَّ يَقْشُو الْكَذِبُ حَتَّىٰ يَخْلُفَ الرَّجُلُ وَلَا يُسْتَحْلِفُ، وَيَشْهَدَ الشَّاهِدُ وَلَا يُسْتَشْهِدُ، أَلَا لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِأَمْرِهِ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ، عَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ وَإِيَّاكُمْ وَالْفُرْقَةِ فَإِنَّ الشَّيْطَانَ مَعَ الْوَاحِدِ وَهُوَ مِنَ الْإِثْنَيْنِ أَبْعَدُ، مَنْ أَرَادَ بُجُورَةَ الْجَنَّةِ فَلِيَلْزُمُ الْجَمَاعَةَ، مَنْ سَرَّتْهُ حَسَنَتْهُ وَسَاءَتْهُ سَيِّئَتْهُ فَلِيَلْزُمُ الْمُؤْمِنِ.

(HR Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, no 1091, Kitab al-Rada', Bab ma Ja'a fi luzum al-jamaah)

Maksudnya:

Dari pada Ibnu 'Umar dia berkata; Suatu ketika Umar menyampaikan pidato kepada kami di Jabiyah. Umar berkata, "Wahai sekalian manusia, aku berdiri di tengah-tengah kalian sebagaimana posisi Rasulullah shallallahu 'ala'ih wasallam yang ketika itu juga berdiri di tengah-tengah kami dan bersabda: 'Aku berwasiat kepada kalian dengan (melalui) para sahabat-sahabatku kemudian orang-orang setelah mereka dan orang-orang yang datang lagi setelah mereka. Kemudian merajalelah kedustaan. Hingga seseorang bersumpah tanpa ia diminta untuk bersumpah, kemudian seseorang memberi kesaksian padahal ia tidak diminta untuk menjadi saksi. Sungguh, tidaklah seorang laki-laki berduaan dengan seorang wanita, kecuali pihak ketiganya adalah setan. Hendaklah kalian selalu bersama Al Jama'ah. Dan janganlah kalian berpecah belah, karena setan itu selalu bersama dengan orang yang sendirian, sedangkan terhadap dua orang, ia lebih jauh. Barangsiapa yang menginginkan Buhbuhata Al Jannah, maka hendaklah ia komitmen untuk menetapi Al Jama'ah. Barangsiapa kebaikannya yang ia lakukan membuatnya lapang dan bahagia, dan keburukannya membuatnya penat dan susah, maka dia adalah seorang mukmin."

مَا رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِأَمْرِهِ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

(Al-Tirmidhi, Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Rada', Bab ma Ja'a fi Karahiyah al-Dukhul 'ala al-Mughayyibat no 1091)

Maksudnya:

Diriwayatkan dari Nabi SAW, beliau bersabda: "Tidaklah seorang laki-laki berduaan dengan seorang wanita kecuali ketiganya adalah syaitan."

Hadis 9

Dalam kisah yang sangat masyhur, Nabi balik lewat malam, Nabi ketuk pintu, Aisyah dah tertidur. Aisyah tak buka pintu. Nabi yang hebat ni ya Allah, Nabi ambil serban dan Nabi bentang depan pintu, Nabi tidur depan pintu tanpa mengejutkan isterinya. Esok pagi, Aisyah bangun, tengok-tengok Nabi tidur depan pintu sama-sama minta maaf.

Menurut Dr. Ustaz Rozaimi Ramle, salah seorang pakar dalam bidang hadis mengatakan bahawa hadis ini palsu dan tidak terdapat dalam mana-mana riwayat. Begitu juga yang dihuraikan dalam <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/307462/> yang mana kisah ini sebenarnya tidak ditemui dalam kitab-kitab hadith muktabar. Jawapan ini dipaparkan setelah adanya soalan daripada pembaca iaitu:

"أَن رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَأْخَرَ عَلَى السَّيْدَةِ عَائِشَةَ فِي لَيْلَتِهَا، وَلَمْ يَحْضُرْ إِلَّا فِي آخِرِ الْلَّيلِ قَبْلَ طَلَوْعِ الْفَجْرِ، فَلَمَا حَضَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُتَأْخِرًا دَبَّتِ الْغَيْرَةُ فِي قَلْبِ السَّيْدَةِ عَائِشَةَ، وَاعْتَقَدَتْ أَنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَأْخَرَ عَلَيْهَا بِسَبَبِ إِحْدَى زَوْجَاتِهِ، وَرَفَضَتْ فَتْحَ بَابِ الْبَيْتِ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَتَرَكَهُ يَنْامُ خَارِجَ الْبَيْتِ عَلَى الْأَرْضِ، ثُمَّ بَعْدَهَا نَدَمَتْ عَلَى مَا فَعَلَتْ، فَأَسْرَعَتْ بِفَتْحِ الْبَابِ لِلرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وَأَدْخَلَتْهُ لِيُسْتَكْمِلَ نُومَهُ دَاخِلَ الْبَيْتِ، فَلَمْ يَنْهِ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ زَوْجَتَهُ عَائِشَةَ عَلَى فَعْلَتِهَا هَذِهِ، وَتَبَسَّمَ فِي وَجْهِهَا"

Maksudnya:

Rasulullah SAW, telah terlambat datang ke rumah Saidatina Aisyah pada malamnya, dan tidak hadir sehingga ke akhir malam sebelum subuh. Ketika Rasulullah SAW terlambat, rasa cemburu muncul di hati Aisyah, dan dia menyangka bahawa Rasulullah SAW terlambat disebabkan salah seorang isterinya, dan dia enggan untuk membuka pintu rumah itu kepada Rasulullah, membiarkannya tidur di luar rumah di tanah, maka setelah itu dia menyesali apa yang telah dia lakukan, jadi aku bergegas membuka pintu kepada Rasulullah dan memasukinya untuk menyelesaikan tidurnya di dalam rumah, sehingga Rasulullah tidak memarahi isterinya Aisyah atas apa yang dia lakukan, dan tersenyum padanya.

Hadis ini walaupun ianya dikatakan masyhur, namun ianya tidak ditemui dalam mana-mana kitab hadis yang muktabar. Di Malaysia terdapat pelbagai versi berkaitan dengan riwayat ini. Salah satu versi mengatakan bahawa Rasulullah SAW terlewat untuk pergi ke rumah Aisyah pada malam gilirannya sehingga menyebabkan Aisyah merajuk. Oleh sebab itu, Aisyah merajuk dan tidak mahu membuka pintu untuk baginda. Akhirnya baginda tidur di depan pintu saja. Kemudian Aisyah berasa menyesal dengan perbuatannya lalu membuka pintu. Aisyah berasa terkejut kerana baginda tidur di depan pintu lalu meminta maaf. Baginda tidak memarahi Aisyah sebaliknya hanya tersenyum.

Versi kedua pula mengatakan bahawa Aisyah menunggu-nunggu kehadiran Rasulullah SAW hingga tertidur. Apabila baginda tiba, baginda tidak sampai hati untuk mengejutkan Aisyah yang sudah tertidur, lalu tidur di luar pintu rumah saja. Apabila Aisyah bangun dari tidurnya, alangkah terkejutnya kerana Aisyah mendapati baginda tidur di luar rumah. Aisyah meminta maaf kerana tertidur. Baginda pula mengatakan bahawa Aisyah tidak salah, sebaliknya bagindalah yang harus meminta maaf kerana terlambat.

Kedua-dua versi ini tidak terdapat dalam mana-mana kitab hadis yang muktabar.

Hadis 10

Kisah luahan seorang bapa kepada Rasulullah tentang anaknya yang berebut harta ayah... “Kamu dan semua harta kamu milik ayah kamu.”

عَنْ عَائِشَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَجُلًا أتَى رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يُخَاصِّمُ أَبَاهُ فِي دِينِ عَلَيْهِ، فَقَالَ نَبِيُّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَنْتَ وَمَالُكُ لِأَبِيكَ»

Maksudnya:

Daripada 'Aisyah RA bahawa seorang lelaki datang kepada Nabi SAW mengadu tentang ayahnya yang berbutang kepadanya. Nabi SAW bersabda: Engkau dan harta engkau adalah milik ayah engkau.

[Sahih Ibnu Hibban, Kitab al-Birr wa al-Ihsan, Bab Haq al-Walidain, Dzikru Khabar Anhām Man Lam Yubkam Sina'ata al-Ilmi Anna Maal al-Ibn Yakuna Li al-Ab, hadis no: 410]

Hadis ini dikatogorikan dalam hadis yang sahih.

KESIMPULAN

Kebanyakan hadis yang dikemukakan dalam sebahagian episod program Semanis Kurma adalah terjemahannya dalam bahasa melayu tanpa matannya dalam bahasa arab kecuali sedikit sahaja. Terdapat juga hadis dikemukakan secara ringkas tanpa awalan hadis atau keseluruhan hadis dan hadis yang bukan bersandarkan kepada nabi SAW tetapi daripada sahabat yang menceritakan tentang nabi SAW. Daripada sepuluh hadis yang ditakhrijkan, terdapat lapan yang dihukum sebagai sahih dari sudut mafhum dan maksudnya kerana ianya diterjemahkan ke dalam bahasa melayu (*riwāyat bi al-ma'na*). Terdapat satu hadis yang tidak dapat ditemui dalam mana-mana kitab yang muktabar dan diriwayatkan ia secara makna dengan menukar kenyataan tersebut menjadi arahan Nabi SAW. Terdapat juga hadis yang Nabi SAW tidak menyatakan secara lisan malah situasi ini diceritakan oleh perawi melalui pemerhatiannya sahaja.

RUJUKAN

- Al-Bayhaqī, Abū Bakr. (1994) *al-Sunan al-Kubrā*. Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā’īl. (1978). *Sahih al-Bukhari*. Dar Ul-Hadith.
- Al-Ḥākim, Muḥammad. (1991). *Mustadrak al-Ḥakim. Tahqīq: Mustafā Atā*. Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Sijistāni, Abu. Dāwūd. (2007). *Sunan Abū Dāwūd*. Riyadh: Maktabah Al-Ma'arif.
- Al-Ṭabarānī, Sulaymān ibn Aḥmad (1994) *al-Mu'jam al-Kabīr*, pentahqiq: Ḥamdī ibn ‘Abd Mājid al-Salafī. Kaherah: Maktabah ibn Taymiyah
- Al-Tirmidhi, Abu Isa. (2003). *Sunan al-Tirmidhi*. Lebanon: Beirut, Dar-al-fikr nd.
- Firdaus Khairi Abdul Kadir & Fadzli Adam. (2019). Hadith Palsu: Kajian Terhadap Faktor Penyebaran dan Kaedah Mengatasinya. *Proceeding of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management*
- Ibn Ḥanbal, Ahmad. (2001) *Musnad al-Imam Ahmad ibn Ḥanbal tahqiq: Shu'ayb al-Urnū'ut* ‘Ādil Murshid dll. Muassasah al-Risālah
- Ibn Hibban, M. A. (1994). *Sahib Ibn Hibban bi-Tartib ibn Balban*. Shu 'ayb al-Araṇa'ut. Beirut: Mu'assasat al-Risalah
- Malik, Ibn. Anas. (1987). *Muwatta' Al-Imam Malik*. Amman: Dar-al-Nafa'is.
- Rosni Wazir. (2014). Motivasi Rasulullah S.A.W Berdasarkan Hadis-Hadis Pilihan Di Dalam Al-Arba'in Al-Nawawiyyah. *International Researcb and Innovation Conference Proceeding 2014 (INSAN 2014 IRMIC*
- <http://lidwa.com/android>
- <http://lidwa.com/ios> .
- <https://dxrfv9jknqzor.cloudfront.net/bina-keluarga-bahagia-tiru-acuan-datuk-ustazah-siti-nor-bahyah-dan-ustaz-wan-akashah/amp/>
- <https://rockon2012.wordpress.com/2008/09/10/semanis-kurma-selit-petua/>
- <https://www.dorar.net/hadith/sharh/92050>
- <https://www.facebook.com/DrRozaimiRamle/posts/sahihkah-kisah-romantik-ininabi-saw-pernah-tidur-depan-pintu-sebab-tak-mahu-keju/1322632617764235/>
- <https://www.facebook.com/izwan.a.hakim/posts/10207086816425569>
- <https://www.islamweb.net/ar/fatwa/307462/>
- https://www.youtube.com/watch?v=HJ_HgzVrUA
- <https://www.youtube.com/watch?v=0f5BwvcJoik>
- https://www.youtube.com/watch?v=83ghzJ1OX_g
- <https://www.youtube.com/watch?v=KKKGmtHKn2c>
- <https://www.youtube.com/watch?v=mHxaw5n1qFE>
- https://www.youtube.com/watch?v=uvhk_2dADqQ

BAB 13

KESALAHAN PENGGUNAAN KAEDEAH *RIWĀYAT BI AL-MA'NA* DALAM PERIWAYATAN HADIS: ANALISIS TERHADAP CERAMAH MOTIVASI DI MALAYSIA

Muhammad Aizat Syimir bin Rozani¹, Mohd Asri bin Ishak¹,
Wan Ramizah binti Hasan¹, Muhammad Fadhl bin Musa²

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Kajang

¹Universiti Teknologi Mara (UITM), Machang

PENDAHULUAN

Hadis Nabi Muhammad SAW merupakan kata-kata, perbuatan atau pengakuan yang disandarkan kepada baginda SAW (*Şubhi al-Şâlih*, 2009). Ia disampaikan dan diwarisi sejak dari zaman nabi SAW hingga ke hari ini secara teliti dan berhati-hati dengan merekodkan setiap perawi yang meriwayatkan hadis tersebut. Malah setiap perkataan yang dilafazkan oleh baginda SAW juga direkodkan satu per satu. Hal ini bagi menjamin keaslian dan ketulenan informasi yang dikongsikan khususnya yang berkaitan dengan Nabi Muhammad SAW.

Malah, ancaman yang sangat besar pernah diberikan buat mereka yang secara sengaja menisbahkan kenyataan palsu kepada beliau SAW seperti yang diriwayatkan oleh *Abū Hurairah RA*:

فَالَّرَسُولُ اللَّهُ ﷺ : () مَنْ كَذَبَ عَلَىٰ مُتَعَمِّدًا فَلْيَتَبُوأْ مَقْعَدَهُ مِنَ النَّارِ ()

[*Şahīh Muslim*, Al-Muqaddimah, Bab fī al-Taḥdhīr min al-Kadhib ‘ala Rasul SAW]

Maksudnya:

“Barangsiapa yang berdusta di atas namaku, maka siaplah tempatnya di dalam neraka”.

Semua hadis-hadis Nabi Muhammad SAW diriwayatkan secara turun temurun samada pengriwayatan tersebut dilaksanakan secara lafaz (*riwāyat al-Hadith bi al-Lafz*) atau secara makna (*riwāyat al-Hadith bi al-Ma'na*). Walaubagaimanapun, para ulama berbeza pendapat dalam pengriwayatan hadis dengan makna kepada dua golongan, antara yang membolehkannya dengan bersyarat dan ada yang melarangnya sama sekali melainkan hadis tersebut daripada para sahabat (Ali: 1996).

Realiti rakyat Malaysia tidak memahami bahasa Arab melainkan mereka yang mempelajarinya. Hal ini menatijahkan proses penyampaian wahyu Allah SWT serta hadis Nabi SAW perlu diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Inisiatif ini merupakan satu kelebihan buat para pendengar yang majoritinya tidak memahami bahasa arab dan juga buat para penyampai yang berusaha untuk menyampaikan Sunnah Rasulullah SAW. Namun, kelebihan ini juga

mempunyai sudut negatifnya apabila proses pemindahan bahasa tersebut terbuka kepada kesalahan dalam meriwayatkan hadis tersebut.

Kini, fenomena meriwayatkan hadis dengan makna telah menjadi satu norma kebiasaan yang diamalkan oleh para penceramah dalam menyampaikan ceramah mereka. Hal ini kerana kaedah ini memberikan sedikit keringinan kepada para penyampai hadis Nabi Muhammad SAW khususnya apa bila hadis yang ingin disampaikan itu panjang atau mereka terlupa matan hadis yang sebenar. Namun, kaedah penyampaian seperti ini telah membuka ruang yang menjerumuskan para penceramah untuk menyampaikan kenyataan palsu yang disandarkan kepada baginda SAW samada secara sengaja atau tidak sengaja. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menjelaskan konsep pengriwayatan hadis dengan makna antara pandangan yang membenarkan dan yang menolak serta menganalisis kesalahan penggunaan kaedah pengriwayatan hadis dengan makna dalam ceramah motivasi di Malaysia.

KONSEP RIWĀYAT BI AL-MA‘NA

Menurut ‘Abd al-‘Azīz (2001), *Riwāyat al-Hadīth bi al-Ma‘na* bermaksud perawi hadis meriwayatkan hadis Baginda SAW dengan susunan ayat tersendiri yang bertepatan dengan lafaz hadis yang asal pada sudut makna. Manakala menurut al-Mas‘ūdī (2019) pula, ia bermakna perawi hadis mengubah lafaz hadis tersebut tatacara mengubah maknanya.

Walaubagaimanapun, penerangan Khālid (2015) dalam menjelaskan konsep *Riwāyat al-Hadīth bi al-Ma‘na* dilihat lebih sempurna. Beliau berpendapat bahawa meriwayatkan hadis secara makna adalah apabila perawi hadis meriwayatkan hadis dengan sanad yang dibawanya. Namun hadis tersebut diriwayatkan bukan dengan lafaz yang asal akan tetapi ia diriwayatkan dengan lafaz lain yang mempunyai makna yang sama. Kemudian hadis tersebut diriwayatkan oleh orang lain dengan lafaz itu samada perawinya merupakan daripada kalangan para sahabat RA atau mereka yang selepasnya dalam apa jua jenis keadaan seperti dalam proses pemberian fatwa, perdebatan, pendalilan dan lain-lain lagi.

Kajian Khalid (2015) juga telah merumuskan beberapa bentuk Konsep *Riwāyat al-Hadīth bi al-Ma‘na* seperti berikut:

- Bentuk Pertama: Meriwayatkan hadis dengan mengubah lafaz hadis kepada lafaz lain yang mempunyai makna yang sama seperti mengubah perkataan “جالس” “قاعد”.
• Bentuk Kedua: Meringkaskan atau menambah matan hadis dengan tidak memberi kesan pada maknanya.
• Bentuk Ketiga: Meriwayatkan hadis dengan lafaz yang lebih jelas atau lebih ringan daripada lafaz asal.
• Bentuk Keempat: Meriwayatkan hadis dengan mendahulukan sebahagian lafaz hadis atau mengakhirkannya daripada susunan asal.
• Bentuk Kelima: Mengubah lafaz hadis kepada lafaz yang lain yang membawa makna yang sama. Misalnya, hadis Nabi SAW yang berbunyi:

((هَرِيقُوا عَلَى بُولِهِ سَحْلًا مِنْ مَاءٍ .))

[Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Wuḍū’, Bāb Ṣabb al-Mā’ ‘ala al-Bawli fi al-Masjid]

Maksudnya:

“Siramlah bekas kencingnya dengan setimba air”.

Hadis tersebut disampaikan dengan lafaz yang lain seperti: ‘Nabi SAW mengarabkan agar dituang sebekas air yang penuh ke atas air kencing orang arab badwi tersebut’.

Berdasarkan kepada bentuk-bentuk pengriwayatan hadis di atas, Khālid (2015) berpendapat bahawa kaedah meringkaskan hadis tidak termasuk di dalam Konsep Riwayat al-Hadīth bi al-Ma’na. Hal ini kerana, kaedah tersebut tidak termasuk di dalam bentuk-bentuk kaedah pengriwayatan seperti di atas. Pendapat beliau ini disokong oleh Al-Khaṭīb dalam Al-Kīfiyyah, Al-Sam’ānī dalam Qawāti‘ al-Adillah, Al-Sakhāwī dalam Fath al-Mughīth dan ramai lagi para ulama yang lain.

Walaubagaimanapun, terdapat juga pendapat yang mengatakan kaedah meringkaskan hadis termasuk dalam Konsep Riwayat al-Hadīth bi al-Ma’na seperti pendapat Al-Qānī dalam Qādā’ al-Waṭar fī Nuẓbat al-Naẓar.

HUKUM RIWĀYAT BI AL-MA’NA MENURUT ULAMA HADIS

Para ulama bukan sahaja berselisih pendapat mengenai kaedah-kaedah yang diiktibarkan sebagai sebahagian daripada Konsep Riwayat al-Hadīth bi al-Ma’na, malah mereka juga turut berbeza pendapat di antara satu sama lain dalam menerima dan mengamalkan kaedah pengriwayatan hadis dengan makna ini. ‘Abd al-‘Azīz (2001) merumuskan bahawa terdapat 8 pendapat terhadap isu ini seperti berikut:

1. Pendapat Pertama

Jumhur ulama hadis, ulama usul fiqh, para *fujahā’* dan Imam Mazhab yang empat menerima kaedah Riwayat al-Hadīth bi al-Ma’na ini dengan syarat yang tertentu.

1.1 Hujah Pendalilan

Pendapat pertama ini berhujah dengan perbuatan para sahabat. Hal ini seperti yang diriwayatkan oleh Qatādah daripada Zararah bin Awfa, beliau berkata: “Aku dapati beberapa para sahabat Nabi SAW yang berbeza dengan aku pada sudut lafaz, namun bersama pada sudut makna”. Malah ‘Abdullah bin Mas’ud, Abū al-Darda’ dan Anas bin Mālik selepas meriwayatkan hadis Nabi SAW mereka akan berkata: “أَوْ نَحْوُ هَذَا أَوْ شَبَهَهُ أَوْ كَمَا قَالَ” (Ibn Rajab al-Ḥanbālī, 1978).

Menurut penyokong pendapat pertama ini juga, memandangkan syariat boleh diterangkan dengan menggunakan bahasa selain bahasa arab, maka pengolahan pada bahasa arab sendiri dalam meriwayatkan hadis nabi SAW lebih diutamakan. Hal ini adalah berdasarkan kepada

kenyataan Ibn al-Athīr (1969) yang berkata: “*Sekiranya dibenarkan perubahan bahasa arab dengan a’jam maka keizinan (perubahan) dalam bahasa arab adalah lebih utama*”.

1.2 Syarat Meriwayatkan Hadis Dengan Makna

Pihak yang membenarkan *Riwayat al-Hadīth bi al-Ma’na* meletakkan beberapa syarat seperti berikut:

- Perawi perlu mahir dalam mengetahui makna setiap lafaz yang digunakan dalam hadis tersebut serta mahir dalam mengutamakan di antara satu kalimah dengan kalimah yang lain.
- Lafaz yang diubah perlu sama, bersesuaian, tidak lebih atau kurang daripada lafaz hadis yang asal seperti mengubah perkataan “القعود” kepada “الجلوس” atau “العلم” kepada “المعرفة” dan lain-lain lagi.
- Hadis yang ingin diriwayatkan dengan kaedah tersebut bukan hadis yang lafaznya menjadi ibadah seperti *al-Tashabhud* dan azan.
- Hadis yang ingin diriwayatkan dengan kaedah tersebut bukan hadis yang lafaznya dalam bentuk *al-Mutashābih*, *al-Mujmal*, *al-Mushtarak*, *al-Mushkal* atau *Jawāmi’ al-Kalim*.

2. Pendapat Kedua

Pendapat sebahagian besar para ilmuwan mewajibkan pengriwayatan hadis dengan lafaznya. Hal ini jelas seperti yang dinyatakan oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī (t.t) di dalam *al-Kifāyah* bahawa kebanyakan salaf tidak membenarkan pengriwayatan dengan makna bahkan perlu meriwayatkan sesebuah hadis dengan lafaz yang asal tanpa sebarang perubahan pada susunan, penambahan atau pengurangan,

2.1 Hujah Pendalilan

Pendapat kedua ini berdalilkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhī RH:

حَدِيثُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَرْفُوعًا:

((نَصَرَ اللَّهُ أَمْرًا سَعَى مِنَ شَيْئًا فَبَلَغَهُ كَمَا سَعَى فَوْبَتْ مُبْلَغٌ أَوْعَى مِنْ سَامِعٍ)) .

[*Jāmi’ al-Tirmidhī*, *Kitāb al-‘Ilm ‘an Rasul SAW*, *Bāb Mā Ja’ā fī al-Haththi ‘alā Tablīgh al-Simā’*]

Maksudnya:

“Semoga Allah SWT menyerikan seseorang yang mendengar sesuatu dari kami lalu ia menyampaikannya sepertimana ia mendengarnya, maka boleh jadi orang yang menyampaikannya lebih memahami daripada orang yang mendengar”.

Hadis ini jelas sekali menunjukkan seruan untuk menyampaikan hadis sepertimana yang didengari.

Antara hujah mereka juga adalah berdasarkan kepada kewajipan ke atas orang Islam untuk menjaga lafaz dan makna dalam azan, iqamat, doa qunut dan lain-lain lagi. Sekiranya penjagaan terhadap lafaz hadis menjadi kewajipan orang Islam maka begitu juga dengan pengriwayatan hadis secara umum perlulah mengekalkan lafaznya yang asal.

3. Pendapat Ketiga

Ibn al-Sam‘ānī dan sebahagian al-Syāfi‘iyyah meletakkan syarat dalam melaksanakan konsep *riwayat bi al-Ma‘na*. Sekiranya hadis tersebut merupakan satu kewajipan untuk mengetahuinya maka pengriwayatan hadis secara makna dibenarkan. Manakala sekiranya hadis tersebut merupakan satu kewajipan untuk beramal dengannya maka tidak dibenarkan hadis tersebut diriwayat secara makna seperti hadis Nabi SAW yang berbunyi:

((تَحْمِلُهَا التَّكْبِيرُ وَتَحْلِيلُهَا السَّلَامُ))

[*Jāmi‘ al-Tirmidhī, Kitāb al-Taḥārah ‘an Rasul SAW, Bāb Mā Ja‘a anna Miftaḥ al-Šalāh al-Tubūr*]

Maksudnya:

“Dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam”.

4. Pendapat Keempat

Abū al-Husayn Ibn al-Qattān menceritakan daripada sebahagian al-Syāfi‘iyyah bahawa ada pendapat yang membezakan di antara lafaz yang tidak ada ruang untuk ditakwil dan lafaz yang boleh ditakwil. Yang pertama dibenarkan untuk diriwayatkan hadisnya secara makna manakala yang kedua tidak dibenarkan melainkan diriwayatkannya secara lafaz.

5. Pendapat Kelima

Al-Mawardi dan al-Rūyānī membezakan di antara hadis yang dihafal dan tidak dihafal. Sekiranya perawi menghafal hadis tersebut maka tidak boleh ia diriwayatkan secara makna. Manakala sekiranya hadis tersebut tidak dihafal maka dibolehkan hadis tersebut diriwayat secara makna. Misalnya dalam hadis Nabi SAW:

((لَا تَبِعُوا الْذَّهَبَ بِالْذَّهَبِ))

[*Sahib al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bab Bay‘ al-Dhahab bī al-Dhahab*]

Maksudnya:

“Janganlah engkau menjual emas ditukar dengan emas”

Diriwayatkan hadis ini dengan makna seperti: “أَنَّهُ هُنَّ عَنِ بَيْعِ الْذَّهَبِ بِالْذَّهَبِ”.

6. Pendapat Keenam

Sebahagian ulama *muta'akhrin* dalam al-Mālikiyah membenarkan pengriwayatan hadis secara makna bagi para sahabat dan tabien sahaja atas sebab kemampuan bahasa arab mereka. Manakala mereka yang selepasnya tidak dibenarkan melakukan konsep yang sedemikian.

7. Pendapat Ketujuh

Al-Qādī ‘Abd al-Wahhāb menyatakan bahawa hadis-hadis yang panjang boleh diriwayatkan secara makna manakala hadis-hadis yang pendek tidak dibenarkan.

8. Pendapat Kelapan

Sekiranya perawi hadis meriwayatkan hadis atas tujuan penfatwaan atau penghujahan maka dibenarkan pengriwayatannya secara makna. Manakala jika pengriwayatan hadis atas tujuan untuk menyampaikan hadis tersebut pada orang lain maka perlu diriwayatkan secara lafaz.

ANALISIS KAEDAH *RIWĀYAT BI AL-MA’NA* MENURUT ULAMA HADIS DALAM CERAMAH MOTIVASI DI MALAYSIA

Ceramah motivasi di Malaysia sangat giat dijalankan samada melalui media sosial, media elektronik atau secara tradisional di masjid, sekolah dan lain-lain lagi. Bersesuaian dengan majoriti rakyat Malaysia yang beragama Islam maka para penceramah mengambil langkah untuk mengintegrasikan antara teori motivasi barat dan Islam dalam penyampaian mereka. Justeru kita dapat lihat wujudnya penggunaan nas Al-Quran dan hadis dalam ceramah yang disampaikan.

Walaubagaimanapun, dalam menyampaikan hadis Rasulullah SAW, para penyampai motivasi seringkali meriwayatkannya secara makna atas sebab memudahkan penyampai dalam menyampaikan ucapan mereka dan memudahkan pendengar dalam memahami konteks yang ingin disampaikan. Hal ini dilihat positif pada sudut pengintegrasian ilmu Syariah dan barat sekaligus menyampaikan dakwah Baginda SAW. Namun, pada sudut negatifnya pula, terdapat beberapa kesalahan yang berlaku dalam mengaplikasikan kaedah ini dalam meriwayatkan hadis melalui ceramah motivasi di Malaysia.

1. Penambahan Lafaz Pada Hadis Asal

Penceramah X dalam rancangan motivasi beliau menyatakan: “*Nabi Muhammad SAW balik rumah, Nabi pegang tangan Saidina Hasan, Saidina Husin dan Saidina Ali. Sampai dekat rumah, Nabi ambil Saidina Hasan letak atas peha kanan dan Nabi cium, Nabi ambil Saidina Husin letak atas peha kiri dan Nabi cium. Tangan kanan Nabi peluk Saidina Ali, tangan kiri Nabi peluk Fatimah dan Nabi cium. Nabi kata: ((Ya Allah, saya sangat sayang keluarga saya, Ya Allah sayangilah keluarga saya, Ya Allah sayangilah orang yang sayang keluarga saya))*”.

Hadis ini boleh dijumpai di dalam dalam kitab *Fadā'il al-Šaḥabah*. Diriwayatkan oleh *Wāthilah bin al-Asqa*:

"جَاءَ الْحُسَيْنُ فَأَجْلَسَهُ عَلَىٰ فَخِنْدِهِ الْيُمْنَىٰ وَقَبْلَهُ، وَجَاءَ الْحُسَيْنُ فَأَجْلَسَهُ عَلَىٰ فَخِنْدِهِ الْيُسْرَىٰ وَقَبْلَهُ، ثُمَّ جَاءَتْ فَاطِمَةُ فَأَجْلَسَهَا بَيْنَ يَدَيْهِ، ثُمَّ دَعَاهَا بِعَلِيٍّ... إِنْ

Maksudnya:

"Datanglah Hasan maka (Nabi SAW) meletakkannya di atas peha kanan dan menciumnya, dan datang Husayn maka (Nabi SAW) meletakkannya di atas peha kiri dan menciumnya. Kemudian datang Faṭimah dan (Nabi SAW) memeluknya. Kemudian Baginda SAW memanggil 'Ālī'.

Namun menurut Waṣiyyullah 'Abbas (1983), hadis yang diriwayatkan di dalam kitab *Fadā'il al-Šaḥabah* ini mempunyai sanad yang sangat lemah kerana kewujudan perawi yang dituduh sebagai seorang pendusta bernama Ahmad bin Muhammad bin 'Umar al-Yamāmī. Beliau telah dinilai sebagai seorang pendusta oleh Ḥātim dan Ibn Ṣā'id. Al-Dāruqutnī menilai beliau sebagai *matrik* manakala Ibn Hibban beranggapan bahawa tidak boleh berhujah dengan beliau (*Lā Yubtaj bihi*).

Adapun hadis yang sahih seperti yang direkodkan di dalam *Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, beliau (1993) membawa hadis dengan matan yang hampir sama dengan teks penceramah X:

"فَجَلَسَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى الْغِرَاشِ، وَأَجْلَسَ فَاطِمَةَ عَنْ يَمِينِهِ وَعَلِيًّا عَنْ يَسَارِهِ، وَحَسَنَتَا وَحُسَيْنُ بْنُ يَدَيْهِ... إِنْ

[*Ṣaḥīḥ Ibn Hibbān*, Kitāb Ikhbāruh ﴿ an Manāqib al-Šaḥabah, Dhikr al-Khabar al-Muṣarriḥ bi anna Hā'ulā' al-Arba' allazī Taqaddama Dhikrunā Lahum Ahlu Bayt al-Muṣṭafa ﴾]

Maksudnya:

"Rasulullah SAW duduk di atas katil, dan (Baginda SAW) meletakkan Faṭimah di sebelah kanan dan 'Ālī di sebelah kiri, Hasan dan Husayn dalam pelukannya".

Jika diteliti kedua-dua hadis tersebut, perbezaan yang ketara dapat dilihat bahawa tidak wujud kenyataan Nabi SAW yang berbunyi: *Nabi kata: ((Ya Allah, saya sangat sayang keluarga saya, Ya Allah sayangilah keluarga saya, Ya Allah sayangilah orang yang sayang keluarga saya))*". Kenyataan ini merupakan tambahan daripada penceramah X yang tidak wujud dalam teks hadis yang sedia ada samada hadis yang sahih atau tidak. Hal ini bertentangan dengan syarat *Riwāyat al-Hadīth bi al-Ma'na* mengikut pendapat kelompok yang membenarkannya seperti yang dinyatakan oleh 'Abd al-'Azīz (2001). Lafaz yang diubah perlulah sama, bersesuaian, tidak lebih atau kurang daripada lafaz hadis yang asal.

2. Mengubah Perbuatan Nabi Menjadi Ucapan

Penceramah Y dalam siri ceramah beliau berkata: “Ketika isteri Nabi, Sofiyyah nak naik unta, Rasulullah kata: ((Letakkan kedua kakimu di atas lututku))”.

Hadis ini mempunyai sandaran yang kukuh daripada Ṣahīḥ al-Bukhārī seperti yang diriwayatkan oleh Anas bin Mālik RA:

”ثُمَّ يَنْلِسُ عِنْدَ بَعِيرِهِ فَيَضَعُ رُكْبَتَهُ، فَتَضَعُ صَفِيَّةُ رِجْلَهَا عَلَى رُكْبَتِهِ، حَتَّى تَرْكَبَ.”

[Ṣahīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bāb Hal Yusafir bi al-Jariyah Qabla an Yastabri’aha]

Maksudnya:

“Kemudian (Nabi SAW) duduk di sebelah tunggangannya dan meletakkan lututnya, maka Safiyyah meletakkan kakinya di atas peha nabi sehingga naik ke atas tunggangannya”.

Senario di mana Nabi Muhammad SAW menjadikan lututnya sebagai tempat untuk Safiyyah memanjat tunggangannya jelas digambarkan oleh Anas bin Mālik RA di dalam hadis di atas dan ia bertepatan dengan kenyataan penceramah Y. Walaubagaimanapun, pengkaji merasakan tindakan penceramah Y meriwayatkan ia secara makna dengan menukar kenyataan tersebut menjadi arahan Nabi SAW dirasakan kurang sesuai. Nabi SAW tidak menyatakan secara lisan malah situasi ini diceritakan oleh Anas bin Mālik RA melalui pemerhatiannya sahaja.

Perkara yang sama dilakukan oleh penceramah X dalam kenyataan beliau: “Setiap kali Nabi keluar rumah, Nabi cium isteri”. Hadis ini mempunyai sandaran yang sahih seperti yang direkodkan oleh al-Imām Abū Dawud, hadir yang diriwayatkan oleh ‘Āisyah RA:

”أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَبِيلٌ امْرَأَةً مِنْ نِسَائِهِ ثُمَّ حَرَجَ إِلَى الصَّلَاةِ وَمُبَتَّأِسًا.”

[Sunan Abi Dawud, Kitāb al-Taharah, Bāb al-Wuḍu’ min al-Qublah]

Maksudnya:

“Sesungguhnya Nabi SAW mencium isterinya kemudian keluar solat tanpa berwuḍu”.

Kenyataan ‘Āisyah RA jelas menggambarkan bahawa Nabi SAW: 1) Mencium isterinya, 2) Keluar rumah dan 3) Tidak berwuḍu’. Namun penceramah X telah menambah kenyataan “Setiap kali”. Walaupun kenyataan ini tidak memberikan perubahan yang besar terhadap makna hadis, namun penambahan pada matan ini dikhuatiri menjadi kebiasaan bagi para penceramah. Malah boleh jadi dengan penambahan “Setiap kali” itu boleh memberikan implikasi hukum pada sudut syariah.

Gaya pengriwayatan ini berbeza dengan pendapat Al-Mawardi dan al-Rūyānī seperti yang disampaikan oleh ‘Abd al-‘Azīz (2001) yang membenarkan pengolahan dalam meriwayatkan matan hadis daripada hadis Nabi SAW:

((لَا تَبِعُوا الْدَّهْبَ بِالْدَّهْبِ))

[Sahih al-Bukhārī, Kitāb al-Buyū‘, Bab Bay‘ al-Dhahab bī al-Dhahab]

Maksudnya:

“Janganlah engkau menjual emas ditukar dengan emas”

Diriwayatkan hadis ini dengan makna seperti: “اَللّٰهُ نَّهَىٰ عَنِ بَيْعِ الْدَّهْبَ بِالْدَّهْبِ”.

KESIMPULAN

Berdasarkan kajian yang dilakukan, dapat dijelaskan di sini bahawa kaedah *riwāyat al-Hadīth bi al-Ma‘na* diterima oleh jumhur ulama hadis, ulama usul fiqh, para *fugahā’* dan Imam Mazhab yang empat (‘Abd al-‘Azīz, 2001). Walaubagaimanapun terdapat syarat-syarat yang tertentu yang perlu dipatuhi demi mengekalkan keaslian dan kesahihan hadis Nabi SAW. Kaedah ini juga telah menjadi kelaziman para penceramah motivasi dalam menyampaikan pengisian motivasi mereka yang mengandungi hadis-hadis Nabi SAW. Kaedah ini membantu mereka dalam memudahkan penyampaian hadis dan memudahkan para pendengar untuk memahami hadis yang ingin disampaikan. Namun, terdapat kesalahan penggunaan kaedah *riwāyat al-Hadīth bi al-Ma‘na* yang berlaku seperti penambahan pada matan hadis yang tidak ada sandaran dalam hadis yang asal, juga pengolahan hadis dengan cara yang boleh membawa kepada perbezaan makna dengan yang asal. Justeru, para penceramah motivasi perlu lebih berhati-hati dalam mengimplementasikan kaedah pengriwayatan ini demi menjaga kesucian sumber kedua terpenting dalam agama Islam. Para penceramah motivasi juga dicadangkan agar menyampaikan hadis nabi dengan teksnya yang asal, kemudian boleh diterjemahkan ke dalam bahasa ibunda. Sumber rujukan hadis, kitab dan bab juga perlu dinyatakan bagi memudahkan pendengar yang terdiri daripada kalangan penuntut ilmu Syariah untuk menyemak semula hadis yang digunakan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-‘Azīz. (2001). *Hukm Riwāyat al-Hadīth al-Nabawī bi al-Ma‘nā*.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (1983). *Fadā'il al-Sahābah*. Disemak oleh: Waṣiyyullah bin Muḥammad ‘Abbās. Arab Saudi: Mekah, *Jāmi‘ah Ummu al-Qurā*.
- Al-Bukhārī, Abū Abdillah Muḥammad. (2002). *Sahīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Damsyik, *Dār Ibn al-Kathir*.
- Ali, M. S. (1996). Periwayatan Hadis dengan Lafaz dan Makna. *Al-Qalam*, 11(59), 20-30.
- Al-Khaṭīb al-Baghdadī. (t.t.). *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwayah*. India: Hyderabad, *Dā’irat al-Ma‘arif al-‘Uthmāniyyah*.
- Al-Mas‘ūdī. (2019). *Minḥat al-Mughīth fī ‘Ilm Muṣṭalah al-Hadīth*.
- Al-Tirmidhī. (1996). *Al-Jāmi‘ al-Kabīr*. Lubnan: Beirut, *Dār al-Gharb al-Islāmī*.
- Ibn al-Athīr. (1969). *Jāmi‘ al-Uṣūl fī Aḥadīth al-Rasūl*. Maktabah al-Ḥilwāni.

- Ibn Ḥibbān. (1993). *Saḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Disemak oleh: Shu‘ayb al-Arnā’ūt. Lubnan: Beirut, Mu’assasah al-Risālah.
- Ibn Rajab al-Ḥanbalī. (1978). *Sharḥ ‘Ilal al-Tirmidhī. Dār al-Milāḥ li al-Ṭabā’ah wa al-Nashr*.
- Khālid, al-Ruwāyti’. (2015). *Riwāyat al-Hadīth wa al-Āثار bi al-Ma‘na: Dirāsat Nazariyyah Taṭbiqiyah*. Majallat al-Jam‘iyah al-Fiqhiyyah al-Sa‘ūdiyyah, 254 (2354), 1-157.
- Muslim, Abū al-Ḥusayn. (1991). *Saḥīḥ Muslim*. Disemak oleh: Muḥammad Fu’ad ‘Abd al-Bāqī. Lubnan: Beirut, *Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah*.
- Şubhī al-Ṣālih. (2019). *‘Ulūm al-Hadīth wa Muṣṭalaḥah - ‘Ard wa Dirāsah*, Lubnan: Beirut, *Dār al-‘Ilm li al-Malāyin*.

BAB 14

METODE PEMBELAJARAN HADIS DI INSTITUSI PONDOK

Siti Mursyidah Mohd Zin¹, Nurzatil Ismah Azizan¹, Nazneen Ismail¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

PENGENALAN

Pembelajaran hadis banyak dipelajari di pondok-pondok malah di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Hingga ke hari ini, pengajian hadis berada di pentas pengajian formal seiring dengan perkembangan semasa. Ia sekaligus menjadikan pengajian hadis telah menjadi salah satu mata pelajaran penting yang berjalan diperingkat pengajian arus perdana dalam negara.

Dalam pengajaran hadis, ia merujuk kepada teknik atau kaedah bagaimanakah teks hadis Nabi Muhammad SAW dan penjelasan berkaitan teks tersebut disampaikan kepada murid secara berkesan. Kedudukan hadis sebagai sumber kedua terpenting Islam menjadikan pengajian hadis suatu keperluan utama. Antara peranan hadis selain sumber hukum Islam dan pedoman kehidupan, ia adalah penjelas dan penerang kandungan al-Quran. Menurut Faisal Ahmad Shah (2016), hadis menerangkan ayat al-Quran yang mujmal, mengikat yang mutlak, mengkhususkan yang umum, menjelaskan yang samar dan menjadi sumber hukum baharu yang tidak dinyatakan oleh al-Quran.

KAEDAH PENGAJIAN DI PONDOK

Pendidikan Islam merupakan salah satu bentuk usaha dalam menyeimbangkan kekuatan tubuh badan yang ada pada manusia dan kekuatan diri yang berhubung dengan hubungan Allah, kejadian alam sekeliling dan sesama manusia (Noornajihan *et al*, 2018). Hal ini kerana, pendidikan Islam ini merangkumi ilmu-ilmu keseluruhan dalam kehidupan di dunia dan juga di akhirat.

Menurut Noornajihan *et al* (2018) lagi, kaedah pembelajaran pengajian pondok ini terdedah kepada sistem pengajian di Mekah dengan pengubahsuaian mengikut kebudayaan masyarakat disimping menjimatkan kos perbelanjaan pembelajaran. Sukatan pembelajaran juga tidak terikat dengan sesuatu, kitab dipilih sendiri oleh guru mengikut peringkat dari rendah ke peringkat yang tinggi. Ini juga dikenali sebagai sistem halaqah atau juga boleh dipanggil sebagai sistem menadah kita.

Menurut Masyhurah *et al* (2015), kaedah pembelajaran yang digunakan di pondok adalah sama seperti kaedah yang dijalankan di *Masjidil Haram*. Sewaktu belajar, murid-murid dikehendaki duduk bersila dalam satu bulatan yang hampir tertutup. Bahagian yang terbuka itu ialah untuk guru. Tempat guru itu biasanya berlapik dengan hamparan. Setelah itu guru mengajar dengan menggunakan teknik syarahan dan merujuk kepada sebuah kitab. Setiap murid akan membuka catatan pada ruangan kosong yang disediakan di tepi halaman kitab. Biasanya guru akan

membaca kitab itu dalam bahasa Arab dan kemudiannya menerangkan dalam bahasa Melayu. Kaedah ini dikenali sebagai *halaqah* atau sistem *umumi*.

Walaubagaimanapun Mohd Nipah Abdullah (1989) berpandangan sistem pengajian secara pondok adalah berbentuk umum,yang mana ia boleh ditakrifkan sebagai satu sistem pengajaran yang tidak terikat kepada sukanan pelajaran tertentu malah para pelajar diberi kebebasan memilih mata pelajaran, jenis-jenis kitab dan waktu-waktu pengajian yang sesuai.Oleh kerana institusi pondok di daerah ini ditadbirkan oleh sebuah lembaga yang tersendiri, maka segala hal yang berhubung dengan pelajaran ditentukan oleh tuan guru sendiri seperti dalam soal kitab-kitab yang perlu dibaca, tempat dan masa belajar. Selain itu beliau menyatakan menjadi kelaziman dalam pengajian di institusi pondok sesebuah kitab yang dibaca itu dimulakan dari permulaan hingga ke akhirnya. Apabila sesebuah kitab itu habis dibaca, biasanya di adakan bacaan doa agar Allah SWT memberkati segala apa yang diajar dan dipelajari. Jika difikirkan perlu, sesebuah kitab itu akan diulang beberapa kali. Pengulangan ini dilakukan supaya pelajar mahir dan berkeupayaan mengajar kitab itu kepada orang lain

Aktiviti pembelajaran di pondok biasanya sangat ketat untuk pelajar sepenuh masa (Mohd Mahadi dan Noor Sufiza, 2014). Kaedah pengajaran yang digunakan adalah secara beransur-ansur dan pengulangan. Ini adalah untuk memastikan pelajar yang lebih tua tidak ditinggalkan. Pelajar juga mendapat hak kebebasan untuk bertanya apa-apa soalan di dalam kelas dan ianya juga tidak mengira masa walaupun sudah habis selepas waktu kelas. Guru di pondok biasanya cukup sakit untuk melayan pelbagai pertanyaan yang diajukan daripada pelajar.

Terdapat beberapa prinsip umum berkait rapat dengan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran agama ialah motivasi, keperluan dan minat pelajar. Hal ini juga adalah untuk melihat tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar, memahami perbezaan di antara pelajar, menyediakan peluang pengalaman pembelajaran, menilai kefahaman, integrasi pengalaman, pembaharuan dan kebebasan berfikir (Ahmad Yunus & Quthrennada, 2017). Seterusnya aspek-aspek ini akan menjadikan proses pembelajaran sebagai pengalaman yang menggembirakan bagi para pelajar.

Justeru, penyampaian dan pengajaran (PdP) guru hendaklah disusun mengikut tradisi pendidikan ilmu Islam yang dapat dihayati dan diyakini disamping mengekalkan tradisi budaya penulisan ilmu Islam yang tulen dengan kepelbagaiannya metod semasa yang bersesuaian mengikut kemajuan dan tahap pemikiran pelajar.

METODE PENGAJIAN HADIS DI PONDOK

Metod PdP di dalam pengajian hadis banyak yang diekstrak daripada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah SAW. Menurut Najah Nadia Amran (2020) terdapat beberapa metode PdP di dalam pembelajaran hadis secara umumnya iaitu (1) Syaran (2) hafalan (3) Soal jawab (4) Pengajian secara dua hala (5) pengajaran berbantuankal alat (6) Kaedah Talaqqi (7) Kaedah Talaqqi bersanad (9) kaedah Perbincangan (10) Kaedah Amali (11) Kaedah membaca hadis (12) Kaedah Pengajaran Hadis secara Tematik dan (13) Kaedah pengajaran Hadis melalui penceritaan. Namun begitu di dalam PdP hadis di institusi pondok tidak menggunakan kesemua metode ini, dan ianya hanya terhad kepada beberapa metode sahaja seperti metod

syarahan atau kuliah, soal jawab, perbincangan, hafalan dan halaqah (Ahmad Yunus dan Quthrennada, 2017).

1. Metode Syarahan atau Kuliah

Metode syarahan atau kuliah merupakan metod yang lebih menumpukan kepada penglibatan guru dalam pengajaran dengan memberi penerangan dan penjelasan kepada pelajar (Kamarul Azmi Jasmi & A.b Halim Tamuri 2007). Metod syarahan adalah pengajaran yang berpusatkan guru. Metod syarahan digunakan untuk menyebarkan maklumat yang banyak dalam tempoh masa yang singkat. Metod syarahan sesuai digunakan untuk memberikan pengetahuan asas dalam sesuatu pengetahuan malah dapat membantu pelajar yang berprestasi lemah yang memerlukan lebih perhatian dan bimbingan daripada guru.

Menurut Muhamad Natsir (2017) Metode ini akan dapat diterapkan dalam kegiatan pembelajaran oleh ustaz, ustazah atau guru jika (1) jumlah peserta didik terlampaui banyak sehingga susah menyampaikan metode lain, (2) bahan yang disampaikan merupakan topik baru yang mengandung informasi, penjelasan atau huraian (3) tidak terdapat bahan yang disampaikan itu dalam buku yang akan dipelajari oleh para pelajar (4) guru atau ustaz yang mahir dan bersemangat serta dapat menarik dan merangsang perhatian para pelajar (5) pendidik menyimpulkan dari isi-isi yang penting dari ceramah yang diberikan, sehingga para pelajar dapat melihat hubungan di antara isu yang dibincangkan, (6) isi yang padat diajarkan namun mempunyai waktu yang singkat dan terbatas, (7) ingin memberikan gambaran/ilustrasi terhadap bahan pelajaran dan kata-kata tertentu, (8) untuk menanamkan minta terhadap isi sajak, puisi dan penceritaan dan (9) apabila tidak ada alat bantuan PdP yang lain kecuali percakapan.

Selain itu, penggunaan metod syarahan telah sinonim dalam pengajaran dalam semua mata pelajaran kerana metod ini diadakan dalam satu tempat melibatkan pelajar yang ramai dan seorang guru serta menjimatkan kos dan perbelanjaan. Metod ini adalah metod konvesional dalam pengajaran yang sering digunakan dalam pelajaran Pendidikan Islam dan cabangnya salah satu daripadanya adalah pelajaran hadis. Malah, menurut tradisi pengajaran, Rasulullah SAW juga mengaplikasikan metod syarahan ketika menyampaikan syariat Islam kepada manusia seperti menyampaikan khutbah di masjid. (Ahmad Yunus dan Quthrennada 2017)

2. Metode soal jawab

Metode soal jawab yang dijalankan dalam PdP hadis dapat merangsang kemahiran berfikir para pelajar untuk lebih memahami isi kandungan pembelajaran serta dapat menghubungkait dengan keadaan semasa yang berlaku (Ahmad Yunus dan Quthrennada, 2017). Hal ini kerana, pembelajaran hadis mempunyai kaitan yang kuat dengan kehidupan sehari-hari manusia yang mengandungi syariat dan penjelasan hukum Islam. Metod penyoalan juga hendaklah mengambil kira aras tinggi dan rendah untuk merangsang kemahiran berfikir serta sesuai dengan tahap pemikiran pelajar. Metod soalan aras rendah sesuai untuk menguji pengetahuan selepas memulakan pengajaran sesuatu topik yang baru, manakala soalan aras tinggi pula sesuai untuk proses analisis, sentesis dan penilaian yang memerlukan tindak balas pemikiran aras tinggi.

Metod soal jawab berlaku dalam komunikasi dua hala antara guru dan pelajar menjadikan proses pembelajaran aktif tidak hanya guru yang berperanan tetapi pelajar turut terlibat perbincangan (Ahmad Yunus dan Quthrennada, 2017). Penyoalan ini menandakan pelajar dapat menerima dan memikirkan perkara yang berkaitan dengan tajuk pelajaran untuk menghasilkan pemahaman yang jitu.

Menurut Muhamad Natsir (2017) metode ini dapat diterapkan apabila seorang guru atau ustaz bermaksud mengetahui penguasaan mata pelajaran yang telah dipelajari, baik dari pelajaran yang lalu untuk meneruskan pelajaran berikutnya (yang baru), maupun yang sudah ditugaskan untuk dipelajari atau ingin menarik perhatian pelajar semasa berlangsungnya PdP dan sekaligus dapat membuatkan pelajar tidak mudah hilang fokus.

Justeru Wahyu Hidayat et al (2020) menyatakan pendekatan soal-jawab dalam pengajian hadis masih relevan, malah ia menunjukkan keperluan mempunyai guru dalam sistem pengajian dalam agama Islam sebagai tradisi agama Islam.

3. Metode Perbincangan

Perbincangan mampu merangsang kemahiran berfikir pelajar secara kreatif dan ktitis untuk membentuk pengetahuan yang baru. Berdasarkan pengetahuan yang sedia ada, pelajar diberi autonomi untuk menghubung dengan pengetahuan yang baru dan mengembangkan potensi dengan bantuan guru. Proses ini akan membentuk kefahaman baru pelajar melalui perbincangan yang dipandu oleh guru. Malah, pelajar akan mendapat peluang untuk melibatkan diri secara aktif dengan bimbingan guru.

Isi kandungan pembelajaran hadis banyak mendedahkan kepada isu semasa, situasi sebenar mahupun masalah yang dialami oleh manusia. Sebagai contoh proses pengajaran hadis yang berkaitan isu semasa memerlukan perbincangan yang mendalam dengan himpunan maklumat yang bersifat kualitatif dengan menggunakan tahap pemikiran aras tinggi yang melibatkan proses deskriptif seperti menghurai, menghujah dan membuat penilaian untuk menghasilkan penyelesaian masalah dan hasil pembelajaran. Perkara ini akan menjadikan pelajar mendalami permasalahan seterusnya mencapai tujuan dalam pembelajaran iaitu hasil pembelajaran ilmu yang baru.

Menurut Muhamad Natsir (2017) kelebihan metode perbincangan ini akan merangsang para pelajar untuk lebih kreatif khususnya dalam memberikan gagasan dan idea-idea. Metode ini juga akan melatih untuk membiasakan diri saling berkongsi idea dalam mengatasi setiap permasalahan, maka secara sekali gus ini dapat melatih pelajar-pelajar untuk dapat mengemukakan pendapat atau gagasan secara verbal di samping melatih pelajar untuk menghargai pendapat orang lain.

4. Metode Demotrasи

Demonstrasi atau tunjuk cara merupakan metod pengajaran dengan cara memperlihatkan sesuatu proses kepada pelajar. Metode demonstrasi memerlukan kemahiran penyampaian guru yang tinggi dalam memberi faham isi pelajaran. Pelajar berperanan sebagai pemerhati dan meneliti perlakuan dan tindakan guru kemudian cuba mempraktikkannya. Sebelum metod demonstrasi dijalankan, pelajar terlebih dahulu didedahkan dengan garis panduan pengajaran

kemudian diikuti dengan kaedah tunjuk cara. Metod demonstrasi atau kaedah tunjuk cara sesuai digunakan dalam pelajaran yang melibatkan hadis amali dalam bab ibadah, muamalah, munakat dan jenayah. Perkara ibadah seperti solat dan tatacara solat boleh dipelajari dengan cara demonstrasi atau tunjuk cara guru kepada pelajar supaya pelajar mendapat gambaran bagaimana cara solat yang betul berlandaskan hadis Rasulullah SAW. Pelajar akan mengetahui metode yang betul sekaligus mengamalkannya cara yang betul dalam kehidupan seharian.

Selain itu Muhamad Natsir (2017) menjelaskan juga metode demonstrasi merupakan cara yang digunakan dalam pengajian pelajaran dengan cara menunjukkan bagaimana membuat, mempergunakan serta memperaktikkan suatu benda .

Metode demonstrasi juga akan membantu pelajar dalam bacaan hadis, membuat keputusan dan memurnikan bacaan hadis. Kesalahan pelajar melalui pembacaan hadis dapat dikesan seterusnya melakukan pembetulan supaya tidak berlaku kesalahan dalam memberi makna hadis. Metod demonstrasi atau tunjuk cara sangat berkesan diaplikasi untuk pembelajaran yang melibatkan aplikasi amali dan praktikal.

5. Metode Hafalan

Aspek utama dalam pengajaran dan pembelajaran ilmu syariat adalah menghafal kaedah dan asas-asas agama kemudian mendapat penjelasan dan kefahaman seterusnya menyakini dan membenarkan tanpa hujah khususnya diperengkat permulaan pembelajaran. Al-Ghazali dalam Ihya' Ulum al-Din di dalam Ahmad Yunus dan Quthrennada (2017), menjelaskan bahawa asas bagi ilmu pengetahuan adalah melalui hafalan. Maka untuk memantapkan hafalan adalah melalui amalan.

Kenyataan di atas menunjukkan kepentingan metod pembelajaran secara hafalan untuk mengingati maklumat dan data yang bersifat tetap dan memerlukan kepercayaan seperti dalam hal ehwal agama termasuk pelajaran hadis. Namun, ini tidak bermakna menghalang kemahiran berfikir para pelajar apabila melibatkan isu semasa, situasi berkaitan dan hal ehwal agama. Namun, metod hafalan mendapat kritikan daripada metod pembelajaran berasaskan masalah atau lebih dikenali sebagai Problem-Based Learning (PBL) tidak menggalakan hafalan sebaliknya mengkehendaki pelajar mencari penyelesaian kepada masalah secara berkobalorasi serta berinteraksi dengan pelajar lain untuk menghasilkan solusi yang berkesan. Walaubagaimanapun, metododologi pengajaran dan pembelajaran pendidikan islam (agama) tidak menolak metod yang lain sebaliknya menghubung jalinkan di antara metod pengajaran dan pembelajaran yang ada bagi mengambil kira tahap perbezaan dan kecenderungan pelajar. Ahmad Yunus dan Quthrennada (2017).

KESIMPULAN

Kaedah tradisional dilihat lebih teliti kerana kaedah ini telah dijalankan sejak berkurun lamanya. Bermula di Zaman Rasulullah SAW dan diteruskan oleh sahabat serta ulama-ulama terdahulu hingga ke hari ini. Kaedah talaqi iaitu pengajian pembacaan hadis yang dilakukan secara berhadapan antara guru dan murid memastikan kesinambungan salasilah sanad dapat dijaga dengan baik. Selain itu, kaedah soal jawab, perbincangan, hafalan dan demonstrasi juga dijalankan bagi membantu pemahaman pelajar terhadap ilmu hadis. Kaedah-kaedah yang telah disebut menjadikan pengajian hadis melalui kaedah

tradisional sangat unik dan telah melahirkan ramai tokoh dan ulama yang berperanan memberi sumbangan kepada masyarakat dalam ilmu hadis (Masyhurah et al., 2015; Noor & Rosli, 2017).

Namun demikian, sesuatu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah kehadiran alat teknologi canggih secara tidak langsung merancakkan lagi pengajian hadis di Malaysia umumnya dan di pondok-pondok khususnya. Ini kerana pengajian hadis secara tidak langsung tidak lagi bergantung kepada kitab tetapi menggunakan alat teknologi sebagai medan baru pengajian. Pengajian hadis di dalam bentuk website, perisian komputer, aplikasi mudah alih dan penggunaan laman sosial membantu memudahkan lagi proses pengajian hadis berlangsung dan berkembang mengikut arus semasa.

RUJUKAN

- Ahmad Yunus Mohd Noor dan Quthrennada Rosli. (2017). *Perkembangan Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran Hadis di Negeri Kedah*. Jouranal of hadith Studies 2 (2)
- Faisal Ahmad Shah (2016). *Kaedah Tepat Memahami Hadis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab Halim Tamuri. (2007). *Pengayaan Buku Hadis Turath Serta Kepentingannya Dalam Pembangunan Dan Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia*. Seminar Warisan Nabawi (SWAN 2007), 1-15.
- Masyhurah Mohd Rawi et al. (2015). *Institusi Pondok Dalam Sistem Pendidikan Islam Di Malaysia*. Proceeding The 7th International Workshop And Conference Of Asean Studies On Islamic And Arabic Education And Civilization (POLTAN-UKM-POLIMED), ISBN: 978-983-2267-77-5.
- Mohd Nipah Abdullah. (1989). *Pengajian hadis di Institusi Pondok. Satu Kajian di Daerah baling, Kedah*. E-Jurnal Islāmiyyāt – Universiti kebangsaan Malaysia (UKM)
- Mohd Mahadi Mydin & Noor Sufiza Ahmad. (2014). *The System Of Islamic Studies At Madrasah (Sekolah Pondok)*. Jurnal Of Mechanical Manufacturing, (1).
- Muhamad Natsir.(2017). *Sistem Pembelajaran pada Pondok Pesantren Al-Aziziyah Analisis Metode yang Diterapkan dalam Kegiatan Pembelajaran Formal dan Non Formal serta Langkah Terapannya*. Al Musthofa: Jurnal Keilmuan Islam.
- Najah Nadiah Amran. (2020). *Pemberdayaan Peranan Dan Pengetahuan Tekstual Kontekstual Pelajar Subjek Hadis Melalui Pemudahcara Pencarian Maklumat Terarah (PMT)*. e-Proceeding of The 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadis 2020 (THIQAH 2020) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Noornajihan Jaafar et al. (2017). *Cabarani Institusi Pendidikan Pondok Serta Impak Terhadap Pembentukan Diri Pelajar*. Journal Of Islamic, Social,Economics And Development, 2 (6), 223-235
- Wahyu Hidayat Abdullah, Mohd Ikhwan Zolkapli dan Nurul Fathonah Abdul Halim.(2020). *Analisis Pendekatan Pengajaran Ilmu Hadis (Ih) Di Institusi Pengajian Tinggi Sekitar Negeri Perak Darul Ridzuan*. e-Proceeding of the 2nd International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2020 (THIQAH 2020), KUIS.

BAB 15

"الناسخ والمنسوخ في القرآن" الفراهي

والموازنة بينه وبين "الإيضاح لناسخ القرآن ومنس檄ه" لمكي بن أبي طالب

محمد فريد راوي عبد الله¹

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

تعريف "الناسخ والمنسوخ في القرآن" للفراهي

يُعد هذا الكتاب من أهم مؤلفات الإمام الفراهي في مجال الدراسات القرآنية، تناول في رحمة الله تعالى – موضوع الناسخ والمنسوخ في القرآن الكريم، الذي يعد من الموضوعات المهمة التي شغلت العلماء قديماً وحديثاً، ما بين مسرف فيه ومقتضى، كما أنه كان موضعًا للجدل عند العلماء والفرق الإسلامية من حيث جواز وقوعه في القرآن وعدمه، وقد ألف العلماء فيه عدداً كبيراً من الكتب، فلا نكاد نرى مفسراً للقرآن الكريم، إلا وقد اهتم بموضوع النسخ وألف فيه، فحين نستعرض طبقات المفسرين وأسماء مؤلفاتهم نجد معظمهم قد كتب في النسخ حيث كانوا يعتبرون معرفة الناسخ والمنسوخ شرطاً في أهلية المفسر للتفسير.

وقد ألف في هذا الموضوع جماعة من العلماء منهم: قتادة بن دعامة الدسوسي، وأبو عبيدة القاسم بن سلام، وأبو داود السجستاني، وأبو جعفر التحاش وهبة الله بن سلام الضرير، وابن العربي، وابن الجوزي، ومكي وغيرهم.

أما كتاب الفراهي "الرسوخ في معرفة الناسخ والمنسوخ"، فهو يشتمل على مباحث مهمة في موضوع النسخ كما يظهر من خطة المؤلف، ولكن مما يقضى له الأسف أن المؤلف قد عاجله المنية، وانخرمت حياته دون تحقيق بغيته، إلا أن قائمة المباحث التي يشتمل عليها الكتاب تشير إلى أهمية المنهج والدقة في البحث والاسعة في العرض والتحليل العميق، ولو سُنحت له الفرصة في إكمال الكتاب لجاء فريداً في بابه، جامعاً لشتات الفنون، ومحيطاً بصفوة آراء المتقدمين، وحائزاً بنكت شريفة وحكم لطيفة.

أما المباحث التي يحويها هذا الكتاب القيم فهي كما يلي:

باب في الكليات:

- ١) ما هو النسخ، وتنقية المسألة.
- ٢) الحكمة من النسخ.
- ٣) محل النسخ من الأمور.
- ٤) الناسخ لا يكون إلا الشارع، وهو الله تعالى ورسوله بإذنه.
- ٥) غير القرآن لا ينسخ.
- ٦) × (تركه بيضاء لم يكتب شيئاً)
- ٧) ×
- ٨) أهم النسخ ما جاء به القرآن لما قبله.
- ٩) ذكر قسمين من ثلاثة أقسام النسخ الحكمة العامة في النسخ وهي تبقى القسم الثالث من النسخ الباقي.
- (١٠) جواب قول نفاة النسخ.
- (١١) كشف معنى كلمة النسخ وبيان قول النفاة. (الفراهي، ٢٠٠٠)

هكذا قام الفراهي بترتيب هذا الكتاب، ولكن بعض الأمور التي خطّطها —رحمه الله— لم يتحقق بسبب نوع من الاستعجال في الكتابة أو أنه لم يجد الفرصة. وهذا شأنه في بعض مؤلفاته وهو يذكر أنه سيذكر فيما بعد ولكنه لم يفعل ذلك.

تقسيم أصول تتعلق بالنسخ

الإمام الفراهي يرى اختلافاً شديداً بين العلماء في أمر النسخ. فمنهم من يوسعه، ومنهم من يضيقه، ومنهم من ينكره. وربما يؤلّم اختلفاً لهم إلى نزاع لفظي ولذلك يرى لا بد من بيان أصول بينة كالتالي:

الأصل الأول: لا يصار إلى إبطال حكم إذا أمكن التوفيق بين عام وخاص، أو مفصل أو محمل، أو زائد مزيد عليه. مثل نفي النكاح المشركت والزنانية، والثاني زاد على الأول.

الأصل الثاني: يصار من الحسن إلى الأحسن عند التفاوت ثابت عقلاً. مثل صوم عاشوراء وصوم رمضان.

الأصل الثالث: الشريعة تتزايد تماماً بالتدرج، من السهل إلى الصعب أرقى وأسهل. مثل التخفيف عدد المقاتلين وصلاة الليل، والأول من كان أقوى وأثبت والثاني حين خالطهم الضعفاء.

الأصل الرابع: دلالة في نفس الكلام على تعين الناسخ والمنسوخ. مثل فرضية الصوم، بالعدة من أيام آخر لأنه يريد اليسر، تكميل العدة. (الفراهي، ٢٠٠٠)

النسخ جله للشروع السابقة

في رأي الفراهي أن الله بين لنا في القراءان أنه مصدق لما نزل من قبل ومع ذلك مهيمن عليه. فأنزل الله تعالى فيه قسمين من النسخ (الفراهي، ٢٠٠٠) :

الأول : بتشريع ما هو خير من الحكم السابق، ليترقى به الإنسان.

الثاني : برد ما نسوه من أصل شريعتهم، وذلك لقوله تعالى: ﴿مَا يَوْدُ الدِّينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَلَا الْمُشْرِكِينَ أَنْ يُنَزَّلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَيْرٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو الْفَضْلِ الْعَظِيمِ﴾. ومن ثم بين وجوه الترتيب فيما نسخ أو بدل من الخفيف إلى الثقيل أو بالعكس، أو الحكمة فيه. وذلك عنده ما يودون ذلك حسداً منهم، ولكن الله ذو فضل فيزيد من النعم حيب مشيئته الحكمة ﴿مَا نَسَخْ مِنْ آيَةٍ أَوْ نُنسِيَهَا ثُمَّ بَخَيِّرُ مِنْهَا أَوْ مِثْلَهَا أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ﴾ أي من الأحكام السابقة، فإنهم نسوا كثيراً منها، كما قال تعالى: ﴿وَمَنِ الَّذِينَ قَاتَلُوا إِنَّا نَصَارَىٰ أَحَدْنَا مِنَّا قَاتَلَهُمْ فَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذَكَرُوا بِهِ فَأَغْرَيْنَا بَيْنَهُمُ الْعَدَاوَةَ وَالْبَغْضَاءَ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ وَسَوْفَ يُبَيِّنُهُمُ اللَّهُ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ﴾.

بيان نسخ البدع والأهواء

وفي هذا بين الفراهي ما لا يختص بالأعمال دون العقائد، وذلك نسخ ما أدخلوه في الشريعة من المحدثات والمفتريات التي كثر وقوعها في الأديان. وكان أكبر هم الأنبياء إبطالها ورد الشريعة إلى أصلها، فإن أكثر الأنبياء بني إسرائيل لم يأتوا بشرعية جديدة.

وهكذا يجب على علماء هذه الأمة أن يردوا الأمة إلى كتاب الله والسنة الراسدة. فكل نبي ينسخ ما خلطوه بالدين ويحكم ما جاء أولاً من الله تعالى (الفراهي ، ٢٠٠٠)، وذلك معنى قوله تعالى: ﴿ فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحَكِّمُ اللَّهُ آيَاتِهِ ﴾ . القرءان كثيراً ما نسخ من مفترياهم في العقائد والأعمال. أما العقائد فمثل:

- ١- أن الله ثالث ثلاثة.
- ٢- أن اليهود أبناء الله وأحباؤه.
- ٣- وأن الله استراح يوم السبت بعد ما مسنه اللعوب من خلق السماوات والأرض و ما بينهما.
- ٤- أن الله تعالى عهد إليهم أن لا يؤمنوا ببني حتى يأتيهم بقربان تأكله النار
- ٥- وأن في يد موسى عليه السلام كان برص.

وغير ذلك مما افتروا من الأهواء والأماني المضلة. وكذلك ما تفوهوا به من السوء في أنبيائهم (الفراهي ، ٢٠٠٠).

تعريف "الإيضاح لناسخ القرآن ومنسوخه" لمكي بن أبي طالب

أولاً: نبذة عن المؤلف:

هو أبو محمد مكي بن أبي طالب بن حوش بن محمد بن مختار القيسي المقري؛ أصله من القيروان، وانتقل إلى الأندلس وسكن قرطبة، وهو من أهل التبحر في علوم القرآن والعربية، كان حسن الفهم والخلق، جيد الدين والعقل، كثير التواليف في علم القرآن محسناً لذلك، مجوداً للقراءات السبع عالماً بمعانيها. ولد سنة ٩٥٥ هـ، وقيل غير ذلك. ونشأ بالقيروان وتترعرع، ورحل في طلب العلم إلى بلاد مختلفة، ثم ارتحل إلى الأندلس سنة ٣٩٣ هـ، وأقام فيها حتى وفاته. وكانت له في الأندلس مكانة علمية مرموقة.

وله تصانيف كثيرة نافعة منها: "الهداية إلى بلوغ النهاية"، و "منتخب الحجة" لأبي علي الفارسي، ثلاثون جزءاً، وكتاب "التبصرة في القراءات" في خمسة أجزاء، و "الموجز في القراءات" جزءان، وكتاب "المأثور عن مالك في أحكام القرآن وتفسيره" عشر أجزاء، وكتاب "الرعاية لتجويد القراءة" أربعة أجزاء، وكتاب "اختصار أحكام القرآن" أربعة أجزاء، وكتاب "الكشف عن وجوه القراءات وعللها" عشرون جزءاً، وكتاب "الإيضاح لناسخ

القرآن ومنسوخه" ثلاثة أجزاء، وكتاب "الإيجاز في ناسخ القرآن ومنسوخه" جزء، وكتاب "الزاھي في اللمع الدالة على مستعملات الإعراب" (ابن حلکان، ١٩٩٤).

ثانياً: تعريف "الإيضاح لناسخ القرآن ومنسوخه":

سمى المؤلف هذا الكتاب بـ"الإيضاح لناسخ القرآن ومنسوخه"، بما يدور حول المضمنون وهو "الإيضاح لناسخ القرآن ومنسوخه ومعرفة أصوله واختلاف الناس فيه".

ووجع فيه ما تفرق في كتب المتقدمين في علم الناسخ والمنسوخ ولم يحتو عليه كتاب واحد منهم، وما تباين في قوفهم، واحتللت فيه روايتهم، ثم تتبع كتب أهل الأصول في الفقه فجمع فيه منها مقدمات في الناسخ والمنسوخ، وقد أغفلها أو أكثرها بعض من ألف في الناسخ والمنسوخ، فهي أصول لا يستغني عنها، ووُجِدَ في كتب الناسخ والمنسوخ، أشياء دخل فيها وهم ونقلت على حالها، وأشياء لا يلزم ذكرها في الناسخ والمنسوخ وأشياء لا يجوز فيها النسخ، فذكر جميع ذلك من قوفهم وبين الصواب من ذلك حسب مقدرتة (مكي، ١٩٨٦).

واهتم المؤلف أولاً بتقديم أصول النسخ ووضعها في عشرة أبواب، تكلم في الباب الأول عن معنى النسخ في اللغة والاصطلاح، ولم يذهب في تعريف النسخ في الإصطلاح إلى ما ذهب إليه غيره، بل عرفه بناء على المعاني اللغوية التي اشتق منها، وقدم تعريفاً عاماً، وأنباء حديثه فرق بين النسخ والتخصيص والاستثناء.

أما الباب الثاني فقد خصصه "لبيان حقيقة النسخ وكيفيته ومن أين جاز ذلك"، وهو بذلك يُعد أول مؤلف ابتكر هذا الباب، فيقول "هذا الباب ما علمت أن أحدا سبقني إلى مثله وإلى مثل ما فيه من البيان"، فتحدثت فيه عن علم الله -عز وجل- وأن التعبير في المأمور به فقط فيقول "فننسخ -أي الله- بحكمه مأموراً بِمَا مأمور به آخر فأمره، كلامه صفة له لا تغير فيه ولا تبدل وإنما التغير في المأمور به.

والباب الثالث خصصه لبيان النص على جواز النسخ فاستدل بقول الله ﴿يَحْمُرُ اللَّهُ مَا يَشَاءُ وَيُبْيِتُ وَعِنْدَهُ أُمُّ الْكِتَابِ﴾، ويقوله ﴿فَيَنْسَخُ اللَّهُ مَا يُلْقِي الشَّيْطَانُ ثُمَّ يُحْكِمُ اللَّهُ آيَاتِهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾.

والباب الرابع فقد ذكر فيه ما يجوز أن ينسخ وما لا يجوز.

والباب الخامس في بيان أقسام المنسوخ فيقسمه إلى ستة أقسام، ويشرح كل قسم بشكل صريح، ويتمثل الآيات القرآن.

والباب السادس في بيان أقسام المنسوخ فيقسمه إلى ثلاثة أقسام، ويأتي لكل منها بشرح كاف بذلك، آي القرآن على سبيل المثال.

الباب السابع في بيان ما يجوز أن يكون ناسخاً ومنسوحاً، وجعل هذا الباب أيضاً في خمسة أقسام، وهذا حذوه في التشريح والتمثيل.

ثم يتبع ذلك باباً للفرق بين النسخ والتخصيص والاستثناء، وبيان النسخ والتخصيص وتمثيله، وأقسام ما يخصص القرآن، وبعد هذا الباب يذكر آيات من كتاب الله من هذه الأبواب وبينها ويشرحها.

ويأتي بالباب التاسع لبيان شروط الناسخ والمنسوخ، والباب العاشر للقول الجامع لمقدمات الناسخ والمنسوخ، ثم يشير إلى أنه سيدرك الآيات التي وقع فيها الناسخ والمنسوخ سورةً وسورةً مع ذكر الاختلاف، ويقدم قبل ذلك باباً يذكر فيه جملةً من المنسوخ ليسهل حفظها، وذكرها مجملةً، ثم يختتم الكتاب (مكي، ١٩٨٦).

ميزات الكتاب

- ١) جمعه ما تفرق في كتب المتقدمين ولم يحتو عليه كتاب واحد منها.
- ٢) ذكره ما تباين فيه قولهم واختلفت فيه روایتهم.
- ٣) تتبعه كتب الأصول وجمعه منها مقدمات في أصول الناسخ لا يستغنى عنها وقد أهملها أو أكثراها كل من ألف في الناسخ والمنسوخ.
- ٤) ذكر ملاحظات على من كتب في النسخ من تقدمه، ونبه على أشياء دخلها وهم، ونقلت على حالها في كتب الناسخ والمنسوخ، وأشياء لا تلزم في الناسخ والمنسوخ، وأشياء لا يجوز فيها النسخ.

أقوال العلماء في الكتاب

قال القاضي عياض في ترتيب المدارك عن هذا الكتاب: "وهو كتاب حسن".

وقال الدكتور أحمد حسن فرجات الذي قام بتحقيق هذا الكتاب: "يدو أنه "الكتاب" أفضل ما وصل إلينا مما كتب في الموضوع" (مكي، ١٩٨٦).

الموازنة بين "الناسخ والمنسوخ" وبين "الإيضاح لنسخ القرآن ومنسوخه"

تتجلى للناظر أمور عديدة من خلال الموازنة بين كتاب "الإيضاح لنسخ القرآن ومنسوخه" لمكي بن طالب وبين كتاب "الرسوخ في معرفة الناسخ والمنسوخ" للفراهي، وهي تتلخص فيما يأتي:

الأول: أن كتاب مكي جاء جاماً لمباحث النسخ في القرآن الكريم، وهو يجمع أيضاً ما تفرق في كتب المتقدمين بأحسن ترتيب وأجوده. أما كتاب الفراهي فليس من الجمع والتكميل والشمول في شيء، فهو في الحقيقة رسالة أراد فيها المصنف الإبداع ودقة البحث إلا أنه سبقته المبنية وحالت دون إكماله.

الثاني: قد حفل كتاب مكي بن أبي طالب بالاهتمام بنقل أقوال العلماء المتقدمين وآرائهم ووجهات أنظارهم المتباعدة، والحاكمة بين هذه الآراء في ضوء الأصول العلمية. أما كتاب الفراهي فليس فيه ذكر الآراء وتمحیص الأدلة إلا القليل النادر.

الثالث: يشتمل كتاب مكي ابن أبي طالب على كثير من المباحث العلمية المتعلقة بموضوع النسخ مما لا نجد ذكره في كتاب الفراهي مثل: شروط الناسخ والمنسوخ، ونسخ السنة بالسنة، ونسخ القرآن بالسنة المتواترة ونسخ القرآن بالإجماع، ونسخ الإجماع بإجماع بعده.

خلاصة البحث

فمن خلال إعداد هذا البحث قد توصلت بالنتائج التالية:

- ١- في رأي الفراهي فكما أن النسخ ابتلاء لإيمان الأمة واتباعهم الحق وإطاعتهم للرب تعالى فكذلك من مباشرة النبي صلى الله عليه وسلم بعض المنسوخ الذي لا يخالف منزلة النبي يستدل على سعة خلقه وبعد التعصب وأس التعود بما نشأ عليه.
- ٢- يرى كل نسخ عالمة لدرجة الترقى، فلو لم تكن نسخ لخلفي علينا منازل ارتقائهم وسرعة سيرهم من حال إلى حال.
- ٣- يرى أن النسخ هو الرفق، فلو أمرهم بكل ما يجب لكان خرقاً وخلافاً للحكمة وإساءة للتذكرة.
- ٤- وهو يرى كم من ناسخ لم يبطل حكمها، بل رخصة كانوا عليها، فإذا أبطل بعض ما كانوا مأذونين به سموه نسخاً، وهذا موافق باللغة.
- ٥- أما إبرازاما ذهب إليه مكي بن أبي طالب الفيكتوري كتابه، مما يفوق به كتاب مكي بن أبي طالب أنه يحيط بجميع الآيات القرآنية التي اشتبه على المفسرين وقوع النسخ فيها، فجاد قلمه ببحث علمي مقنع، مع وضوح الموقف ودقة المسلك والبراعة في الاستدلال. أما كتاب الفراهي فليس من هذه المباحث في شيء.

المصادر والمراجع

- ابن خلkan، البرمكي الإربلي (ت : ٦٨١ هـ)، وفيات الأعيان وأنباء أبناء الزمان، الحق: إحسان عباس، دار صادر، بيروت، ط: ١، ١٩٩٤
- الزركلي، خير الدين بن محمود بن علي بن فارس الدمشقي (ت: ١٣٩٦ هـ)، الأعلام، ط:- ، دار العلم الملايين، بيروت، ٢٠٠٠ م.
- الفراهي، عبد الحميد (ت: ١٣٤٩ هـ)، الرسوخ في معرفة اناسخ والمنسوخ، الدائرة الحميدية، سرائمير، أعظم كره، الهند، ٢٠٠٠ م، ط: ١
- الفراهي، عبد الحميد (ت: ١٣٤٩ هـ)، رسائل في علوم القراءان، الدائرة الحميدية، سرائمير، أعظم كره، الهند ، ط: ١، ٢٠٠٠ م

مكي بن أبي طالب، أبو محمد حموش القيسي، (ت: ٤٣٧هـ)، الإيضاح لناسخ ومنسوحه ومعرفة أصوله واختلاف الناس فيه، تحقيق: أحمد حسن فرحت، دار المنارة، جدّة، ط: ١٤٠٦هـ - ١٩٨٦.

